






LAPORAN TAHUNAN
2013



Kandungan

- | | |
|------------|---|
| 4 | Nota daripada Perdana Menteri |
| 6 | Nota daripada Timbalan Perdana Menteri |
| 8 | Tinjauan GTP Tahun 2013 |
| 17 | Kaedah PEMANDU dalam Menerajui Transformasi |
| 20 | Peristiwa Penting GTP |
| 24 | Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) |
| 26 | Menangani Kos Sara Hidup Rakyat |
| 34 | Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar |
| 52 | Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar |
| 70 | Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah |
| 94 | Memastikan Pendidikan Berkualiti |
| 112 | Mengurangkan Jenayah |
| 130 | Membanteras Rasuah |
| 146 | Kad Skor Menteri |
| 158 | Tatacara yang Dipersetujui oleh PricewaterhouseCoopers (PwC) |
| 159 | Prestasi dan Bajet Perbelanjaan NKRA 2013 |
| 171 | Glosari |
| 176 | Penghargaan |

NOTA DARIPADA PERDANA MENTERI



“ Kita patut berbangga dengan pencapaian yang telah diraih ini. Malaysia kini merupakan negara yang lebih berjaya dengan masyarakat yang lebih saksama. Contohnya, di bawah GTP 1.0, kita telah berjaya mengurangkan kategori miskin tegar sebanyak 99% atau lebih kurang 44,536 buah isi rumah. ”

Program Transformasi Kerajaan (GTP) diperkenalkan untuk mewujudkan kerajaan yang lebih cekap dan responsif terhadap keperluan rakyat. GTP terus kekal sebagai instrumen yang penting di bawah Program Transformasi Negara (NTP) bagi mencapai matlamat sosioekonomi kita selain memperoleh status negara maju menjelang tahun 2020.

Apabila kerajaan melaksanakan GTP empat tahun yang lepas, kita sedar tentang betapa berat beban kerja dan tahap komitmen yang diperlukan. Pencapaian GTP setakat ini merupakan bukti terhadap dedikasi dan kesungguhan semua pihak yang terlibat. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih atas kesungguhan dan dedikasi yang dicurahkan oleh mereka yang terlibat sehingga hari ini.


Tahun 2013 membawa bersama era yang baru bagi GTP. Fasa pengenalan awal (GTP 1.0) telah merintis laluan kepada perjalanan yang seterusnya (GTP 2.0). Kejayaan GTP 1.0 telah menjana harapan yang lebih tinggi bagi GTP 2.0, dan ini seterusnya mewujudkan cabaran yang lebih besar kepada semua pihak yang terbabit untuk meneruskan dan menambahbaik prestasi masing-masing. Berdasarkan rekod prestasi sepanjang 4 tahun yang lepas, saya yakin kita mampu untuk menggalas tugas tersebut.

Dalam meninjau kembali keputusan GTP bagi tahun 2013, saya yakin kita dapat meneruskan kejayaan yang terdahulu. Saya juga berasa gembira kerana kita bukan sahaja telah mencapai sasaran GTP malah dalam kes yang tertentu, pencapaian kita mendahului jadual yang dirancang. Sesungguhnya ini merupakan pencapaian yang menggembirakan buat negara. Hakikatnya GTP berkisar tentang penyampaian kerajaan yang lebih baik untuk Rakyat dan kita telah dapat melaksanakan tanggungjawab tersebut.

Kita patut berbangga dengan pencapaian yang telah diraih ini. Malaysia kini merupakan negara yang lebih berjaya dengan masyarakat yang lebih saksama. Contohnya, di bawah GTP 1.0, kita telah berjaya mengurangkan kategori miskin tegar sebanyak 99% atau lebih kurang 44,536 buah isi rumah. Cabaran bagi GTP 2.0 ialah meneruskan kejayaan ini dan terus membantu semua golongan berpendapatan rendah.

Meskipun telah banyak yang dicapai, penting bagi kita agar tidak berpuas hati dengan kejayaan masa silam. Kita perlu terus menempuh perjalanan transformasi yang penuh bermakna ini dengan keazaman dan disiplin yang tinggi.

Saya berharap agar rakyat Malaysia terus bersatu menyokong GTP kerana perubahan hanya berkesan apabila setiap individu turut mengambil bahagian. Transformasi nasional merupakan aspirasi yang bermakna bagi semua rakyat Malaysia. Dengan kerjasama yang kukuh, kita boleh merealisasikan cita-cita ini dan mewujudkan kerajaan yang lebih cekap.



DATO' SRI MOHD NAJIB RAZAK
Perdana Menteri Malaysia

NOTA DARIPADA TIMBALAN PERDANA MENTERI



“ Kenyataannya, impak GTP tidak sekali-kali boleh dipertikaikan, sama ada dalam bentuk penyampaian infrastruktur kepada ribuan rakyat Malaysia yang tinggal di kawasan luar bandar, mahupun memastikan ketersediaan rumah mampu milik bagi penduduk bandar yang berpendapatan rendah dan sederhana. GTP senantiasa memberikan sentuhan bermakna terhadap kehidupan rakyat. ”

Program Transformasi Kerajaan (GTP) memulakan fasa kedua perlaksanaan pada tahun 2013 dengan hasrat untuk memperdalam dan mempertingkatkan proses penyampaian awam yang bermula pada tahun 2010. Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Petugas Pelaksanaan (DTF), saya diberi tanggungjawab untuk mempengerusikan inisiatif-inisiatif di bawah GTP dan di sini, saya ingin menyatakan bahawa pencapaian GTP bagi tahun 2013 adalah jauh lebih cemerlang meskipun berhadapan dengan pelbagai cabaran.

Negara terus menyaksikan sumbangan dan perubahan yang dilakukan di dalam tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), sekali gus memberikan petanda baik terhadap usaha transformasi kita untuk menjadi negara yang maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Setiap NKRA mempunyai pencapaian yang tersendiri, tetapi selaku Menteri Pendidikan, pastinya saya mengambil berat terhadap pencapaian NKRA Memastikan Pendidikan Berkualiti.

Saya berbesar hati untuk melaporkan bahawa integrasi NKRA Memastikan Pendidikan Berkualiti ke dalam rangka kerja keseluruhan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (MEB) 2013-2025 telah berjalan dengan lancar. Integrasi ini diterajui oleh sebuah unit di bawah Kementerian Pendidikan, iaitu Unit Prestasi dan Penyampaian Pendidikan (PADU). Usaha dalam bidang ini memfokuskan penambahbaikan unsur-unsur asas dan tidak berapa lama lagi, impak inisiatif-inisiatif ini dapat dilihat dengan jelas melalui sistem pendidikan negara.

Usaha NKRA Pendidikan dalam mentransformasikan sistem pendidikan negara, terutamanya dalam bidang pembaharuan pakej kerja guru dan pengetua, telah diterjemahkan secara langsung dalam bentuk pencapaian pelajar yang lebih cemerlang. Pencapaian ini dicerminkan oleh penysutan dalam jumlah sekolah Band 6 dan Band 7 di dalam negara.

Usaha NKRA Memastikan Pendidikan Berkualiti menjalankan audit dan mengesahkan pencapaiannya sendiri merupakan penelitian yang akan memastikan negara berada di landasan yang betul dalam konteks mencapai matlamat GTP. Usaha tersebut juga merupakan contoh tindakan yang sememangnya kita jangkakan daripada GTP secara keseluruhan. Dalam konteks ini, NKRA-NKRA lain juga telah melaksanakan proses pelaporan masing-masing mengikut standard ketelusan yang terbaik.

Pada tahun 2013, kita menyaksikan NKRA Mengurangkan Jenayah mengambil tindakan yang pantas dan tegas sebagai respons terhadap siri keganasan menggunakan senjata api yang akhirnya dapat diselesaikan dengan cepat. NKRA Membanteras Rasuah pula terus mencatat

kemajuan yang kukuh dalam peperangan membanteras rasuah menerusi kerjasama dengan Jabatan Audit Negara untuk mentransformasikan proses pelaporan Ketua Audit Negara, dan akhirnya memperoleh kejayaan menerusi peningkatan dalam kedudukan indeks persepsi rasuah.

Kenyataannya, impak GTP tidak sekali-kali boleh dipertikaikan, sama ada dalam bentuk penyampaian infrastruktur kepada ribuan rakyat Malaysia yang tinggal di kawasan luar bandar, mahupun memastikan ketersediaan rumah mampu milik bagi penduduk bandar yang berpendapatan rendah dan sederhana. GTP senantiasa memberikan sentuhan bermakna terhadap kehidupan rakyat. Program bantuan Kerajaan, iaitu Bantuan Rakyat 1Malaysia, terus membantu rakyat Malaysia yang berpendapatan rendah untuk membayai kos sara hidup yang meningkat. Baucar buku teks dan program Kembali ke Sekolah untuk murid sekolah secara langsung melengkapkan inisiatif NKRA Memastikan Pendidikan Berkualiti dalam memastikan setiap kanak-kanak mempunyai tempat dalam sistem persekolahan.

Melalui usaha GTP, kita sedang menjadikan Malaysia negara yang lebih selamat, mewujudkan tenaga kerja yang lebih berpendidikan dan berkemahiran selain memastikan akses ke pusat bandar yang lebih cepat dan mudah. Ringkasnya, kita akan terus menjadikan Malaysia tempat yang lebih baik untuk segenap lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang bangsa, agama, dan juga ekonomi.

Saya ingin mengulang gesaan Perdana Menteri agar kita meneruskan perjalanan ini, dan tidak mengabaikan dorongan dan cita-cita untuk kita mulakan tahun kelima program ini. GTP terus mencari sokongan yang lebih padu daripada badan bukan kerajaan dan sektor korporat untuk menyokong dan membantu melaksanakan pelbagai programnya, dan saya menjemput semua pihak yang berkaitan untuk mengumumkan cadangan dan saranan yang dapat membantu merealisasikan matlamat GTP.

Akhir sekali, sebagai Pengerusi DTF, saya amat kagum dengan kerja keras dan kegigihan semua pihak yang terlibat dalam GTP, justeru saya ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas komitmen mereka yang berterusan. Hakikatnya, pelaksanaan GTP bukan selalunya mudah malah menuntut masa dan tenaga, dan sesungguhnya tidak banyak yang dapat saya lafazkan untuk meringankan beban itu, justeru saya ingin mengingatkan bahawa khidmat yang anda curahkan ini adalah tidak ternilai. Sesungguhnya negara ini amat berterima kasih di atas segala usaha anda yang sangat bermakna.

TAN SRI DATO' HJ. MUHYIDDIN BIN HJ. MOHD YASSIN
Timbalan Perdana Menteri Malaysia

TINJAUAN GTP TAHUN 2013

Program Transformasi Kerajaan (GTP) kini telah melengkapkan empat tahun pelaksanaannya sejak mula diperkenalkan, justeru saya sangat berbesar hati untuk melaporkan bahawa kita telah berjaya mencetuskan pelbagai perubahan dalam kehidupan rakyat Malaysia di serata pelosok negara.



YB SENATOR DATO' SRI IDRIS JALA

Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Ketua Pegawai Eksekutif, Unit Pengurusan Prestasi
dan Pelaksanaan (PEMANDU)

Sebahagian besar hasil kemajuan Malaysia dalam perjalanan mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi adalah dari penambahbaikan dan perubahan pelaksanaan dalam penyampaian perkhidmatan awam yang berkesan dan berimpak tinggi menerusi Program Transformasi Kerajaan (GTP).

Malaysia, yang bermatlamat untuk menjadi lebih inklusif dalam dasar awamnya, terus berhadapan dengan cabaran untuk menjadikan negara ini lebih saksama dan selamat bagi semua rakyat. Terdapat keperluan untuk memastikan kecekapan dalam penyampaian perkhidmatan awam untuk membolehkan negara, atau sekurang-kurangnya pusat bandar perniagaan menjadi lebih menarik dengan mengurangkan amalan rasuah dan menjadi lebih telus. Kesungguhan usaha untuk mempertingkatkan kehidupan golongan miskin dan terpinggir terus kekal sebagai keutamaan. Sesungguhnya Malaysia merupakan sebuah negara yang bercita-cita untuk menjadi lebih bersedia dalam menempuh masa hadapan dan cabaran yang dibawanya.

GTP telah mengubah dan memberikan kehidupan yang lebih bermakna kepada rakyat Malaysia di serata tempat sejak diperkenalkan pada tahun 2010. Semua ini dirakamkan dengan jelas dalam laporan tahunan sepanjang tiga tahun yang lepas dan juga dalam media pada peringkat global.

Mewujudkan Program Transformasi Negara

Program Transformasi Negara (NTP) menzahirkan dengan jelas cadangan daripada Model Ekonomi Baru, yang dibentuk oleh Majlis Penasihat Ekonomi Negara pada tahun 2010 seperti yang diarahkan oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak sebagai respons terhadap krisis kewangan global 2008/2009 dan kesannya terhadap ekonomi Malaysia.

Dalam membangunkan NTP, Kerajaan kekal fokus terhadap peruntukan sumber, dan merumuskan sasaran serta menjumlahkan hasil bagi pertumbuhan ekonomi berdasarkan aspek

“ Pada tahun 2013, kesemua tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara telah melaporkan kadar pencapaian purata sebanyak 104% bagi penunjuk prestasi utamanya yang merupakan tanda positif bahawa kita sedang berada di landasan yang tepat. ”

sosial seperti kualiti kehidupan, kos sara hidup, keselamatan rakyat dan penerapan nilai-nilai yang penting untuk mencapai matlamat kita.

GTP menyasarkan untuk mentransformasikan Kerajaan Malaysia sejajar dengan keperluan sebuah negara berpendapatan tinggi, dalam bentuk sebuah program pembaharuan yang mendahuluikan rakyat dengan memenuhi keperluan mereka. Keperluan ini terkandung dalam tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang terletak di bawah mandat GTP, iaitu Menangani Kos Sara Hidup Rakyat, Mengurangkan Jenayah, Membanteras Rasuah, Memastikan Pendidikan Berkualiti, Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Ibu Rumah Berpendapatan Rendah, Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar dan Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar.

Sebagai subset NTP yang seterusnya, Program Transformasi Ekonomi (ETP) menginstitusikan perubahan sosioekonomi dengan memfokuskan pembangunan 12 buah industri, atau Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), dan melonjakkan daya saing global Malaysia menerusi pelaksanaan enam Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI).

GTP dan ETP bergerak dalam sebuah sinergi untuk mengubah Malaysia menjadi negara dengan status berpendapatan tinggi sebagaimana yang ditetapkan oleh NTP. Dengan cara itu, kita juga dapat memastikan bahawa pertumbuhan dicapai dalam cara yang seimbang, inklusif dan mampan meskipun selepas kita mencapai sasaran 2020.

Sejak tiga tahun pelaksanaannya, NTP jelas menunjukkan kemajuan yang ketara dalam bidang-bidangnya, sebagaimana yang dibuktikan dalam sebahagian daripada aktiviti di bawah GTP yang telah diperincikan dalam laporan ini.

GTP Kekal Berada di Landasan Tepat pada 2013

Rakyat Malaysia, baik di pusat bandar maupun di luar bandar, kini menikmati akses yang lebih baik kepada infrastruktur, pendidikan dan penjagaan kesihatan, yang seterusnya telah mempertingkatkan taraf kehidupan mereka. Pada tahun 2013, GTP telah membina 719km jalan raya untuk rakyat luar bandar, sekali gus

memberikan manfaat kepada 2.2 juta isi rumah luar bandar dan mewujudkan 70 Klinik 1Malaysia baharu untuk mempertingkatkan akses bandar dan luar bandar kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan yang mampu dinikmati.

GTP juga kini mula membentuk masa hadapan Malaysia dengan membantu dalam mewujudkan platform pendidikan yang lebih baik daripada apa yang kita miliki sebelum ini. Pada tahun 2013, NKRA Pendidikan telah meningkatkan enrolmen prasekolah sebanyak 81.4% berbanding dengan tahun sebelumnya. Pencapaian ini tanpa ragu lagi meletakkan ribuan pelajar di landasan yang tepat bagi pembelajaran sepanjang hayat.

Pembangunan yang inklusif sentiasa menjadi ciri utama GTP dan hasilnya, kami telah pun memperluas skop penyampaian pada tahun 2013 untuk memberikan fokus yang lebih baik terhadap kumpulan yang mudah terjejas dan masyarakat orang Asli. Hakikat bahawa tujuh NKRA telah melaporkan kadar pencapaian purata sebanyak 104% bagi penunjuk prestasi utama (KPI) merupakan tanda yang positif bahawa kita sedang berada di landasan yang tepat.

Sebagai bahagian yang penting daripada Program Transformasi Negara (NTP), cabaran untuk mewujudkan asas-asas bagi menghapuskan rasuah dalam perkhidmatan awam dan entiti perniagaan diakui sebagai langkah yang kecil dalam mencapai matlamat tersebut. Walaupun perjalanan yang sukar dan berliku dilalui dari segi penyabitan kesalahan tetapi komitmen Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Kerajaan hendaklah disokong. Setiap kejayaan yang kita raih dalam membawa pesalah ke muka pengadilan perlulah diberikan penghargaan, walau bagaimana kecil atau besar tahap rasuah tersebut.

Usaha ini telah diiktiraf oleh Transparency International. Ketulusan dalam penyiasatan rasuah di kalangan perkhidmatan awam juga telah banyak dipertingkatkan oleh proses pelaporan laporan tahunan Ketua Audit Negara untuk mempercepat penyiasatan. Inisiatif ini ditunjukkan oleh prestasi Malaysia yang berjaya memperbaik tiga anak tangga daripada kedudukan ke-56 kepada kedudukan ke-53 dalam Indeks Persepsi Rasuah Transparency International sejak tahun 2009. Rasuah terus kekal sebagai keutamaan dan suatu isu yang perlu kita banteras bersama-sama.

Satu lagi cabaran yang kami hadapi ialah mengatasi kebimbangan orang ramai terhadap kejadian jenayah. Ketakutan dan persepsi yang buruk sememangnya dapat difahami kerana semua rakyat Malaysia berhak untuk hidup dalam sebuah negara yang tidak sepututnya

mempunyai ancaman terhadap keselamatan mereka – sama ada fizikal atau sebaliknya. Ini tentunya bukan merupakan tugas yang mudah kerana bentuk jenayah merupakan entiti dinamik yang memberikan tindak balas terhadap aktiviti kepolisan sebagaimana aktiviti kepolisan bertindak balas terhadap bentuk jenayah. Penentu sosial seperti kemiskinan, ketidaksamaan dan penentu ekonomi juga merupakan suatu cabaran yang bakal dihadapi oleh pakar jenayah. Ini lazimnya merupakan kos sosial bagi sebuah masyarakat yang kehidupannya semakin bertambah mewah.

Kes yang diperbincangkan adalah mengenai kejadian jenayah kekerasan yang tinggi pada tahun 2013. Persediaan asas yang kukuh dan usaha berfokus oleh polis membawa kepada pelancaran Ops Cantas Khas yang disasarkan khususnya terhadap kumpulan jenayah terancang, akhirnya telah berjaya mengurangkan jenayah kekerasan sebanyak 30% dalam 52 hari pertama operasi ini berjalan.

Memerangi jenayah memerlukan pengawasan dan inilah sebabnya NKRA Mengurangkan Jenayah diwujudkan. Ia juga bertujuan untuk memastikan inisiatif yang progresif dan berfokus untuk menangani isu-isu yang berkaitan dengan keselamatan orang ramai. Sebahagian besar inisiatif ini melibatkan usaha dalam meningkatkan kehadiran pegawai keselamatan di kawasan awam, contohnya menerusi program *Omnipresence* dan Unit Rondaan Bermotosikal (URB).

GTP bukan sahaja diterajui oleh tonggak kemampunan bahkan juga keterangkuman yang menyeluruh. Dalamerti kata lain, GTP bukan sahaja perlu mencetuskan perubahan malah juga memastikan perubahan itu berkekalan. Menerusi inisiatif NKRA Isi Rumah Berpendapatan Rendah, GTP telah memainkan peranan yang penting dalam membantu mengeluarkan 188,781 individu daripada belenggu kemiskinan. Pada masa yang sama, penyertaan yang lebih giat oleh sektor swasta dan badan bukan Kerajaan (NGO) dalam inisiatif GTP juga merupakan perkembangan yang positif kerana ia menyokong dan membantu mengimbangi kos pelaksanaan inisiatif oleh Kerajaan.

Sementara itu, NKRA Pengangkutan Awam Bandar juga telah membuktikan penambahan yang berterusan dengan keupayaannya meningkatkan nisbah mod pengangkutan awam kepada 21% pada tahun 2013 daripada 17% pada tahun 2009. Keberhasilan yang dicapai oleh semua NKRA ini membuktikan bahawa GTP merupakan program berpanjangan dan berterusan yang aktif dalam memantau prestasi sepanjang pelaksanaan program tersebut.

Mengekalkan Momentum Transformasi

Sokongan orang ramai terhadap GTP merupakan komponen penting bagi proses keseluruhan kerana pandangan dan maklum balas orang ramai merupakan bahagian yang penting dalam mengukur kejayaan GTP, dan memastikan kebimbangan orang ramai dapat diketahui sepanjang proses tersebut. Dua buah tinjauan yang dikendalikan secara bebas oleh Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Frost & Sullivan pada tahun 2012 meletakkan kedudukan sokongan orang ramai terhadap GTP pada 7.5 dan 7.4 daripada 10, masing-masingnya. Meskipun angka ini menunjukkan sokongan yang sederhana terhadap GTP, kami percaya bahawa banyak lagi yang boleh dilakukan untuk terus memperkuuh sokongan orang ramai terhadap inisiatif GTP.


Persepsi Rakyat Terhadap GTP

7.5/10

Institut Integriti Malaysia

7.4/10

Frost & Sullivan



Oleh yang demikian, GTP mengambil beberapa langkah untuk mempertingkatkan sokongan orang ramai dalam GTP 2.0, bermula dengan memperlihatkan pencapaian yang lebih membanggakan dan penyampaian yang ketara daripada inisiatif NKRA. Tiga tahun yang akan datang juga bakal menyaksikan GTP mempertingkatkan pencapaiannya dengan memperkenalkan penambahbaikan dan melaksanakan pembelajaran yang diperoleh daripada cabaran utama dalam GTP 1.0.

GTP 2.0 telah mengenal pasti dan akan menjalankan usaha menerusi kaedah peningkatan penyampaian inisiatif program bagi merapatkan jurang dan menjangkau kumpulan penerima yang lebih meluas. Sebagai contoh, NKRA Pendidikan telah memperluas skop inisiatif pendidikan dan penjagaan awal kanak-kanak dalam GTP 2.0 untuk menjangkau pelajar Pendidikan Khas.

Pada masa yang sama, NKRA Pembangunan Luar Bandar juga memberikan tumpuan inisiatifnya kepada semua lapisan masyarakat menerusi pelaksanaan Program Kampung Abad ke-21 dalam GTP 2.0. Pengenalan program tersebut menambah satu lagi dimensi NKRA sekali gus memperluas skop penyampaiannya kepada penerima yang baharu.

NKRA Pengangkutan Awam Bandar juga memperhalusi inisiatifnya untuk mencetuskan impak yang lebih besar terhadap kumpulan sasarannya seiring dengan usahanya yang berterusan dalam menyediakan perkhidmatan sokongan seperti kesalinghubungan pengantara (*feeder connectivity*) kepada projek MRT yang dibangunkan di bawah program Greater KL.

Ini merupakan perjalanan transformasi yang akan memberi manfaat yang nyata pada masa hadapan. Perjalanan ini mengharungi pelbagai cabaran tetapi menerusinya, penyelesaian yang kukuh dan utuh lazimnya berjaya dibina.

GTP 2.0: Memperhebat Fokus

GTP 2.0 telah beralih ke fasa kedua pembangunan yang memberikan keutamaan terhadap dua matlamat penting: memperhebat transformasi dan memastikan perubahan yang berkekalan. Sekiranya GTP 1.0 direka khusus untuk mentransformasikan sistem dengan memperkenalkan langkah baharu untuk meningkatkan perkhidmatan awam, GTP 2.0 (2013 merupakan tahun yang pertama) menyasarkan untuk menerapkan aktiviti ‘urusan luar biasa’ ini ke dalam amalan ‘urusan biasa’. GTP yang disokong oleh metodologi PEMANDU, iaitu “Keberhasilan Besar yang Pantas” sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan penyampaian dengan mencetuskan kaedah baharu untuk menyelesaikan masalah negara. Dengan adanya semua ini, fokus kini beralih untuk menjadikan semua perubahan tersebut berkekalan.

Standard ini telah diletakkan lebih tinggi bagi inisiatif sedia ada dalam GTP 2.0 yang mencabar pasukan NKRA untuk terus mempertingkatkan pencapaian daripada GTP 2.0. Hanya dengan menetapkan sasaran yang mustahil, kita akan mencipta kejayaan dan mengekalkan transformasi.

GTP 2.0 menekankan usaha mempertingkatkan inisiatif yang dapat dilihat daripada inisiatif NKRA Pendidikan dalam memperluas program Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS) untuk mencakupi saringan bagi literasi bahasa Inggeris, yang bakal menjadi langkah penting dalam program ini pada masa hadapan. NKRA Antirasuah telah memperkenalkan perubahan terhadap kaedah asas rasuah dikesan dan dide dahkan kepada orang ramai menerusi transformasi proses Pelaporan Ketua Audit Negara. Hal yang demikian dan inisiatif antirasuah yang lain untuk meminda perundangan akan terus diperku ku dalam sistem perundangan Malaysia, seterusnya mewujudkan perubahan yang berkekalan dalam kaedah negara ini menentang rasuah.

GTP tanpa ragu lagi telah mengubah budaya perkhidmatan awam menjadi suatu budaya yang mengutamakan prestasi dan contoh yang jelas dapat diperoleh menerusi prestasi tahunan bidang-bidang keberhasilan utama. Penekanan oleh NKRA Isi Rumah Berpendapatan Rendah bahawa peserta program latihan 1AZAM menunjukkan peningkatan yang nyata dalam pendapatan selepas mengikuti latihan merupakan satulagi gambaran bagaimana GTP menangani isu penyampaian prestasi, iaitu dengan melakukan dan melaksanakan, dan bukan hanya sekadar mengeluarkan arahan daripada pihak atasan.

Penyampaian!

Kisah GTP pada asasnya adalah mengenai penyampaian hasil berimpak tinggi kepada penerima sasaran. Contohnya, dalam 4 tahun yang terakhir, GTP menerusi inisiatif NKRA Pembangunan Luar Bandar telah membina 4,068km jalan raya luar bandar yang memberikan impak yang positif kepada 1 juta penduduk di kawasan kediaman yang terpencil ini. Kesalinghubungan ini adalah jelas kepada setiap penduduk luar bandar tersebut dari segi pengangkutan, perniagaan dan kebolehan mengakses kepada semua item yang dipandang remeh oleh masyarakat yang hidup di bandar. Ini hanyalah satu daripada pelbagai contoh kejayaan yang dicapai oleh GTP sepanjang 4 tahun yang lepas.

Idea dan premis mutlak GTP adalah untuk memastikan bahawa ketika negara bergerak maju dan mengejar matlamat Wawasan 2020, iaitu untuk mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi, negara tidak mengabaikan 30% penduduk yang menghuni kawasan pedalaman di luar bandar.

Beberapa sorotan pencapaian bagi tujuh NKRA dinyatakan di muka surat yang berikutnya.



MENANGANI KOS SARA HIDUP RAKYAT

NKRA COL merupakan sebahagian daripada usaha GTP untuk membina platform yang lebih saksama bagi semua rakyat Malaysia dengan mengurangkan kos sara hidup melalui penyampaian bantuan bersasaran serta mewujudkan harga barang dan perkhidmatan yang lebih berpatutan.

Pada tahun 2013, Kerajaan terus berusaha untuk mengurangkan kesan kenaikan kos sara hidup menerusi pemberian wang tunai Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan pemberian baucar bantuan berfokuskan pelajar. Kami berbesar hati untuk melaporkan bahawa Kerajaan telah memberikan BR1M kepada semua rakyat Malaysia yang mempunyai pendapatan RM3,000 dan ke bawah sebulan bagi tahun 2013, yang telah memberikan manfaat kepada 4.8 juta isi rumah.

Perkembangan yang berterusan terhadap rangkaian Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) dan Klinik 1Malaysia juga telah membantu meringankan kos sara hidup yang meningkat.

MEMPERTINGKATKAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Membina masyarakat luar bandar yang lebih kukuh merupakan elemen penting dalam pembinaan sebuah negara Malaysia yang bersatu. Perbezaan antara kualiti kehidupan dalam masyarakat ini dengan masyarakat di pusat bandar bukanlah faktor penghalang. Setakat ini, sejumlah 4.5 juta rakyat telah meraih manfaat daripada kemudahan asas seperti air bersih, jalan berturap dan bekalan elektrik 24 jam pada akhir GTP 1.0.

Dalam GTP 2.0, NKRA Pembangunan Luar bandar telah memperluas skop penyampainnya kepada khalayak baru dengan pengenalan program Kampung Abad ke-21. Program ini menyasarkan untuk menarik dan menggalakkan penyertaan belia yang mempunyai idea yang berasas dan semangat, yang merupakan elemen penting dalam mentransformasikan kawasan luar bandar. Pada tahun lalu, kita menyaksikan pemenang Pertandingan Perniagaan Belia, Selverstone Junit, memberikan sumbangan kepada ekopelancongan di wilayah Kota Marudu dengan pembinaan sebuah pusat peranginan sebagai lokasi pelancongan yang boleh membantu mempertingkatkan tahap aktiviti komersial di kawasan tersebut.

Dengan peluasan melewati infrastruktur luar bandar, dan beralih kepada usaha memanfaatkan aktiviti pertanian ETP dan juga Program Desa Lestari, GTP 2.0 berusaha untuk memperhebat momentum pembangunan luar bandar yang mampan.

MEMPERTINGKATKAN PENGANGKUTAN AWAM BANDAR

NKRA Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar (NKRA UPT) memainkan peranan yang penting dalam memastikan kesalinghubungan dalam bandar dan kawasan perbandaran sekitarnya boleh diakses, cekap dan selesa untuk semua. Ini seterusnya akan membantu meningkatkan jumlah pengguna yang memilih pengangkutan awam sebagai alternatif yang lebih baik mengatasi masalah pengangkutan yang lain kerana ia membolehkan bilangan penumpang yang lebih ramai untuk pergi ke bandar.

Salah satu daripada inisiatif GTP 2.0 ialah perkhidmatan bas bandar percuma GO-KL, yang diperkenalkan pada tahun 2012, yang telah memberikan manfaat kepada 18,000 rakyat setiap hari untuk pergi ke pusat bandar (CBD) dan pada masa yang sama, membantu mengurangkan kesesakan jalan raya ketika waktu puncak. Set tren enam gerabak baharu bagi perkhidmatan KTM Komuter juga telah membantu mempertingkatkan kekerapan perjalanan daripada 30-45 minit kepada 15 minit.

Penambahbaikan lain di bawah NKRA UPT termasuk integrasi yang lebih baik antara mod pengangkutan membolehkan penumpang menuju ke destinasi yang dikehendaki oleh mereka, dengan menggunakan lebih daripada satu mod pengangkutan awam dengan lancar. Penambahbaikan terhadap sistem pengangkutan awam sedia ada di bawah NKRA UPT akan melengkapkan projek Mass Rapid Transit (MRT) yang dilaksanakan oleh ETP. MRT bakal menyediakan perkhidmatan yang bermanfaat untuk dinikmati oleh rakyat dan juga merupakan pemangkin utama bagi Malaysia dalam mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi.



MEMPERTINGKATKAN TARAF KEHIDUPAN ISI RUMAH BERPENDAPATAN RENDAH

Untuk mengekalkan konsep keterangkuman, NKRA Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah (NKRA LIH) direka khusus untuk membantu rakyat Malaysia yang kurang bernasib baik untuk memperoleh kesaksamaan seperti rakan warga Malaysia yang lain menerusi pengupayaan ekonomi. NKRA LIH menyediakan bantuan dalam bentuk latihan dan pemangkin ekonomi untuk memastikan penerima manfaat boleh menyara diri sendiri selepas menerima bantuan.

Walau bagaimanapun, masih terdapat kelompok miskin tegar di Malaysia, terutamanya masyarakat orang Asli dan masyarakat yang berada dalam kumpulan sosioekonomi yang tertentu. NKRA LIH memberikan fokus khas terhadap kumpulan ini untuk membantu mereka dengan beberapa keperluan asas termasuk pemakanan, perumahan dan penjagaan kesihatan.

Pada asasnya, NKRA LIH telah menyaksikan penyertaan 18,249 peserta dalam program 1AZAM yang telah meningkatkan pendapatan mereka sebanyak RM300 dalam mana-mana tiga bulan pada tahun 2013, mewakili 107% pencapaian sasarnya. Ini merupakan bukti terhadap fokus NKRA dalam membantu golongan berpendapatan rendah untuk menjadi lebih berdikari dan mampan.



MEMASTIKAN PENDIDIKAN BERKUALITI

Malaysia telah mengambil langkah berani dalam cita-cita pendidikan dengan mewujudkan program 12 tahun, dengan pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (MEB) pada tahun lepas. MEB direka khusus untuk menempatkan sistem pendidikan Malaysia pada tahap yang sama dengan yang terbaik di dunia pada tahun 2025, dengan inisiatif yang mempunyai kesan yang signifikan terhadap pelajar dan guru di Malaysia.

MEB berhasrat untuk menangani kebimbangan rakyat terhadap kekurangan yang terdapat dalam sistem pendidikan semasa untuk menyediakan pelajar kita supaya dapat bersaing dalam kerjaya mereka pada masa hadapan. Inisiatif NKRA Pendidikan, yang merupakan subset kepada MEB, menyasarkan untuk mempertingkatkan pengalaman dan kualiti pembelajaran pelajar dengan berusaha ke arah transformasi yang menyeluruh terhadap institusi pendidikan semasa bagi melibatkan sekolah, guru dan perniagaan.

Kita sedia maklum bahawa pendidikan perlu bermula pada usia seawal yang mungkin. Justeru, fokus terhadap penyediaan prasekolah yang berkualiti di Malaysia, menerusi pewujudan instrumen penilaian Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan (SKPK) pada Mei 2013 membuktikan bahawa GTP berada pada landasan yang betul.

Peningkatan sebanyak 4.6% jumlah sekolah Band 1 dan Band 2 menunjukkan bahawa pelajar kita akan membesar dalam persekitaran pembelajaran yang diurus dengan baik serta mempunyai kelengkapan yang dipertingkatkan untuk menawarkan kaedah pengajaran yang lebih baik. NKRA Pendidikan juga telah memperkenalkan alatan penilaian baharu bagi guru untuk memastikan guru sentiasa memperoleh pengetahuan dan amalan terbaru dalam bidang dan pada masa yang sama, memberi mereka motivasi untuk kemajuan kerjaya berdasarkan kecekapan profesional masing-masing.



MENGURANGKAN JENAYAH

Tugas NKRA Mengurangkan Jenayah merangkumi dua aspek: untuk mengurangkan kejadian jenayah dan pada masa yang sama, menggalakkan orang ramai mengambil tanggungjawab yang lebih besar dalam kesedaran keselamatan dan keselamatan awam.

Tujuan usaha meningkatkan penglibatan orang awam ini dilakukan untuk meningkatkan kesedaran terhadap keselamatan persekitaran dan komuniti mereka. Oleh itu, Kementerian Dalam Negeri dan PDRM telah melancarkan kempen "Bersama Membanteras Jenayah" (*United Against Crime*, UAC) pada Mac 2013, yang disokong oleh persatuan penduduk, Badan Bukan Kerajaan dan perniagaan.

Kempen ini berjaya menarik lebih 1.1 juta rakyat Malaysia melakukan ikrar sokongan mereka dalam masa kurang daripada 3 bulan sejak pelancarannya. Premis kempen ini adalah untuk mengeratkan hubungan antara polis berdekatan dengan komuniti di samping memastikan bahawa orang ramai sedar untuk mengambil langkah-langkah keselamatan tambahan bagi memelihara kesejahteraan mereka dan menjalin komunikasi 2 hala yang terbuka dengan polis tempatan. Ini akan membolehkan pengawasan yang lebih ketat oleh pihak polis dan masa respons yang lebih cepat bagi kawasan kejiranan yang kejadian jenayahnya dianggap tinggi.



MEMBANTERAS RASUAH

Rasuah menghalang kejayaan masa hadapan mana-mana negara. Rasuah mengurangkan produktiviti, menjejaskan reputasi dan menghakis kepercayaan orang ramai terhadap institusi awam. Tahap rasuah yang tinggi dan berleluasa menghalang penyertaan orang ramai dalam wawasan negara dan menyekat pembangunan sebuah sistem meritokrasi, yang diperlukan Malaysia untuk mengambil bahagian pada peringkat global.

Memandangkan rasuah kekal sebagai sebuah isu struktur, NKRA Antirasuah telah mempercepat proses memerangi rasuah dengan menyasarkan isu-isu utama perkhidmatan awam. Inisiatif seperti memperkemas Laporan Audit Prestasi Ketua Audit Negara dan keperluan bagi Pegawai Khas Menteri untuk mengisyiharkan aset mereka yang dilaksanakan pada tahun 2013 merupakan contoh usaha yang telah diambil untuk terus menyekat rasuah dalam Kerajaan dan mengembalikan kepercayaan orang ramai.

Sebagai respons terhadap inisiatif ini, Transparency International telah menaikkan skor Indeks Persepsi Rasuah Malaysia (CPI) kepada 50, iaitu skor tertinggi negara sejak tahun 2009.



Meneruskan Perjalanan Menuju Tahun 2020

Empat tahun yang lalu, Malaysia berada di sebuah persimpangan: ia boleh memilih untuk meneruskan perjalanan sama yang telah diambilnya dengan secebis harapan bahawa keadaan akan bertambah baik, atau ia boleh mengambil keputusan yang radikal dan dipertimbangkan secara sedar untuk melakukan sebuah perubahan. GTP merupakan hasil keputusan yang kedua, yang menjadi sebab utama Malaysia terus berada di landasan pembangunan berbanding dengan apa yang mungkin sebaliknya berlaku.

Menerusi hasil ini, kita perlu mengekalkan fokus terhadap perjalanan transformasi dan sedar bahawa masih banyak yang perlu dilakukan untuk memastikan kita tiba di destinasi terakhir. Meskipun rakyat berpeluang untuk melihat sendiri beberapa perubahan yang dilaksanakan dalam GTP 1.0, masih banyak lagi keberhasilan yang konkret boleh disaksikan pada tahun yang akan datang memandangkan inisiatif terdahulu mempunyai tempoh yang lebih panjang untuk membawa hasil.



KAEDAH PEMANDU DALAM MENERAJUI TRANSFORMASI

PEMANDU berperanan sebagai pemangkin dalam program transformasi negara yang memacu Malaysia mencapai cita-citanya untuk menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. PEMANDU bekerjasama dengan Kerajaan Malaysia untuk melaksanakan perubahan secara menyeluruh bagi mempertingkatkan tahap prestasi dan standard penyampaian perkhidmatan awam, selain aspek pembangunan negara yang lain.

Dalam kerjasamanya dengan Kerajaan, PEMANDU telah mengenal pasti matlamat hala tuju sebenar ('True North') untuk setiap tujuh NKRA, yang secara kolektif mewakili sasaran utama GTP. Matlamat 'True North' ini kemudiannya dibahagikan kepada inisiatif berasingan bagi setiap NKRA, yang kesemuanya mempunyai penunjuk prestasi utama (KPI) dan garis masa penyampaian masing-masing. KPI NKRA ini seterusnya dinilai oleh PricewaterhouseCoopers (PwC) yang telah dilantik sebagai juruaudit luar untuk menilai pencapaian GTP.

Bersama-sama dengan ETP, GTP membentuk tunjang Program Transformasi Negara (*National Transformation Programme*, NTP), yang direka khas untuk mewujudkan model tadbir urus yang lebih mantap dan berkesan.

NTP menyasarkan untuk memperkemas proses dan menyuntik dorongan baharu kepada budaya kerja sedia ada serta menggiatkan kembali bidang fokus utama melalui pengenalan langkah-langkah yang inovatif. Proses ini dijalankan menurut Proses 8 Langkah Transformasi yang dibentuk oleh PEMANDU, iaitu satu senarai sarana menyeluruh yang direka bentuk untuk mengenal pasti, merancang, melaksanakan dan menyelesaikan masalah pelaksanaan.

Proses 8 Langkah Transformasi ini digunakan untuk mengenal pasti inisiatif GTP, dan digunakan bersama-sama dengan KPI Kementerian, Mesyuarat Jawatankuasa Petugas Pelaksanaan (DTF) dan Inkuisisi Putrajaya bagi memastikan akauntabiliti dan memperbaiki proses tadbir urus.

PROSES 8 LANGKAH TRANSFORMASI



1 HALA TUJU STRATEGIK

GTP ialah program perubahan yang melibatkan penyertaan pengurusan tertinggi dalam Kerajaan. Pada peringkat pertama proses ini, beberapa Mesyuarat Kabinet diadakan untuk menetapkan hala tuju strategik GTP dan matlamat inisiatifnya. Penerimaan daripada pucuk pimpinan pada peringkat ini adalah sangat penting untuk memastikan program-program dapat dilaksanakan dengan cepat dan masalah dapat dikenal pasti pada peringkat awal.

2 MAKMAL

Sesi Makmal merupakan komponen penting dalam proses 8 Langkah Transformasi yang digunakan oleh PEMANDU dan ia melambangkan rukun asas falsafahnya secara umum. Sesi Makmal melibatkan semua pihak berkepentingan dari sektor awam dan juga swasta untuk membantu mengenal pasti isu penting dan mencetus idea mengenai penyelesaian untuk penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap dan penambahbaikan sektor. Pelbagai idea yang diperolehi dalam sesi awal makmal selama 8 minggu dari segi pengenapstian faktor seperti rintangan yang menghalang penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap, pelaburan dan pembangunan utama yang diperlukan oleh NKRA, terutamanya dalam membantu pihak berkepentingan memikul tanggungjawab yang lebih besar terhadap isu yang perlu ditangani. Sesi makmal masih diadakan secara berkala kerana ia terbukti berkesan dalam mencetus idea dan membangunkan penyelesaian.

3 HARI TERBUKA

Hari Terbuka kerap diadakan untuk berkongsi hasil daripada makmal dan idea bersama rakyat sekali gus mendapatkan maklum balas daripada mereka. GTP ialah program yang berorientasikan rakyat, justeru ia perlu menangani kebimbangan rakyat yang mungkin berubah dari semasa ke semasa. Selain itu, GTP mengharapkan penyertaan rakyat untuk mencapai potensi sepenuhnya, dan Hari Terbuka merupakan forum yang membolehkan agensi pelaksana berinteraksi dengan lebih baik bersama orang ramai.

4 PELAN HALA TUJU PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN (GTP)

Pelaksanaan GTP adalah berpandukan Pelan Hala Tuju, yang diterbitkan buat pertama kali pada tahun 2010 dan edisi keduanya pada tahun 2012. Pelan Hala Tuju ini mengandungi butiran terperinci mengenai NKRA dan inisiatifnya, termasuk justifikasi, pelan tindakan dan pelaksanaan khusus. Pelan Hala Tuju ini dirangka sebagai panduan keseluruhan untuk pelaksanaan inisiatif dalam fasa pembangunan tertentu, iaitu GTP 1.0, GTP 2.0 dan GTP 3.0.

5 SASARAN PENUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

Pasukan Bidang Keberhasilan Utama Kementerian daripada PEMANDU dan pegawai-pegawai Kementerian menetapkan KPI pada setiap tahun. KPI ini menyediakan sasaran penyampaian untuk setiap inisiatif di bawah GTP, dan membantu memantau kemajuan secara telus dan bertanggungjawab. KPI dan pencapaianya dipantau setiap tahun oleh PricewaterhouseCoopers bagi memastikan data direkodkan dengan tepat oleh pasukan penyampaian.

6 PELAKSANAAN

GTP ialah pelan pelaksanaan dengan perincian teliti yang memerlukan kerjasama dan penyelaras sejumlah besar pihak berkepentingan. Dari rakan korporat kepada NGO serta daripada Menteri Kabinet kepada penjawat awam barisan hadapan, kesukaran dalam pelaksanaan GTP mungkin berlaku justeru, di sinilah PEMANDU perlu memainkan peranannya. Selain menyelaraskan pelaksanaan inisiatif, ia juga memantau kemajuan setiap inisiatif dan mengambil tindakan pemulihara apabila perlu.

7 TATACARA YANG DIPERSETUJUI (AuP)

AuP ialah mekanisme pengesahan luaran yang menilai data dan pengumpulan kaedah GTP untuk ketepatan. PricewaterhouseCoopers dilantik untuk mengesahkan ketepatan data dalam keputusan GTP menerusi AuP dan laporan, serta memberikan cadangan mengenai cara penambahbaikan pengumpulan data. Butiran lanjut mengenai AuP boleh didapati dalam bab Laporan Tahunan ini yang berikutnya.

8 LAPORAN TAHUNAN

Aktiviti GTP sepanjang tahun dilaporkan dalam Laporan Tahunannya pada setiap tahun. Ia merupakan mekanisme telus untuk memperlihatkan semua pencapaian dan cabaran yang dihadapi sepanjang tahun. Laporan Tahunan ini tersedia kepada semua pihak berkepentingan, dan berfungsi sebagai satu lagi instrumen akauntabiliti untuk Kerajaan.

Jawatankuasa Petugas Pelaksanaan

Jawatankuasa Petugas Pelaksanaan (DTF) yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri direka khusus untuk memastikan pelaksanaan inisiatif GTP yang cekap dengan menyediakan platform untuk menangani halangan yang merintangi proses pelaksanaan. DTF berfungsi sebagai platform untuk memberikan maklumat yang terkini kepada pegawai kanan tentang kemajuan pelaksanaan, mendefiniskan masalah dan mencernakan penyelesaian.

Sesi DTF bersama-sama dengan pasukan NKRA lazimnya dibahagikan kepada dua segmen: penyampaian maklumat terkini secara umum dan Mesyuarat Penyelesaian Masalah (PSM). Pasukan akan menyerahkan laporan berkaitan dengan tindakan yang diambil mereka sejak sesi DTF yang terakhir, menyediakan isi-isi penting dan mengemaskini status papan pemuka KPI masing-masing. Seterusnya, mereka akan membangkitkan isu-isu PSM yang akan diiringi penyelesaian yang berpotensi untuk dibincangkan oleh DTF.

Keutamaan setiap sesi DTF adalah mengenai penyelesaian masalah dengan memfokuskan untuk membolehkan inisiatif terus mencapai kemajuan pada masa hadapan. Setiap sesi penyelesaian masalah DTF bermula dengan pengenapstian isu-isu yang menghalang pelaksanaan inisiatif dan cadangan yang berkemungkinan untuk diputuskan oleh Timbalan Perdana Menteri.

Sebagai Pengerusi DTF, Timbalan Perdana Menteri mengambil kedudukan yang unik untuk menilai masalah yang dihadapi dan mencari kaedah yang sesuai bagi penyelesaian masalah. Beliau memikul tanggungjawab untuk memastikan penyelaras yang lancar antara agensi Kerajaan Negeri dengan Persekutuan berkaitan dengan inisiatif GTP.

Isu-isu yang telah dibentangkan melalui PSM akan dipantau secara mingguan untuk memastikan ia diselesaikan berdasarkan arahan Timbalan Perdana Menteri ketika sesi DTF. Semua Kementerian, agensi atau pihak berkepentingan yang terlibat dalam projek/inisiatif dikumpulkan bersama untuk mendapatkan sokongan bagi memudahkan pelaksanaannya pada masa hadapan.

Sesi DTF bagi NKRA Pendidikan merupakan sebuah gambaran baik yang dapat dilihat melalui salah satu inisiatif utamanya dalam GTP 2.0 yang menyasarkan untuk meningkatkan standard dan keperluan minimum bagi pelantikan pengetua sekolah. Sekiranya pasukan pelaksanaan terus menggunakan saluran biasa, ia akan menunggu giliran di belakang isu-isu yang lain sebelum dibawa ke Lembaga Kenaikan Pangkat sekali gus mendarangkan permasalahan bagi pelaksanaan Januari 2014. Disebabkan oleh intervensi DTF, pegawai yang terlibat daripada DTF dan Lembaga Kenaikan Pangkat dimaklumkan mengenai isu tersebut dan seterusnya membuka jalan ke arah pelaksanaan inisiatif.

Pada asasnya, DTF yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri menetapkan hala tuju dan mewujudkan dasar standard untuk mencapai matlamat yang disasarkan dan dipantau oleh pasukan NKRA dan Pejabat Pengurusan Pelaksanaan (DMO) masing-masing. DTF telah pun memberikan sumbangan yang tidak ternilai sejak bermulanya GTP untuk memastikan pelaksanaan semua komitmen NKRA yang licin dan tepat pada masanya.

PERISTIWA PENTING GTP

2013

JAN	 15 Januari, 2013	 22 Januari, 2013	 31 Januari, 2013	FEB	 1 Februari, 2013	 8 Februari, 2013
	Pengagihan Bantuan Persekolahan RM100 kepada pelajar Darjah 1 hingga Tingkatan 5 Kerajaan telah mengagihkan bantuan persekolahan kepada semua pelajar sekolah rendah dan menengah di kedua-dua sekolah kerajaan mahupun swasta sebagai salah satu daripada komitmennya untuk membantu ibu bapa membiayai kos persekolahan anak-anak mereka.	Penubuhan Sekretariat Pencegahan Rasuah di Institut Pendidikan Guru 27 Sekretariat Pencegahan Rasuah ditubuhkan di Institut Pendidikan Guru bagi memupuk budaya antirasuah di kalangan pelajar di negara ini. Selain menyediakan guru dengan latihan yang secukupnya, sukanan pelajaran antirasuah juga akan diperkenalkan dalam buku teks sekolah.	Kedai Rakyat 1Malaysia yang pertama dibuka di Mambong, Sarawak. Sejumblah 39 buah KR1M telah dibuka selepas pembukaan kedai yang pertama di Sarawak sepanjang tahun 2013. Setakat 31 Disember 2013, terdapat sejumlah 125 buah kedai KR1M yang beroperasi di seluruh negara.		Pelancaran Rumah Perantaraan untuk bekas banduan di Sabah 14 buah rumah perantaraan telah dibina di seluruh negara bagi bekas banduan terpilih yang tidak mempunyai tempat untuk tinggal selepas tamat menjalani hukuman di penjara.	Perasmian Park 'n' Ride Sg. Besi Pembinaan Park 'n' Ride di Sg. Besi mempertingkatkan kesalinghubungan awal (first mile connectivity) antara titik permulaan perjalanan dengan stesen KTM Komuter Sg. Besi.
MAC	 23 Mac, 2013	APR	 10 April, 2013	JUN	 1 Jun, 2013	 9 Jun, 2013
	Pemberian permit teksi di bawah skim Teksi 1Malaysia (TEKS1M) Perdana Menteri telah melancarkan pemberian 200 permit yang pertama daripada 1000 permit teksi di bawah program Teksi 1Malaysia (TEKS1M) yang diberikan kepada pemegang individu.		Penghasilan 10 buah video bagi program e-Guru Video ini menyediakan latihan amalan pedagogi terbaik untuk membantu latihan guru. Video ini boleh ditonton di http://pnp.moe.edu.my/eguru/		Pelancaran kempen Bersama Membanteras Jenayah di KLCC Kempen Bersama Membanteras Jenayah (UAC) direka khas untuk mendapatkan kerjasama masyarakat yang tidak ternilai dalam usaha NKRA Mengurangkan Jenayah memerangi jenayah.	Anjung Singgah bagi golongan gelandangan dibuka di Johor Bharu Anjung Singgah merupakan pusat perlindungan sementara bagi golongan gelandangan di kawasan bandar. Dalam GTP 2.0, NKRA LIH akan mempertingkatkan usahanya untuk membantu kumpulan mudah terjejas yang disaraskan.
JUL	 1 Julai, 2013	 7 Julai, 2013	 Julai, 2013	OGOS	 17 Ogos, 2013	 24 Ogos, 2013
	Penubuhan Jabatan Pencegahan dan Pembanterasan Jenayah (JPPJ) JPPJ (PDRM) berperanan untuk memastikan strategi dan pendekatan secara proaktif dan bersepdua bagi mencegah jenayah.	Pembinaan rumah Orang Asli Menyediakan rumah bagi Orang Asli menerusi kerjasama dengan NGO, EPIC Homes dan rakan kongsi korporat seperti Taylor's Education Group, General Electric, AirAsia Bhd dan Media Prima.	Jalan Luar Bandar (JALB) mencapai sasaran 100% (441 KM) Sasaran pembinaan jalan bagi tahun 2013 dicapai lebih awal daripada jangkaan disebabkan oleh pelaksanaan yang pantas dan pengurusan projek yang cemerlang oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta agensi pelaksanaannya.		Pelancaran Ops Cantas Khas sebagai respons kepada peningkatan jenayah menggunakan senjata api Pelancaran Ops Cantas Khas mengurangkan kejadian jenayah kekerasan sebanyak 11.85% selepas 116 hari ia dilancarkan.	Perasmian Program Buddy Club Program Buddy Club menghimpunkan pelajar keperluan pendidikan khas (SEN) dan pelajar arus perdana untuk memupuk persefahaman yang lebih baik.
						Pembinaan Pusat Komuniti di Long Keluan, Sarawak Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) melalui program CSR mereka, telah membina sebuah pusat komuniti di Long Keluan, Sarawak untuk masyarakat Penan. Pusat ini direka khusus untuk menyediakan tempat yang membolehkan penduduk memasak dan mengadakan aktiviti komuniti.

PERISTIWA PENTING GTP

2013

SEP  18 September, 2013	 OKT  1 Oktober, 2013	 Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Siri Pertama dan Kedua Laporan Ketua Audit Negara yang dahulunya dibentangkan di Parlimen sekali setahun, kini dibentangkan setiap kali Parlimen bersidang, bagi penelitian yang lebih rapi terhadap perbelanjaan Kerajaan.	 Pindaan terhadap Akta Pencegahan Jenayah 1959 diluluskan Pindaan tersebut memberikan kuasa yang lebih luas kepada polis dalam menangani jenayah terancang dan penjenayah tegar dan ganas.	 Meluluskan Syarat Minimum Baharu Pelantikan Pengetua Syarat-syarat baharu ini telah diluluskan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat JPA, dan akan berkuat kuasa mulai Januari 2014.	 BR1M 3.0 Bantuan Rakyat 1Malaysia 2014 1\$ 25 Oktober, 2013	
 Oktobre, 2013	 Oktobre, 2013	 NOV 14 November, 2013	 November, 2013	 DIS Disember, 2013	 Disember, 2013	
Bekalan Air Luar Bandar (BALB) mencapai sasaran 100% (26,100 Iisi Rumah) Sasaran penyampaian bekalan air bagi tahun 2013 telah dicapai lebih awal daripada jangkaan disebabkan oleh pelaksanaan yang pantas dan pengurusan projek yang cemerlang oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta agensi pelaksanaannya.	Pembinaan dan pengubahsuaian perhentian bas dimulakan Kerja-kerja pembinaan dan pengubahsuaian 161 buah perhentian bas bermula di empat Pihak Berkua Tempatan (PBT) - Majlis Daerah Kuala Langat, Majlis Daerah Kuala Selangor, Majlis Daerah Hulu Selangor dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya.	Program Bakul Makanan untuk masyarakat Penan Yayasan MyKasih telah membawa program "Love My Neighbourhood" merentas Malaysia Timur. Program Bakul Makanan MyKasih telah dilaksanakan dengan jayanya di Long San pada 8 November dan Lusong Laku pada 14 November.	Program Bantuan Rumah (PBR) mencapai sasaran 100% (7,212) Sasaran pembinaan rumah bagi tahun 2013 telah dicapai lebih awal daripada jangkaan disebabkan oleh pelaksanaan yang pantas dan pengurusan projek yang cemerlang oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta agensi pelaksanaannya.	 'Pemutihan' 20 Black Spot diselesaikan Inisiatif Black Spot menambah baik infrastruktur bandar di 20 lokasi sejajar dengan prinsip Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekutaran (CPTEd) sebagai sebahagian daripada usaha pemutihan.	Penubuhan Unit Perhubungan Antarabangsa (International Liaison Unit) di Ibu Pejabat Polis Kuala Lumpur Unit Perhubungan Antarabangsa ditubuhkan di Ibu Pejabat Polis Kuala Lumpur untuk menangani kebimbangan terhadap keselamatan oleh ekspatriat dan komuniti perniagaan antarabangsa.	
 2 Disember, 2013	 Kontrak rundingan terus Kerajaan dipaparkan secara atas talian Kontrak rundingan terus Kerajaan kini dipaparkan secara atas talian di portal MyProcurement (http://myprocurement.treasury.gov.my) untuk terus mengalakkan ketelusan dalam perbelanjaan Kerajaan.	 Melengkapkan pembangunan 1,000 usahawan wanita Aktiviti NKRA LIH untuk mempertingkatkan kesejahteraan kaum wanita Malaysia, seramai 1,000 wanita berpendapatan rendah telah berjaya dibangunkan dan diberi latihan keusahawanan.	 Penyediaan khidmat komuniti kepada 128 keluarga di Pitas, Sabah Melalui Yayasan Sejahtera, NKRA LIH terus menyampaikan khidmat komuniti asas, kemahiran pertanian untuk menaikkan hidup dan pengupayaan ekonomi di Kg. Sungai Eloi, Kg. Tampakahu dan Kg. Kinango di Pitas, Sabah.	 Program 1AZAM mencecah paras 38,000 penyertaan Program utama NKRA LIH, iaitu 1AZAM yang merupakan program bantuan yang menjana ekonomi dan direka khusus untuk mengupayakan golongan berpendapatan rendah menyaksikan 38,000 penyertaan baru. Lebih 18,000 daripada peserta 1AZAM sedia ada telah meningkatkan pendapatan mereka sekurang-kurangnya RM300.	 Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) mencapai sasaran 100% (19,811 Iisi Rumah) Sasaran penyampaian bekalan elektrik bagi tahun 2013 telah dicapai mengikut jadual pada Disember disebabkan oleh pelaksanaan yang pantas dan pengurusan projek yang cemerlang oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta agensi pelaksanaannya.	 Perasmian Park 'n' Ride Bandar Tasik Selatan Perasmian Park 'n' Ride di Terminal Bersepadu Selatan di Bandar Tasik Selatan bakal melonjakkan penggunaan penumpang rel melalui penyediaan kesalinghubungan awal (<i>first mile connectivity</i>) yang lebih baik.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA NEGARA (NKRA)

Pendekatan Berfokuskan
Ketelusan dan Kecekapan
dalam Penyampaian
Perkhidmatan Awam

Malaysia menyasarkan untuk mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan awamnya ke tahap standard antarabangsa dan telah mengenal pasti tujuh bidang keutamaan yang akan menjana impak transformasi yang terbesar. Ketujuh-tujuh bidang ini, juga dikenali sebagai Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dipilih kerana kepentingannya kepada rakyat dan statusnya sebagai tonggak utama yang menyokong struktur Kerajaan secara keseluruhan.

Meskipun NKRA merupakan tumpuan utama yang penting bagi transformasi, Kerajaan tidak mengabaikan sektor-sektor bukan NKRA, sebaliknya tetap komited terhadap pembangunan yang berterusan dalam bidang-bidang tersebut. Walau bagaimanapun, NKRA akan menerima perhatian khas disebabkan faktor-faktor yang dinyatakan di atas.



MENANGANI KOS SARA HIDUP RAKYAT



MEMPERTINGKATKAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR



MEMPERTINGKATKAN PENGANGKUTAN AWAM BANDAR



MEMPERTINGKATKAN TARAF KEHIDUPAN ISI RUMAH BERPENDAPATAN RENDAH



MEMASTIKAN PENDIDIKAN BERKUALITI



MENGURANGKAN JENAYAH



MEMBANTERAS RASUAH



MENANGANI KOS SARA HIDUP RAKYAT



“ Kami akan terus memberikan bantuan di bawah program utama kepada rakyat Malaysia.”

TAN SRI MUHYIDDIN YASSIN
Timbalan Perdana Menteri Malaysia



Usaha menangani kos sara hidup yang semakin meningkat masih lagi merupakan salah satu keutamaan terbesar Kerajaan, meskipun negara kita terus mengorak langkah untuk menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020. Jemaah Menteri sedar bahawa semua usaha untuk meningkatkan tahap pendapatan di Malaysia akan menjadi sia-sia sahaja sekiranya kenaikan kos sara hidup tidak ditangani. Justeru, Bidang Keberhasilan Utama Negara Menangani Kos Sara Hidup Rakyat (NKRA COL) dimasukkan ke dalam Program Transformasi Kerajaan (GTP) pada Julai 2011.

Di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP), langkah-langkah dan pelbagai projek telah diperkenalkan dengan matlamat utama untuk meningkatkan pendapatan rakyat. Walau bagaimanapun, hasilnya belum lagi dapat dirasai, dan sehubungan itu, NKRA COL akan memainkan peranan utama dalam penyampaian bantuan serta merta dan jangka pendek kepada rakyat.

Perlu juga diingatkan bahawa inisiatif di bawah NKRA COL hanya akan dilaksanakan mengikut keperluan. Oleh demikian, NKRA ini adalah inisiatif yang responsif dan berubah mengikuti keadaan pasaran semasa. Ini adalah selaras dengan pandangan daripada pakar ekonomi dan antarabangsa bahawa kita hidup dalam keadaan yang mana pasaran kewangan global sering berubah, dan ianya boleh dilihat dalam perubahan harga input seperti minyak mentah dan gas yang meningkat atau menurun dengan mendadak.

Sepanjang 12 bulan yang lepas, NKRA COL terus menyampaikan bantuan di bawah program utama yang dilanjutkan daripada GTP 1.0 seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), bantuan persekolahan untuk murid sekolah, Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) dan Klinik 1Malaysia. Usaha inisiatif NKRA COL bersama dengan inisiatif Kerajaan yang lain seperti Perintah Gaji Minimum, akan bersama-sama memastikan bahawa semua rakyat Malaysia dapat menikmati standard kehidupan yang lebih baik.

Peningkatan kos sara hidup merupakan isu yang memberikan kesan kepada kita semua. Walau bagaimanapun, impak ini akan dapat dikurangkan dengan adanya pelaksanaan program yang sesuai.


TINJAUAN KESELURUHAN

Bidang Keberhasilan Utama Negara Menangani Kos Sara Hidup Rakyat (NKRA COL) pada mulanya diperkenalkan sebagai reaksi terhadap kenaikan harga input seperti harga bahan api dan makanan, dan sehingga kini kekal sebagai NKRA yang bersifat reaktif. Matlamat NKRA COL adalah untuk membantu rakyat membayar barang dan perkhidmatan asas, yang harganya telah meningkat dengan cepat dan mendadak disebabkan oleh keadaan pasaran luar negara. NKRA ini melaksanakan inisiatif intervensi bagi pihak rakyat melalui pengagihan bantuan wang tunai serta melalui penyediaan secara langsung barang dan perkhidmatan.

Contoh penyediaan secara langsung barang dan perkhidmatan ialah program Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M), Menu Rakyat 1Malaysia (MR1M) dan Klinik 1Malaysia (K1M). Program ini bertujuan menyediakan barang keperluan dan perkhidmatan seperti barang

runcit, penjagaan kesihatan, dan makanan yang mampu dinikmati oleh semua lapisan rakyat.

Rajah di bawah menunjukkan perbelanjaan isi rumah tahunan berbanding dengan purata pendapatan isi rumah dalam tempoh dua dekad yang lalu. Trend tersebut jelas menunjukkan jurang yang semakin besar antara jumlah perbelanjaan isi rumah dan purata pendapatan isi rumah sejak tahun 1993, justeru ia membuktikan bahawa inisiatif Kerajaan telah memberi sumbangan dalam memastikan kadar inflasi yang berpatutan. Walau bagaimanapun, NKRA COL mengenalpasti bahawa kesan potensi negatif adalah terhadap peningkatan kos sara hidup rakyat, bahawa perubahan harga dalam mana-mana input yang berpotensi menyebabkan kenaikan perbelanjaan isi rumah. Oleh itu, NKRA COL akan terus menyampaikan bantuan kepada rakyat dalam pelbagai bentuk bantuan.



PENCAPAIAN

Memperluaskan skop Bantuan Rakyat 1Malaysia



Sejajar dengan usaha Kerajaan untuk memberikan bantuan tambahan kepada rakyat Malaysia yang berpendapatan rendah, program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) telah dipertingkatkan pada tahun 2013 dengan perluasan skop penerima kepada individu bujang yang berumur 21 tahun ke atas. BR1M diagihkan kepada lebih 4.8 juta isi rumah yang mempunyai pendapatan bulanan sebanyak RM3,000 dan ke bawah serta kepada 2 juta individu bujang berusia lebih 21 tahun yang memperoleh pendapatan bulanan sebanyak RM2,000 dan ke bawah. Ini merupakan pelaksanaan BR1M yang kedua sejak ia diperkenalkan pada tahun 2011/12. Sebanyak RM2.9 bilion telah digunakan untuk pemberian BR1M.

Pelajar terus menerima bantuan dalam bentuk bantuan persekolahan dan baucar buku

Bantuan RM100 kepada 5.2 juta murid sekolah rendah dan menengah diteruskan pada tahun 2013. Nilai pemberian bagi program Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) telah ditingkatkan daripada RM200 kepada RM250 dan telah diagihkan kepada 1.2 juta pelajar institusi pengajian tinggi. Program-program bantuan ini disediakan kepada pelajar institusi awam dan juga swasta.



Menyampaikan barang dan perkhidmatan asas bersubsidi

NKRA COL turut menyaksikan penyampaian barang dan perkhidmatan yang berpatutan harganya melalui pelbagai saluran. Barang berharga lebih rendah ini disediakan khas untuk membantu meringankan beban perbelanjaan isi rumah bagi kumpulan berpendapatan rendah dengan menawarkan pilihan tambahan kepada bekalan barang dan perkhidmatan di pasaran.

Kedai Rakyat 1Malaysia

Matlamat pada tahun 2013 adalah untuk memperluaskan skop penyampaian produk KR1M bagi menyediakan lebih banyak pilihan barang kepada pengguna. Sejumlah 40 buah KR1M telah dibuka pada tahun 2013. Harga barang KR1M di Malaysia Timur adalah sama dengan harga barang di Semenanjung Malaysia. Sejak inisiatif ini dilancarkan pada tahun 2011, Malaysia kini mempunyai 125 buah KR1M. Barang dari KR1M lazimnya adalah 20% hingga 30% lebih murah berbanding dengan barang yang sama di kedai runcit biasa.

Klinik 1Malaysia

Sejumlah 70 Klinik 1Malaysia telah dibina dan dilancarkan pada 2013 dan menjadikan jumlah klinik sebanyak 238 buah sejak tahun 2010. Klinik 1Malaysia telah memberikan rawatan kepada 9.2 juta pesakit sejak pelaksanaannya.

Menu Rakyat 1Malaysia

Pada tahun 2013, sejumlah 1,110 pengendali makanan tambahan telah mengambil bahagian dalam program ini untuk menyediakan set sarapan pagi dan makan tengah hari pada harga yang berpatutan, iaitu masing-masing RM2 dan RM4 di Semenanjung Malaysia, serta RM2.50 dan RM5 di Sabah dan Sarawak. Sehingga kini, bilangan pengendali makanan yang mengambil bahagian telah meningkat kepada lebih 4,000 kedai.



PENCAPAIAN 2013

Bil.	Penunjuk Prestasi Utama (KPI)	Sasaran 2013	Pencapaian 2013	% Pencapaian
1.1	Bantuan terus kepada rakyat (BR1M 2.0) i. RM500 untuk penerima isi rumah yang layak dengan jumlah pendapatan RM3,000 sebulan dan ke bawah	100%	100%	100%
1.2	ii. RM250 untuk penerima individu bujang yang layak, berumur 21 tahun ke atas dengan pendapatan RM2,000 sebulan dan ke bawah	100%	100%	100%
2	Bantuan Kembali ke Sekolah - Pelaksanaan bantuan wang tunai RM100 kepada pelajar Tahun 1 hingga Tingkatan 5	100%	100%	100%
3	Pelaksanaan baucar buku bernilai RM250 kepada pelajar IPTA & IPTS	100%	100%	100%
4	Pembukaan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M)	40	40	100%
5	Bilangan kedai baharu yang menyertai program Menu Rakyat 1Malaysia (MR1M)	1,000	1,110	111%
6	Bilangan Klinik 1Malaysia yang beroperasi	70	70	100%
7	Kedai Kain 1Malaysia (KK1M) yang baharu	26	12	46.15%
Jumlah				94%

Jadual KPI 2013 untuk NKRA Menangani Kos Sara Hidup Rakyat

NKRA MENANGANI KOS SARA HIDUP RAKYAT - PROGRAM BANTUAN KERAJAAN

Memandangkan bahawa inisiatif NKRA COL akan bertindak balas terhadap perubahan dalam pasaran, tanda aras bagi penunjuk prestasi utama bagi NKRA ini berubah dari tahun ke tahun. Walau bagaimanapun, Kerajaan adalah komited untuk mengekalkan program bantuan tunai yang utama termasuk:

Bantuan wang tunai Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M)	<p>BR1M direka khas untuk membantu rakyat Malaysia yang berpendapatan sederhana dan rendah mengurangkan beban kenaikan harga melalui bantuan tahunan. BR1M telah memperluaskan skop liputannya dengan progresif dari tahun ke tahun, iaitu pemberian BR1M 2.0 yang merangkumi pemberian kepada golongan bujang. Kerajaan sangat komited untuk mengekalkan bantuan tunai BR1M kepada keluarga yang berpendapatan rendah bagi tahun yang akan datang.</p>
Program Bantuan Kembali ke Sekolah	<p>Program ini membantu pelajar membuat persediaan untuk memasuki tahun persekolahan baharu melalui pemberian RM100. Setiap pelajar di Malaysia dari Darjah Satu hingga Tingkatan Lima di sekolah awam dan swasta, atau kira-kira 5.2 juta pelajar secara keseluruhan, akan menerima bantuan ini setiap tahun.</p>
Program Baucar Buku 1Malaysia (BB1M)	<p>Seperti Bantuan Kembali Ke Sekolah, BB1M membantu mengurangkan kos pendidikan melalui subsidi pada buku pendidikan. Baucar buku ini boleh digunakan sebagai pembayaran di kedai buku yang turut serta dalam program ini.</p>

Pada masa yang sama, Kerajaan juga komited untuk terus memastikan barang dan perkhidmatan asas yang berkualiti tinggi dan berpatutan harganya kepada semua rakyat Malaysia. Inisiatif NKRA COL bagi pembekalan barang dan perkhidmatan asas akan diteruskan berserta dengan penambahan kepada kedai yang berkaitan untuk menepati komitmen ini.

Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M):



KR1M diwujudkan untuk menyediakan barang keperluan pada harga yang lebih murah. KR1M menawarkan barang pengguna yang sama seperti kebanyakan pasar raya besar, tetapi memberikan penekanan pada penyediaan barang keperluan asas seperti susu, lampin kanak-kanak dan barang makanan yang lain. Kebanyakan barang diedarkan di bawah jenama 1Malaysia. Pada masa ini, terdapat lebih 350 barang runcit KR1M dan senarai ini dijangka terus bertambah. KR1M akan memfokuskan produk yang dikeluarkan oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS), sekali gus bertindak sebagai platform usaha berterusan Kerajaan untuk meningkatkan dan mengembangkan keupayaan pengeluaran dan jualan produk PKS. Barang KR1M juga dijual di dalam kedai runcit yang menyertai

projek TUKAR di bawah Program Transformasi Ekonomi yang menyasarkan untuk menaiktaraf kedai runcit kecil dengan membekalkan mereka teknologi moden dan proses perniagaan yang lebih efisien. Ini membolehkan skop liputan produk KR1M diperluaskan selain daripada di kedai KR1M. Terdapat 548 pusat jualan bagi barang KR1M di seluruh negara. Pusat jualan merujuk kepada kedai bukan KR1M termasuk TUKAR yang menjual sebahagian daripada barang KR1M untuk memberikan pilihan tambahan kepada pengguna.

Klinik 1Malaysia:



Klinik 1Malaysia (K1M), yang diperkenalkan pada 1 Januari 2010 oleh Kementerian Kesihatan, telah membuka kliniknya yang ke-238 pada tahun 2013. Matlamat klinik ini adalah untuk menyediakan rawatan asas yang cepat dan murah (RM1) terutamanya kepada rakyat yang tinggal di kawasan bandar yang berpopulasi tinggi untuk mengurangkan beban hospital Kerajaan. Pesakit yang memerlukan rawatan pesakit luar yang biasa dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan daripada klinik berbanding dengan di hospital. Klinik diuruskan oleh pembantu perubatan dan jururawat am, dan telah memberikan lebih sembilan juta rawatan sejak inisiatif ini diperkenalkan.




“Usaha kerajaan melalui BR1M dan Kedai Rakyat 1Malaysia sememangnya bertujuan baik tetapi kerajaan perlu memastikannya lebih mudah diakses oleh semua rakyat Malaysia”

PUTERI NORHIDATUL, 31, bekerja sendiri



MELANGKAH KE HADAPAN



NKRA COL merupakan salah satu subset daripada sekumpulan inisiatif Kerajaan yang direka untuk membantu rakyat untuk menghadapi peningkatan kos sara hidup. Kerajaan sentiasa menjalankan pemantauan ke atas perkembangan terkini yang mungkin memberi impak kepada harga barang. Sehubungan itu, Kerajaan adalah komited untuk memastikan pemantauan dilaksanakan dengan teliti dan berkesan. Sebuah Jawatankuasa Khas telah ditubuhkan untuk membincangkan mengenai isu kos sara hidup pada awal tahun 2014.

Kerajaan juga akan membuat perubahan dasar yang direka untuk mengurangkan kos sara hidup seperti penstabilan harga rumah melalui pengawalan spekulasi harta tanah. Di bawah Bajet 2014, Kerajaan akan mengenakan semula kadar asal bagi Cukai Keuntungan Harta Tanah pada 30% bagi pelupusan dalam tempoh pemegangan untuk tiga tahun pertama. Bagi pelupusan harta tanah dalam tempoh pemegangan sehingga empat dan lima tahun, kadar tersebut dinaikkan masing-masing kepada 20% dan 15%. Kerajaan yakin bahawa pelaksanaan dasar ini akan dapat meredakan inflasi harta tanah.

Kerajaan juga komited untuk meneruskan penyampaian bantuan tunai di bawah NKRA COL di samping meningkatkan penyampaian perkhidmatan dan bekalan barang dan perkhidmatan pada harga yang berpatutan di bawah initiatif bukan kewangan NKRA. Gambaran keseluruhan pelan masa depan bagi inisiatif utama NKRA COL telah diperincikan di bawah.

Kedai Rakyat 1Malaysia [KR1M]: Sejumlah 60 buah KR1M dijangka dibuka pada tahun 2014.

KR1M sentiasa terbuka kepada syarikat atau individu yang berminat untuk menguruskan kedai tersebut tetapi tidak banyak syarikat yang berminat atau mampu untuk menyertai perniagaan KR1M kerana sebahagian besar daripada barang yang dijual dalam kedai merupakan produk Rakyat 1Malaysia (R1M) tidak seperti kedai runcit biasa.

Kebanyakan daripada kedai runcit hanya berminat untuk menyimpan dan menjual stok R1M pada bilangan yang kecil sahaja atas faktor memaksimumkan keuntungan kerana barang R1M merupakan penawaran pilihan tambahan kepada pengguna berbanding dengan barang jenama yang lain.



Program Bantuan Kembali ke Sekolah: Setiap pelajar di Malaysia dari Darjah Satu hingga Tingkatan Lima di sekolah awam dan swasta, atau kira-kira 5 juta pelajar secara keseluruhan, akan terus menerima bantuan ini yang berjumlah RM100 setiap tahun.

Program Baucar Buku 1Malaysia [BB1M]: Pelajar peringkat tertiar di Malaysia akan menerima baucar buku RM250 setiap seorang bagi membantu mereka menangani kos pengajian. Kira-kira 1.2 juta pelajar Tingkatan Enam, matrikulasi, kolej, dan universiti akan menerima baucar tersebut pada tahun 2014.



Klinik 1Malaysia: Sebanyak 50 buah klinik dijangka dibuka pada tahun 2014 dan akan menjadikan jumlah kumulatif klinik kepada 288 buah pada akhir Disember 2014.



Bantuan wang tunai Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M): Kerajaan adalah komited untuk mengekalkan pemberian bantuan tunai BR1M kepada isi rumah yang berpendapatan rendah pada tahun-tahun yang akan datang. Pada masa yang sama, BR1M juga akan diberikan dalam bentuk perlindungan insuran kepada penerima, sebagai satu lagi tambahan lapisan perlindungan kepada rakyat.

Bagi tahun 2014, Perdana Menteri dalam ucapan Bajetnya mengumumkan bahawa BR1M akan diteruskan, dengan jumlah bantuan dinaikkan menjadi RM650 untuk isi rumah berpendapatan bulanan sebanyak RM3,000 dan ke bawah serta RM300 untuk individu bujang berpendapatan bulanan RM2,000 dan ke bawah.

Program ini akan turut diperluaskan kepada isi rumah yang berpendapatan melebihi RM3,000 hingga RM4,000 sebulan dengan memberikan bantuan sebanyak RM450. Kesemua penerima BR1M juga akan menerima caruman Insurans Takaful Berkelompok Rakyat 1Malaysia (i-BR1M) bernilai RM50 untuk membekalkan perlindungan insuran kepada

penerima. Inisiatif ini akan menyediakan perlindungan insurans sehingga RM30,000 kepada penerima BR1M sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal.



	BR1M 1.0	BR1M 2.0	BR1M 3.0
Tarikh	April 2012	Feb 2013	Feb 2014
Kelayakan	< RM3,000	< RM3,000 (isi rumah) < RM2,000 (bujang)	RM3,001-RM4,000 (isi rumah) < RM3,000 (isi rumah) < RM2,000 (bujang)
Jumlah Pemberian (mengikut isi rumah/ individu)	• RM500 bagi setiap isi rumah • RM250 bagi setiap individu bujang	• RM500 bagi setiap isi rumah • RM250 bagi setiap individu bujang	• RM650 bagi isi rumah (pendapatan < RM3000) • RM450 bagi isi rumah (pendapatan > RM3000 hingga RM4000) • RM300 bagi individu bujang (pendapatan < RM2000) • RM50 sumbangan kepada Takaful Berkelompok Rakyat 1Malaysia (i-BR1M)





MEMPERTINGKATKAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

“ Kami menyasarkan untuk menyediakan kehidupan yang saksama agar tiada rakyat Malaysia yang ketinggalan dalam usaha negara menuju tahun 2020. ”

DATO' SERI HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL
Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah



Inisiatif di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar (dahulunya dikenali sebagai NKRA Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar Bandar) ternyata telah mempertingkatkan kehidupan ramai penduduk luar bandar di Malaysia. Inisiatif ini secara keseluruhannya telah memperkuatkan kehidupan rakyat Malaysia di luar bandar dari aspek kewangan, malah yang lebih penting lagi, memperbaiki mutu kehidupan mereka secara keseluruhan.

Saya amat berbesar hati untuk menyatakan bahawa penduduk luar bandar di Malaysia pada hari ini mempunyai kehidupan yang lebih baik berbanding dengan empat tahun yang lalu, iaitu sebelum GTP mula dilaksanakan. Melalui usaha berterusan oleh NKRA Pembangunan Luar Bandar, kini lebih lapan juta atau sekitar 30% daripada penduduk Malaysia yang tinggal di kawasan luar bandar telah dan akan menyaksikan perubahan dalam kehidupan mereka.

Pertukaran kepada identiti baru NKRA ini mencerminkan perubahan dalam keutamaan kami. Selaku Kementerian yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan NKRA Pembangunan Luar Bandar, kami bukan sekadar mengambil berat tentang menyediakan bekalan elektrik, air, jalan raya dan perumahan, tetapi juga tentang kesejahteraan dan pembangunan masyarakat luar bandar secara keseluruhannya.

Namun demikian, apa yang pasti, keutamaan kami dalam memastikan masyarakat luar bandar mendapat kemudahan asas, masih tetap tidak berubah. Cuma yang berbeza, menyediakan infrastruktur luar bandar bukanlah satu-satunya keutamaan kami. Melalui pendekatan ini, penduduk luar bandar kini mempunyai peluang yang sama untuk mula memperbaiki prospek ekonomi dan sekali gus meningkatkan taraf kehidupan mereka secara menyeluruh. Saya berbesar hati melaporkan bahawa NKRA Pembangunan Luar Bandar telah mencapai sasarannya bagi tahun 2013 dan sedang berada pada landasan yang betul untuk mencipta kejayaan yang sama bagi tahun 2014.

Kerajaan berazam untuk membantu penduduk luar bandar di Malaysia mencapai hasrat ini. Justeru, kami telah menggunakan sumber kepakaran kami untuk menjadikan cita-cita ini suatu realiti. Program Kampung Abad ke-21 (KA-21), Program Desa Lestari dan Program kerjasama dengan sektor swasta dalam program buah-buahan dan sayur-sayuran premium, di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) telah dibentuk bagi mewujudkan ekonomi luar bandar mandiri yang dapat melonjakkan pendapatan penduduk luar bandar.

Kami juga menyedari bahawa pembangunan luar bandar di Malaysia amat bergantung kepada usahawan muda. Oleh itu, kami sedang giat melaksanakan inisiatif untuk membuka peluang tersebut kepada penduduk luar bandar di Malaysia. Pertandingan Pelan Perniagaan Luar Bandar, sebuah program di bawah KA-21 yang diterajui beberapa usahawan muda, telah menjana beberapa usaha niaga yang memberangsangkan.

Projek-projek usaha niaga awal ini akan dilaksanakan mulai tahun hadapan dan Kerajaan sedang berusaha untuk membantu membayai dan mengurus aspek logistik. Namun, kejayaan yang akan dicapai bergantung pada kualiti setiap projek ini secara relatif.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan rakyat Malaysia tentang betapa pentingnya pengekalan integriti dan cara hidup di desa dalam pelbagai cara, yang melambangkan semangat negara kita. Sumbangan penduduk luar bandar di Malaysia sesungguhnya bukanlah sesuatu yang boleh diperlekehkan, dan kita mestilah melaksanakan tanggungjawab kita dalam memastikan penduduk luar bandar turut sama mengecapi kemakmuran sejajar dengan usaha kita mencapai status negara berpendapatan tinggi.

TINJAUAN KESELURUHAN

Sejak NKRA Pembangunan Luar Bandar diperkenalkan, fokus utamanya adalah untuk mempertingkatkan akses masyarakat luar bandar kepada keperluan asas seperti bekalan elektrik 24 jam, air bersih, jalan berturap dan rumah yang berkualiti. Dengan sebahagian besar daripada sasaran ini berjaya dicapai pada akhir GTP 1.0, NKRA Pembangunan Luar Bandar kini menambah portfolio pembangunan ekonomi luar bandar di bawah program utamanya, iaitu Kampung Abad ke-21.

Kepentingan akses infrastruktur yang baik tidak boleh diperkecil. Air bersih, bekalan elektrik dan jalan raya merupakan pemangkin ekonomi utama yang mestii diwujudkan untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan penduduk luar bandar di Malaysia. 30% daripada rakyat

atau 8.1 juta orang yang masih lagi tinggal di kawasan luar bandar, mewakili bahagian yang penting dalam jumlah penduduk negara ini. Oleh yang demikian, penduduk luar bandar di Malaysia bakal memainkan peranan yang penting dalam merealisasikan Wawasan 2020 untuk menjadi negara yang maju dan berpendapatan tinggi.

Pelaksanaan infrastruktur di kawasan luar bandar di Malaysia menampilkan cabaran yang tersendiri disebabkan oleh bentuk muka bumi yang tidak sekata. Walaupun pihak Kerajaan telah berazam untuk memperbaiki kehidupan masyarakat luar bandar sejak negara mencapai kemerdekaan, namun, ketiadaan usaha bersepadan yang memfokuskan pembinaan infrastruktur masyarakat luar bandar telah menghalang usaha pelaksanaan ini. NKRA Pembangunan Luar Bandar membuktikan bahawa melalui komitmen yang padu, sasaran pembinaan infrastruktur ini mampu dicapai.

NKRA Pembangunan Luar Bandar telah meletakkan sasaran yang tinggi untuk GTP 1.0 iaitu menyediakan akses kepada kemudahan asas bagi 95% daripada masyarakat luar bandar Malaysia. Meskipun terpaksa menghadapi isu-isu di luar jangkaan seperti kekangan belanjawan dan masalah operasi, NKRA Pembangunan Luar Bandar telah berjaya mengatasi rintangan ini melalui beberapa penyelesaian yang inovatif dalam mencapai sasaran tersebut.



- akses kepada jalan berturap atau jalan kelikir
- akses kepada air bersih atau terawat
- akses 24 jam kepada bekalan elektrik

Meraih Manfaat

- 2.2 juta isi rumah
- 1.4 juta isi rumah
- 476,500 isi rumah

Inisiatif

Pencapaian GTP 1.0



Berikut ialah pecahan pencapaian Program Bantuan Rumah (PBR) di Malaysia melalui GTP 1.0.

Tahun	2010	2011	2012	GTP 1.0	Isi Rumah
 Bina	10,722	9,058	17,439	37,219	186,095
 Baik Pulih	6,204	5,307	4,646	16,157	80,785
Jumlah	16,926	14,365	22,085	53,376	266,880

GTP 2.0 telah mempercepatkan pelaksanaan infrastruktur luar bandar dan pada masa yang sama meletakkan asas bagi fasa kedua pembangunannya, iaitu untuk memajukan masyarakat luar bandar Malaysia dari segi kewangan. Inisiatif memajukan NKRA Pembangunan Luar Bandar ini diletakkan di bawah Program Kampung Abad ke-21 (KA-21) dan mengandungi empat bahagian:

(i) **Program Rimbunan Kaseh:** Kerajaan Negeri telah diamanahkan untuk bekerjasama dengan masyarakat luar bandar bagi membina dan mengurus ladang fertigasi moden. Ladang-ladang ini, yang dimajukan oleh agensi Kerajaan Negeri, akan menyediakan perumahan dan juga komponen perladangan. Setiap ladang akan mengambil pekerja hampir 100 orang penduduk kampung.



(ii) **Program EPP 7: Buah-buahan dan Sayur-sayuran Premium:** Masyarakat luar bandar di Malaysia akan dilatih dan diberi peluang untuk bekerja dalam membangunkan dan mengendalikan ladang buah-buahan segar dan sayur-sayuran milik syarikat peneraju di bawah Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (NKEA) Pertanian dalam ETP. Di bawah Projek Permulaan (EPP) 7: Buah-buahan dan Sayur-sayuran Premium, melibatkan penduduk luar bandar di 10 buah kawasan akan dipilih untuk mengurus dan/atau membekalkan hasil keluaran kepada syarikat peneraju.

(iii) **Program Desa Lestari:** Aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh koperasi kampung bukanlah suatu perkara yang asing bagi masyarakat luar bandar. Namun, koperasi ini berskala kecil dan kekurangan kepakaran untuk mencapai potensinya yang sebenar. Di bawah KA-21, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) akan bekerjasama dengan agensi-agensi lain untuk menambah baik aktiviti ini melalui pembiayaan aset dan penyediaan bantuan pengurusan.

(iv) **Pertandingan Pelan Perniagaan Luar Bandar:** Peningkatan penduduk luar bandar ke bandar menyaksikan lebih ramai golongan belia luar bandar berhijrah ke pusat bandar untuk mencari kehidupan yang lebih baik. Bagi mengatasi masalah ini, KKLW menganjurkan Pertandingan Pelan Perniagaan Luar Bandar secara tahunan. Pertandingan ini terbuka kepada belia tanah air dan pemenang-pemenang yang berjaya akan menerima bantuan kewangan untuk melaksanakan rancangan perniagaan mereka.

Pelaksanaan infrastruktur dan aktiviti menerusi program Kampung Abad ke-21 dijangka mewujudkan pusat ekonomi luar bandar yang berkembang maju dan bakal memberikan sumbangan secara positif kepada ekonomi Malaysia.



PENCAPAIAN

Mencapai 120% pelaksanaan NKRA Pembangunan Luar Bandar

NKRA Pembangunan Luar Bandar telah mencapai 120% sasaran pelaksanaan infrastruktur pada tahun 2013 meskipun hanya menerima sebahagian daripada belanjawan yang diperuntukkan. Iktibar daripada pelaksanaan aktiviti yang sama menerusi GTP 1.0 adalah amat bernilai sepanjang 12 bulan yang lalu ketika memberikan tumpuan terhadap beberapa halangan seperti kontraktor yang tidak cekap, kekurangan bekalan bahan binaan dan isu-isu logistik.

Meletakkan asas bagi program Kampung Abad ke-21

KA-21 merupakan program baru yang diperkenalkan melalui NKRA Pembangunan Luar Bandar dalam GTP 2.0 dan direka bertujuan mentransformasikan kampung sedia ada menjadi pusat ekonomi yang berkembang maju. Terdapat tiga model diperkenalkan melalui program ini yang direka untuk memudahkan pembangunan berdasarkan empat kaedah yang berikut:

- (i) Kerjasama dengan Kerajaan Negeri dan agensinya untuk membangunkan dan menyelenggara ladang moden.
- (ii) Kerjasama dengan rakan sektor swasta di bawah ETP - EPP 7: Program Buah-buahan dan Sayur-sayuran Premium

- (iii) Penambahbaikan aktiviti ekonomi sedia ada yang dijalankan oleh koperasi kampung
- (iv) Galakan penyertaan belia dalam Pertandingan Pelan Perniagaan Luar Bandar

Pelaksanaan inisiatif ini pada tahun 2013 telah banyak memberikan iktibar yang akan terus menambah baik proses pelaksanaan pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, NKRA Pembangunan Luar Bandar yakin bahawa ia berada pada landasan yang tepat melalui inisiatif yang baru dalam bidang ini dan kini merancang untuk mempercepatkan usaha pelaksanaan.



Jadual di bawah ialah ringkasan pencapaian NKRA Pembangunan Luar Bandar:

KPI	Semakan Sasaran 2013 (Disemak berdasarkan perubahan belanjawan)	Pencapaian 2013	Pencapaian 2013 (%)
Pembinaan Jalan Raya (KM)	441	719	163%
Semenanjung Malaysia	213	325.9	153%
Sabah	105	203.9	194%
Sarawak	123	189	154%
Penyampaian Bekalan Air (isi rumah)	26,100	31,004	119%
Semenanjung Malaysia	9,200	9,281	101%
Sabah	8,000	12,799	160%
Sarawak	8,900	8,924	100%
Penyampaian Bekalan Elektrik (isi rumah)	19,811	19,996	101%
Semenanjung Malaysia	1,336	1,516	113%
Sabah	7,735	7,740	100%
Sarawak	10,740	10,740	100%
Pembinaan Rumah (isi rumah)	7,212	11,021	153%
Semenanjung Malaysia	2,793	4,860	174%
Sabah	1,718	2,489	145%
Sarawak	2,701	3,672	136%
Penyenggaraan Jalan			



NKRA MEMPERTINGKATKAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR – ALIRAN KERJA DAN BIDANG TUMPUAN

Aktiviti-aktiviti di bawah NKRA Pembangunan Luar Bandar dipacu oleh dua aspirasi utama:

- (i) Menyediakan akses universal kepada kemudahan awam dan infrastruktur
- (ii) Memastikan pembangunan ekonomi luar bandar di bawah KA-21

GTP 2.0: Kemampunan Pembangunan Luar Bandar	
Infrastruktur Luar Bandar (RBI)	Kampung Abad ke-21 (KA-21)
	Jalanraya 95% - 99% penduduk mempunyai akses jalan raya
	Air 95% - 99% penduduk mendapat bekalan air bersih atau terawat
	Bekalan Elektrik 95% - 99% penduduk mendapat bekalan elektrik 24 jam
	Penyenggaraan Penyenggaraan berkesan bagi semua jalan raya GTP, elektrik dan air.
Kemudahan Sosial Sekolah, Pengurusan Sisa, Penjagaan Kesihatan, dll	

Inisiatif di bawah GTP 2.0 turut menitikberatkan soal penyenggaraan bagi memastikan kemudahan yang disediakan itu tidak rosak selain memastikan penyediaan kemudahan awam termasuk pengurusan sampah, penjagaan kesihatan dan sekolah. Inisiatif pemangkin ini menyediakan asas seterusnya yang membolehkan pelaksanaan inisiatif yang digariskan dalam jadual di atas.


ALIRAN KERJA / Infrastruktur Luar Bandar

Program GTP 2.0 meneruskan kesinambungan GTP 1.0 dalam pelaksanaan infrastruktur bagi masyarakat luar bandar Malaysia. Kekangan peruntukan belanjawan dan halangan lain telah melambatkan proses pelaksanaan infrastruktur ini. Namun biar apa pun rintangannya, GTP 2.0 tetap akan berusaha menyempurnakan tugas tersebut. Pada akhir GTP 1.0, sebahagian besar daripada pelan pembangunan ini telah dilaksanakan. Walau bagaimanapun, masih terdapat sebahagian kecil komuniti

lagi yang memerlukan fokus NKRA. Komuniti ini akan ditangani dalam GTP 2.0.

Sejajar dengan rancangan untuk menyediakan liputan infrastruktur yang menyeluruh untuk semua penduduk luar bandar Malaysia, GTP 2.0 bakal memfokuskan kawasan pedalaman yang terpencil terutamanya di Sabah dan Sarawak sekali gus menghulurkan bantuan kepada dua juta penduduk lagi yang tinggal di kawasan terpencil tersebut.

Infrastruktur Luar Bandar dalam GTP 2.0 akan memfokuskan kawasan yang lebih terpencil yang bermaksud impak yang berkurangan berbanding dengan GTP 1.0



Inisiatif

Pembaikan Jalan

Jaringan sistem jalan raya yang andal dan selamat, kekal menjadi keutamaan bagi penduduk luar bandar yang terpaksa keluar dengan kerap untuk mengakses kemudahan asas seperti sekolah, kedai dan hospital. Laluan sementara seperti jalan pembalakan utama dan permukaan bertanah liat yang tidak berturap adalah amat berbahaya, sekali gus menjadikan perjalanan hampir mustahil dilakukan sewaktu cuaca buruk melanda.



Tambahan pula, jalan sebegini tidak boleh dilalui oleh kenderaan biasa sehingga rutin harian yang paling mudah seperti menjual hasil keluaran ke pekan atau mendapatkan rawatan menjadi sesuatu yang sangat sukar. Ketiadaan sistem jalan raya yang baik ini juga melambatkan pembangunan ekonomi di kawasan luar bandar kerana ia menjadikan masyarakat di sini terpisah daripada aktiviti ekonomi seperti pelancongan, perniagaan dan perlادangan.

Sebagai tindak balas, NKRA Pembangunan Luar Bandar menjadikan pembaikan jalan sebagai inisiatif utama di bawah aliran kerja pelaksanaan infrastruktur luar bandar, dan menyasarkan untuk memastikan 99% daripada penduduk di Semenanjung Malaysia dan 95% daripada penduduk di Sabah dan Sarawak tinggal dalam lingkungan 5km dari jalan berturap atau jalan kelikir.

Memastikan akses kepada bekalan air bersih atau terawat

Mendapatkan air bersih merupakan satu daripada hak asasi manusia yang diisytiharkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Kerajaan Malaysia komited dalam memastikan seluruh rakyat Malaysia mendapat akses kepada sumber ini. Bekalan air bersih bukan sahaja merupakan keperluan utama bagi kesejahteraan umum, malah sangat penting untuk keperluan industri dan perdagangan. Usaha-usaha di bawah GTP 1.0 tidak berjaya sepenuhnya kerana kekurangan bahan binaan, atau dengan lebih tepat lagi kekurangan bekalan paip polietilena ketumpatan tinggi (HDPE).

Agensi pelaksana telah mengatasi masalah ini dalam GTP 1.0 dengan mendapatkan bekalan paip daripada pembekal yang tidak berdaftar dengan Kerajaan. Pada akhir GTP 1.0, 99% daripada kawasan luar bandar di Malaysia mendapat bekalan air bersih atau air terawat, akan tetapi halangan pembekalan di Sabah dan Sarawak telah merencangkan usaha untuk memastikan liputan bekalan menyeluruh yang sama. Masalah ini akan ditangani melalui GTP 2.0.

Inisiatif ini bakal menyaksikan pembinaan kemudahan rawatan air yang baharu dan infrastruktur sokongan baharu untuk melegakan tekanan terhadap loji rawatan air di kawasan bandar selain digunakan untuk memproses air daripada sumber-sumber baharu.



MENGUBAH AIR HUJAN MENJADI AIR MINUMAN BERSIH



Cabarannya dalam membekalkan air bersih ke kawasan luar bandar di Malaysia ialah faktor akses, terutamanya bagi masyarakat yang tinggal jauh di pedalaman tanpa akses yang mudah kepada aquifer atau sumber air yang andal. Bagi mengatasi masalah ini, NKRA Pembangunan Luar Bandar telah menyediakan penyelesaian yang inovatif, iaitu dengan menggunakan kaedah pengumpulan air hujan secara tradisional yang diberikan sentuhan teknologi moden.

Lifesaver M1 ialah produk buatan Malaysia yang menggunakan nanoteknologi British untuk menapis air hujan yang terkumpul dan menjadikannya air minuman yang bersih. Tanginya beroperasi sendiri tanpa memerlukan tenaga elektrik dan boleh menapis hampir dua juta liter air, iaitu lebih kurang jumlah air kolam renang bersaiz Olimpik, sebelum katrij penapis perlu ditukar.

Unit-unit Lifesaver M1 akan terus digunakan pada tahun-tahun yang akan datang.

Bekalan elektrik 24 jam yang andal di kawasan luar bandar

NKRA Pembangunan Luar Bandar komited dalam memastikan rakyat luar bandar mendapat bekalan elektrik yang berterusan dan andal. Bekalan elektrik merupakan kemudahan yang penting untuk kesejahteraan hidup. Walaupun banyak usaha telah dijalankan bagi menghubungkan rakyat luar bandar dengan grid, masih terdapat penduduk di beberapa kawasan luar bandar yang tidak mendapat sambungan bekalan elektrik.

Sekali lagi, halangan utamanya ialah ketidaa akses ke kawasan terpencil yang terletak terlalu jauh dari grid kuasa utama. Komuniti di sini memerlukan pemujudan kaedah alternatif untuk menjana tenaga elektrik, daripada empangan hidroelektrik berskala kecil hingga panel solar. Kerajaan turut memfokuskan inisiatif ini di sekolah-sekolah luar bandar yang kini bergantung pada generator diesel untuk mendapatkan bekalan elektrik.

Seperti kemudahan jalan dan bekalan air, matlamat Kerajaan adalah untuk memastikan 95% daripada penduduk luar bandar di Sabah dan Sarawak mendapat bekalan elektrik yang andal pada akhir GTP 2.0, dan 99% daripada penduduk luar bandar di Semenanjung Malaysia menikmati manfaat yang sama.

Penyenggaraan infrastruktur luar bandar

Inisiatif baru ini diperkenalkan melalui GTP 2.0 untuk memastikan infrastruktur sedia ada tidak mengalami kerosakan dan menjadi usang. Fokus semasa diberikan terhadap jalan raya luar bandar yang tidak dipantau oleh Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) yang dikendalikan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Berdasarkan anggaran awal, terdapat 2,400km jalan luar bandar yang tidak didaftarkan dan dipantau di bawah MARRIS. KKLW telah mengambil alih jalan ini dan akan menyenggarakannya sepanjang tempoh GTP 2.0.

Sementara itu, pihak kementerian akan memastikan agar infrastruktur sokongan seperti generator kuasa dan sistem generator kuasa solar yang memerlukan penyenggaraan berterusan dapat beroperasi pada keupayaan optimum. Aset-aset ini telah dipindahkan operasinya kepada penyedia perkhidmatan tempatan seperti Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) dan Sarawak Energy (SESCO) sekali gus mengelakkan berlakunya pertindihan dengan kerja pengembangan yang telah pun dilaksanakan oleh pihak penyedia perkhidmatan ini.

Memandangkan penyedia perkhidmatan tempatan merupakan pihak yang mempunyai kelengkapan terbaik dalam memantau dan menyenggarakan infrastruktur ini, sebuah jabatan yang memiliki kepakaran di organisasi masing-masing akan melaksanakan tanggungjawab menyenggarakan infrastruktur tersebut.

ALIRAN KERJA / Program Kampung Abad ke-21 (KA-21)

KA-21 merupakan aliran kerja baru yang diperkenalkan melalui GTP 2.0 bertujuan mentransformasi kampung-kampung sedia ada menjadi pusat ekonomi berkembang maju yang mampu menyediakan pelbagai peluang ekonomi kepada masyarakat luar bandar. NKRA Pembangunan Luar Bandar menyedari hakikat bahawa infrastruktur sahaja tidak mencukupi dalam mempertingkatkan taraf kehidupan penduduk luar bandar Malaysia, apatah lagi apabila golongan belia luar bandar kini tertarik untuk berhijrah ke pusat bandar untuk membina kehidupan yang lebih baik.

Tidak ada model khusus yang boleh menyelesaikan masalah ini. Walau bagaimanapun, berdasarkan Makmal GTP 2.0 kami telah menerima guna empat model berbeza yang


boleh membantu dalam merealisasikan Program Kampung Abad ke-21 ini :

- Memajukan ladang bersepadu moden yang dipacu oleh kerajaan negeri dan agensinya.
- Melibatkan masyarakat luar bandar dengan ladang buah-buahan dan sayur-sayuran yang dipacu oleh sektor swasta di bawah ETP EPP 7: Program Buah-buahan dan Sayur-sayuran Premium
- Menambah baik aktiviti ekonomi sedia ada atau menjana aktiviti ekonomi baharu di bawah koperasi kampung
- Menggalakkan usahawan belia untuk memfokuskan usaha membangunkan kawasan luar bandar Malaysia



Inisiatif**Ladang moden yang dipacu Kerajaan Negeri (Program Rimbunan Kaseh)**

NKRA Pembangunan Luar Bandar telah mendapatkan kerjasama Kerajaan Negeri dan agensi-agensinya untuk membangunkan ladang fertigasi bersepadu moden bersama-sama dengan masyarakat luar bandar. Program yang dikenali sebagai Rimbunan Kaseh ini diselaraskan dan diurus oleh Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri. Pembangunan ladang baharu ini turut mempunyai komponen perumahan bagi membolehkan penduduk kampung tinggal dalam komuniti perladangan. Model inisiatif ini akan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan dan diurus oleh kerajaan negeri. Matlamat utama inisiatif ini disasarkan kepada masyarakat miskin luar bandar yang tidak mempunyai pekerjaan berpendapatan dan juga rumah.

**Ladang Fertigasi Moden Dipacu Kerajaan Negeri****Ladang buah-buahan dan sayur-sayuran yang dipacu sektor swasta**

Masyarakat luar bandar telah dilibatkan untuk bekerja di ladang buah-buahan dan sayur-sayuran premium yang diwujudkan di bawah EPP 7: Buah-buahan dan Sayur-sayuran Premium, NKEA Pertanian, ETP. Ladang buah-buahan dan sayur-sayuran berskala besar akan dibangunkan secara bersama oleh KKLW dan syarikat peneraju sektor swasta yang tersenarai dalam EPP 7 NKEA Pertanian.

Kementerian akan menyediakan kos tanah dan infrastruktur untuk pembinaan ladang sementara syarikat peneraju akan bertanggungjawab mengurus ladang dan memasarkan hasil kutipan. Inisiatif model ini digabungkan dengan NKEA Pertanian, iaitu dengan menggunakan dana NKEA untuk membantu membiayai kos infrastruktur dalam. Penduduk kampung luar bandar akan diambil bekerja di ladang-ladang ini dan diberi gaji selain mendapat pembahagian keuntungan daripada hasil ladang. KKLW akan membangunkan 10 buah ladang sehingga akhir GTP 2.0. Pada tahun 2013, kerja pembangunan dua buah ladang telah dimulakan. NKRA Pembangunan Luar Bandar sedang memberikan tumpuan terhadap pemilihan peserta yang sesuai dan pada masa yang sama membangunkan infrastruktur yang berkaitan.

Sektor swasta memacu ladang buah-buahan segar atau kebun sayur-sayuran berskala besar

MEMBAWA JAMINAN KEHIDUPAN YANG LEBIH BAIK KEPADA PENDUDUK LUAR BANDAR MALAYSIA



ENCIK ABDUL HAKIM



PUAN NOR ASHIKIN



ENCIK MOHD ZULIP

NKRA Pembangunan Luar Bandar komited terhadap usaha menambah baik kehidupan penduduk luar bandar Malaysia dan usaha ke arah matlamat itu telah dimulakan dalam GTP 2.0 di bawah program utamanya, Kampung Abad ke-21.

Salah satu daripada inisiatif di bawah program ini menyaksikan penduduk kampung diambil bekerja oleh syarikat peneraju sektor swasta yang pada masa ini sedang menjalankan aktiviti perladangan di kawasan luar bandar Malaysia di bawah Projek Permulaan EPP7, Buah-buahan dan Sayur-sayuran Segar, yang dipacu oleh Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Di bawah program ini, penduduk kampung diambil untuk bekerja di ladang-ladang dan dijamin memperoleh gaji dan seterusnya mendapat bahagian daripada keuntungan yang diraih daripada hasil keluaran ladang. KKLW akan membantu membangunkan 10 buah ladang menjelang fasa akhir GTP 2.0. Pada tahun 2013, kerja telah pun dimulakan di dua buah ladang. Pasukan pelaksana kini memfokuskan usaha memilih peserta yang sewajarnya dan pada masa yang sama membangunkan infrastruktur yang diperlukan.

“Salah satu manfaatnya yang terbesar ialah bayaran upah berterusan yang memuaskan,” ujar Puan Noor, penduduk dari kampung Chemoimoi, Pahang yang telah diambil bekerja di bawah program ini. “Kami tidak lagi hanya duduk dan menunggu kerja datang kepada kami kerana jawatan kami ini adalah tetap.”

Syarikat peneraju, Exotic Star, merupakan pengeksport buah-buahan tropika segar Malaysia yang terkenal, dan sudah pun menghasilkan pelbagai jenis buah-buahan termasuk betik di rantau ini.

“Saya amat gembira dengan program ini dan saya sangat berharap syarikat Exotic Star bersama-sama dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan terus melaksanakan program ini,” kata Encik Hakim, seorang lagi penduduk Chemoimoi yang terlibat dengan program ini. “Kami perlu memikirkan anak-anak kami kerana kami ingin meninggalkan sebuah legasi untuk mereka.”

Encik Hakim menambah, perolehan pendapatan tetap sememangnya amat diharapkan kerana fakta bahwa barang di kampung adalah lebih murah daripada di bandar sudah tidak lagi benar. Justeru, program yang dilaksanakan ini menawarkan jaminan kehidupan yang lebih baik kepada penduduk kampung.

Buah-buahan yang akan ditanam di bawah program ini telah dipilih dengan teliti di bawah peruntukan EPP, yang menyasarkan untuk meningkatkan jualan buah-buahan dan sayur-sayuran premium Malaysia di Timur Tengah dan Eropah. Kedua-dua rantau ini mengimport lebih 50% daripada buah-buahan tropika dunia.

Sementara itu, keuntungan yang lebih tinggi yang diperoleh oleh syarikat peneraju akan melimpah kepada penduduk kampung yang mengambil bahagian dalam program sekali gus mewujudkan situasi yang menguntungkan kedua-dua belah pihak. Menerusi program seperti ini dan inisiatif-inisiatif yang lain, NKRA Pembangunan Luar Bandar berharap untuk mentransformasikan kawasan luar bandar Malaysia menjadi pusat aktiviti komersial yang dinamik sekali gus meningkatkan pendapatan negara dan menterbalikkan trend diaspora (penghijrahan) di bandar.


Menambah baik aktiviti ekonomi koperasi kampung di bawah Program Desa Lestari

Koperasi-koperasi kampung sedia ada yang telah menjalankan aktiviti ekonomi akan menerima bantuan daripada Kerajaan untuk mengembangkan operasi masing-masing. Antara aktiviti yang dijalankan termasuklah pertanian, perikanan, ekopelancongan dan pelbagai jenis industri desa.

KKLW akan mengenal pasti kampung-kampung yang menyerlahkan potensi untuk meraih kemajuan yang lebih besar selain memanfaatkan kepakaran penduduk kampung sedia ada untuk mengembangkan perniagaan. KKLW melalui Bahagian Pengupayaan Ekonomi akan menyediakan pembiayaan untuk pelaksanaan inisiatif ini dan bekerjasama dengan agensi pelaksana lain seperti Pihak Berkusa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Lembaga Kemajuan Johor Tengara (KEJORA).

Agensi pelaksana ini akan bertanggungjawab menguruskan pembelian dan pembinaan aset-aset baharu, menyelenggarakan koperasi dan memantau pelaksanaan projek. Meskipun terdapat empat buah koperasi terawal yang telah ditentukan untuk pelaksanaan pada tahun 2013, projek ini menjadi semakin terkenal dan digemari sehingga 29 buah kampung telah terpilih untuk membangunkan projek ini pada akhir tahun 2013.

Model perniagaan untuk memacu kerjasama pelancongan, pertanian dan sokongan industri di pedalaman



Pertandingan Pelan Perniagaan Luar Bandar

Pertandingan Pelan Perniagaan Luar Bandar untuk belia telah diadakan bagi tahun yang kedua secara berturut-turut pada tahun 2013 dan sebelas peserta telah dinobatkan sebagai pemenang. Para peserta yang bertanding mencadangkan pelbagai projek mencakupi industri desa berskala kecil sehinggalah pusat peranginan eko semulajadi di Sabah. Pelaksanaannya dijangka bermula pada tahun 2014.

Pertandingan ini merupakan sebuah model inisiatif bertujuan mengekalkan belia luar bandar tinggal di kampung atau membawa belia yang telah berhijrah kembali ke kampung dengan memberikan peluang kepada usahawan belia ini untuk merangka pelan perniagaan yang menarik bagi generasi muda. Sementara itu, perniagaan yang berjaya kelak akan melonjakkan pendapatan petani dan penduduk luar bandar sekali gus mewujudkan situasi ‘menang-menang’ yang menguntungkan semua pihak.

Usahawan muda akan memacu kawasan luar bandar berpandukan Perniagaan Pertanian Moden

PERTANDINGAN

KKLW membiayai dan menganjurkan pertandingan pelan perniagaan untuk semua belia tempatan. Pertandingan ini akan diiklankan di akbar, televisyen, dan online media utama di Malaysia dan antarabangsa. Tanah-tanah yang tidak digunakan akan ditawarkan kepada para peserta.



DANA

Ahli panel termasuk KKLW akan melihat semua penyertaan untuk memilih finalis bagi menjalani sesi temuduga yang ketat sebelum pemenang dipilih.



PERNIAGAAN

Pemenang akan diberi bantuan kewangan untuk melaksanakan pelan perniagaan mereka.



PEMENANG PERTANDINGAN PELAN PERNIAGAAN LUAR BANDAR MENGAPAI IMPIAN SEJAK KECIL

Pada zaman kanak-kanaknya, Selvestone Junit selalu bermain di sebuah padang milik datuknya di atas bukit, pinggir Kota Marudu, Sabah. Selvestone sering membayangkan orang lain juga patut menikmati keindahan dan ketenangan di tempat dia berdiri itu. Walaupun terletak jauh dari jalan raya utama yang menghubungkan Kota Marudu dengan Kudat, pemuda Rungus berusia 23 tahun ini yakin bahawa bukit yang menghadap Teluk Kudat ini memiliki keindahan yang tidak tergambar, di samping mempunyai potensi besar sebagai pusat peranginan pelancongan yang ideal.

Hanya dua perkara yang menghalang impianinya daripada menjadi kenyataan: sumber kewangan dan kepakaran yang diperlukan untuk menjalankan operasi tersebut. Semua itu berubah apabila Selvestone terpandang iklan Pertandingan Pelan Perniagaan Luar Bandar (RBC) anjuran Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) yang tersiar dalam akbar tempatan. Tanpa berlengah lagi dia pun memutuskan untuk mengirimkan rancangan perniagaannya.

Selvestone akhirnya terpilih sebagai pemenang pertandingan bagi tahun 2012 berdasarkan dua perkara, iaitu cita-cita dan skala rancangan perniagaannya. Sebaik sahaja kemenangan diraih, kerja-kerja pembinaan Panorama Paradise, pusat peranginan impianinya pun terus bermula. Selain RM500,000 sebagai modal permulaan, pihak kementerian turut membantunya dalam membina model perniagaan yang baharu serta pelan pembangunan berperingkat pusat peranginan tersebut.

Di samping itu, Kementerian juga membantu dalam mendapatkan kemudahan yang diperlukan oleh pusat peranginan, seperti rusa dan kambing untuk tujuan ladang (zoo) mesra pengunjung (*petting farm*) yang terdapat di situ.

“Saya amat berterima kasih kepada Kementerian atas dana, sokongan dan juga bantuan yang dihulurkan kepada saya,” kata Selvestone. “Sasaran pusat peranginan ini ialah pengunjung dari luar negara memandangkan ekopelancongan kini menjadi sangat terkenal di Sabah.”

“Pusat peranginan ini menyediakan lokasi yang terlindung dan sangat bebas daripada gangguan untuk kumpulan pelancong yang menggemari aktiviti luar yang disediakan di kawasan ini. Antara aktiviti luar yang tersedia termasuklah susur denai Kenderaan Pelbagai Permukaan (*All Terrain Vehicle – ATV*), susur denai pejalan kaki, taman herba dan anggerik serta zoo mesra pengunjung (*petting zoo*) untuk kanak-kanak.”

Atas nasihat KKLW, Selvestone telah pun mula melaksanakan pelan pemasarannya, iaitu mendapatkan kerjasama daripada agensi pelancongan untuk menawarkan pusat peranginannya sebagai pusat pelancongan mulai April 2014. Selvestone juga telah menerima tempahan melalui laman Facebook pusat peranginannya yang menurutnya, amat menggalakkan.

“Salah satu matlamat pusat peranginan ini adalah untuk membantu masyarakat orang asli yang tinggal di kawasan ini mempertingkatkan mutu kehidupan mereka,” kata Selvestone. “Ini merupakan pusat peranginan eko semulajadi yang pertama di Kota Marudu dan saya percaya kedudukannya yang hampir dengan Kudat, Hujung Tanah Borneo ini mampu menarik lebih ramai pengunjung.”

Pusat peranginan ini dijangka mengambil 30 puluh orang pekerja sepenuh masa apabila ia beroperasi sepenuhnya, tetapi Selvestone masih mempunyai ruang untuk melaksanakan pengembangan jika projek ini meneruskan kejayaannya sebagaimana yang dirancang.

Pusat peranginan Selvestone ini merupakan contoh terbaik bagi sasaran Pertandingan Pelan Perniagaan Luar Bandar (RBC), iaitu untuk menggalakkan perniagaan yang dipacu oleh golongan belia dalam memperkaya dan mempertingkatkan kehidupan masyarakat luar bandar. KKLW sesungguhnya percaya bahawa kawasan luar bandar di Malaysia akan terus menjadi alternatif bagi mereka yang mencari kelainan terhadap kehidupan di bandar. Projek seperti yang dijalankan oleh Selvestone ini pastinya akan membantu merancakkan aktiviti komersial di lokasi-lokasi utama luar bandar.



CABARAN UTAMA

Masalah yang kerap berulang dalam pelaksanaan infrastruktur luar bandar ialah kesukaran mengakses kawasan pedalaman dan ceruk pelosok, terutamanya di Sabah dan Sarawak disebabkan bentuk muka bumi yang mencabar. Sementara itu, halangan kewangan pula sering timbul dan menyebabkan agensi pelaksana terpaksa mengubah pelan pelaksanaan di pertengahan jalan. Secara tidak langsung, hal ini menjadikan pelaksanaan infrastruktur tertangguh walaupun proses menyaring dan mendapatkan kontraktor baharu telah banyak menyelesaikan masalah ini pada tahun 2013.

Model inisiatif yang menggabungkan sektor swasta mungkin tidak mengalami halangan kewangan, tetapi tetap menghadapi kekangan untuk mendapatkan kakitangan

mencukupi yang boleh melaksanakan program tersebut. Tambahan pula, inisiatif perlادangan di bawah EPP 7: *Program Buah-buahan dan Sayur-sayuran Premium* mengalami cabaran dalam mendapatkan peserta yang sesuai. Justeru, pengembangan model inisiatif ini bakal berdepan dengan kesukaran dalam mendapatkan tanah yang luas dan bersebelahan.

Di sebalik segala cabaran awal ini, pencapaian dan kejayaan program jauh mengatasi semua kesulitan dan kesukaran itu dan NKRA Pembangunan Luar Bandar sangat yakin bahawa program Kampung Abad ke-21 ini sedang merintis laluan untuk mencipta kejayaan bagi masyarakat luar bandar di Malaysia.

MELANGKAH KE HADAPAN

NKRA Pembangunan Luar Bandar akan menilai semula pelaksanaan infrastruktur untuk memastikan sama ada lebih banyak penduduk luar bandar di Malaysia dapat manfaatkan tambahan jalan berturap, bekalan air bersih dan elektrik yang andal serta rumah yang berkualiti. Agensi pelaksana bukan sahaja sedang menyempurnakan infrastruktur yang ditetapkan dalam Pelan Hala Tuju GTP 2.0, malah terus memperbaiki pelaksanaan tersebut khususnya di kawasan terpencil di Sabah dan Sarawak.

Sementara itu, NKRA Pembangunan Luar Bandar akan meneruskan inisiatif di bawah Aliran Kerja Kampung Abad ke-21 untuk meletakkan asas yang kukuh bagi program ini. Memandangkan tahun 2013 ialah tahun pertama pelaksanaan Kampung Abad ke-21, lebih banyak kerja asas dari segi penyediaan infrastruktur yang perlu dilaksanakan selain memilih peserta yang sesuai bagi pelbagai program.

NKRA Pembangunan Luar Bandar beriltizam untuk meningkatkan mutu kehidupan penduduk luar bandar

di Malaysia dan dijangka penyertaan dan penglibatan yang lebih giat oleh rakyat pada tahun-tahun yang akan datang apabila asas-asas yang betul dilaksanakan dengan sewajarnya. NKRA Pembangunan Luar Bandar mengiktiraf bahawa masyarakat luar bandar mempunyai peranan yang perlu digembungkan dalam memberikan sumbangan terhadap tahap produktiviti negara secara keseluruhan.

Kawasan luar bandar harus kekal sebagai pilhan berdaya maju rakyat Malaysia yang mahukan alternatif kepada kehidupan di bandar dan NKRA Pembangunan Luar Bandar sedang berusaha dengan gigih untuk memastikan penduduk luar bandar Malaysia mempunyai peluang yang setara dengan penduduk di bandar. Kerajaan percaya bahawa ia mempunyai tanggungjawab yang perlu dilunaskan untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar selain membantu mereka mencapai potensi diri yang sebenar dalam semua usaha yang dilaksanakan.



Pandangan daripada DMO:

MEMPERTINGKATKAN MASYARAKAT LUAR BANDAR

**DATUK SERI IBRAHIM
BIN MUHAMAD**
Ketua Setiausaha (KSU),
Kementerian Kemajuan
Luar Bandar dan
Wilayah (KKLW)

Sejajar dengan transformasi yang jelas berlaku di kawasan luar bandar, NKRA Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar telah melaksanakan peralihan daripada hanya memfokuskan infrastruktur asas luar bandar, ke arah pelaksanaan program pembangunan yang komprehensif, mampan dan holistik.

Datuk Seri Ibrahim bin Muhamad, Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) menyatakan, "Peruntukan besar sebanyak RM18 bilion untuk NKRA Pembangunan Luar Bandar dari tahun 2010 hingga 2013 menunjukkan bahawa Kerajaan serius dan komited terhadap usaha mempertingkatkan kawasan luar bandar."

Penyepaduan sumber manusia dan sumber-sumber lain untuk melaksanakan program pembangunan, seperti program Kampung Abad ke-21 (KA-21) yang baru diperkenalkan, merupakan beberapa inisiatif yang jelas menunjukkan bahawa Kerajaan berada di landasan yang betul sepanjang 2013.

"Suatu proses yang penting dalam pembangunan luar bandar ialah memastikan pelaksanaan bermula dengan kefahaman terhadap situasi semasa, iaitu mengapa kita memerlukan program, masa hadapan yang diharatkan

dan matlamat program. Suatu elemen yang penting ialah menggerakkan dan menggunakan sumber-sumber dengan lebih cekap dalam mencapai matlamat NKRA," ujar Datuk Seri Ibrahim.

KKLW sedang giat melaksanakan tiga inisiatif di bawah Program Kampung Abad ke-21. Tiga program tersebut termasuklah program Desa Lestari, EPP7: Ladang buah-buahan premium berskala besar dan Pertandingan Pelan Perniagaan Luar Bandar (RBC).

Projek Desa Lestari merupakan sebuah program bercita-cita tinggi, merangkumi 29 buah kampung yang melaksanakan projek ekonomi seperti pelancongan luar bandar, pertanian, perniagaan dan pengangkutan. Projek-projek ini telah dikenalpasti untuk membantu mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan bagi penduduk kampung yang terlibat.

Inisiatif RBC pula menyasarkan untuk menggembangkan dan menggalakkan keusahawanan dalam kalangan belia luar bandar. RBC bertujuan menarik belia yang mempunyai minda inovatif untuk melibatkan diri mereka dalam keusahawanan. Usahawan belia yang beraspirasi digalakkan untuk tampil ke hadapan dengan cadangan perniagaan yang berdaya maju untuk mengembangkan perniagaan yang mampan dalam sektor luar bandar.

Pemenang RBC yang mempunyai pelan pelaksanaan yang mantap dan kukuh akan menerima geran perniagaan serta diberi peluang untuk melaksanakan pelan perniagaan mereka di kawasan luar bandar yang ditetapkan.

"Tahun 2012 menyaksikan sejumlah RM8.5 bilion dilaburkan kepada 11 pemenang. Pada tahun 2013, 20 usahawan belia memenangi geran perniagaan antara RM300,000 hingga RM2 juta. RBC telah terbukti sebagai inisiatif yang berjaya menggalakkan usahawan-usahawan belia untuk menyertai cabaran untuk membangunkan sebuah persekitaran ekonomi yang mampan dalam sektor luar bandar," kata Datuk Seri Ibrahim. Enam orang pemenang daripada RBC 2012 telah berjaya menggandakan pendapatan mereka hanya dalam tempoh setahun.

Inisiatif RBC juga telah mencipta lebih 400 peluang pekerjaan dengan pendapatan bulanan antara RM700 hingga RM2,500. "Lebih banyak peluang pekerjaan

dijangka akan diwujudkan daripada projek yang dilaksanakan oleh pemenang pada tahun 2013," kata Datuk Seri Ibrahim.

Selaras dengan pelaksanaan GTP 2.0, Datuk Seri Ibrahim berkata bahawa NKRA Pembangunan Luar Bandar telah memfokuskan usaha memastikan keperluan projek dan tempoh masa dipenuhi menerusi penglibatan berkala dan kerjasama rapat dengan agensi pelaksanaan dan kerajaan negeri. Secara keseluruhan, Datuk Seri Ibrahim berbangga bahawa pemantauan rapi pada setiap tahap dengan menjelak, menilai dan mengawal kemajuan dan prestasi projek, dan semua ini menyumbang kepada pencapaian KPI NKRA Pembangunan Luar Bandar sebanyak 120%, sekali gus mendakwa tahun pertama yang penuh dengan kejayaan bagi GTP 2.0



MEMPERTINGKATKAN PENGANGKUTAN AWAM BANDAR



DATO' SERI HISHAMMUDIN BIN TUN HUSSEIN
Menteri Pengangkutan, Malaysia (Pemangku)

“ Mobiliti bandar bukan lagi mengenai pembinaan jalan raya yang lebih luas atau lebih panjang. Ia adalah tentang penyediaan sistem pengangkutan awam yang cekap dan perkhidmatan terbaik kepada orang ramai. ”



Sistem pengangkutan awam bandar bertaraf dunia merupakan komponen penting bagi setiap negara maju, malah lebih penting lagi kerana ia merupakan pemangkin utama untuk mencapai tahap negara berpendapatan tinggi. Walaupun dunia kini semakin bergantung pada Internet dan kaedah komunikasi digital, namun pada hakikatnya, keperluan terhadap sistem pengangkutan yang cekap dan berkesan di pusat bandar raya masih perlu diutamakan.

Saya amat berbesar hati untuk melaporkan bahawa pihak Kementerian telah berjaya meneruskan pencapaian GTP 1.0 sepanjang 12 bulan yang lalu. Fokus utama kami masih kekal kepada usaha untuk mentransformasikan pengangkutan awam bandar menjadi mod perjalanan alternatif yang menarik bagi penduduk bandar. Pada akhir tahun 2013, nisbah mod pengangkutan awam iaitu jumlah penumpang yang menggunakan pengangkutan awam mencecah 21% pada waktu puncak pagi.

Usaha untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam di kalangan orang ramai perlu dilakukan secara menyeluruh. Orang ramai perlu diyakinkan bahawa penggunaan pengangkutan awam adalah mudah dan cekap. Sejak GTP 1.0 lagi, Kementerian ini telah mula memperkenalkan inisiatif-inisiatif pemberian kepada sistem dan rangkaian pengangkutan awam. Matlamat Kementerian ini adalah untuk melengkapkan inisiatif-inisiatif tersebut, serta melaksanakan beberapa lagi inisiatif baharu dalam GTP 2.0 ini.

Antara pencapaian GTP 2.0 dalam tahun pertama pelaksanaannya adalah lebih banyak pembinaan kompleks tempat letak kereta (Park 'n' Ride) di stesen-stesen utama KTM Komuter dan LRT selain pemasangan Paparan Maklumat Penumpang (PID) di perhentian-perhentian bas utama. Kementerian ini juga telah mula melaksanakan beberapa langkah bagi menyokong pelaksanaan inisiatif-inisiatif utama seperti pembinaan koridor Bas Aliran Deras (Bus Rapid Transit atau BRT) bagi laluan Kuala Lumpur - Klang dan bekerjasama dengan pihak yang berkaitan di peringkat negeri Selangor bagi melaksanakan projek Terminal Transit Bersepadu (ITT) Gombak.

Peningkatan dalam penggunaan pengangkutan awam bandar merupakan matlamat utama Program Transformasi Kerajaan (GTP). Selaras dengan pembangunan ekonomi yang pesat, inisiatif-inisiatif ini akan menangani masalah-masalah asas dan secara tidak langsung meningkatkan kualiti sistem pengangkutan awam bandar kita. Seperti yang sering diperkatakan oleh kebanyakan pengguna pengangkutan awam bandar, tahap pengangkutan awam yang sedia ada sememangnya belum cukup baik, justeru masalah ini sering menyebabkan kesesakan lalu lintas dan kelewatan.

Namun demikian, rakyat Malaysia masih tetap bergantung kepada sistem pengangkutan awam (bas dan rel) untuk keluar dan masuk ke pusat bandar setiap hari. Sistem pengangkutan yang kurang cekap akan membawa kepada kerugian ekonomi akibat pembaziran bahan api dan produktiviti, justeru merencanakan perjalanan kita ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020. Dengan usaha yang intensif yang dilaksanakan di bawah kerangka NKRA UPT, kita patut yakin bahawa kita akan mencapai aspirasi yang telah ditetapkan pada tahun 2015, iaitu 750,000 penumpang pengangkutan awam pada waktu puncak pagi, 75% rakyat mempunyai akses kepada laluan pengangkutan awam, dan memastikan 25% daripada teksi bajet di Kuala Lumpur adalah setaraf dengan standard terbaik di bandar-bandar ASEAN .

Sememangnya tidak ada penyelesaian yang pantas ke atas masalah pengangkutan awam negara. Justeru itu, inisiatif inisiatif NKRA UPT direka dengan mengambil kira perancangan dan kemampuan jangka panjang. Usaha yang digembung di bawah GTP 2.0 adalah untuk meneruskan kejayaan inisiatif GTP 1.0 supaya dapat menarik lebih ramai pengguna untuk memanfaatkan rangkaian pengangkutan awam.


Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan bahawa inisiatif pengangkutan awam bandar ini umumnya mempunyai tempoh pembinaan yang panjang. Menaik taraf rangkaian rel dan membina hab baharu tidak akan berlaku dalam sekilip mata, justeru saya memohon agar rakyat bersabar dengan situasi yang dihadapi kini, meskipun usaha yang sedang dilaksanakan ini berkemungkinan menyebabkan kelewatan dan kesulitan, tetapi ianya hanyalah untuk tempoh sementara.

TINJAUAN KESELURUHAN

Sepanjang empat tahun yang lalu, nisbah mod pengangkutan awam bandar (jumlah pengguna pengangkutan awam berbanding dengan pengangkutan persendirian) telah meningkat kepada 21% pada akhir tahun 2013 berbanding 17% pada tahun 2010. Namun demikian, masih terdapat ruang penambahbaikan untuk kita memandangkan projek UPT yang biasanya memerlukan masa yang panjang sebelum membawakan hasil.



Nisbah Mod Pengangkutan Awam (2010-2013)



Graf di atas menggambarkan bahawa walaupun usaha ke arah mencapai matlamat 25% nisbah mod pada tahun 2015 tidak sentiasa berjalan dengan lancar, namun data menunjukkan trend peningkatan yang kukuh dan merupakan penunjuk yang positif bagi inisiatif NKRA UPT. Nisbah mod akan dapat dipertingkatkan apabila inisiatif seperti penambahan kapasiti tren monorel Kuala Lumpur dan pewujudan laluan khas bagi Bas Aliran Deras (Bus Rapid Transit atau BRT) disiapkan sepenuhnya.

Hakikat yang perlu diakui ialah Kuala Lumpur sangat memerlukan sistem pengangkutan awam yang cekap untuk mengurangkan jumlah kereta di atas jalan raya. Pada masa kini, peningkatan jumlah kereta di atas jalan raya telah

berada pada kapasiti maksimum dan boleh mencapai tahap kritis jika tidak ada usaha dilakukan untuk mengatasi perkara ini, lebih-lebih lagi dengan pertambahan jumlah penduduk yang dianggarkan seramai empat juta orang menjelang tahun 2020.

Pada masa yang sama, kesesakan lalu lintas juga mengakibatkan kerugian ekonomi yang nyata dari segi produktiviti dan kos perjalanan. Kenderaan yang tersekat dalam kesesakan lalu lintas akan menyebabkan pembaziran kepada penggunaan bahan api manakala aktiviti penting yang bersifat komersial yang amat bergantung kepada ketepatan masa mungkin memerlukan penyesuaian semula jadual dengan teliti. Kesesakan di pusat bandar

akan mengurangkan tarikan kepada pelancong dan pelabur asing serta menjasakan kualiti hidup terutamanya dengan peningkatan tahap pencemaran secara keseluruhan di negara ini.

Sejak bermulanya GTP pada tahun 2010, NKRA UPT telah mengenalpasti bahawa penyelesaian kepada isu kesesakan ialah mewujudkan alternatif pengangkutan awam yang cekap. Sejak itu, NKRA UPT telah memulakan beberapa inisiatif untuk melonjakkan faktor tarikan terhadap penggunaan pengangkutan awam.

Antara inisiatif tersebut ialah peningkatan ketara dalam bilangan pengguna pengangkutan awam pada waktu puncak pagi dengan hanya menambah kapasiti set tren perkhidmatan KTM Komuter daripada tiga gerabak kepada enam gerabak, dan dengan mewujudkan hab pengangkutan awam bersepadu yang strategik seperti Terminal Bersepadu Selatan (TBS) di Bandar Tasik Selatan. Inisiatif lain termasuk meningkatkan kesalinghubungan perjalanan dan menyediakan perkhidmatan bas bandar percuma (GO-KL) yang berfungsi untuk menarik minat terhadap penggunaan pengangkutan awam dengan lebih meluas.

Seperti yang digambarkan dalam peratusan nisbah mod, inisiatif tersebut nyata telah membawakan hasil. Namun demikian, lebih banyak yang perlu dilakukan untuk mencapai matlamat 25% nisbah mod pada tahun 2015. Sehubungan itu, GTP 2.0 menyasarkan untuk menyempurnakan usaha yang dimulakan pada GTP 1.0 dan pada masa yang sama memperkenalkan inisiatif baharu yang akan terus memperkuuh transformasi yang telah telah dilaksanakan oleh kerajaan.

Gambar rajah di bawah menunjukkan gambaran yang menyeluruh terhadap keutamaan bidang NKRA UPT sepanjang pelaksanaan GTP 2.0.



NKRA UPT juga mengenalpasti bahawa teksi memainkan peranan pengangkutan yang penting di dalam dan di luar pusat bandar, dan dengan itu tumpuan telah diberikan terhadap penambahbaikan perkhidmatan teksi di bawah GTP 2.0. Semua aduan yang diterima daripada penumpang-penumpang tempatan dan luar negara telah mendorong kajian yang teliti terhadap sistem teksi sedia ada, dan satu keputusan telah dibuat untuk mentransformasikan keseluruhan prasarana teksi. Tujuannya adalah untuk mewujudkan satu sistem teksi yang setanding dengan bandar-bandar di ASEAN lain menjelang tahun 2015.

PENCAPAIAN

Meningkatkan bilangan penumpang pengangkutan awam pada waktu puncak pagi sebanyak 21%

Statistik¹ jumlah penumpang pada waktu puncak pagi merupakan penanda aras penting terhadap keberkesanannya ini. Sasaran 400,000 orang penumpang yang telah ditetapkan berjaya dilangkaui iaitu mencapai 437,525 orang pengguna pada akhir tahun, bersamaan dengan 58% daripada sasaran tahun 2015. Peningkatan jumlah pengguna pengangkutan awam disebabkan oleh beberapa penambahbaikan yang diperkenalkan kepada sistem pengangkutan awam seperti menyediakan terminal bersepadu, meningkatkan kapasiti perkhidmatan rel, dan mengurangkan selang waktu perjalanan (*headway*) perkhidmatan pengangkutan awam.

Kerajaan juga telah meluluskan projek perintis Bas Aliran Deras (BRT) pertama negara yang akan menghubungkan Kuala Lumpur dengan Klang pada tahun lepas. Fasa

pertama yang menghubungkan Pasar Seni di pusat bandar dan Subang akan memulakan pembinaannya pada suku keempat 2014. Sistem BRT ini mempunyai kapasiti untuk membawa 400,000 orang penumpang sehari dan dijangka siap pada akhir tahun 2016.



- Melengkapkan 58 buah perhentian bas utama di Lembah Klang dengan Paparan Maklumat Penumpang (PID) elektronik yang menyediakan anggaran masa ketibaan bas. PID menggunakan Sistem Kedudukan Sejagat (GPS) untuk mendapatkan anggaran masa ketibaan bas. NKRA UPT juga telah membina dan mengubahsuai 161 buah perhentian bas di empat pihak berkusa tempatan (PBT), iaitu Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).



- Meneruskan inisiatif bas bandar GO-KL yang menyediakan perkhidmatan bas percuma di Kuala Lumpur. GO-KL menetapkan sasaran untuk menggalakkan lebih ramai penumpang menggunakan perkhidmatan bas ini dan pada masa yang sama membantu mengurangkan kesesakan jalan raya, terutama pada waktu puncak tengah hari. Perkhidmatan ini mempunyai jumlah penumpang harian sebanyak 18,000 orang.
- Mengurangkan kesesakan di pusat bandar Kuala Lumpur dengan mengawal selia perjalanan bas masuk ke pusat bandar dan mengubah laluan trafik bas ke perhentian di Pasar Seni dan Munshi Abdullah. Aliran terkawal ini membantu memastikan aliran bas yang cekap dari setiap koridor.



Mempertingkatkan prestasi perkhidmatan KTM Komuter

Setelah Kerajaan memperkenalkan set tren *Electric Multiple Unit* (EMU) enam gerabak dalam GTP 1.0, NKRA UPT juga mula berusaha memperbaiki sistem isyarat dan elektrifikasi di trek. Tambahan pula, NKRA UPT sentiasa memastikan pemulihan landasan di jajaran tertentu. Usaha ini telah membantu mengurangkan selang waktu perjalanan (*headway*) daripada setiap 30-45 minit kepada setiap 15 minit. Prestasi berketetapan masa telah meningkat kepada 94.6% dan faktor muatan penumpang (*passenger load factor*) telah meningkat kepada 72%.



Mempertingkatkan kemudahan penumpang agar lebih mudah dan selesa

NKRA UPT sedar bahawa kesulitan menggunakan pengangkutan awam merupakan faktor utama penggunaan pengangkutan awam yang tidak meluas di kalangan rakyat. Sebelum ini, sistem pengangkutan awam yang berbeza mod, seperti bas henti-henti dan bas bandar, LRT dan monorel, tidak disepaduan dan seterusnya menyebabkan peralihan dari satu mod ke mod yang lain amat sukar.

Sebagai langkah penyelesaian, NKRA UPT telah memulakan pelan transformasi untuk menyepaduan sistem ini dengan sebaik mungkin. Pengguna pengangkutan awam

kini lebih mudah untuk sampai ke stesen utama dan juga mendapatkan maklumat perjalanan. Beberapa kejayaan khusus dalam bidang ini termasuklah:

- Membina Park 'n' Ride iaitu kompleks tempat letak kereta di stesen-stesen rel utama: Sungai Besi, Seremban, Bandar Tasik Selatan (BTS), dan Gombak. NKRA UPT akan terus membina lebih banyak Park 'n' Ride di bawah GTP 2.0 di stesen-stesen utama terpilih seperti stesen Kelana Jaya, Salak Tinggi, Klang, Rawang dan Nilai.

¹Masa penumpang waktu puncak pagi adalah antara jam 6:00 hingga 10:00 pagi.

PENCAPAIAN 2013

Bil.	Penunjuk Prestasi Utama (KPI)	Sasaran 2013	Pencapaian 2013	% Pencapaian
1	Bilangan penumpang pengangkutan awam pada waktu puncak pagi	400,000	437,525	109%
2	Peratusan penduduk dalam lingkungan 400 meter dari laluan pengangkutan awam	75%	71%	95%
3	Tinjauan kepuasan pelanggan	70%	71%	101%
4	Faktor muatan KTM Komuter	70% - 80%	72%	100%
5	Ketepatan masa KTM Komuter semasa waktu puncak pagi	85%	95%	111%
6	Faktor muatan bas pada waktu puncak pagi	80% - 90%	73%	91%
7	Penambahan bilangan tempat letak kenderaan di rangkaian rel di Lembah Klang	1,200	2,602	217%
8	Bilangan Teksi Bajet KL - setanding dengan standard ASEAN	3,000	3,172	106%
JUMLAH			116%	

Jadual KPI 2013 untuk NKRA Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar

NKRA MEMPERTINGKATKAN PENGANGKUTAN AWAM BANDAR – ALIRAN KERJA DAN BIDANG TUMPUAN

NKRA UPT telah mengenalpasti tiga aspirasi GTP 2.0:

- Meningkatkan bilangan penumpang pada waktu puncak pagi kepada 750,000 orang pada tahun 2015 daripada 321,487 orang pada tahun 2011.
- Meningkatkan sasaran peratus penduduk yang tinggal dalam jarak berjalan kaki (400m) dari laluan pengangkutan awam kepada 75% daripada 63% (pada tahun 2010).
- Memastikan 25% daripada tekси bajet di KL adalah setaraf dengan standard terbaik di bandar-bandar ASEAN.

Lima aliran kerja telah diwujudkan untuk merealisasikan aspirasi-aspirasi tersebut, dengan penekanan diberikan kepada 'faktor dorongan', iaitu insentif untuk menarik lebih ramai bilangan pengguna pengangkutan awam. Masalah yang dihadapi oleh pengangkutan awam bandar ialah sistem-sistem yang ada sebelum pelaksanaan GTP ini tidak pernah dimodenkan sejak ia mula dibangunkan walaupun jumlah penduduk di pusat-pusat bandar di Malaysia telah meningkat dengan ketara.



Aliran kerja dan inisiatif NKRA UPT dipaparkan dalam jadual di bawah. Matlamat menyeluruh inisiatif ini adalah untuk memastikan pencapaian 40% nisbah mod pengangkutan awam pada tahun 2020.

Aliran Kerja	Inisiatif
 Bas	<ul style="list-style-type: none"> Pengubahsuaian Rangkaian Bas Henti-henti di <i>Greater KL / Lembah Klang</i> Bas Aliran Deras (BRT) Program Perhentian Bas
 Rel	<ul style="list-style-type: none"> Penambahbaikan KTM Komuter Peluasan jajaran aliran LRT Kelana Jaya dan Ampang Penambahan kapasiti tren Monorel
 Teksi	<ul style="list-style-type: none"> Sistem Perkhidmatan Teksi Berpusat (CTSS) Model Baharu Perniagaan Teksi
 Integrasi	<ul style="list-style-type: none"> Kesalinghubungan pejalan kaki Kemudahan <i>parkway drop-zone</i> dan kemudahan tempat letak kereta (<i>Park 'n' Ride</i>) di rangkaian rel di Lembah Klang Sistem tiket bersepadu dan kutipan tambang automatik
 Permintaan Perjalanan	<ul style="list-style-type: none"> Pengawalan dan Pengurusan Tempat Letak Kereta Perancang perjalanan

ALIRAN KERJA / Bas

Ribuan pengguna pengangkutan awam di kawasan Lembah Klang bergantung kepada perkhidmatan bas bagi tujuan perjalanan mereka. Aliran kerja ini akan menyusun semula keseluruhan rangkaian bas, termasuklah perkhidmatan bas henti-henti dan bas perantara. Sistem bas ini dijangka membawa purata seramai 350,000 orang penumpang pada waktu puncak pagi setelah penyusunan semula rangkaian perkhidmatan bas ini selesai. Tiga inisiatif telah dikenal pasti di bawah aliran kerja ini.

Inisiatif

Penambahbaikan rangkaian bas henti-henti di kawasan *Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang*

Penyusunan semula rangkaian bas henti-henti di kawasan *Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang* akan menyelaraskan laluan bas sedia ada dengan mengurangkan jumlah pertindihan perkhidmatan bas di laluan yang sama. Inisiatif ini juga menyokong pembangunan perkhidmatan bas yang cekap, bagi membawa penumpang dari hab pengangkutan ke destinasi terakhir mereka di dalam pusat bandar (CBD). Inisiatif ini terbahagi kepada tiga komponen:

- Perkhidmatan bas bandar GO-KL:** Telah terbukti bahawa perkhidmatan bas bandar percuma GO-KL merupakan satu mod pengangkutan yang penting bagi penduduk tempatan dan pelancong di pusat bandar Kuala Lumpur. Kedua-dua laluan yang telah dirancang pada tahun lepas, iaitu dari Pasar Seni ke Bukit Bintang (laluan Ungu) dan dari KLCC ke Bukit Bintang (laluan Hijau) kini mencatat lebih kurang 18,000 jumlah penumpang sehari. Dua lagi laluan telah dikenal pasti untuk dilaksanakan dan dijangka akan bermula pada suku kedua 2014.



- Penyusunan semula rangkaian bas henti-henti dan penambahbaikan rangkaian bas perantara:** Penggerak utama yang dimaksudkan ialah penubuhan pusat Pemantauan dan Kawalan (*Command and Control, C&C*) di Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

Pusat C&C akan memantau prestasi kesemua sembilan pengusaha bas henti-henti di Lembah Klang, yang secara keseluruhannya mengendalikan kira-kira 3,200 buah bas. Bas-bas ini akan dilengkapi dengan unit GPS di bawah Sistem Hab Pemantauan Prestasi (PMhS) bagi membantu pegawai SPAD memastikan pengusaha bas menyediakan perkhidmatan dan laluan seperti yang telah ditetapkan. Prasarana C&C ini telah sedia untuk beroperasi dan bas-bas tersebut juga telah dilengkapi dengan unit GPS.

NKRA UPT juga berusaha untuk menyelesaikan isu ketidakseimbangan perkhidmatan laluan bas di kawasan Lembah Klang. Perkara ini berlaku apabila terlalu banyak pengusaha bas bersaing untuk menyediakan perkhidmatan di laluan-laluan tertentu, tetapi terlepas pandang untuk menyediakan perkhidmatan di kawasan-kawasan lain. SPAD kini sedang merombak semula rangkaian bas dan menyusun semula bilangan pengusaha di setiap laluan. Pihak berkuasa telah pun berunding dengan pengusaha bas mengenai laluan yang ditetapkan dan peta rangkaian baharu dijangka siap pada suku keempat 2014.

Bagi melengkapkan penyusunan semula tersebut, NKRA UPT akan mempertingkatkan perkhidmatan bas perantara ke stesen rel yang kurang diberi liputan perkhidmatan. Perkhidmatan bas perantara perintis telah dijalankan di stesen KTM Komuter Serdang dan Kajang. Perkhidmatan bas perantara tambahan akan diperkenalkan di stesen yang mempunyai bilangan penumpang yang tinggi seperti Stesen Komuter Padang Jawa, Shah Alam, Klang, Sungai Buloh, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi dan Rawang pada tahun 2014.

- Pengambilan lebih ramai pemandu bas henti-henti:** SPAD kini sedang meneliti isu kekurangan pemandu bas henti-henti. Antara sebab kekurangan jumlah bas di jalan raya pada masa ini adalah akibat kurangnya bilangan pemandu. Kaji selidik menunjukkan bahawa kekurangan ini disebabkan oleh industri bas henti-henti itu sendiri yang tidak berdaya saing berbanding dengan industri yang seumpamanya seperti bas persiaran. Usaha kini giat dijalankan untuk membantu mengatasi masalah kekurangan pemandu bas termasuklah melalui inisiatif pengambilan lebih ramai pemandu dengan bantuan pelbagai agensi seperti Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLD), Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT), Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV) dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW).

Membangunkan sistem Bas Aliran Deras (Bus Rapid Transit atau BRT)

Sistem BRT merupakan penggerak utama dalam mewujudkan perkhidmatan bas yang cekap dan andal. BRT menyasarkan untuk mewujudkan laluan bas yang khusus (*right-of-way*) di koridor-koridor utama, seperti koridor Kuala Lumpur-Klang. Beberapa koridor lain yang berpotensi juga telah dikenal pasti sepanjang tempoh pelaksanaan GTP.

BRT ialah satu bentuk sistem pengangkutan bas khusus yang menggabungkan aspek transit berkapasiti tinggi bagi memenuhi permintaan penumpang yang tinggi dengan menggunakan sumber dan kos yang jauh lebih rendah berbanding dengan kos pembinaan sistem rel. Kajian kebolehlaksanaan BRT telah mengenal pasti 12 koridor BRT yang berpotensi di Greater KL/Lembah Klang, dengan koridor Kuala Lumpur-Klang ditetapkan sebagai koridor perintis BRT.

Jajaran koridor BRT KL-Klang sepanjang 39.5 km, yang akan melalui 3 jalan utama, iaitu Lebuhraya Persekutuan, Jalan Syed Putra dan Jalan Tun Sambanthan, dijangkakan akan memberi manfaat kepada 1.58 juta penduduk yang tinggal di sepanjang koridor tersebut. Pada tahap kapasiti maksimum, BRT KL-Klang dianggarkan mampu membawa 400,000 orang penumpang setiap hari.

Tahun 2013 merupakan tahun yang amat penting bagi BRT KL-Klang, memandangkan semua kerja perancangan dan penyediaan termasuk mendapatkan kelulusan yang diperlukan untuk projek ini giat dijalankan. Fasa pertama pembinaan BRT disasarkan bermula menjelang suku keempat tahun 2014 dan dijangka siap dalam tempoh 18 bulan.

Dengan adanya BRT di koridor KL-Klang, dianggarkan penumpang yang berulang-alik antara Klang dengan Kuala Lumpur akan dapat menjimatkan lebih sejam masa perjalanan setiap hari.



Gambaran artis terhadap laluan BRT KL-Klang menerusi Lebuhraya Persekutuan

Menambahbaik perhentian bas

Program penambahbaikan perhentian bas di bawah GTP 2.0 merupakan usaha yang telah dimulakan sejak GTP 1.0. Kerja-kerja menaiktaraf dan membaikpulih 4,500 buah perhentian bas dan pembinaan hentian akhir bandar (HAB) di Greater KL sepanjang tempoh GTP 1.0 dan GTP 2.0 dijangka mampu meningkatkan taraf sistem pengangkutan bas. Di samping itu, kesemua 4,500 buah perhentian bas akan dilengkapi dengan panel maklumat yang akan siap sepenuhnya pada akhir tahun 2015.

Sementara itu, perancangan juga sedang dilaksanakan untuk menyampaikan maklumat perjalanan kepada penumpang secara berkesan, dengan melengkapkan perhentian bas utama dengan Paparan Maklumat Penumpang (PID). PID ini akan memaparkan anggaran masa ketibaan bas kepada penumpang yang sedang menunggu sekaligus memudahkan perjalanan penumpang. Sejumlah 136 unit PID akan dipasang secara berperingkat di beberapa perhentian bas utama di sekitar Lembah Klang sehingga akhir tahun 2015.


ALIRAN KERJA / Rel

Rangkaian rel bagi Kuala Lumpur merupakan perkhidmatan pengangkutan awam paling penting yang menyumbang 52% daripada bilangan keseluruhan penumpang pengangkutan awam. Rel juga merupakan satu-satunya mod pengangkutan awam yang menghubungkan bandar-bandar satelit melalui perkhidmatan KTM Komuter. Inisiatif GTP 1.0 melalui pembelian gerabak tren yang lebih besar telah meningkatkan keupayaan dan kecekapan perkhidmatan rel, namun masih banyak lagi penambahbaikan yang perlu dilaksanakan oleh NKRA UPT.

Menerusi GTP 2.0, NKRA UPT merancang untuk memperluaskan laluan dan menyediakan lebih banyak prasarana bagi memastikan keselesaan dan keandalan terhadap semua perkhidmatan rel yang terdiri daripada Transit Aliran Ringan (LRT), monorel Kuala Lumpur dan KTM Komuter.



Program Peluasan Aliran RapidKL akan menyediakan perkhidmatan di kawasan berpenduduk tinggi di kedua-dua Aliran Kelana Jaya dan Ampang



Peluasan Aliran Ampang

- Jarak - 17.7km
- Bil. Stesen - 12 + 1 bersepada dengan Aliran Kelana Jaya di Putra Heights
- Bil. Park 'n' Ride - 7 (bertingkat)
- Dijangka Siap - akhir tahun 2016
- Unjur Jumlah Penumpang Harian - 247,000



Peluasan Aliran Kelana Jaya

- Jarak - 17 km
- Bil. Stesen - 12 + 1 bersepada dengan Aliran Ampang di Putra Heights
- Bil. Park 'n' Ride - 5 (bertingkat)
- Dijangka Siap - akhir tahun 2016
- Unjur Jumlah Penumpang Harian - 292,000

Peluasan jajaran aliran LRT Ampang sepanjang 17.7 km akan menghubungkan stesen Sri Petaling dan 12 stesen tambahan, dengan stesen terakhir akan ditamatkan di stesen 13, iaitu stesen Putra Heights. Selain itu, peluasan jajaran aliran LRT Kelana Jaya turut menghubungkan stesen LRT Kelana Jaya dengan melalui kawasan penduduk di sekitar Subang Jaya dan USJ. 12 stesen baharu juga akan dibina, dan turut ditamatkan di stesen 13, iaitu stesen Putra Heights. Jajaran ini akan bersambung dengan jajaran aliran LRT Ampang.



Meningkatkan kapasiti sistem Monorel Kuala Lumpur

Kekurangan kapasiti dalam sistem Monorel antara bandar Kuala Lumpur telah menyebabkan berlakunya kesesakan yang teruk di stesen-stesen tertentu seperti di stesen Hang Tuah dan KL Sentral. Secara ringkasnya, set tren dua gerabak sedia ada tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan. Justeru itu, melalui inisiatif GTP 2.0, program penggantian set tren dua gerabak kepada set tren empat gerabak akan mula dilaksanakan bermula suku ketiga tahun 2014. Pelan ini akan menggantikan kesemua 12 set tren dua gerabak yang dijangka siap sepenuhnya pada Februari 2015.

Selain peningkatan kapasiti tren Monorel, terdapat cadangan bagi peluasan jajaran aliran Monorel di bawah Rancangan Pembangunan Rel Bandar SPAD yang akan memberi perkhidmatan kepada kawasan-kawasan baharu.

ALIRAN KERJA / Teksi

Aliran kerja teksi merupakan inisiatif tambahan bagi GTP 2.0 yang menyasarkan untuk meningkatkan kualiti keseluruhan perkhidmatan teksi di Malaysia. Matlamat utamanya adalah untuk meningkatkan standard teksi iaitu dengan menetapkan sebanyak 25% daripada teksi bajet Kuala Lumpur setanding dengan standard terbaik teksi di bandar-bandar ASEAN lain. Satu kajian mendedahkan bahawa jurang dalam kualiti perkhidmatan ini adalah disebabkan oleh kekurangan teksi dan kelemahan penguatkuasaan oleh pihak penguatkuasa.



Inisiatif

Mewujudkan sistem perkhidmatan teksi berpusat (CTSS)
CTSS merupakan sistem menyeluruh yang diwujudkan untuk membantu SPAD meningkatkan pemantauan dan mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap pengendali teksi yang tidak mematuhi peraturan. CTSS berupaya memantau kesalahan seperti tidak menggunakan meter, memandu secara melulu dan mengendalikan teksi tanpa lesen yang sah.

Sistem CTSS juga akan memantau lokasi perkhidmatan teksi dan akan menyediakan kesalinghubungan untuk semua pengendali bagi membolehkan mereka berhubung terus dengan setiap pemandu. Sistem ini dijangka dapat membantu dalam memenuhi tempahan penumpang, yang kini hanya mencatat 40% – dengan menyelaraskan sistem sedia ada supaya pemandu dapat menggunakan rangkaian yang lebih baik.

CTSS dapat membantu mengurangkan perjalanan tanpa hasil (*dead miles*) iaitu teksi terbiar atau teksi yang dipandu tanpa penumpang. CTSS dijangka dilancarkan pada tahun 2015.



Sementara itu, SPAD juga telah melancarkan (*fleet*) teksi baharu di bawah jenama Teksi 1Malaysia (TEKS1M) yang diwujudkan untuk menyediakan perkhidmatan teksi yang terbaik kepada rakyat. Sebanyak seribu buah Proton Exora baharu akan digunakan di bawah inisiatif Teksi 1Malaysia pada tahun 2014. Selain itu, syarat-syarat untuk mendapatkan permit teksi juga akan diperketatkan, iaitu pengusaha teksi dikehendaki memperbaharui kenderaan lama mereka apabila memohon untuk membaharui permit teksi setiap tujuh tahun.

Pada masa yang sama, SPAD akan mengkaji semula kadar tambang teksi sedia ada yang dikuatkuasakan terhadap teksi. Matlamatnya ialah menyusun semula struktur bayaran bagi meningkatkan pendapatan pemandu sambil menggerakkan industri ke tahap yang lebih baik.

Mewujudkan model perniagaan baharu bagi teksi

Model perniagaan baharu teksi bertujuan meningkatkan pendapatan bersih (*take-home income*) pemandu teksi dengan mengurangkan kos operasi mereka. Perkara ini berlaku terutamanya di kalangan pemandu yang menyewa kenderaan daripada syarikat teksi. Projek Teksi 1Malaysia membantu meringankan kos ini dengan menawarkan lesen kepada pemandu individu yang masih perlu membayar kos kereta baharu Proton Exora.

SPAD turut bekerjasama dengan syarikat teksi untuk mengkaji cara mengurangkan kos operasi teksi dengan menghasilkan model perniagaan yang terbaik. Ini termasuklah memberi tanggungjawab kepada syarikat teksi untuk menguruskan kerja pembaikan dan penyelenggaraan kenderaan, yang akan menguntungkan kedua-dua pihak, iaitu syarikat teksi dan juga pemandu teksi.


Pada masa yang sama, inisiatif lain seperti CTSS akan meningkatkan pemandangan antara permintaan dengan penawaran teksi, sekaligus meningkatkan pendapatan syarikat dan pemandu teksi.

ALIRAN KERJA / Integrasi

Sebuah sistem pengangkutan awam adalah paling berkesan dengan adanya rangkaian pengangkutan awam yang bersepadu daripada aspek kesalinghubungan (*connectivity*), peralihan penumpang daripada satu rangkaian ke rangkaian yang lain (*transfer*) dan sistem pembayaran yang efektif. Aliran kerja integrasi ini dirangka sebagai sebuah pelan bagi memastikan penumpang dapat memulakan perjalanan menggunakan pengangkutan awam dari tempat permulaan sehingga ke destinasi akhir tanpa sebarang kesulitan.

Aliran kerja ini boleh dibahagikan kepada tiga fokus utama:

- (i) **Kesalinghubungan perbatuan yang pertama:** Perjalanan daripada titik permulaan kepada tempat kemudahan pengangkutan awam.
- (ii) **Kesalinghubungan perbatuan yang pertengahan:** Akses dan integrasi antara rangkaian bagi sesebuah perkhidmatan pengangkutan awam itu.
- (iii) **Kesalinghubungan akhir perjalanan:** Peringkat terakhir perjalanan daripada kemudahan pengangkutan awam ke destinasi akhir penumpang.



Inisiatif**Menyediakan dan menambah baik lebih banyak laluan pejalan kaki**

Rangkaian laluan pejalan kaki direka untuk memudahkan perjalanan penumpang di antara stesen pengangkutan awam dengan destinasi mereka di dalam pusat bandar (CBD). Ini bertujuan untuk menyediakan kemudahan yang selesa dan selamat. Pada masa ini, pembinaan dua laluan pejalan kaki di stesen LRT Sri Rampai dan Wangsa Maju telah pun bermula. Pembinaan laluan ini dijangka siap pada tahun 2014.

**Membina lebih banyak zon menurunkan penumpang (parkway drop-zone) dan kemudahan Park 'n' Ride di stesen-stesen rel**

Zon menurunkan penumpang disediakan bagi membolehkan penumpang turun di stesen pengangkutan awam utama. Penumpang mempunyai pilihan untuk berkongsi kereta, menaiki bas ataupun tren untuk sampai ke destinasi akhir mereka. Beberapa stesen rel telah dikenal pasti sebagai lokasi sesuai untuk kemudahan ini.

Selain daripada itu juga, beberapa cadangan pembangunan tempat letak kereta (Park 'n' Ride) telah dirancang di beberapa stesen yang mempunyai jumlah penumpang yang tinggi. Kemudahan ini adalah bagi menarik penumpang yang berkereta untuk menggunakan kemudahan rel. Stesen-stesen yang dikenal pasti termasuklah:

**Mewujudkan sistem tiket bersepadu dan kutipan tambang automatik**

Bagi memberikan pengalaman perjalanan yang lebih mudah dan menarik kepada pengguna pengangkutan awam, NKRA UPT akan melaksanakan sistem pembayaran bersepadu tanpa tunai (*Integrated Cashless Payment System*, ICPS) yang akan dilaksanakan di semua sistem pengangkutan awam. Penumpang dapat menikmati perjalanan yang lancar dan selesa menggunakan pelbagai rangkaian perkhidmatan, sebagai contoh peralihan (*transfer*) daripada perkhidmatan bas kepada KTM Komuter, dan juga di antara KTM Komuter dengan LRT menggunakan laluan bebas halangan. Perjalanan yang lancar ini akan memberikan keselesaan sekali gus menjimatkan masa.

ICPS juga dijangka akan dapat disepakati dengan rangkaian pengangkutan akan datang termasuk sistem aliran transit berkapasiti tinggi (*Mass Rapid Transit* atau MRT).

ALIRAN KERJA / Pengurusan Permintaan Perjalanan

Di samping aktiviti-aktiviti yang dijelaskan tersebut, NKRA UPT juga akan melaksanakan inisiatif untuk mengurus tabiat perjalanan penumpang. Inisiatif ini bertujuan menggalakkan penumpang membuat perancangan dalam memilih pengangkutan awam berbanding menggunakan kenderaan sendiri.

Inisiatif**Pengawalan dan Pengurusan Tempat Letak Kereta**

Inisiatif ini bertujuan menilai kadar bayaran yang ditetapkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi memastikannya pada kadar yang lebih kompetitif. Ini merupakan salah satu faktor 'tolakan' yang akan dilaksanakan bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam. Walau bagaimanapun ia tidak akan dilaksanakan pada masa yang terdekat ini.

Pada hari ini, dianggarkan lebih kurang empat juta perjalanan persendirian memasuki Kuala Lumpur setiap hari iaitu melebihi kapasiti jalan raya di pusat bandar. Kadar bayaran tempat letak kereta yang lebih berdaya saing akan membantu menggalakkan penumpang untuk menggunakan pengangkutan awam sebagai alternatif. Inisiatif ini juga memerlukan penguatkuasaan yang lebih ketat terhadap mereka yang melanggar peraturan dan meletakkan kenderaan di kawasan yang tidak sepatutnya.

Sementara itu, kawasan di sekitar kemudahan pengangkutan awam di pusat bandar akan dijadikan ruang untuk kegunaan awam seperti laluan pejalan kaki berbumbung. Ini akan membantu mewujudkan akses yang lebih selamat dan selesa bagi penumpang yang berulang-alik dari stesen pengangkutan awam.

Perancang Perjalanan

Perancang perjalanan dalam talian akan membantu meningkatkan penggunaan pengangkutan awam dengan menyediakan maklumat perjalanan yang komprehensif bagi semua rangkaian pengangkutan awam. Ini akan membantu penumpang merancang perjalanan mereka berdasarkan kriteria terpilih seperti: laluan paling cepat, penukar transit paling sedikit atau laluan berjalan kaki yang minimum. Terdapat tiga fasa dalam kemudahan perancang perjalanan ini:

- 1. Fasa Pertama:** Perancang perjalanan yang menyediakan maklumat statik tentang laluan, tambang dan jadual perjalanan. Maklumat ini akan dimuatkan ke dalam laman sesawang bagi komputer peribadi (PC) dan telefon mudah alih.



"Inisiatif NKRA Pengangkutan Awam Bandar (UPT) telah membantu menangani beberapa masalah kesesakan tetapi kesesakan masih menjadi isu di beberapa kawasan di Kuala Lumpur. Menaikkan harga kereta atau minyak bukanlah penyelesaian untuk mengurangkan kesesakan trafik."

VICTORIA WONG, 24, eksekutif media

- 2. Fasa Kedua:** Perancang tersebut akan menyediakan pilihan perjalanan dengan pelbagai mod dan pilihan operator. Perancang ini juga akan menyediakan data secara langsung daripada sumber lain seperti Sistem Hab Pemantauan Prestasi (PMHS) dan Sistem Perkhidmatan Teksi Berpusat (CTSS). Perancang Perjalanan versi aplikasi bagi telefon pintar akan diwujudkan.
- 3. Fasa Ketiga:** Perancang ini akan dipindahkan ke peranti mudah alih untuk memberi akses yang berterusan kepada penumpang.

SPAD merancang untuk menyiapkan fasa pertama Perancang Perjalanan ini dan melancarkannya pada suku keempat tahun 2014.

PENGANGKUTAN AWAM FAKTOR UTAMA KE ARAH MENGURANGKAN KESESAKAN BANDARAYA KL

IR. DR. LEONG SIEW MUN
Pengarah Jabatan
Pengangkutan Bandar
Dewan Bandaraya
Kuala Lumpur (DBKL)

Matlamat utama Program Transformasi Kerajaan (GTP) adalah meningkatkan akses bagi pengguna untuk masuk dan keluar dari pusat bandar Kuala Lumpur. Penambahan penduduk seramai empat juta orang menjelang tahun 2020 memberi gambaran bahawa seluruh bandaraya ini bakal tersepit dalam kesesakan yang keterlaluan.

Menurut Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), berdasarkan rangkaian laluan yang ada kini, konsep lingkaran dan lingkungan yang dibina pada zaman penjajah menyediakan 12 laluan koridor yang menuju ke pusat bandar. "Semasa waktu puncak pagi dan petang, jalan raya di KL beroperasi pada tahap perkhidmatan E, iaitu penumpang mengalami keadaan 'henti-dan-gerak' (*stop-and-go*)."

Tahap perkhidmatan jalan raya di Kuala Lumpur diukur dengan skala abjad. Tahap Perkhidmatan A mewakili tahap bebas trafik sepenuhnya manakala Tahap Perkhidmatan F mewakili kesesakan maksimum, dengan pengguna jalan raya menghabiskan lebih banyak masa berhenti daripada bergerak. Bagi sebuah pusat bandar, tahap perkhidmatan E yang konsisten masih boleh diterima, tetapi menjadi suatu masalah apabila gangguan yang minimum boleh menyebabkannya jatuh kepada tahap perkhidmatan F.

"Pada tahap perkhidmatan E, sebarang gangguan atau halangan boleh mengakibatkan seluruh bandar mengalami kesesakan lalu lintas yang teruk sehingga beberapa kilometer dan ini sering berlaku sepanjang hari," jelas Ir. Dr. Leong Siew Mun, Pengarah Jabatan Pengangkutan Bandar, DBKL. Kenderaan yang tidak disenggara dengan baik boleh melambatkan aliran trafik, begitu juga hujan yang akan menyebabkan banjir kilat atau limpahan air di jalan raya boleh memperlambangkan keseluruhan sistem trafik.

Meskipun kesesakan lalu lintas merupakan suatu situasi yang lazim bagi semua bandar utama, Kuala Lumpur berasas baik kerana ia masih mempunyai 'senjata' untuk mengurangkan kesesakan trafiknya. Menurut DBKL, walaupun terdapat 4 juta perjalanan kenderaan persendirian memasuki pusat bandar setiap hari yang merupakan satu jumlah yang besar, namun kajian yang dijalankan oleh DBKL mendapat bahawa 70% daripadanya ialah pemandu kenderaan persendirian tanpa penumpang.

Penyelesaian yang mudah dan sokongan penuh oleh DBKL adalah dengan mempertingkatkan penggunaan pengangkutan awam. NKRA Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar di bawah GTP telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk meningkatkan kapasiti sistem pengangkutan awam sedia ada seperti menggantikan set tren KTM Komuter dengan set gerabak yang lebih besar dan dengan menyusun semula laluan bas untuk meningkatkan tahap kecekapan sistem bas.

"Pihak kerajaan melalui DBKL, turut berusaha untuk meningkatkan kesalinghubungan akhir perjalanan. Kami membina laluan pejalan kaki berbumbung yang menghubungkan stesen rel dengan kawasan perumahan dan komersial terdekat, untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam yang lebih berkesan. Namun masih banyak penambahbaikan yang perlu dilakukan," kata Dr. Leong.

DBKL menyasarkan kira-kira 90,000 orang menggunakan laluan pejalan kaki dari KLCC ke Pavilion di pusat bandar setiap hari, telah membantu memupuk 'budaya berjalan kaki'. Sejak bermulanya GTP, DBKL telah membina hampir 36 km laluan pejalan kaki bebas halangan menuju ke stesen, dan kira-kira 4.6 km laluan pejalan kaki berbumbung menghubungkan stesen-stesen rel utama.

Buat masa ini, inisiatif NKRA UPT fokus kepada elemen 'dorongan' dalam sistem pengangkutan awam dengan menyediakan insentif yang besar untuk penumpang menggunakan pengangkutan awam, dan Dr. Leong menyatakan bahawa ini merupakan permulaan yang baik. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan dan DBKL masih perlu mengambil kira faktor 'tolakan', iaitu insentif kepada pengguna agar tidak menggunakan kenderaan persendirian mereka untuk ke pusat bandar.

Pihak DBKL sedar bahawa perkara ini memerlukan perubahan tingkah laku. Oleh itu, pihak DBKL perlu memberi kesedaran kepada pemandu bahawa penggunaan kenderaan persendirian akan melibatkan kos yang tertentu kepada mereka sendiri dan kos sosial kepada orang lain.

Menurut DBKL, tidak ada keperluan untuk membangkitkan isu caj kesesakan. "Walaupun cadangan seperti ini telah berjaya dilaksanakan di bandar-bandar maju lain di dunia namun, kita perlu menyesuaikan dengan keadaan penduduk sesuatu bandar tersebut. Bandar-bandar maju ini telah pun melaksanakan kesemua langkah untuk menarik pengguna menggunakan pengangkutan awam, malah kita masih belum meneroka kesemua pilihan yang ada."

DBKL juga berkata langkah yang mudah seperti meningkatkan kadar bayaran di tempat letak kereta di tepi jalan, yang pada masa ini ditetapkan pada kadar 80 sen sejam di pusat bandar, dan 50 sen sejam di kawasan lain di Kuala Lumpur, boleh menggalakkan orang ramai untuk menggunakan pengangkutan awam. Walau bagaimanapun, beliau mengakui bahawa faktor-faktor 'tolakan' ini hanya boleh dilaksanakan apabila sistem pengangkutan awam yang mantap telah dibangunkan sepenuhnya.

CABARAN UTAMA

NKRA UPT telah menetapkan sasaran tinggi yang perlu dicapai, yang memerlukan usaha menyeluruh selain daripada faktor sumber kewangan. NKRA UPT juga menghadapi cabaran untuk memperkuuhkan lagi penerimaan rakyat terhadap sistem pengangkutan awam sebagai mod pengangkutan utama berbanding kenderaan persendirian.

Bagi menangani isu kekurangan kapasiti di dalam pengangkutan awam, pihak SPAD bersama-sama NKRA UPT telah melaksanakan inisiatif-inisiatif berkaitan bas serta rel yang bakal meningkatkan kapasiti kedua-dua mod tersebut. Namun demikian, inisiatif ini tidak akan membawa hasil serta-merta.

Sebagai contoh, kekurangan liputan bas di jalan raya adalah disebabkan oleh kekurangan pemandu secara langsung, tetapi ini merupakan masalah penstruktur yang memerlukan masa untuk menyelesaiannya. Penyelesaian ini bukan semudah mengambil pemandu untuk bekerja kerana terdapat juga penekanan oleh SPAD untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan bas yang memerlukan tahap profesionalisme dan kepakaran pemandu yang tertentu.

Sementara itu, NKRA UPT juga sedang berusaha menyelesaikan masalah yang timbul sejak beberapa tahun lalu dalam pelaksanaan inisiatifnya, seperti:

Cabar	Penyelesaian
ITT Gombak: Pembinaannya tergendala disebabkan isu tanah. Rundingan berterusan selama lebih dua tahun, telah menyebabkan kelewatan kepada pelaksanaan projek.	Semua kementerian dan jabatan yang berkaitan di peringkat Persekutuan dan negeri Selangor sedang mengadakan usaha bersepadu bagi melaksanakan projek ini. Fasa pembinaan terminal akan hanya bermula setelah status tanah tersebut dimuktamadkan.
ICPS: Mendapat persetujuan pihak berkepentingan berhubung dengan dasar perkongsian perniagaan dan penggunaan satu platform sistem pembayaran.	SPAD sedang mengkaji semula dasar dan struktur tambang yang akan dibentangkan kepada pihak berkepentingan. Selain isu dasar, model operasi yang menjelaskan tanggungjawab dan fungsi semua pihak yang terlibat dalam ekosistem e-pembayaran dalam peralihan ini juga akan dibentangkan. Dasar ini juga akan turut membantu dalam usaha mengintegrasikan rangkaian pengangkutan awam pada masa hadapan seperti MRT yang dijangka bakal beroperasi pada penghujung tahun 2016.
Sistem Hab Pemantauan Prestasi: Memasang unit GPS pada sebahagian bas selain daripada RapidKL untuk sistem integrasi.	PMhS kini mengesan sejumlah 1,700 buah bas iaitu RapidKL dan beberapa pengusaha bas henti-henti lain. Penglibatan yang kurang memberangsangkan oleh sesetengah pihak pengusaha bas telah menyebabkan kelewatan dalam pelaksanaan penuh inisiatif ini. SPAD kini menggunakan pendekatan baharu untuk mendapatkan kerjasama daripada pengusaha bas tersebut dan menjalankan proses ini akan dilaksanakan pada tahun 2015.
Teksi: Pemandu persendirian mengalami kesukaran mendapatkan pinjaman bank bagi pembiayaan kereta di bawah program TEKS1M.	Walaupun skim TEKS1M ini menawarkan lesen teksi kepada pemandu individu, penglibatan dalam skim ini memerlukan pemandu membeli kereta Proton Exora baharu selaras dengan pelan SPAD untuk meningkatkan kualiti keseluruhan teksi di Malaysia. SPAD kini bekerjasama dengan pengendali teksi berdasarkan model perniagaan yang berbeza dan juga institusi kewangan berkaitan dengan skim pembiayaan berpatutan yang akan membantu mengurangkan beban kepada pemandu teksi.

MELANGKAH KE HADAPAN

NKRA UPT berbeza daripada sebahagian besar NKRA yang lain kerana kedua-dua matlamat dasar dan infrastrukturnya adalah saling berkait. Walaupun ianya memerlukan perubahan sikap rakyat untuk mencapai sasaran 25% nisbah mod pengangkutan awam pada waktu puncak pagi, NKRA UPT yakin bahawa sasaran ini mampu dicapai dengan gabungan unsur 'dorongan' dan 'tolakan' yang tepat.

Ketika ini NKRA UPT pada dasarnya menumpukan usaha untuk menambahbaik dan mempertingkatkan tahap infrastruktur pengangkutan awam untuk menarik orang ramai menggunakan pengangkutan awam. Ini termasuklah menyelesaikan masalah kesesakan dalam sistem monorel, meningkatkan bilangan pemandu bas, membina lebih banyak kemudahan tempat letak kereta di stesen rel dan meningkatkan kesalinghubungan pejalan kaki di pusat bandar (CBD).

Pasukan NKRA UPT merancang untuk melancarkan dua lagi laluan bas GO-KL pada suku kedua 2014, di samping merancang untuk memulakan pembinaan ITT Gombak yang telah lama tergendala dan juga mulakan kerja-kerja membina laluan BRT pertama yang menghubungkan Kuala Lumpur dengan Klang. Projek-projek ini bakal menarik lebih ramai pengguna pengangkutan awam memandangkan masa perjalanan pengguna akan menjadi lebih singkat berbanding menggunakan kenderaan persendirian.

NKRA UPT yakin pengangkutan awam di Kuala Lumpur mampu menjadi alternatif yang berdaya saing setanding dengan negara-negara maju yang lain di rantau ini.

Integrasi bersepadu bagi kesemua mod pengangkutan awam ditambah pula dengan kesalinghubungan akhir perjalanan yang lebih mantap bakal menjadi faktor penting dalam mencapai nisbah mod pengangkutan awam yang lebih tinggi dalam tempoh terdekat.



Pandangan daripada DMO:

MENGUBAH CARA PERJALANAN RAKYAT MALAYSIA

VEEJENDRAN A/L RAMDAS
Ketua Penyelaras NKRA UPT,
Kementerian Pengangkutan

NKRA Pengangkutan Awam Bandar (UPT) mencatat kejayaan pada tahun 2013 melalui penyediaan perkhidmatan tren KTM Komuter yang cekap dan andal melalui peningkatan kekerapan perjalanan tren yang lebih baik, iaitu setiap 15 minit, di samping memastikan ia menepati 95% daripada prestasi ketepatan masa yang ditetapkan. Tambahan pula, dengan kemudahan *Park 'n' Ride* yang siap dibina di Sungai Besi, Bandar Tasik Selatan (BTS) dan Seremban, penumpang lebih tertarik untuk menggunakan pengangkutan awam dengan adanya kemudahan tambahan yang selesa ini.

“Cabaran yang dihadapi sekarang adalah untuk meningkatkan permintaan terhadap pengangkutan awam. Prinsip utama dalam menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam sudah tentulah untuk membantu penumpang mendapatkan akses yang lebih baik kepada pelbagai kaedah pengangkutan awam yang ada, seterusnya menambahbaik pergerakan orang ramai dan mobiliti di dalam bandar.

“Seperti yang dilaporkan, bilangan penumpang semakin bertambah dan usaha sedang dijalankan oleh Kerajaan untuk meningkatkan perkhidmatan sokongan serta menyediakan keselesaan dan kemudahan dalam pengangkutan awam, bagi menggalakkan peralihan mod pengangkutan daripada kenderaan persendirian,” kata Encik Veejendran Ramdas, Ketua Penyelaras NKRA UPT, Kementerian Pengangkutan.

Veejendran menyatakan bahawa pada tahun 2013, penumpang menghadapi pelbagai kesukaran termasuklah kesesakan dan kelewatan dalam menggunakan perkhidmatan. Sehubungan itu, DMO telah berganding bahu dengan pengendali pengangkutan awam untuk mengatasi masalah ini. “Perkhidmatan rel akhirnya akan mencapai kapasiti maksimum, dan ketika itulah lebih banyak perkhidmatan bas perlu ditambah,” jelas beliau.

Usaha sama dengan perancang bandar, pengubal dasar dan pengendali pengangkutan, kekal menjadi keutamaan bagi NKRA UPT dalam menangani isu ini. “Pada masa yang sama, penglibatan rakyat merupakan usaha berterusan

yang dijalankan di bawah NKRA UPT bagi memastikan orang ramai sedia maklum akan janji Kerajaan untuk menambah baik perkhidmatan pengangkutan awam,” kata Veejendran.

“Pendekatan yang diambil oleh Kerajaan tertumpu kepada menjadikan usaha pengangkutan awam agar lebih mesra pengguna, dan mengambil kira keperluan infrastruktur dari awal hingga destinasi akhir perjalanan. Kami bertekad untuk meneruskan usaha-usaha yang penting; kami akan memberikan penekanan ke atas projek-projek utama seperti Terminal Transit Bersepadu Gombak dan Bas Aliran Deras (BRT) agar dapat dilaksanakan, walaupun berhadapan dengan cabaran,” tambah beliau.

Penglibatan orang ramai turut membolehkan dialog terbuka dibuat dengan rakyat. Sambutan terhadap pengangkutan awam bandar memerlukan pendekatan “ganjaran dan denda” yang seimbang. “Kita memerlukan lebih banyak ‘ganjaran’ atau insentif untuk meningkatkan permintaan terhadap pengangkutan awam. Kita juga memerlukan

dasar bagi menggalakkan budaya penggunaan transit ini,” Veejendran berkata.

Meskipun berhadapan dengan rintangan, Veejendran berbangga dengan kemajuan dan pencapaian inisiatif NKRA UPT setakat ini. “Antara perkhidmatan sokongan yang berjaya dilaksanakan ialah program *Park 'n' Ride* yang menyediakan kemudahan parkir di stesen-stesen rel dan kami juga sedang dalam perancangan untuk membina lebih banyak ruang parkir di beberapa stesen dalam rangkaian rel Lembah Klang selain daripada menaik taraf stesen KTM Komuter yang utama,” jelas beliau.

Berdasarkan perspektif yang lebih besar, inisiatif NKRA UPT yang dilaksanakan sepanjang empat tahun yang lepas amat penting dalam menyediakan sistem pengangkutan awam di Lembah Klang. Keadaan ini akan terus bertambah baik dan infrastruktur seperti laluan Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (MRT) akan menempatkan ibu negara kita pada kedudukan yang kukuh menjelang tahun 2020.





MEMPERTINGKATKAN TARAF KEHIDUPAN ISI RUMAH BERPENDAPATAN RENDAH



DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

“ Pengupayaan ekonomi adalah penting bagi kumpulan berpendapatan rendah untuk memastikan kehidupan yang lebih mampan. ”



Program Transformasi Malaysia ke arah menjadi negara yang maju dan berpendapatan tinggi sedang berjalan dengan lancar serta mendahului jadual. Sesungguhnya, jika segalanya berjalan seperti yang dirancang, kita akan mencapai sasaran sebelum tarikh akhir menjelang tahun 2020. Namun, transformasi ini tidak akan dianggap berjaya seandainya kita mengabaikan rakyat yang kurang berasas baik yang tinggal bersebelahan dengan kita dan sekiranya kita tidak berjaya dalam memperbaiki kualiti kehidupan mereka.

Program yang dilaksanakan oleh Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan juga program pengupayaan ekonomi dan kebajikan sosial sedia ada yang lain menyasarkan untuk membantu kelompok rakyat yang kurang berasas baik, di bawah NKRA Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah (NKRA LIH) yang telah melaksanakan kerja dengan cemerlang dalam membasmi hampir semua keadaan kemiskinan tegar di negara ini. Pada akhir GTP 1.0, kadar kemiskinan di Malaysia telah menyusut daripada 3.8% pada tahun 2009 kepada 1.7% pada tahun 2012. Meskipun kejayaan ini patut dipuji, tanggungjawab kita terhadap rakyat berpendapatan rendah bukanlah hanya pada tahap sara hidup semata-mata tetapi lebih daripada itu. Sebagai sebuah negara, kita komited untuk merealisasikan wawasan 1Malaysia, yang berhasrat mewujudkan negara Malaysia yang membolehkan semua rakyat menikmati taraf kehidupan yang selesa. Hal ini menuntut kita membantu secara aktif untuk memperkasakan ekonomi setiap golongan masyarakat di negara ini.

Fokus NKRA LIH dalam GTP 2.0 adalah untuk memberikan keutamaan terhadap model pembangunan mampan, bukan sahaja dari segi mata pencarian penduduk yang berpendapatan rendah, tetapi juga dari segi model penyampaian Kerajaan. Kerja-kerja NKRA LIH GTP 2.0 ini telah pun bermula sejak penghujung GTP 1.0.

Pasukan NKRA LIH telah giat berusaha untuk menambah baik penyampaian dan pengurusan projek utama, iaitu Akhiri Zaman Miskin (1AZAM). Penyampaian 1AZAM dalam GTP 1.0 dan GTP 2.0 memfokuskan pelaksanaan projek tersebut secara besar-besaran di samping menjalankan pemantauan prestasi peserta program ini.

Matlamat program ini adalah untuk mewujudkan perubahan yang sebenar dari segi tabiat kewangan peserta dan untuk membantu menghapuskan halangan yang menghambat pengupayaan ekonomi. NKRA LIH telah mula mempergiatkan penganjuran kursus celik kewangan untuk membantu golongan berpendapatan rendah memahami konsep simpanan dan pelaburan dengan lebih baik.

Pasukan NKRA aktif mendapatkan penyertaan yang lebih besar daripada sektor swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang lebih mantap dalam menyampaikan bantuan kepada golongan berpendapatan rendah. Kepakaran NGO akan memastikan bahawa matlamat dan kaedah penyampaian program 1AZAM tidak terbazir begitu sahaja dan pada masa yang sama mengurangkan beban tanggungjawab Kerajaan.

Akhir sekali, masih terdapat kes-kes kemiskinan tegar di Malaysia, terutamanya dalam kalangan Orang Asli dan masyarakat Penan. Mereka ini lazimnya kelompok yang tinggal di kawasan pedalaman yang jauh dari pusat bandar, justeru penyampaian bantuan kepada kumpulan ini amatlah mencabar. NKRA LIH merancang untuk memberikan perhatian yang khusus kepada kumpulan-kumpulan ini dalam GTP 2.0.

Walaupun usaha untuk membantu isi rumah berpendapatan rendah berjalan dengan lancar, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan seluruh rakyat Malaysia bahawa isi rakyat yang kurang berasib baik merupakan satu perkara yang perlu kita kongsi bersama. Kerajaan sentiasa berusaha dengan gigih untuk membantu golongan yang sangat memerlukan bantuan, dan saya menyeru seluruh rakyat Malaysia agar melakukan perkara yang sama. Hanya dengan berbuat demikian, barulah konsep 1Malaysia boleh dianggap telah mencapai kejayaan.

TINJAUAN KESELURUHAN

Bidang Keberhasilan Utama Negara Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Istimewa Rumah Berpendapatan Rendah (NKRA LIH) merupakan lambang semangat 1Malaysia, yang menasarkan untuk mendahuluikan kebajikan rakyat dalam semua aktivitinya. Kerajaan menyedari sejak awal lagi bahawa pencapaian GTP tidak akan bermakna jika rakyat tidak meraih manfaat daripada negara maju berpendapatan tinggi, apatah lagi jika rakyat yang sangat memerlukan bantuan dibiarkan kecinciran dalam aspirasi program ini untuk mencipta kekayaan dan kemakmuran buat semua.

Negara	% di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan			Inisiatif
	2009	2011/12	% Penurunan	
Malaysia	3.8	1.7	55.3%	<ul style="list-style-type: none"> Bantuan tunai Program 1AZAM (Usahawan, Mikro-kredit) Penjagaan kesihatan, pendidikan, perumahan dan sebagainya
Filipina	28.6	27.9	2.5%	<ul style="list-style-type: none"> Rumah mampu milik untuk penduduk setinggan Penjagaan Kesihatan Universal Penyediaan Makanan untuk Kanak-kanak Bantuan Guna Tenaga Kendiri
Indonesia	13.3	12.5	6%	<ul style="list-style-type: none"> Beras untuk Golongan Miskin Perlindungan Kesihatan untuk Golongan Miskin Pemindahan Kredit
Thailand	8.12	13.2	62.6%	<ul style="list-style-type: none"> Insurans Kesihatan Universal Pendidikan percuma selama 15 tahun Skim Perumahan untuk Golongan Miskin
Vietnam	13.4	12.6	6%	<ul style="list-style-type: none"> Kredit mikro Subsidi Elektrik Perumahan untuk Golongan Miskin Pengecualian yuran untuk pelajar miskin

Sumber: Bank Pembangunan Asia (ADB), Persidangan Mei 2013

Laporan dari sumber ADB ini sangat memberangsangkan kerana ia telah membuktikan keberkesanan program Kerajaan dalam membasmi kemiskinan. Namun demikian, NKRA LIH percaya masih banyak lagi usaha yang perlu dilakukan selagi masalah kemiskinan ini masih terus wujud. Justeru, GTP 2.0 akan menumpukan usaha kepada golongan miskin yang mudah terjejas, antaranya masyarakat Orang Asli, golongan miskin bandar dan miskin luar bandar.

DARIPADA GTP 1.0 KEPADA GTP 2.0

Untuk merealisasikan aspirasi yang telah digariskan di atas, pendekatan yang diterapkan oleh GTP 2.0 adalah berbeza dengan GTP 1.0. Perjalanan untuk membebaskan setiap individu dan masyarakat daripada belenggu kemiskinan pastinya akan melalui pendekatan yang berbeza. Meskipun program 1AZAM merupakan program utama pihak Kerajaan untuk pengupayaan ekonomi golongan miskin dan miskin tegar, Kerajaan juga sedar bahawa program-program sedia ada yang diurus dan diterajui oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Pertubuhan Perkhidmatan Komuniti (CSO) dan syarikat korporat turut dapat menyumbang dalam mengubah kehidupan golongan miskin. Oleh yang demikian, program-program ini memerlukan sokongan daripada semua pihak.


Bagi mencapai matlamat ini, NKRA LIH berusaha untuk memperluaskan kerjasama di antara kerajaan dan rakan kongsinya dalam meningkatkan skop dan mempelbagaikan usaha penyampaian bantuan. Tambahan pula, struktur kemiskinan wujud dalam pelbagai bentuk dan rupa, justeru kepakaran yang khusus dan lebih baik yang dimiliki oleh rakan kongsi adalah penting dalam memastikan penyelesaian yang mampan dan berkesan.

Kerajaan juga sedar bahawa penyediaan saluran dalam memperkasa ekonomi itu sendiri tidak memadai kerana program yang lebih komprehensif memerlukan keperluan asas individu dan masyarakat dipenuhi. Sebagai contoh, seorang ibu yang tinggal di bandar tidak akan merasa tenang semasa di tempat kerja kerana terpaksa meninggalkan anaknya di rumah tanpa perlindungan asas dan kelengkapan kemudahan harian yang sepatutnya. Begitu juga dengan seorang petani tidak boleh mengusahakan pertaniannya dengan baik jika anak-anaknya tidak berada di sekolah dan kekurangan zat makanan.

Justeru, di bawah GTP 2.0, NKRA LIH akan memastikan adanya kedua-dua bantuan ekonomi dan pemangkin ekonomi dalam inisiatif NKRA LIH kali ini. Fokus GTP 2.0 kali ini adalah lebih pelbagai berbanding dengan GTP 1.0. Meskipun begitu, program 1AZAM akan terus kekal sebagai inisiatif utama kerajaan dan menjadi peneraju utama dalam penyampaiannya.




Prinsip-prinsip Utama NKRA LIH 2.0



Di dalam GTP 2.0, penyelarasan yang lebih padu perlu dilakukan merentasi NKRA yang lain seperti Pembangunan Luar Bandar, Pendidikan, Kos Sarawak, Pengangkutan Awam Bandar, Mengurangkan Jenayah dan juga agensi-agensi yang berkaitan untuk memastikan semua keperluan masyarakat dapat dicapai seperti isu-isu kesihatan, infrastruktur asas dan pendidikan.

Status eKasih 2013



- Lebih ramai peserta berdaftar dalam eKasih pada tahun 2012 dan 2013 berbanding tahun 2011
- Peningkatan yang ketara dalam jumlah peserta yang mengalami peningkatan dalam pendapatan
- Pengemaskinan maklumat di dalam eKasih yang diterajui oleh ICU, JPM, Pejabat Pembangunan Negeri (SDO) dan agensi pelaksana 1AZAM

* Keluar daripada belenggu kemiskinan

** Sistem eKasih adalah satu sistem pangkalan data yang diwujudkan di peringkat kebangsaan bagi merancang, melaksana dan memantau program-program pembasmian kemiskinan (<https://ekasih.icu.gov.my>)

Perbezaan Utama antara GTP 1.0 dan GTP 2.0

GTP 1.0	GTP 2.0
Diterajui oleh Kerajaan	1 Kerjasama antara kerajaan, badan korporat, NGO dan CSO
Pendekatan yang lebih luas untuk membantu isi rumah berpendapatan rendah (miskin dan miskin tegar)	2 Meneruskan sasaran terhadap kumpulan ini dan golongan yang tidak menerima bantuan dalam eKasih dengan memberikan penekanan yang khusus kepada golongan mudah terjejas – gelandangan, penghidap HIV, bekas penagih dadah, bekas banduan dan keluarga mereka serta masyarakat tertentu seperti kaum Penan dan Orang Asli
Sasaran kepada individu	3 Sasaran terhadap individu tetapi diperluaskan kepada keluarga dan masyarakat
Membasmi kategori miskin tegar dan membawa mereka keluar daripada Paras Garis Kemiskinan (PGK)	4 Membasmi kemiskinan golongan miskin tegar secara kekal dan mengelakkan rakyat daripada kembali ke belenggu kemiskinan serta mengekalkan kemampaman program ini dan exit policy

Walaupun Malaysia telah hampir membasmi kemiskinan tegar di negara ini, namun isu-isu berkaitan dengan golongan pendapatan rendah seperti kanak-kanak kekurangan zat, isu-isu kesihatan, dan gejala lain yang pada umumnya terdapat dalam golongan tersebut masih lagi wujud. Oleh itu, usaha-usaha ini perlu diteruskan dan diperluaskan lagi meskipun strategi penyampaian adalah lebih tertumpu kepada golongan mudah terjejas termasuk orang kurang upaya, bekas penagih dadah, ibu tunggal dan bekas banduan.

NKRA LIH juga akan memberi fokus dalam usaha memperluas inisiatif sedia ada dalam GTP 1.0 bagi memastikan bahawa semua penerima yang layak akan menerima bantuan 1AZAM yang telah dipertingkatkan menjelang fasa akhir GTP 2.0. Antara sasaran penerima utama termasuklah pendaftar eKasih** yang telah berada dalam sistem sejak tahun 2009, masyarakat di kawasan pedalaman atau daerah yang berpendapatan rendah dan penerima yang dipilih melalui keperluan serta lawatan yang dilakukan.

Bagi tujuan ini, agensi pelaksana NKRA LIH kini menjadi lebih bijak dalam memilih dan mendekati bakal peserta 1AZAM, seterusnya menyediakan lebih banyak peluang bagi penduduk Semenanjung Malaysia di kawasan luar bandar dan pada masa yang sama fokus pada peningkatan penyampaian di Sabah dan Sarawak.

PENCAPAIAN

Meningkatkan peranan NGO dan warga korporat dalam mengurangkan kemiskinan

Peningkatan kerjasama di antara Kerajaan dan NGO serta syarikat korporat adalah merupakan fokus utama NKRA LIH dalam GTP 2.0. Kerjasama ini bertujuan untuk memanfaatkan keupayaan setiap pihak dalam memberikan pembiayaan dan perkhidmatan serta kepakaran dan perkongsian pengalaman daripada agensi pelaksana termasuk NGO dan CSO.

Sejak bermulanya GTP, beberapa pihak telah tampil untuk memberikan sumbangan termasuk PETRONAS,

General Electric (GE), AirAsia, Astro All Asia, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), EPIC Homes*, dan MyKasih. Sokongan dan bantuan pihak-pihak ini telah melancarkan proses pemberian bantuan kepada golongan sasaran utama dalam GTP, sekali gus mempercepat matlamat untuk memberi bantuan kepada semua rakyat yang memerlukan.



Meningkatkan kerjasama dengan badan-badan korporat & NGO



GTP 2.0 menekankan lebih banyak kerjasama dengan rakan kongsi dalam penyampaian perkhidmatan daripada sektor swasta. Oleh itu, NKRA LIH telah mengambil langkah positif dalam meningkatkan hubungan kerja ini pada tahun 2013 dengan menambah bilangan rakan kongsi sektor swasta dan menyelaraskan penyampaian usaha ini dengan rakan kongsi sedia ada bagi mengatasi cabaran dengan memberi tumpuan yang lebih baik kepada golongan sasaran serta menyediakan hala tuju pengurusan. Pasukan ini juga telah mempertingkat hubungan kerjasama dengan rakan-rakan sedia ada untuk memastikan keberkesanannya lebih baik dalam penyampaian bantuan.

Membina rumah & kemudahan kepada golongan yang kurang berkemampuan dengan kerjasama NGO dan syarikat korporat

Kerajaan sedar bahawa rumah dan tempat perlindungan yang baik adalah penting bagi kesejahteraan yang menyeluruh untuk golongan berpendapatan rendah terutamanya golongan gelandangan atau mereka yang tinggal di rumah usang.

Kerjasama antara NKRA LIH dan EPIC Homes dalam pembinaan rumah untuk keluarga kurang bernasib baik di kawasan pedalaman luar bandar telah meningkat dengan adanya beberapa syarikat korporat yang tampil membantu membiayai dan melaksanakan beberapa pembinaan tersebut sepanjang tahun 2013. Sumbangan yang diterima adalah daripada Taylors Education Group, General Electric, AirAsia dan Media Prima.



* EPIC Homes bermatlamat untuk merapatkan jurang antara penduduk luar bandar dan penduduk bandar melalui kegiatan pembinaan rumah-rumah bagi komuniti di Malaysia yang kurang bernasib baik. Pada masa ini usaha tertumpu kepada pribumi di Semenanjung Malaysia iaitu Orang Asli (<http://epichome.org>)

Mempertingkat taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah di Sarawak

Sarawak telah dikenal pasti sebagai negeri yang menjadi keutamaan dalam pelaksanaan GTP 2.0 memandangkan kemiskinan masih lagi menjadi isu utama di negeri tersebut. Dalam merangka strategi bagi negeri Sarawak ini, NKRA LIH memberi penekanan dalam dua teras khusus yang diambil daripada strategi keseluruhan NKRA iaitu untuk memperkasa ekonomi penduduk Sarawak yang berpendapatan rendah dan membangunkan penggerak utama dalam komuniti termasuk Orang Asli seperti masyarakat Penan.

Membina infrastruktur

Bahagian Tanggungjawab Sosial Korporat, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah turut serta dalam membela nasib masyarakat Penan di Long Keluan, iaitu sebuah kampung kecil dengan jumlah penduduk kira-kira 150 orang yang terletak di Ulu Baram, Sarawak. Setelah melawat kampung itu, pasukan CIDB mendapati bahawa kampung itu amat memerlukan kemudahan dan infrastruktur, yang merupakan pemangkin utama bagi kesejahteraan umum masyarakat tersebut.

Selain komitmen terhadap masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia, CIDB telah bersetuju untuk membina pusat komuniti baharu bagi masyarakat Keluan dengan kemudahan tandas, tangki air dan paip untuk menyalurkan bekalan air bersih ke setiap rumah. Sementara itu, jabatan latihan CIDB cawangan Sarawak juga telah memasang generator, yang akan menyediakan bekalan elektrik ke setiap rumah.

Penyediaan kemudahan ini telah meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat Penan di Long Keluan dengan ketara dan NKRA LIH berharap bahawa akan ada lagi projek seumpama ini pada masa akan datang.



Bantuan MyKasih kepada Masyarakat Penan

NKRA LIH telah menjalinkan kerjasama dengan Yayasan MyKasih untuk menyampaikan bakul makanan kepada keluarga yang berpendapatan rendah di Sarawak. Sebagai contoh, pada 8 dan 14 November 2013, MyKasih telah melancarkan program bakul makanan di Long San dan Lusong Laku untuk membantu memenuhi keperluan nutrisi asas bagi dua kelompok masyarakat Penan. Penerima diberi kad ahli MyKasih, yang mengandungi nilai RM 100 sebulan untuk membeli barang makanan asas termasuk beras, tepung dan roti.

Selain bantuan makanan, Yayasan MyKasih turut memberi kesedaran mengenai kesihatan, literasi kewangan dan latihan kemahiran untuk membantu golongan miskin membebaskan diri daripada kepompong kemiskinan. MyKasih juga bekerjasama dengan syarikat korporat untuk menyampaikan bantuan kepada masyarakat yang memerlukan.

Meningkatkan taraf kehidupan golongan berpendapatan rendah di Sabah

NKRA LIH juga turut memberikan tumpuan ke atas Sabah dalam GTP 2.0 dalam usaha meningkatkan taraf kehidupan yang lebih baik kepada golongan berpendapatan rendah di negeri tersebut. Meskipun Kerajaan telah mengambil langkah-langkah proaktif dalam membantu memperbaiki taraf hidup di negeri itu dengan meningkatkan tahap pendapatan, memperluas akses kepada infrastruktur asas dan juga menambah baik kualiti hidup, namun masih terdapat masyarakat terpencil yang memerlukan bantuan yang lebih khusus.

Sebagai contoh, pada tahun 2013, ASTRO telah membina sebuah asrama untuk SK Malinsau di Ranau, yang menempatkan kira-kira 120 orang pelajar. Asrama tersebut terdiri daripada 3 blok iaitu satu blok masing-masing untuk asrama lelaki dan perempuan, satu dewan serbaguna dan sebuah bilik warden. Asrama tersebut boleh menampung pelajar-pelajar daripada 10 buah kampung di kawasan tersebut. Astro juga telah melengkapkan SK Malinsau dengan Sistem Pembelajaran Kampus Astro yang direka untuk membantu menyokong usaha guru-guru tempatan.



Sementara itu, Yayasan Sejahtera, iaitu sebuah yayasan yang tidak berasaskan keuntungan, dengan kerjasama NKRA LIH telah melaksanakan tiga fasa inisiatif untuk membantu keluarga yang tinggal di daerah Pitas, Sabah. Ketiga-tiga fasa meliputi:

- **Fasa Pertama:** Meningkatkan akses bekalan air dengan menggunakan kos yang rendah supaya mudah diselenggara oleh masyarakat tempatan
- **Fasa Kedua:** Meningkatkan kualiti pemakanan harian di samping meningkatkan pendapatan isi rumah
- **Fasa Ketiga:** Memulakan pembangunan keusahawanan di samping meningkatkan aset sosial

2013 telah menyaksikan pembangunan fasa pertama manakala baki bagi dua fasa lagi akan terus dilaksanakan pada tahun-tahun yang seterusnya di dalam GTP 2.0.

PENCAPAIAN 2013

No.	Penunjuk Prestasi Utama (KPI)	Sasaran 2013	Pencapaian 2013	% Pencapaian
1	Bilangan penyertaan peserta baharu dalam program 1AZAM	35,100	38,663	110%
2	Bilangan peserta 1AZAM sedia ada, berjaya meningkatkan pendapatan sebanyak RM300 bagi mana-mana 3 bulan	17,060	18,249	107%
3	Bilangan peserta 1AZAM yang mengikuti Program Celik Kewangan	35,100	39,282	112%
4	Bilangan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs) / Sektor Korporat yang bekerjasama dalam program 1AZAM	25	34	136%
5	Bilangan Komuniti 1AZAM / Program Berasaskan Kumpulan	40	46	115%
6	Memastikan semua peserta 1AZAM dikemas kini di dalam sistem eKasih	100%	100%	100%
7	Latihan dan Pembangunan Usahawan Wanita	1,000	1,000	100%
Jumlah				111%

Jadual KPI 2013 untuk NKRA Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah

NKRA MEMPERTINGKATKAN TARAF KEHIDUPAN ISI RUMAH BERPENDAPATAN RENDAH – ALIRAN KERJA DAN BIDANG TUMPUAN



Fokus NKRA LIH dalam GTP 2.0 adalah terhadap usaha untuk merealisasikan program yang dilaksanakan berkesan dan mampan bagi kedua-dua golongan berpendapatan rendah (peserta) dan golongan pelaksana. Inisiatif ini dibagikan kepada dua aliran kerja yang direka untuk menangani masalah menerusi dua teras: **pengupayaan ekonomi** dan **pemangkin ekonomi**.

Dalam aliran kerja yang pertama, NKRA LIH bersama-sama dengan NGO, CSO dan sektor korporat berusaha menangani beberapa isu yang membimbangkan dan memerlukan tindakan segera yang dihadapi oleh golongan berpendapatan rendah termasuk masalah kekurangan zat makanan dan keperluan kesihatan. Aliran kerja seterusnya, agensi pelaksana ini akan memfokuskan untuk membangunkan pemangkin utama seperti infrastruktur, latihan kemahiran dan pendidikan celik kewangan.

ALIRAN KERJA / Pengupayaan Ekonomi

Penyelesaian yang kekal bagi isu kemiskinan hanya boleh dilaksanakan melalui pengupayaan ekonomi dan kebijakan yang produktif. Anjakan dalam pemikiran perlu diberi penekanan supaya penerima bantuan mengambil satu langkah proaktif melalui komitmen diri dan kebertanggungjawaban yang lebih tinggi untuk keluar daripada belenggu kemiskinan.

Perjalanan ke arah pengupayaan ekonomi adalah unik dan khusus bagi setiap individu dan masyarakat. Justeru, adalah perlu untuk mewujudkan dan memudahkan laluan terhadap alternatif tersebut. Penekanan terhadap pengupayaan ekonomi adalah untuk menambah baik program 1AZAM

sedia ada yang dilaksanakan di bawah GTP 1.0. Manakala program sokongan yang dilaksanakan oleh NGO, CSO dan sektor korporat adalah untuk membolehkan pelaksana melaksanakan program-program tersebut dengan lebih mulus lagi.

Pada tahun lalu, jumlah penyertaan sektor korporat dalam program NKRA LIH ini telah menunjukkan peningkatan. Ini dapat dilihat dari sokongan dan bantuan yang diberikan oleh sektor korporat terhadap usaha-usaha NKRA LIH dalam program sedia ada, dan juga memulakan program mereka sendiri seperti Program Sentuhan Harapan yang dijalankan oleh PETRONAS.



PETRONAS CETUS SINAR HARAPAN BUAT GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH

Apabila Kerajaan menerusi rakan korporat untuk tampil ke hadapan dan berusaha membantu mempertingkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah, syarikat minyak nasional, PETRONAS, merupakan antara rakan korporat terawal yang memperkenalkan sebuah program menyeluruh bersama-sama dengan rakan kongsi NGO, Yayasan MyKasih.



Program ini telah memberikan manfaat kepada 13,500 keluarga yang dilanda kemiskinan di seluruh negara dengan menyediakan bantuan dalam bentuk makanan keperluan asas seperti beras, tepung dan minyak masak selama dua tahun. Keluarga yang terlibat juga digalakkan menyertai aktiviti yang menggalakkan pembangunan diri bertujuan meningkatkan kemahiran mereka bagi membebaskan diri daripada belenggu kemiskinan.

Sejak program Sentuhan Harapan PETRONAS diperkenalkan pada tahun 2010, hampir 5,000 keluarga telah menyertai bengkel seperti SMARTBelanja @ LPPKN, yang mengajar kemahiran asas kewangan dan Program Nur Kasih yang menyediakan latihan kesedaran kesihatan serta pemeriksaan kesihatan kepada keluarga terabit.

PETRONAS juga menyumbangkan paket menjahit yang terdiri daripada set mesin menjahit dan latihan kemahiran dan pemasaran selama 6 bulan kepada 200 peserta yang terpilih di dalam program yang terdiri daripada golongan miskin tegar dan ibu tunggal. Melalui program ini, 92% daripada penerima telah berjaya menunjukkan peningkatan pendapatan antara RM100 – RM1500. Akhir sekali, PETRONAS juga telah menyumbangkan latihan keusahawanan selama 3 bulan kepada 500 peserta yang masih belum bekerja. Program latihan ini telah membolehkan 71% peserta menjalankan perniagaan secara aktif dengan peningkatan pendapatan bulanan antara RM100 - RM1500 setelah tamat latihan.

Harapan PETRONAS adalah agar para peserta yang telah memperoleh sumbangan daripada PETRONAS akan terus mempertingkatkan kualiti kehidupan mereka. Malah yang lebih penting lagi, mereka memperoleh semangat dan motivasi untuk mencipta masa hadapan yang lebih baik buat diri sendiri dan keluarga.

SEJAHTERA

Building Sustainable Communities

YAYASAN SEJAHTERA MEMBANGUNKAN KOMUNITI UNTUK GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH

Yayasan Sejahtera merupakan sebuah badan bukan berdasarkan keuntungan yang telah diberikan mandat untuk membantu mempertingkatkan kehidupan golongan miskin di Malaysia. Badan ini telah menyokong pembangunan tiga buah kampung di Pitas, Sabah dengan kerjasama Kerajaan. Sehingga tahun 2013, pasukan Yayasan Sejahtera telah melaksanakan beberapa projek, termasuk program pertanian sara hidup, program bekalan air dan program memperkasa belia di Kampung Sungai Eloi, Kampung Tampakahu dan Kampung Kinango, Pitas, Sabah.

Pada masa ini, program pertanian sara hidup ini melibatkan sebanyak 71 orang peserta yang giat menanam tanaman untuk kegunaan penduduk kampung tersebut. Sementara itu, 113 buah rumah di tiga buah kampung tersebut telah dibekalkan dengan bekalan air dengan penyambungan kepada sistem air alternatif, bagi memastikan akses kepada air bersih yang tetap dan terjamin. Pasukan ini juga telah melatih para belia di kampung-kampung tersebut untuk memantau dan mendokumentasikan kemajuan projek yang dilaksanakan.



Di samping usaha Yayasan Sejahtera untuk melengkapkan setiap rumah dengan akses bekalan air, pasukan ini bersama-sama dengan Pertubuhan Rakan Komuniti Sabah (PACOS) Trust telah mengenal pasti kaedah penyelesaian yang sesuai, seterusnya membuat keputusan bahawa cara terbaik untuk membantu permasalahan bekalan air penduduk di Kampung Tampakahu dan Kampung Sungai Eloi yang disebabkan oleh isu tanah adalah dengan menyediakan rumah dengan tangki air bagi setiap individu. Pada masa yang sama, Kampung Kinango juga turut dilengkapi dengan sistem berteraskan graviti air.

Projek yang dilaksanakan oleh Yayasan Sejahtera ini merupakan sebahagian daripada rancangan menyeluruh Kerajaan untuk membantu golongan berpendapatan rendah di kawasan pedalaman, terutamanya golongan miskin tegar yang masih belum menerima sebarang bantuan. Program yang telah dilaksanakan di Pitas setakat ini dijangka akan melengkapkan keperluan asas yang penting bagi kampung-kampung sebelum program latihan lanjut diwujudkan untuk meningkatkan keusahawanan dalam kalangan masyarakat.

Pengupayaan Isi Rumah dan Golongan Berpendapatan Rendah Dari Segi Kewangan

Matlamat NKRA LIH dalam memperkasa semua golongan berpendapatan rendah di Malaysia kini diterajui oleh agensi pelaksana NKRA LIH dengan kerjasama NGO, CSO dan rakan korporat. Segala usaha diterajui di bawah program 1AZAM yang merupakan program utama Kerajaan dalam menyampaikan bantuan kepada penerima yang layak dengan pelbagai cara. Program 1AZAM ini memanfaatkan saluran yang ada dengan meluas untuk menyesuaikan program penyampaiannya dengan keperluan khusus bagi setiap penerima.

Bantuan yang disampaikan di bawah program 1AZAM dikategorikan kepada beberapa subkumpulan ekonomi, yang terdiri daripada sektor pertanian hingga ke sektor perkhidmatan sebagai mengiktiraf keperluan tersendiri setiap individu berpendapatan rendah. Selain itu, bantuan juga disampaikan dalam beberapa bentuk, termasuk peralatan, modal kewangan, nasihat dan kapakaran. Peserta program ini seterusnya diharapkan dapat membina perniagaan yang mampu dengan kemahiran dan peralatan yang diperoleh.

Sementara itu, agensi pelaksana NKRA LIH juga berusaha untuk membina keupayaan dalam bentuk pemangkinan ekonomi terhadap kumpulan dan komuniti sasaran. Pemangkin ini berbentuk latihan kemahiran, pendidikan kewangan dan infrastruktur yang direka untuk menyokong aktiviti ekonomi dalam bidang yang disasarkan.

Menambahbaik Proses Pemilihan Program 1AZAM

Salah satu kelemahan program 1AZAM yang dilaksanakan dalam GTP 1.0 ialah kekurangan pemantauan pasca program oleh agensi pelaksana. Hasilnya, timbul masalah dalam mengukur keberkesanannya atau impak bagi program tersebut. Bagi menyelesaikan isu ini, agensi pelaksana mula mengambil langkah yang lebih ketat untuk memastikan bahawa program ini dapat disesuaikan dengan keperluan peserta.

Walaupun pelbagai peralatan dan latihan yang diperlukan telah disediakan untuk peserta menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi, namun terdapat beberapa permintaan yang tidak

memenuhi kriteria dalam GTP 1.0. Justeru, NKRA LIH kini menetapkan supaya agensi-agensi pelaksana untuk mengadakan lawatan dari pintu ke pintu bagi memastikan bahawa bantuan yang dipohon oleh peserta memenuhi keperluan yang bertepatan dengan keadaan sebenar mereka dalam kehidupan.



Usaha pemantauan terhadap peserta-peserta perlu dipertingkatkan bagi mengukur prestasi peserta 1AZAM pasca program. Saran ini bukan sahaja untuk agensi dalaman NKRA LIH, bahkan ditujukan kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan pembekal luar. Pihak luar juga perlu menyediakan bon jaminan untuk memastikan bahawa mereka akan melaksanakan aktiviti-aktiviti pemantauan.

Untuk memaksimumkan kejayaan, NKRA LIH akan memanfaatkan kapakaran dan kehadiran rakan-rakan NGO untuk membantu proses pemantauan. Dalam beberapa kes, NGO telah berjaya membina ikatan dengan sasaran penerima dan masyarakat miskin ini selama bertahun-tahun, seterusnya membina hubungan yang baik dengan mereka. Hubungan yang erat ini membolehkan laporan dan pemantauan kemajuan yang lebih berkesan serta membolehkan tindakan yang betul diambil sekiranya keputusan tidak mencapai sasaran.

Keperluan ini akan memastikan peserta 1AZAM mempunyai peluang yang lebih luas untuk berjaya dalam meningkatkan tahap pendapatan mereka.

Memfokuskan Penyampaian 1AZAM

Golongan miskin dan miskin tegar akan terus menjadi keutamaan dalam GTP 2.0. Walau bagaimanapun, program 1AZAM ini meletakkan matlamat yang lebih terperinci dan memberikan penekanan yang khusus kepada negeri dengan menyasarkan daerah yang kurang diberikan perhatian (*under-served districts*) serta meningkatkan penyampaian di kawasan bandar. Pemilihan peserta 1AZAM bakal dilakukan secara lebih ketat di bawah GTP 2.0 dengan keutamaan pemilihan akan diberikan kepada peserta yang memenuhi salah satu atau lebih kategori yang berikut:

- Peserta dari daerah yang yang mempunyai bilangan isi rumah miskin dan miskin tegar yang tinggi.
- Peserta atau isi rumah miskin dan miskin tegar yang telah mendaftar dengan eKasih tetapi masih belum menerima sebarang bantuan.
- Isi rumah miskin dan miskin tegar yang masih belum menerima sebarang bantuan yang boleh menjana pendapatan (bantuan ekonomi).



MEMBINA MASYARAKAT, MEMBINA MASA HADAPAN

Apabila bahagian CSR, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) mendengar mengenai beberapa inisiatif NKRA LIH buat kali pertama untuk membantu mempertingkatkan taraf kehidupan Orang Asli di Malaysia, mereka terus bertindak untuk melihat bagaimana inisiatif Build Brigade CIDB boleh membantu usaha tersebut.

Komuniti sasaran mereka ialah masyarakat Penan di Long Keluan, Sarawak, yang benar-benar memerlukan kemudahan asas. Masyarakat Penan tidak mempunyai kawasan memasak bagi kegunaan Kementerian Kesihatan dalam “community feeding” untuk penyediaan makanan bagi golongan yang disasarkan di kampung mereka dengan penyalaran sukarelawan.

CIDB lantas mencadangkan pembinaan sebuah pusat komuniti dan juga kemudahan tandas, tangki air dan paip untuk membekalkan air bersih ke setiap rumah. CIDB juga akan menyediakan sebuah generator kuasa bagi komuniti melalui bahagian Latihan Cawangan Sarawak, iaitu Akademi Binaan Malaysia. Sementara itu, CIDB turut mendapatkan bantuan penduduk kampung, yang akan turut diberi latihan kemahiran ekonomi yang bernilai untuk masa depan bagi masyarakat Penan.

Pusat komuniti yang bernilai RM250,000 ini mempunyai beberapa kemudahan termasuk bilik penyimpanan makanan selain dapur basah dan dapur kering. Secara keseluruhan, akses kepada air bersih dan bekalan elektrik akan mempertingkatkan sosioekonomi penduduk kampung, yang kini boleh menumpukan usaha mereka terhadap inisiatif lain tanpa perlu berasa bimbang terhadap keperluan asas ini.



MANFAAT DARIPADA PANGKALAN DATA EKASIH

Berdasarkan statistik eKasih, seramai 123,000 orang peserta berdaftar masih lagi belum menerima bantuan menerusi 1AZAM. Salah satu sebab berlakunya kelewatan dalam menyampaikan bantuan ini adalah kerana agensi pelaksana menghadapi kesukaran untuk memberi keutamaan kepada mereka yang tersenari dalam pangkalan data terutamanya yang tinggal jauh di pedalaman. Sehubungan dengan itu, bagi meningkatkan prestasi program 1AZAM, pengemasian yang lebih kerap perlu dilakukan terhadap pangkalan data eKasih oleh pihak agensi pelaksana program agar isu ini dapat diatasi.

Bidang utama dalam matlamat NKRA LIH adalah untuk memastikan bahawa golongan berpendapatan rendah berjaya meningkatkan tahap pendapatan dan mengekalkannya selepas menerima bantuan 1AZAM.

Bagi mencapai matlamat ini, pelaksana dikehendaki untuk menjalankan tindakan susulan dengan peserta-peserta 1AZAM dan agensi pelaksana dengan kaedah pemantauan yang lebih kerap lagi. Pasukan NKRA LIH berharap langkah ini dapat memupuk semangat kebertanggungjawaban dalam diri setiap peserta yang telah berjaya.

MENGHULURKAN BANTUAN KEPADA YANG KURANG BERNASIB BAIK



Mohd Ridzuan Wong Abdullah, berusia 45 tahun dari Kemaman, Terengganu sugul dengan nasibnya. Mohd Ridzuan ialah seorang chef hotel yang berpengalaman, akan tetapi beliau dipaksa berhenti kerja oleh majikan yang tidak mampu membayar gajinya. Akibatnya, Mohd Ridzuan bergantung hidup dengan mengumpul dan menjual besi buruk untuk menanggung keluarganya seramai tujuh orang. Jarang sekali memperoleh pendapatan sekitar RM300, Mohd Ridzuan mendapat dengan pendapatan sedemikian, sukar baginya untuk meneruskan kehidupan.

Apabila beliau dihubungi pada April lalu oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia MARDI yang sedang menjalankan sesi latihan keusahawanan di bawah Program 1AZAM, Mohd Ridzuan lantas merebut peluang yang terhidang ini untuk turut serta dalam sesi latihan keusahawanan tersebut. Mengambil kira pengalaman yang diperolehnya sebelum ini, tenaga pengajar menasihati beliau supaya menceburい bidang perniagaan makanan.

“Saya telah memasak nasi ayam Hainan sejak saya remaja lagi seperti yang telah saya lakukan untuk membantu ibu saya menyediakan makanan,” kata Mohd Ridzuan. “Saya terus merebut peluang yang ada ini untuk memasak demi mata pencarian saya sekali lagi kerana ini merupakan minat saya dan saya tahu yang saya boleh melakukannya dengan baik.”

MARDI telah memberi Mohd Ridzuan dapur Apollo, pemanas, kanopi, meja dan kerusi untuk memulakan perniagaan kecil. Tambahan pula, pelatih turut berjaya mendapatkan sewa gerai yang lebih rendah, iaitu sebanyak RM200 untuk membantu membayai perbelanjaan perniagaan.

Pada hari ini Mohd Ridzuan berjaya memperoleh purata pendapatan RM2,000 sebulan, dan pada sesetengah bulan pendapatannya boleh mencapai sehingga RM10,000. Mohd Ridzuan telah menyediakan ruang tempat duduk untuk pelanggannya di gerai, dan juga berjaya membeli kereta untuk keluarganya, terima kasih kepada program jangkauan yang dikendalikan oleh MARDI.

Penyampaian kursus celik kewangan kepada isi rumah berpendapatan rendah

NKRA LIH berpendapat bahawa pendidikan merupakan pemangkin utama dalam memperkasa ekonomi. Justeru, ia telah dijadikan keutamaan dalam memastikan semua peserta 1AZAM menerima latihan celik kewangan. Tanpa pendidikan kewangan yang betul, peserta akan gagal meningkatkan pendapatan mereka dan membelanjakannya secara tidak berhemah.

Bermula pada GTP 2.0, semua peserta 1AZAM dikehendaki untuk mengambil kursus latihan celik kewangan. Program ini diwujudkan bagi memastikan peserta tidak menggunakan pendapatan yang dijana oleh mereka secara boros atau mensia-siakan bantuan yang diterima.

Matlamatnya adalah untuk menyepadan pendidikan celik kewangan bagi semua peserta dan keluarga 1AZAM untuk memastikan mereka bebas daripada belenggu kemiskinan secara kekal. Di bawah inisiatif ini, NKRA LIH akan:

- Meningkatkan kesedaran terhadap celik kewangan dengan memberikan fokus terhadap keperluan isi rumah miskin dan miskin tegar.
- Menambah baik dan membantu latihan celik kewangan yang dikendalikan oleh sektor swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).
- Memperbaiki taraf kehidupan golongan miskin dengan meningkatkan pengetahuan berkaitan dengan pengurusan kewangan keluarga.
- Memanfaatkan Program Latihan dan Pendidikan Celik Kewangan untuk meningkatkan pengetahuan dan membuat keputusan.

Fasa pertama program celik kewangan mula dilaksanakan pada tahun 2013 dan pada masa kini penceramah perlu disahkan oleh Agensi dan Pengurusan Kredit (AKPK), di bawah Bank Negara Malaysia. Setelah mendapat pengesahan pentaulahan daripada AKPK, agensi-agensi pelaksana mula melaksanakan kursus di beberapa kawasan.

Mempercepat pelaksanaan program kepada golongan mudah terjejas

Inisiatif-inisiatif yang direka khas telah mendapat penajaan daripada syarikat korporat bagi memperbaiki kehidupan golongan miskin yang mudah terjejas terutamanya Orang Asli sepanjang 12 bulan yang lalu. Tahun 2013 menyaksikan pembinaan dan pemberian rumah oleh EPIC Homes, inisiatif pendidikan dan penjagaan kesihatan untuk Orang Asli dan masyarakat Penan oleh penaja korporat. Antara rakan kongsi utama yang memberi sumbangan pada tahun 2013 termasuk Media Prima, AirAsia dan Kolej Taylor.



ALIRAN KERJA / Membangunkan Pemangkin Ekonomi

Satu lagi tumpuan utama aktiviti NKRA LIH dalam GTP 2.0 adalah untuk menangani infrastruktur sokongan, yang lazimnya memainkan peranan yang penting dalam menentukan kejayaan atau kegagalan usaha dalam memperkasa golongan berpendapatan rendah. Secara dasarnya di sini ialah individu tidak mampu untuk berfikir tentang isu-isu seperti kemampunan kewangan sekiranya keperluan asas mereka, seperti perumahan, penjagaan kanak-kanak dan penjagaan kesihatan tidak terurus atau tidak disediakan.

Hakikatnya, ini merupakan suatu kenyataan terutamanya bagi kelompok miskin tegar di negara ini, yang kehidupannya terbatas di kawasan terpencil di pedalaman luar bandar yang terputus daripada arus perdana. Kekurangan infrastruktur yang mencukupi menyebabkan mereka terpinggir daripada aktiviti ekonomi dan bantuan yang amat diperlukan. Bagi memenuhi hasrat kumpulan berpendapatan rendah ini, komitmen masa dan perbelanjaan yang besar amat diperlukan. Keadaan inilah yang mendorong Kerajaan untuk meluaskan penglibatan kepada NGO, CSO dan rakan

kongsi korporat agar isu pembasmian kemiskinan ini dapat ditangani secara bersama.

Sebagai NGO dan CSO yang sudah mempunyai pengalaman bertahun-tahun mendekati kumpulan ini, mereka mempunyai pengetahuan dan rangkaian untuk memastikan bantuan diagihkan dengan cara terbaik kepada komuniti ini. Secara khususnya terdapat dua kumpulan yang memerlukan perhatian: Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan komuniti Penan di Sarawak.

Inisiatif di bawah aliran kerja ini direka khusus untuk menyokong dan memperkuuh usaha-usaha NGO dan CSO dengan menggandangkan mereka dengan penaja sektor korporat untuk memastikan golongan sasar mendapat bantuan. Melalui kerjasama ini, seluruh golongan berpendapatan rendah di negara ini bakal mempunyai kemudahan-kemudahan asas yang terpelihara dan terurus, seterusnya membolehkan mereka untuk menumpukan usaha terhadap meningkatkan taraf kehidupan masing-masing.



Inisiatif

Sokongan kerajaan	<ul style="list-style-type: none"> Meneruskan penyampaian bantuan melalui program 1AZAM Menyediakan dana dan sumber kepada agensi pelaksana Memberikan bimbingan dan sokongan logistik yang diperlukan
Kepakaran dan pengalaman daripada NGO dan CSO	<ul style="list-style-type: none"> Pusat Penyayang Kg Sg. Kayu Ara (PPSKA) Centre Excellence Services (CES) Muslim Aid Love Cheras Malaysian Christian Association for Relief (Malaysian Care) Epic Homes Yayasan Sejahtera Yayasan MyKasih
Sokongan dan sumber tambahan daripada rakan korporat	<ul style="list-style-type: none"> Contohnya 'Program Sentuhan Harapan' PETRONAS, projek Astro Kasih, General Electric (GE) dan kerjasama AirAsia dengan Epic Homes 

Memfokuskan bantuan terhadap komuniti sasaran

GTP 2.0 akan menyasarkan bantuan melalui kaedah komuniti yang belum menerima bantuan yang secukupnya di Semenanjung Malaysia dan Sarawak. Dua komuniti yang dikenal pasti dalam GTP 2.0 ialah kumpulan Orang Asli dan masyarakat Penan di Sarawak. Berdasarkan statistik, 80% daripada masyarakat Penan dan 30% daripada Orang Asli diklasifikasi sebagai miskin dan miskin tegar.

Program yang disasarkan untuk komuniti Penan dan Orang Asli termasuk:

- Sokongan pertanian



- Inisiatif program bakul makanan dan "community feeding"
- Meningkatkan kekerapan klinik bergerak di kawasan pedalaman
- Pembinaan klinik tetap di kawasan pedalaman
- Meningkatkan kemudahan perumahan
- Inisiatif pendidikan dan infrastruktur

(Untuk maklumat lanjut mengenai inisiatif ini, sila rujuk Pelan Hala Tuju GTP 2.0)

Memperkuuh kerjasama dengan rakan korporat

Untuk membantu menyampaikan perkhidmatan dan bantuan, NKRA LIH akan mendapatkan kerjasama yang lebih erat daripada sektor korporat dan Badan Bukan Kerajaan (NGO), serta memanfaatkan kepakaran mereka dalam bidang berkaitan.



Memfokuskan bantuan terhadap kumpulan mudah terjejas

Selain Orang Asli, program 1AZAM dalam GTP 2.0 akan menyasarkan kumpulan dan komuniti mudah terjejas tertentu seperti bekas penagih dadah, bekas banduan dan wanita.

Dalam GTP 2.0, terdapat sokongan yang komited untuk kumpulan mudah terjejas ini melalui pelbagai program 1AZAM. Sebagai contoh, sepanjang tiga tahun yang akan datang, seramai 2,400 bekas penagih dadah dan 2,250 bekas banduan akan menerima bantuan 1AZAM. Walau bagaimanapun, fokus utama adalah untuk menghulurkan bantuan sosial dan kebajikan produktif yang bersesuaian kepada ahli keluarga kumpulan yang kurang bernasib baik ini secara proaktif.

Sehubungan dengan itu, usaha yang lebih bersepadu oleh pihak NGO dan Jabatan Penjara serta Agenzia Dadah Kebangsaan (AADK) akan diformalkan bagi memastikan bantuan ini tidak hanya dihulurkan kepada individu tersebut tetapi juga kepada seluruh ahli keluarganya.

Sementara itu, program 1AZAM akan terus menyokong pembangunan wanita memandangkan mereka lazimnya merupakan tulang belakang kepada unit keluarga, terutamanya dalam keluarga ibu tunggal atau apabila pasangan mereka tidak berupaya menyediakan sokongan kewangan.

Peralihan fokus kepada program berdasarkan komuniti bagi kawasan pedalaman dan kumpulan yang mudah terjejas

Cabarannya dalam program 1AZAM ini adalah keinginan agensi pelaksana program untuk mendekati peserta berdaftar dengan eKasih yang tinggal di kawasan pedalaman. Kos yang tinggi dan masalah perhubungan menyebabkan wujudnya kumpulan yang telah berdaftar di dalam eKasih tidak menerima bantuan.

Untuk menangani isu ini, NKRA LIH bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dan NGO untuk memfokuskan pelaksanaan program melalui kaedah berkelompok dan bukan hanya memfokuskan kepada individu. Sebagai contoh, kerjasama antara Kerajaan Negeri Sarawak dengan Yayasan MyKasih dalam melaksanakan program Love My Neighbourhood kepada masyarakat Penan di Sarawak.

Program ini telah dilaksanakan di beberapa buah kampung dengan memberikan bantuan makanan, latihan kemahiran dan pembangunan belia kepada masyarakat, yang dijangka dapat meningkatkan potensi ekonomi masyarakat tersebut secara menyeluruh.



BERKONGSI KASIH DENGAN PENDUDUK BERPENDAPATAN RENDAH

Yayasan MyKasih, sebuah pertubuhan bukan berbasarkan keuntungan komited dalam membantu rakyat Malaysia yang kurang bernasib baik, telah menerima sokongan yang baik dalam program bantuan makanan Love My Neighbourhood yang pada asalnya dilancarkan pada April 2009. Daripada hanya memberikan bantuan kepada 25 keluarga yang kurang berkemampuan, MyKasih kini menyediakan bantuan makanan kepada lebih 100,000 penerima keluarga kebajikan hasil tajaan dan sokongan yang diberikan oleh penderma dan rakan peniaga runcit.

Program ini membantu penerima dengan menderma RM80 setiap bulan ke dalam MyKad penerima, yang kemudian boleh digunakan oleh mereka untuk membeli barang makanan keperluan di pusat pengedaran yang berdaftar. Selain makanan, pelajar daripada keluarga ini diberi antara RM60 hingga RM80 setiap bulan, bergantung pada sama ada mereka berada di sekolah rendah atau menengah, untuk membeli makanan dan alat tulis di kedai sekolah.

Program MyKasih telah pun dilaksanakan oleh beberapa organisasi negeri dan daerah bagi memperkuuh program kebajikan sedia ada sejak dua tahun yang lepas, dan berkembang dengan ketara. Program ini dijalankan dengan kerjasama rakan korporat, seperti Sentuhan Harapan oleh PETRONAS yang menggunakan infrastruktur MyKasih untuk mengagih bantuan makanan kepada keluarga yang mengambil bahagian.

Rakan korporat lain yang turut serta dalam program sebelum ini termasuk Mubada Petroleum, BDO Malaysia, The Store Group dan Chevron Malaysia. Rakan-rakan korporat ini juga mengambil peluang untuk menawarkan perkhidmatan bernilai tambah seperti latihan kemahiran kepada penerima sebagai sebahagian daripada program keseluruhan.

"Sejajar dengan usaha kerajaan dalam membasmikan kemiskinan untuk membantu penerima kebajikan mencapai kestabilan kewangan, kami mula mencatat kisah kejayaan dalam bidang latihan kemahiran, keusahawanan dan inisiatif penjanaan pendapatan di bawah 'Program Sentuhan Harapan' PETRONAS untuk 700 penerima," kata Pengurus MyKasih, Ngau Boon Keat. "Saya ingin merakamkan penghargaan yang setulusnya kepada penderma dan rakan yang terus memberikan sokongan dan kepercayaan terhadap apa yang kami lakukan."



Pencapaian dalam menyediakan Pemangkin Ekonomi

01

Inisiatif Kios Penjaja untuk Golongan Miskin Bandar: Fokus NKRA LIH adalah untuk memperkasa golongan berpendapatan rendah dengan keupayaan dan cara untuk mengeluarkan mereka daripada belenggu kemiskinan. Bagi membantu golongan miskin bandar, pasukan ini menyediakan peserta yang berdaftar dengan eKasihi kios penjaja yang membolehkan mereka menjalankan perniagaan berskala kecil untuk memperoleh pendapatan yang lebih baik.



02

Bakul Makanan untuk Golongan Miskin Bandar: Malnutrisi dan kekurangan zat makanan merupakan sesuatu yang tidak asing bagi golongan miskin luar bandar, akan tetapi penduduk bandar yang berpendapatan rendah juga mengalami masalah yang sama di bandar. NKRA LIH telah membantu memberikan makanan kepada golongan miskin bandar dengan memberi mereka bakul makanan yang mengandungi makanan berkhasiat. Inisiatif ini akan membantu penerima untuk fokus dalam memperolehi pendapatan tanpa perlu berasa bimbang tentang bagaimana mereka hendak memperolehi sumber makanan yang seterusnya.



03

Anjung Singgah untuk Golongan Gelandangan di Kawasan Bandar: Kekurangan tempat perlindungan mendedahkan golongan gelandangan kepada pelbagai bahaya termasuk bahaya menjadi mangsa jenayah, terdedah kepada cuaca dan pelbagai penyakit serta ketidakupayaan untuk mencari pendapatan yang bermakna. Anjung Singgah menyediakan tempat perlindungan sementara untuk golongan gelandangan di bandar. Seperti program makanan, penyediaan perlindungan yang mencukupi akan membantu penerima memfokuskan usaha masing-masing dalam memperoleh pendapatan, sekali gus melenyapkan kebimbangan mereka untuk memikirkan tempat tidur, makanan, perubatan dan keselamatan dalam menjalani kehidupan di bandar.



06



05



04



"Community Feeding"- Makanan Terapeutik Sedia Digunakan (RUTF) dan Program Susu untuk Orang Asli: Kekurangan zat makanan dalam kalangan kumpulan pribumi Orang Asli merupakan satu masalah endemik. Justeru, NKRA LIH sebagai sebahagian daripada inisiatif GTP 2.0 yang memberi tumpuan terhadap kumpulan mudah terjejas telah memulakan program "community feeding". Program ini mengagihkan RUTF dan susu kepada masyarakat Orang Asli yang disasarkan. Malnutrisi menjelaskan pelbagai aspek pertumbuhan dan kes yang berpanjangan akan menyebabkan ketidakupayaan pertumbuhan sekali gus merentangkan keupayaan untuk memperoleh pendapatan pada masa hadapan. Penyediaan makanan yang berkhasiat ini direka khusus untuk membantu keluarga yang kekurangan khasiat membebaskan diri mereka daripada masalah.

Khidmat Bantuan di Rumah untuk Golongan Warga Emas (Home Help Services): Golongan warga emas yang berpendapatan rendah lazimnya terperangkap di rumah disebabkan kurangnya mobiliti atau kurangnya jaringan sokongan untuk memenuhi keperluan mereka. Pasukan NKRA LIH telah mengambil langkah untuk membantu golongan yang paling mudah terjejas dalam masyarakat ini dengan menyediakan khidmat bantuan di rumah bagi golongan ini termasuk membersih, mengurus aktiviti harian dan menyediakan interaksi sosial. Inisiatif NKRA LIH direka untuk menyasarkan masalah golongan berpendapatan rendah secara menyeluruh, justeru masalah yang dihadapi oleh warga emas di negara ini tidak boleh diabaikan.

07



08



Memastikan Liputan Perkhidmatan Kesihatan untuk Orang Asli di Kawasan Pedalaman: NKRA LIH merancang untuk mengambil langkah-langkah tambahan untuk memastikan Orang Asli yang tinggal di kawasan pedalaman mempunyai akses kepada perkhidmatan kesihatan yang asas. Sama seperti program bakul makanan, inisiatif ini menyasarkan kesihatan dan kesejahteraan masyarakat Orang Asli yang menyeluruh. Harapannya adalah dengan penggalakan kesihatan yang lebih baik, masyarakat boleh menumpukan lebih fokus terhadap aktiviti ekonomi selain mempertingkat kebajikan komuniti yang disasarkan secara keseluruhan. Inisiatif ini akan dilaksanakan pada tahun 2014.

10



11



09



Pembinaan Jalan Raya untuk Orang Asli: Agensi pelaksana juga telah mengambil langkah untuk menyediakan kemudahan asas jalan raya untuk masyarakat Orang Asli bagi memudahkan perjalanan penduduk untuk berniaga atau untuk tujuan yang lain. Inisiatif ini dilihat lebih fleksibel dan berpotensi untuk menjana pendapatan dengan membawa hasil hutan atau hasil kraftangan mereka keluar untuk dipasarkan.

12



Kelas Pendidikan Dewasa bagi Orang Asli dan Penan: Program Kelas Dewasa Untuk Orang Asli dan Penan (KEDAP) bertujuan mengajar kemahiran asas literasi dan numerasi kepada kumpulan pribumi Orang Asli dan masyarakat Penan. Kemahiran baharu yang diperolehi daripada program ini diharapkan dapat memberi mereka peluang yang lebih baik untuk mendapat peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup mereka.

Meningkatkan Prestasi Pendidikan Orang Asli: Salah satu inisiatif di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dan inisiatif NKRA LIH adalah untuk memberikan peluang yang lebih baik untuk kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah demi masa depan yang lebih cerah adalah dengan peningkatan bilangan sekolah K9 di kawasan pedalaman. Tiga buah sekolah telah dibuka pada tahun 2013 iaitu SK Betau di Pahang, SK RPS Pos Kemar dan SK RPS Banun di Perak. Dua buah sekolah K9 lagi dirancang untuk dibuka di negeri Johor dan Selangor pada tahun 2014.

Sementara itu, agensi pelaksana juga telah berjaya mengurangkan kadar kecinciran dalam masyarakat Orang Asli, dan pada masa yang sama meningkatkan enrolmen pelajar. Melangkah ke hadapan, bilangan guru akan ditambah untuk memenuhi peningkatan jumlah pelajar. Pendidikan terus kekal sebagai faktor utama yang membolehkan golongan berpendapatan rendah membebaskan diri mereka daripada belenggu kemiskinan, justeru ia perlu menjadi fokus penting di bawah NKRA LIH.

Mengendalikan Latihan Perkhidmatan Feri 1Malaysia untuk Orang Asli di Griki, Perak: Penyediaan perkhidmatan feri dan sesi latihan yang diadakan untuk masyarakat Orang Asli membolehkan mereka mengemudi feri tersebut. Sesi latihan ini dikendalikan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Perkhidmatan feri ini akan meningkatkan kesalinghubungan yang lebih baik sekali gus membolehkan penduduk membawa hasil yang dijana untuk dipasarkan dan menjadikan perjalanan ke bandar lebih mudah.

13

Mewujudkan Industri Desa untuk Memulihkan Penagih Dadah: Untuk mengurangkan kadar penagihan semula (*recidivism*) dalam kalangan penagih dadah yang melalui proses pemulihan, NKRA LIH menyediakan peluang ekonomi untuk mereka di Pusat Rawat & Prihatin (CCC), yang mengendalikan program pemulihan untuk para penagih. Dengan adanya peluang pekerjaan yang diberikan ini akan membantu menghalang mereka daripada kembali semula untuk menagih.

NKRA LIH juga akan mengendalikan program penjanaan pendapatan bagi bekas penagih dadah yang akan bermula pada tahun hadapan.

**14**

Menyokong Masyarakat Penan dengan Pemangkin Ekonomi: NKRA LIH juga akan memulakan beberapa inisiatif untuk meningkatkan taraf kehidupan masyarakat Penan seperti yang dilaksanakan untuk masyarakat Orang Asli. Matlamat jangka pendek adalah untuk meningkatkan kualiti kesihatan dan kesejahteraan hidup masyarakat Penan yang juga mengalami masalah malnutrisi serta kekurangan akses dalam perkhidmatan perubatan asas. Inisiatif ini akan terus dipertingkatkan sepanjang tempoh pelaksanaan GTP 2.0. Antara pencapaian yang telah diraih adalah perluasan perkhidmatan rawatan pergiongan dan kesihatan kepada masyarakat Penan yang tinggal di kawasan pedalaman, pelaksanaan program "community feeding", pemberian dana pusingan bagi Kraftangan Penan dan dana pendidikan.




CABARAN UTAMA

Memandangkan GTP 2.0 menandakan permulaan fasa baharu dalam penyampaian bantuan kepada golongan berpendapatan rendah, inisiatif baharu yang direka untuk menyokong pemangkin ekonomi mengalami beberapa cabaran sepanjang tahun 2013. Antaranya adalah seperti berikut:

1. Pendapatan yang tidak seragam dalam kalangan peserta 1AZAM

Pelaksanaan program 1AZAM sepanjang beberapa tahun lepas telah memperlihatkan bahawa setakat ini kurang daripada separuh peserta menunjukkan peningkatan dalam pendapatan mereka selepas menerima bantuan 1AZAM. Pasukan NKRA LIH percaya bahawa prestasi yang lemah disebabkan oleh dua faktor: kekurangan saringan awal yang sewajarnya sebelum menerima bantuan 1AZAM dan kurang pemantauan ke atas peserta selepas latihan.

38% peserta 1AZAM menunjukkan peningkatan dalam pendapatan



- Tempoh matang untuk menghasilkan pendapatan adalah lama, contohnya minyak sawit, getah, burung walit
- Program 1AZAM pada bulan Jun 2013

*Carta menunjukkan perubahan pendapatan bagi peserta 1AZAM.

Pada masa ini, calon-calon yang membuat permohonan untuk menyertai program 1AZAM tidak ditapis. NKRA LIH mengakui bahawa kegagalan ini bukan hanya disebabkan oleh peserta sahaja. Ia juga disebabkan oleh latihan berbentuk umum yang ditawarkan oleh pelaksana program kepada peserta. Ketiadaan pengkhususan terhadap latihan yang diberikan barangkali tidak memenuhi keperluan peserta yang berbeza. Peserta juga bimbang sekiranya mereka tidak menghadiri sebarang kursus, mereka mungkin tidak akan menerima sebarang bantuan.

Pada tahun 2014, pelaksana program telah diarahkan untuk meningkatkan proses analisis tentang keperluan pelanggan dengan mengadakan lawatan ke rumah dan saringan yang sewajarnya menerusi pangkalan data eKasih dalam menyalurkan program bantuan yang bersesuaian. Agensi pelaksana juga diarahkan untuk meningkatkan pemantauan ke atas prestasi peserta selepas pelaksanaan program bagi menentukan tahap kejayaan program latihan yang dijalankan.

2. Masalah dalam melaksanakan perlindungan insurans bagi peserta 1AZAM

Isu perolehan dan pelancaran pelan ini telah menyebabkan kelewatan dalam pelaksanaannya. Skim insuran yang telah diatur dengan pihak AgroBank tidak dapat dilaksanakan seperti yang dirancang tanpa kelulusan daripada Kementerian Kewangan.

3. Keengganan penyertaan oleh NGO dan syarikat korporat

Matlamat yang tidak selari antara NKRA LIH dengan pelan CSR syarikat korporat telah menyebabkan kelewatan dalam beberapa pelan pembasmian kemiskinan GTP 2.0, walaupun pelan ini patut dilaksanakan dan/atau dibiayai oleh mereka. Dalam beberapa kes, syarikat korporat bimbang bahawa aktiviti dalam GTP 2.0 yang mungkin tidak sejajar dengan teras perniagaan syarikat. Manakala, dalam sesetengah kes yang lain, syarikat korporat menunggu kelulusan pihak pengurusan atau mereka tidak dapat mengetahui penerima yang disasarkan.

Beberapa isu juga timbul mengenai matlamat NGO yang lebih tertumpu dalam penyampaian bantuan berbanding pengupayaan ekonomi. NKRA LIH mengenal pasti bahawa pengupayaan ekonomi memerlukan lebih banyak sumber dan komitmen yang lebih tinggi berbanding dengan penyampaian bantuan daripada NGO.

Agensi pelaksana di dalam NKRA LIH akan terus mengadakan sesi dialog dengan rakan kongsinya dan NGO sedia ada serta pada masa yang sama terus mencari organisasi yang boleh bekerjasama dan mempunyai matlamat yang sejajar dengan matlamat NKRA.

4. Menyampaikan program kepada kumpulan yang mudah terjejas

Di bawah GTP 2.0, kumpulan mudah terjejas termasuk bekas penagih dadah dan bekas banduan akan menerima bantuan dalam bentuk latihan kemahiran untuk membantu mereka kembali semula ke pangkuhan masyarakat. Walaupun program yang diadakan di pusat pemulihan ini telah membawa hasil, namun pasukan NKRA LIH mendapati usaha untuk mengesas kumpulan ini adalah sukar kerana mereka cenderung untuk tidak dapat dikesan apabila dibebaskan dari pusat-pusat pemulihan ini.

Justeru, program berdasarkan komuniti yang direka khusus untuk golongan mudah terjejas ini terbukti sukar kerana tiada individu yang boleh bersuara dalam komuniti tersebut. Dalam kes yang lain, pelanggan menyatakan bahawa mereka lebih cenderung untuk menerima bantuan perseorangan berbanding mengambil bahagian dalam program yang berorientasikan masyarakat.

NKRA LIH sedang mempertimbangkan cadangan-cadangan baharu untuk menambah baik penyampaian program kepada kumpulan mudah terjejas ini bagi tahun 2014.



5. Memperkemas penyampaian program celik kewangan

Penerima 1AZAM dikehendaki untuk menghadiri kursus celik kewangan dalam GTP 2.0, tetapi masa antara penyampaian bantuan dengan pengendalian kursus ini seringkali tidak sesuai. Masalah ini semakin sukar apabila program 1AZAM direka dan disampaikan berdasarkan keadaan tertentu individu, justeru tidak ada jadual yang tetap untuk penyampaian program.

Sehubungan itu, penerima bantuan 1AZAM berasa bahawa mereka tidak perlu lagi menghadiri kursus celik kewangan tersebut selepas menerima bantuan. Sesetengah penerima lain pula menyatakan bahawa kursus tersebut tidak diadakan dengan kerap, menyebabkan mereka tidak dapat menghadiri kursus seterusnya seperti yang dijadualkan.

NKRA LIH mengakui bahawa kursus celik kewangan ini perlu diadakan dengan lebih kerap, namun masalah kekurangan tenaga pengajar menyebabkan ianya tidak boleh dilaksanakan secara berkala. Bagi menangani isu ini, program latihan untuk memastikan adanya lebih ramai jurulatih telah mula dijalankan.

6. Bencana alam: Banjir di beberapa bahagian Semenanjung Malaysia

Masalah banjir yang melanda beberapa bahagian Malaysia seperti di Pahang, Terengganu dan Kelantan telah menjelaskan penyampaian program di bawah 1AZAM Tani, yang merupakan komponen pertanian dalam program 1AZAM. Banjir yang berlaku menyebabkan aktiviti pertanian tidak dapat diteruskan seperti yang dirancang dan akan disambung semula pada tahun 2014 selepas keadaan banjir kembali pulih.



MELANGKAH KE HADAPAN

Tempoh 12 bulan yang lalu ternyata merupakan tempoh yang mencabar bagi NKRA LIH dalam melancarkan fokus baharu untuk memperkemas penyampaian program. Tahun 2014 akan turut menjadi tahun yang dipenuhi cabaran memandangkan agensi pelaksana berusaha untuk melaksanakan inisiatif baharu.

Antara langkah penting yang akan diberikan tumpuan termasuk:

1. Mempertingkatkan pemantauan peserta 1AZAM:

Kaji selidik keperluan akan dijalankan secara lebih kerap selepas bantuan diberikan kepada peserta berbanding secara tahunan yang dipraktikkan sebelum ini. Pemantau akan mengambil kira sama ada projek peserta masih berjalan, menjana pendapatan, atau memerlukan bantuan dan lain-lain.

2. Menambah baik proses perolehan:

Kekeliruan dalam proses perolehan telah melambatkan penyampaian bantuan kepada penerima dan isu ini perlu ditangani. Proses perolehan boleh menjadi satu isu besar jika pengeluaran dana dan pembelian peralatan atau pengendalian kursus latihan tidak mendapat arahan yang betul.

3. Saringan peserta 1AZAM:

NKRA LIH perlu menambah baik proses saringan peserta 1AZAM yang berpotensi untuk memastikan peserta dan lokasinya adalah bersesuaian dengan aktiviti perniagaan yang ingin diikuti oleh mereka. NKRA LIH telah mengarahkan pelaksana 1AZAM untuk memperbaiki proses saringan sebelum pelaksanaan dan selepas pelaksanaan program bagi memastikan calon-calon yang dipilih adalah sesuai.

4. Membersihkan pangkalan data eKasih: Pada masa ini, pangkalan data eKasih mengandungi data individu berpendapatan rendah yang telah menolak tawaran bantuan yang diberi. Walau bagaimanapun, mereka masih berada dalam senarai pangkalan data dan terus menerima tawaran daripada pelaksana 1AZAM. Justeru, agensi pelaksana merancang untuk mengemas kini pangkalan data ini untuk memastikan bahawa hanya nama-nama individu yang memerlukan bantuan sahaja terkandung di dalamnya.

5. Mengatur sokongan tambahan untuk peserta 1AZAM yang berjaya: Sepanjang tiga tahun yang lepas, terdapat peserta 1AZAM yang berjaya dalam kerjaya mereka ceburi. Walau bagaimanapun, mereka memerlukan modal tambahan untuk mengembangkan operasi masing-masing, tetapi permohonan pinjaman mereka lazimnya ditolak kerana mereka mungkin tidak mempunyai bahan sokongan yang sewajarnya. NKRA LIH sedang mempertimbangkan cadangan untuk terus membantu peserta yang berjaya ini melalui bantuan berbentuk wang (*cash-in-kind*) atau melalui beberapa program mikro kredit.

Pada masa yang sama, agensi pelaksana telah menyediakan KPI bagi tahun 2014. Penekanan dalam pemantauan peserta-peserta selepas pelaksanaan program telah diberikan keutamaan kerana pada tahun berikutnya, inisiatif utama adalah untuk memastikan peserta 1AZAM mendapat sokongan menyeluruh dan rundingan susulan untuk mencapai kejayaan.

NKPI	2013	2014
Bilangan penyertaan baharu 1AZAM	35,100	32,300
Bilangan peserta 1AZAM yang meningkatkan pendapatan mereka sebanyak RM300 untuk mana-mana tempoh 3 bulan	17,060	28,900
Bilangan peserta 1AZAM dalam Program Celik Kewangan	35,100	32,300
Bilangan projek 1AZAM yang mendapat kerjasama NGO dan Sektor Korporat	25	36
Bilangan Projek 1AZAM 1Komuniti/Program Berasaskan Kumpulan	40	77
Memastikan 100% data penerima yang didaftarkan di bawah program 1AZAM dikemas kini dalam sistem eKasih	100%	100%
Bilangan usahawan wanita baharu yang dibangunkan (pendapatan melebihi RM3,500 setiap bulan untuk tiga (3) bulan berturut-turut)	1,000	Dikeluarkan daripada sasaran 2014
Bilangan peserta 1AZAM yang dibangunkan mendapat pinjaman kredit mikro	—	500



**ADI AZLAN
AHMAD OTHMAN**
Ketua Penolong Setiausaha,
Seksyen Kemiskinan Bandar,
Kementerian Kesejahteraan
Bandar, Perumahan dan
Kerajaan Tempatan (KPKT)



STENLEE KUNCHET
Penolong Setiausaha
di Kementerian
Pembangunan Wanita,
Keluarga dan
Masyarakat



**NORZAWATIL
AMALI ALIAS**
Ketua Penolong
Setiausaha di Seksyen
Industri Asas Tani di
Kementerian Pertanian
dan Industri Asas Tani
(MoA)



WAJDI MD YUSUP
Pegawai Perhubungan
Perusahaan,
Jabatan Tenaga Kerja,
Kementerian Sumber
Manusia



Pandangan daripada DMO:

USAHA BERTERUSAN DALAM PEMBASMIAN KEMISKINAN

NKRA Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah (LIH) diperkenalkan dengan usaha yang diselaraskan oleh tujuh Kementerian yang bersama-sama memantau beberapa inisiatif yang mampang dan berimpak tinggi dalam mengurangkan ketaksamaan golongan yang terpinggir. Menerusi Pejabat Pengurusan Pelaksanaan (DMO) NKRA LIH ini, kerjasama rapat dan komunikasi berkesan merupakan sesuatu yang sangat penting dalam pelaksanaan inisiatif NKRA ini secara berkesan.

Tempoh 12 bulan yang lalu telah menyaksikan Kementerian yang terlibat berusaha melebihi tuntutan tugas dan tanggungjawab untuk memastikan usaha dalam kalangan pihak berkepentingan diselaraskan dengan cekap untuk memenuhi sasaran yang diharatkhan.

“Perkongsian maklumat dan kolaborasi antara agensi pelaksana, syarikat korporat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) diperkuuh untuk memastikan program pembasmian kemiskinan terus tersusun dengan baik, fokus dan mampang,” jelas Adi Azlan Ahmad Othman, Ketua Penolong Setiausaha, Seksyen Kemiskinan Bandar, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Sebagai penyelaras utama NKRA, DMO memainkan dua peranan, iaitu bukan sahaja sebagai agen penyampaian program, malah juga sebagai pegawai perhubungan untuk mendapatkan maklumbalas dan pandangan daripada orang ramai. “Salah satu daripada cabaran yang dikenal pasti dalam mencapai sasaran NKRA LIH ialah menjangkau

kumpulan sasaran ‘sebenar’ yang masih belum berdaftar dalam pangkalan data eKashif,” ujar Stenlee Kunchet, Penolong Setiausaha di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Meskipun publisiti mengenai pelbagai program bantuan tersedia, masih terdapat tahap kesukaran dalam menjangkau mereka kerana sebahagian besar daripada isi rumah berpendapatan rendah masih lagi kekurangan dari segi akses perhubungan. Untuk mengatasi masalah tersebut, kerjasama daripada Kerajaan dan majlis tempatan adalah penting untuk menjangkau kumpulan ini bagi membolehkan bantuan disalurkan kepada mereka.

Langkah-langkah lain yang telah dilaksanakan untuk memperkuuh usaha NKRA termasuk pemantauan pasca pelaksanaan untuk memastikan kemampaman Program 1AZAM, mewujudkan pusat inkubasi untuk membiasakan usahawan yang berpotensi daripada isi rumah berpendapatan rendah sebelum mereka meneruskan perniagaan masing-masing pada tahap yang lebih tinggi lagi. Kursus motivasi secara berkala juga diadakan sebagai sebahagian daripada program.

Inisiatif Program 1AZAM, iaitu Azam Bandar ketara membantu 80% daripada isi rumah berpendapatan rendah memperoleh pendapatan tambahan melebihi RM300 sebulan. Ini dilakukan menerusi latihan peningkatan kemahiran yang mencakupi kemahiran asas yang diperlukan bagi pekerjaan asas, seperti penjual produk dan perkhidmatan hotel.

Demikian juga, program AZAM Tani merupakan pelaburan yang digunakan untuk memperolehi kelengkapan, seperti bot dan jaring ikan, untuk membantu isi rumah berpendapatan rendah mencapai pendapatan yang baik

dalam sektor pertanian. Program ini telah menjangkau 16,000 isi rumah yang tergolong dalam Industri agro-makanan di Semenanjung Malaysia dan WP Labuan.

“Dengan cara ini, kita mengubah peserta 1AZAM dengan menggalakkan mereka menguasai set kemahiran baharu untuk membolehkan mereka memperoleh pendapatan yang mampang dan bukan sekadar menunggu bantuan dalam bentuk tunai. Menerusi inisiatif ini, terdapat elemen pengupayaan dan pemupukan kebolehan dalam membawa mereka keluar dari garis kemiskinan. Kebolehan untuk hidup berdikari merupakan matlamat utama program ini,” jelas Norzawatil Amali Alias, Ketua Penolong Setiausaha di Seksyen Industri Asas Tani di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA).

Secara keseluruhan, inisiatif NKRA dinilai secara berkala oleh pegawai yang terlibat untuk memastikan keberkesanannya kepada keperluan rakyat. Wajdi Md Yusup dari Kementerian Sumber Manusia menyatakan, “Untuk mencapai matlamat NKRA LIH, sokongan tambahan daripada NGO dan sektor korporat tidak boleh dipandang rendah, sebagaimana yang ditunjukkan oleh sumbangan yang diberikan oleh aktiviti tanggungjawab sosial korporat yang dilaksanakan secara tetap dan aktif.

Melangkah ke hadapan, NKRA LIH akan memberikan lebih penekanan terhadap usaha menyediakan sokongan tambahan kepada peserta 1AZAM yang berjaya, terutamanya mereka yang berusaha untuk mengembangkan operasi menerusi skim mikrokredit selain mempertingkatkan penyaringan peserta 1AZAM bagi memastikan kesesuaian peserta dengan pilihan aktiviti yang ingin diceburi.



MEMASTIKAN PENDIDIKAN BERKUALITI



TAN SRI MUHYIDDIN YASIN

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan



“ Kita tidak boleh berkompromi dengan standard pendidikan kerana jika kita berbuat demikian, kita tidak lagi menjadi negara yang berdaya saing dan masa hadapan anak-anak kita sendiri akan terjejas. ”

inisiatif NKRA Memastikan Pendidikan Berkualiti telah mencapai banyak kejayaan dalam memastikan generasi pelajar di negara ini dipersiapkan untuk menghadapi cabaran masa depan. Transformasi sistem pendidikan yang komprehensif oleh Kerajaan yang melibatkan semua peringkat, daripada pelajar hingga pengetua sekolah, bertekad untuk melahirkan generasi muda Malaysia yang bersedia untuk merebut segala peluang yang ada pada masa hadapan.

Tidak dinafikan bahawa masa depan anak-anak kita jauh berbeza berbanding dengan apa yang pernah kita alami atau apa yang dapat kita bayangkan. Dalam dunia yang semakin kecil disebabkan sistem komunikasi yang canggih dan mobiliti yang lebih tinggi, masa depan anak-anak kita serta masa depan Malaysia bakal dipenuhi dengan peluang dan juga persaingan sengit. Sebagai ibu bapa, hadiah terbaik buat anak-anak ialah menyediakan mereka untuk merebut segala peluang yang hadir pada masa akan datang.

Sejak empat tahun yang lalu, Kerajaan komited dalam usaha untuk meningkatkan tahap pendidikan pelajar Malaysia di seluruh pelosok negara, dan kami pasti tiada satupun daripada usaha ini disia-siakan. Bidang Keberhasilan Utama Negara Memastikan Pendidikan Berkualiti (NKRA Pendidikan) di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) telah bekerja keras untuk membina asas-asas yang perlu bagi meningkatkan kualiti pendidikan pada keseluruhannya dan keberhasilannya dapat dilihat menerusi pencapaian yang diraih.

Jelas bahawa inisiatif yang dilaksanakan pada hari ini termasuklah meningkatkan kemahiran asas bahasa dan mengira, meningkatkan kualiti guru, memberikan keutamaan kepada pendidikan bahasa Inggeris dan usaha-usaha lain, adalah penting dalam mempersiapkan pelajar kita untuk pembelajaran yang merupakan proses sepanjang hayat. Saya menyeru rakyat Malaysia dan ibu bapa khususnya, untuk melihat semua usaha ini dari perspektif yang lebih luas. Kita tidak boleh bertolak ansur dalam soal pendidikan kerana seandainya kita berbuat demikian, bukan sahaja daya saing negara akan terencau malah masa hadapan anak-anak kita akan turut terjejas.

Pencapaian NKRA Pendidikan setakat ini tidak boleh diperlekehkan. Sungguhpun beberapa inisiatif yang dilaksanakan mungkin kelihatan agak mudah, ingin saya tekankan di sini bahawa usaha-usaha tersebut telah menghasilkan pencapaian yang cukup bermakna. Walaupun matlamat inisiatif yang disasarkan kelihatan idealistik dan mudah, namun pelaksanaannya telah banyak menempuh ranjau dan cabaran.

Dengan terbitnya Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dan penyepadan aktiviti di bawah NKRA Pendidikan dengan aktiviti keseluruhan Kementerian Pendidikan, pelaksanaan rancangan negara untuk meningkatkan kualiti pendidikan dapat diselaraskan dengan lebih baik. Penggabungan NKRA Pendidikan di bawah PPPM akan dapat memastikan semua aktiviti pembaharuan pendidikan difokuskan terhadap aspirasi kita, iaitu Akses, Kualiti dan Ekuiti dalam penyampaian pendidikan.

NKRA Pendidikan telah pun memasuki fasa kedua dan kita telah pun mula memperhebat usaha untuk memastikan kelangsungan transformasi yang diwujudkan dalam GTP 1.0. Kita akan terus berusaha dengan gigih untuk meningkatkan pencapaian pelajar dengan memfokuskan kepada asas-asas yang akan menyediakan mereka dengan kemahiran yang perlu untuk menjadi pelajar yang cemerlang dalam bidang masing-masing.

Seandainya kita perlu mengambil satu sahaja iktibar yang paling bermakna daripada GTP setakat ini, kita perlu sedar bahawa perubahan boleh dilaksanakan melalui fokus dan inovasi yang mencukupi. Kita telah melangkah jauh sejak empat tahun yang lalu dan saya berharap anda akan terus memberikan sokongan yang jitu terhadap usaha yang digembung dalam bidang pendidikan ini pada tahun-tahun yang akan datang.



DATO' SRI IDRIS JUSOH
Menteri Pendidikan II

“ Aspirasi kita adalah untuk memastikan anak-anak dalam setiap keluarga memiliki akses kepada pendidikan berkualiti dan memperoleh proses pembelajaran yang sebenar. ”



Usaha yang dilaksanakan di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) untuk meningkatkan kualiti pendidikan seluruh negara tidak boleh dipandang remeh. Sejak kebelakangan ini, pencapaian pelajar-pelajar sekolah di negara ini telah merosot berbanding dengan pelajar lain di rantau ini. Mujurlah kita telah memulakan usaha-usaha untuk menangani masalah tersebut dan mengambil langkah-langkah pemulihan segera, sekali gus meletakkan sistem pendidikan Malaysia di landasan yang tepat.

Secara peribadinya, saya amat berpuas hati dengan inisiatif yang berfokus kepada pembangunan kemahiran asas seperti kemahiran literasi dan numerasi serta tumpuan terhadap pendidikan prasekolah. Ini merupakan tahun-tahun yang penting dalam pembelajaran kanak-kanak dan pada peringkat inilah kemahiran pembelajaran asas yang kukuh boleh dipupuk.

Usaha untuk meningkatkan prestasi sistem persekolahan juga sangat menggalakkan, dan kejayaan merapatkan jurang antara sekolah terbaik dengan sekolah berprestasi terendah di negara kita merupakan bukti keberkesanannya. Walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan bahawa tugas kami untuk memajukan sistem pendidikan negara tidak akan selesai selagi masih ada sekolah yang memerlukan sokongan pemulihan.

Strategi GTP 2.0 untuk memulihkan keadaan ini sememangnya bercita-cita tinggi, khususnya melalui usaha transformasi seluruh rantaian sistem pendidikan, daripada pengetua kepada guru hingga Pejabat Pendidikan Daerah. Saya percaya transformasi pada skala tersebut adalah perlu sekiranya kita berhasrat menyelesaikan masalah ini secara holistik.

Sebuah negara yang maju dan berpendapatan tinggi memerlukan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi. Sekiranya kita tidak menangani isu yang menjelaskan bekalan tenaga mahir tempatan, kita akan terpaksa menggaji tenaga mahir dari luar. Meskipun kita bersedia untuk menerima keadaan ini sebagai langkah penyelesaian jangka pendek, kita masih perlu menyusun strategi jangka panjang untuk menangani masalah kekurangan pekerja mahir. Dalam konteks ini, pendidikan kekal sebagai jaminan terbaik untuk memastikan kejayaan pada masa hadapan.

Saya yakin dan percaya bahawa inisiatif NKRA Pendidikan dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) secara keseluruhan akan dapat mentransformasikan seluruh rangka kerja pendidikan untuk memenuhi semua keperluan negara. Akan tetapi, hasrat ini memerlukan sokongan dan kerjasama daripada semua pihak berkepentingan termasuk pengetua, guru, pelajar, ibu bapa dan juga orang awam. Kita perlu sedar bahawa pelajar hari ini merupakan pemimpin negara pada masa akan datang. Justeru, kita memerlukan pelaksanaan yang terbaik untuk membantu pelajar merealisasikan potensi diri mereka.

TINJAUAN KESELURUHAN

Bidang Keberhasilan Utama Negara Pendidikan (NKRA Pendidikan) telah meraih pelbagai kejayaan dalam GTP 1.0 dengan impak yang meluas terhadap kaedah penyampaian pendidikan di Malaysia. Hasil daripada inisiatif yang dilaksanakan, pelajar di negara ini dapat menerima input pengajaran yang lebih baik daripada guru-guru, dapat persediaan yang lebih baik untuk pembelajaran sepanjang hayat dan belajar di sekolah-sekolah yang lebih baik. Pada masa yang sama, para pendidik termasuklah pengetua kini diiktiraf dan diberi ganjaran atas usaha dan juga kemahiran pedagogi mereka demi meningkatkan prestasi sekolah dan memastikan guru yang terbaik dilantik mengisi jawatan utama kepemimpinan.

Kerajaan menyedari bahawa tiada tolak ansur yang boleh dibenarkan dalam soal pendidikan, justeru Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) telah diperkenalkan untuk melaksanakan perubahan secara progresif dalam bidang pendidikan. Sasaran PPPM adalah untuk melahirkan generasi sarjana Malaysia yang setaraf ataupun lebih baik daripada pelajar cemerlang dari negara-negara serantau, seterusnya menjamin masa depan pelajar kita dalam dunia yang semakin kompetitif ini.

Keperluan terhadap tenaga kerja berpendidikan tinggi semakin ketara lantaran kekurangan bekalan tenaga mahir semakin dirasai dalam pasaran pekerja Malaysia hari ini. Sekiranya tiada usaha yang sewajarnya dilakukan untuk menangani masalah kekurangan tenaga mahir ini, ia dijangka menjadi bertambah buruk. Oleh itu, sistem pendidikan merupakan komponen penting yang diperlukan untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing tenaga kerja negara.

Hakikat bahawa sistem pendidikan Malaysia pernah menjadi antara yang terbaik di rantau ini tidak dapat dinafikan. Kadar literasi dan numerasi yang tinggi dalam kalangan penduduk dewasa merupakan bukti kejayaan rejim pendidikan pada masa lalu. Akan tetapi, data terkini menunjukkan bahawa prestasi kumpulan pelajar yang ada kini tidak sebaik pelajar terdahulu¹.

Susulan prestasi yang membimbangkan ini, Kerajaan telah mengenal pasti pendidikan sebagai salah satu NKRA di bawah GTP, dan seterusnya mengenal pasti beberapa kelemahan dalam sistem pendidikan yang sedia ada. Ringkasnya, sistem pendidikan Malaysia secara umumnya tidak berkembang sejajar dengan pertumbuhan ekonomi atau tidak seimbang dengan tuntutan pendidikan yang terus berubah.

Meskipun keperluan pendidikan menjadi semakin canggih di seluruh dunia, sistem di Malaysia tidak banyak berubah sepanjang 56 tahun yang lalu, iaitu sejak negara mencapai kemerdekaan. Oleh yang demikian, sistem pendidikan negara amat memerlukan transformasi. Walau bagaimanapun, sistem pendidikan tidak boleh diubah secara sedikit demi sedikit sebaliknya penyelesaian yang holistik diperlukan. Hal yang demikian membawa kepada perumusan PPPM yang dilancarkan pada 6 September 2013.

Namun demikian, Kerajaan sedar bahawa isu berkaitan dengan kemerosotan dalam standard pendidikan tidak boleh ditangguhkan dan perlu ditangani dengan segera. Atas sebab itulah NKRA Pendidikan memulakan pelaksanaan inisiatif pembaharuan pendidikan seawal tahun 2010, iaitu sejak tahun pertama GTP dilaksanakan. Inisiatif NKRA Pendidikan yang kini dianggap sebagai perintis PPPM adalah selaras dengan matlamat keseluruhan PPPM untuk memastikan pelajar kita meraih kedudukan antara yang terbaik di dunia menjelang tahun 2025.

Tahun 2013 merupakan tahun pertama pelaksanaan inisiatif di bawah GTP 2.0, yang menyasarkan untuk terus memperdalam transformasi yang dimulakan dalam GTP 1.0. Bagi NKRA Pendidikan, hal yang demikian bermakna menambah baik inisiatif yang sedia ada di samping memperkenalkan inisiatif baharu untuk menyokong matlamat keseluruhan akses, kualiti dan ekuiti pendidikan.

¹Berdasarkan keputusan ujian *Programme for International Student Assessment (PISA)* oleh Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) pada tahun 2009 dan 2012 serta keputusan ujian *Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS)* yang dijalankan oleh *National Centre for Education Statistics* pada tahun 2011.

PENCAPAIAN

Menilai dan mengharmonikan standard prasekolah di seluruh negara



Sebagai sebahagian daripada komitmen NKRA Pendidikan untuk memastikan prasekolah di Malaysia adalah berkualiti, pasukan NKRA Pendidikan memperkenalkan instrumen penilaian Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan (SKPK) pada bulan Mei 2013. SKPK merupakan alat penilaian kendiri yang direka khas untuk mengukur kualiti prasekolah di Malaysia. Sejumlah 16,102 (99.2%) prasekolah awam di Malaysia telah melengkapkan penilaian kendiri menjelang Disember tahun lalu.

Sementara itu, Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti dari Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta wakil dari Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi (JPNIN) dan Majlis ECCE telah mula mengesahkan pencapaian penilaian kendiri SKPK. Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti telah menjalankan verifikasi penilaian terhadap 500 prasekolah awam dan 75 prasekolah swasta menjelang akhir tahun 2013.

Membangunkan kriteria baharu untuk penganugerahan tawaran baharu

Inisiatif Tawaran Baharu yang mula dilaksanakan dalam GTP 1.0 direka untuk memberikan ganjaran kepada pengetua dan guru besar yang telah membantu meningkatkan prestasi sekolah masing-masing dalam sistem ranking kebangsaan. Meskipun pelaksanaan pakej kerja dalam GTP 1.0 berjaya memenuhi tujuan ini, NKRA Pendidikan menyedari bahawa

kriteria yang diperkenalkan pada masa itu tidak dapat mengambil kira faktor perbezaan demografi sekolah atau faktor-faktor pengurangan yang lain.

Oleh itu, impak faktor pengurangan ini terhadap prestasi sekolah tidak dapat diukur dengan tepat, dan pengetua serta guru besar di sekolah-sekolah tersebut dianggap seperti tidak

dinilai dengan sewajarnya. Untuk menambahbaik penganugerahan tawaran baharu, NKRA Pendidikan akan menambahbaik set kriteria sedia ada dan ia akan dikuatkuasa dengan ketat untuk memastikan pengetua dan guru besar yang memainkan peranan dengan berkesan dianugerahi secara saksama. Kriteria baharu ini bakal dilaksanakan pada tahun 2014.

Merintis penggunaan instrumen penilaian Piagam Baharu Guru

Inisiatif Piagam Baharu Guru dalam NKRA Pendidikan yang diperkenalkan dalam GTP 2.0 direka bentuk untuk melengkapkan Piagam Baharu Pengetua dengan mewujudkan laluan kerjaya baharu berdasarkan kompetensi guru. Untuk membantu pelaksanaan inisiatif ini, NKRA Pendidikan telah membina Instrumen Penilaian Bersepadu (UI) Guru yang baharu, yang akan digunakan untuk

kesemua 410,000 guru di seluruh negara.

UI yang bakal menggantikan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT), telah disahkan oleh pakar pendidikan antarabangsa, iaitu Pearson, dan telah diperhalus berdasarkan saranan mereka. Program rintis ini diteruskan pada tahun 2014 sebagai persediaan untuk pelaksanaannya pada tahun 2015.



Melaksanakan program untuk pelajar berkeperluan khas

GTP 2.0 turut menyaksikan pelaksanaan aliran kerja untuk menyepaduan pelajar berkeperluan khas dengan kumpulan pelajar tipikal dengan lebih baik lagi. Program

Buddy yang dilancarkan pada 24 Ogos 2013 melibatkan penyertaan 10 buah sekolah rendah dan menengah di Lembah Klang. Program Buddy ialah program kelab bola sepak yang diwujudkan untuk membolehkan pelajar berkeperluan khas menyertai pelajar arus perdana untuk menjalin persahabatan dan memupuk persefahaman yang lebih baik antara kedua-dua kumpulan pelajar ini.

Sementara itu, Malaysian Care, iaitu sebuah pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), telah dilantik untuk

menerajui program Peralihan yang akan membantu penyepaduan pelajar berkeperluan khas ke dalam kehidupan masyarakat biasa selepas tamat persekolahan. Guru sekolah menengah akan diberi latihan khas di bawah program ini untuk membantu pelajar mereka di dalam bilik darjah dan mempersiapkan pelajar untuk memasuki alam pekerjaan.

Aliran kerja Keperluan Pendidikan Khas dilancarkan sebagai susulan makmal yang diadakan pada tahun 2012.

Inisiatif		Pencapaian Sebenar
Prasekolah dan Penjagaan Awal Kanak-kanak	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan kadar enrolmen prasekolah kepada 88% Semua prasekolah awam perlu melengkapkan Penilaian Kendiri Standard Kualiti Prasekolah 	
LINUS 2.0	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan 100% daripada kohort kedua (Kohort 2, Tahun 3) menguasai kemahiran 	99.3% (n)* 99.1% (l)**
Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT)		94.5% (n)* 93.2% (l)**
Program Transformasi Daerah + Program Pembangunan Prestasi Sekolah		90.1% (n)* 81.3% (l)**
Pakej Baharu Kerjaya Pengetua (Penambahbaikan Tawaran Baharu)		91 24 1.7% 29%
Pakej Baharu Kerjaya Guru		6% 6.6% 24.2%
Peningkatan Kemahiran Guru Bahasa Inggeris		73.3***

NKRA MEMASTIKAN PENDIDIKAN BERKUALITI – ALIRAN KERJA DAN BIDANG TUMPUAN

Inisiatif GTP 2.0 meneruskan kejayaan yang dicapai dalam GTP 1.0, dan kini dijadikan subset PPPM. Fokus inisiatif diselaraskan dengan aspirasi PPPM yang memfokuskan Akses, Kualiti dan Ekuiti pendidikan.

	Akses	Kualiti	Ekuiti
Aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013 -2025)	Enrolmen sejagat merentas semua peringkat daripada prasekolah hingga menengah atas menjelang tahun 2020.	Memastikan pelajar Malaysia berada dalam kelompok negara seperti teratas dalam pentaksiran antarabangsa seperti PISA dan TIMSS dalam tempoh 15 tahun, daripada kelompok sepertiga terbawah hari ini.	Merapatkan jurang pencapaian sebanyak 50% antara murid pelbagai kategori sekolah (bandar—luar bandar, sosioekonomi, jantina) menjelang tahun 2020.
	Meningkatkan tahap enrolmen sekolah setaraf dengan tahap enrolmen negara maju.	Memastikan sistem pendidikan Malaysia sebagai sebuah sistem pendidikan yang paling cepat berkembang di dunia.	Memastikan Malaysia mempunyai salah sebuah sistem persekolahan yang paling saksama di dunia.
	<u>Sasaran enrolmen</u> 98% Rendah 90% Menengah Rendah 86% Menengah Atas		
Inisiatif NKRA Pendidikan GTP 2.0	Memastikan enrolmen prasekolah sebanyak 92%	Meningkatkan pencapaian pelajar Malaysia dalam pentaksiran antarabangsa kepada tahap purata antarabangsa.	Merapatkan jurang pencapaian sebanyak 25% menjelang akhir tahun 2015. Memastikan pendidikan sama rata kepada semua pelajar, termasuk pelajar yang memerlukan pendidikan khas.

Sebagai subset PPPM, inisiatif GTP 2.0 adalah penting dalam pembinaan asas yang kukuh untuk mencapai aspirasi keseluruhan PPPM. Bagi membantu penyampaian inisiatif NKRA dan inisiatif PPPM secara berpusat, sebuah unit baharu dalam KPM, iaitu Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU), ditubuhkan dan bekerjasama dengan PEMANDU bagi mengurus pelaksanaan kesemua inisiatif GTP 2.0.

ALIRAN KERJA / Prasekolah dan Penjagaan Awal Kanak-Kanak



Pembelajaran sepanjang hayat bermula dengan pendidikan yang bersesuaian pada peringkat yang paling asas lagi. Menyedari hakikat ini, NKRA Pendidikan memfokuskan enrolmen prasekolah bermula dari pelaksanaan GTP 1.0. Inisiatif di bawah aliran kerja ini menyasarkan untuk meningkatkan kadar enrolmen prasekolah kepada 92% menjelang tahun 2015.

Untuk meningkatkan akses kepada prasekolah, NKRA Pendidikan akan terus menawarkan geran permulaan kepada prasekolah swasta baharu serta bantuan yuran kepada isi rumah berpendapatan rendah. Jumlah geran telah ditambah dalam GTP 2.0 manakala bantuan yuran kini diberikan berdasarkan skala berkadar dengan tahap pendapatan. Pada tahun 2013, sebanyak 258 pengusaha prasekolah menerima geran permulaan berjumlah RM4.2 juta manakala 34,552 pelajar daripada isi rumah berpendapatan rendah menerima bantuan yuran prasekolah dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM29 juta.

Mulai tahun 2013, geran permulaan kini turut diberikan kepada prasekolah yang menawarkan pendidikan khas manakala bantuan yuran turut diperluas kepada pelajar berkeperluan khas. 38 pusat prasekolah pendidikan khas menerima geran permulaan berjumlah RM0.76 juta dan 75 pelajar menerima bantuan yuran pada tahun 2013. Memandangkan tahun 2013 merupakan tahun pertama inisiatif ini diperluas kepada pendidikan khas, sambutan bantuan ini tidaklah setinggi yang dijangka. Namun, NKRA Pendidikan akan terus menyokong pendidikan untuk kanak-kanak berkeperluan khas serta meneruskan usaha bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai bantuan yang disediakan.

Bantuan yuran kepada pelajar prasekolah arus perdana

Pendapatan per kapita	Bantuan yuran sebulan
< RM300	RM150.00
RM301-RM400	RM112.50
RM401-RM500	RM75
>RM500	Tidak layak

Bantuan yuran kepada pelajar prasekolah berkeperluan khas

Pendapatan per kapita	Bantuan yuran sebulan
< RM400	RM500.00
RM401-RM600	RM400.00
RM601-RM800	RM300.00
RM801-RM1000	RM200.00
> RM1000	Tidak layak

Bagi menambah baik usaha yang telah dimulakan dalam GTP 1.0, NKRA Pendidikan telah mengambil langkah-langkah untuk memastikan prasekolah di Malaysia memenuhi standard minimum. Satu instrumen Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan (SKPK) telah diperkenalkan untuk mengukur standard prestasi. Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti dari KPM, KEMAS dan JPNIN akan mengesahkan pencapaian SKPK secara bebas bagi prasekolah awam manakala Majlis ECCE akan mengesahkan pencapaian bagi prasekolah swasta.

Skop aliran kerja ini telah diperluas dalam GTP 2.0 untuk merangkumi penjagaan awal kanak-kanak demi memastikan kanak-kanak didedahkan kepada pembelajaran awal yang terbaik semasa usia pembentukan mereka. Skim geran permulaan dan bantuan yuran juga telah diperluas kepada pusat penjagaan kanak-kanak untuk menambah jumlah pusat penjagaan kanak-kanak yang berdaftar selain membantu keluarga berpendapatan rendah dan sederhana yang mempunyai anak berumur antara 0-4 tahun untuk mendapat penjagaan kanak-kanak yang berkualiti. Pada tahun 2013, sebanyak 1,909 kanak-kanak daripada isi rumah berpendapatan rendah menerima bantuan yuran daripada Kerajaan berjumlah RM4.37juta. Pada tahun yang sama, sebanyak 948 pengusaha pusat penjagaan kanak-kanak menerima geran berjumlah RM12.43juta untuk memulakan operasi.


Selain itu, Kerajaan turut memberikan faedah cukai kepada pengusaha prasekolah dan pusat penjagaan kanak-kanak swasta yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan atau Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Insentif cukai yang ditawarkan ini meliputi pengecualian cukai bagi peringkat pendapatan berkanun untuk 5 tahun dan elauan bangunan industri pada kadar tahunan 10% untuk bangunan yang digunakan sebagai pusat prasekolah atau penjagaan kanak-kanak. Insentif cukai ini turut ditawarkan kepada majikan yang membuka pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja dalam bentuk potongan cukai dua kali atas perbelanjaan yang ditanggung bagi penyediaan dan penyelenggaraan pusat tersebut.

ALIRAN KERJA / Program Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS) 2.0

Program LINUS diperkasakan dalam GTP 2.0 dengan melaksanakan saringan kemahiran bahasa Inggeris sebagai tambahan kepada kemahiran dalam bahasa Malaysia dan numerasi. Matlamat akhir program LINUS 2.0 adalah untuk memastikan semua pelajar Malaysia celik huruf dan celik nombor selepas mengikuti pembelajaran selama tiga tahun di sekolah rendah.

Walaupun pencapaian LINUS sejak GTP 1.0 adalah menggalakkan, NKRA Pendidikan masih mengambil langkah-langkah tambahan untuk memastikan bahawa pelajar benar-benar telah mencapai kemahiran yang diharatkannya dengan meneliti keputusan dan kaedah saringan. Sebagai contoh, beberapa pembaharuan telah dilaksanakan pada tahun lepas untuk memastikan pelajar dapat memperlihatkan kemahiran yang memuaskan dalam situasi peperiksaan sebenar.

Jadual menunjukkan kadar literasi dan numerasi murid sekolah yang disaring menerusi LINUS. Sasaran LINUS adalah untuk meningkatkan kemahiran literasi dan numerasi kepada 100% bagi semua murid Tahun 3.



Kekerapan saringan telah dikurangkan daripada tiga kali kepada dua kali setahun dalam LINUS 2.0 bagi memberikan lebih masa kepada guru untuk membantu pelajar yang belum mencapai standard kemahiran yang ditetapkan. Selain itu, semua pelajar perlu menduduki saringan dua kali setahun tersebut tanpa mengira prestasi mereka sebelum ini.

Saringan LINUS untuk mengetahui penguasaan kemahiran bahasa Inggeris dalam kalangan murid tahap 1 yang diperkenalkan pada tahun 2013 telah menyarang pelajar untuk mengenalpasti tahap penguasaan bahasa Inggeris berdasarkan konstruk yang ditetapkan. Meskipun pelaksanaan LINUS sebahagian besarnya menepati jadual NKRA yang ditetapkan, ketiadaan penanda aras untuk literasi bahasa Inggeris ini telah menyebabkan jadual pelaksanaan terlewat daripada perancangan asal. Walau bagaimanapun KPM berjaya menetapkan data asas menjelang akhir tahun 2013. Saringan awal menunjukkan bahawa hanya 50% daripada pelajar Tahun 1 di sekolah dapat menguasai asas bahasa Inggeris, dan saringan kedua yang dilaksanakan selepas empat bulan menunjukkan peningkatan kadar kemahiran kepada 63%. Usaha pemulihan dan saringan secara berkala akan dimulakan pada tahun 2014.

ALIRAN KERJA / Sekolah Berprestasi Tinggi

Inisiatif Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) juga merupakan lanjutan kepada inisiatif yang diperkenalkan dalam GTP 1.0. Inisiatif ini direka untuk mengurangkan jurang antara sekolah berprestasi tinggi dengan sekolah berprestasi rendah di negara ini. Program SBT menggalakkan sekolah untuk meningkatkan prestasi dengan menawarkan insentif dalam bentuk geran kewangan dan insentif bukan kewangan yang lain seperti autonomi tambahan sekolah.



NKRA Pendidikan menyasarkan sekurang-kurangnya 100 SBT sepanjang tempoh GTP 2.0. Fokus dalam GTP 2.0 juga diperbaharui, iaitu fokus terhadap kelestarian, bagi memastikan sekolah mengekalkan status SBT masing-masing. Oleh itu, SBT diberikan penunjuk prestasi utama (KPI), yang menentukan tahap akademik dan kurikulum yang perlu dicapai berdasarkan standard kebangsaan dan antarabangsa.

Program intervensi akan diambil terhadap SBT yang masih gagal mencapai KPI ini. Sekiranya tiga tahun berturut-turut KPI tidak dicapai, pengetua sekolah tersebut akan digantikan dan status SBT akan ditarik balik sekiranya KPI masih tidak tercapai selepas lima tahun. Pada tahun 2013, langkah-langkah telah diambil untuk menukar pengetua daripada empat buah sekolah SBT. Bagi memastikan kecemerlangan SBT, dasar baharu telah diputuskan iaitu sekiranya 3 tahun berturut-turut tidak mencapai KPI, maka sekolah akan ditarik semula status SBT.

Pada tahun 2013, sebanyak 24 sekolah diberikan status SBT, seperti yang tersenarai dalam jadual di bawah. Senarai lengkap 115 SBT boleh didapati di laman sesawang KPM - <http://web.moe.gov.my/bpsbpsk/index.php/sbt>.

Kohort	Kod	Sekolah	Negeri
2013	JBB0025	SK Tengku Mariam	Johor
2013	JBD3014	SJKT Ladang Rem	Johor
2013	JEA6006	SMK Dato' Penggawa Barat	Johor
2013	KEA4068	SM Sains Kubang Pasu	Kedah
2013	DEA2191	SM Sains Machang	Kelantan
2013	MBB2048	SK Convent of the Infant Jesus 1 (M)	Melaka
2013	MRA2127	SMKA Sharifah Rodziah	Melaka
2013	NRA6001	SBP Integrasi Jempol	Negeri Sembilan
2013	CBB1002	SK Convent, Pahang	Pahang
2013	ABA4011	SK Sultan Idris II	Perak
2013	ABB2086	SK Marian Convent	Perak
2013	AEA6050	SM Sains Raja Tun Azlan Shah	Perak
2013	ARA2001	SBP Integrasi Gopeng	Perak
2013	PBB1015	SK Convent Green Lane	Pulau Pinang
2013	PBC1055	SJK (C) Han Chiang	Pulau Pinang
2013	PRA2003	SMKA Al-Irsyad	Pulau Pinang
2013	BBA8106	SK Taman Megah	Selangor
2013	BBA8264	SK Bukit Jelutong	Selangor
2013	BBB8314	SK Sri Petaling	Selangor
2013	BRA4003	SMA Persekutuan Kajang	Selangor
2013	BRA7001	SBP Integrasi Rawang	Selangor
2013	WBA2004	SK Putrajaya Presint 11 (1)	WP Putrajaya
2013	WBB0048	SK Convent Bukit Nanas (1)	WP KL
2013	WBC0170	SJK (C) Kuen Cheng 2	WP KL

SBT kini turut diberikan tanggungjawab untuk membimbing dan menjadi mentor kepada sekolah bukan SBT yang lain. Satu sesi klinik bimbingan ("handholding") telah diadakan pada Jun 2013 untuk menggandangkan sekolah SBT dengan sekolah bukan SBT dalam daerah yang sama bagi membantu peningkatan sekolah bukan SBT tersebut. Melangkah ke tahun 2014, inisiatif ini akan dijadikan KPI tambahan kepada senarai KPI sedia ada sekolah SBT.


ALIRAN KERJA / Program Transformasi Daerah dan Sekolah

Program Transformasi Daerah merupakan penambahbaikan kepada Program Pembangunan Prestasi Sekolah dalam GTP 1.0. Rasional berfokuskan kepada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) kerana sokongan dan bantuan yang diberikan PPD mempunyai kesan kepada prestasi sekolah dan pada masa yang sama mempunyai autoriti untuk menyelaraskan pembangunan prestasi sekolah secara holistik.

Maklumat Program Transformasi Daerah adalah sama dengan Program Pembangunan Prestasi Sekolah, iaitu untuk membantu sekolah-sekolah yang berprestasi rendah dan pada masa yang sama membantu melestarikan kecemerlangan SBT.

Trend band sekolah secara keseluruhan (2011-2012)

Perbandingan bilangan sekolah dalam setiap band



Mulai tahun 2013, peranan dan fungsi PPD telah dikaji semula supaya PPD lebih berperanan untuk melaksanakan fungsi pementoran dan bimbingan kepada sekolah.

Bagi menyokong usaha ini, pembimbing pakar, iaitu Rakan Pembimbing Pembangunan Prestasi Sekolah (SIPartner+) dan Jurulatih Pakar Pembangunan Prestasi Sekolah (SISC+), telah ditempatkan di PPD untuk membimbing dan menyokong sekolah yang memerlukan. KPM juga telah mewujudkan *dashboard* PPD, yang akan membolehkan Kementerian dan Jabatan Pendidikan Negeri menilai dan mengukur tahap prestasi setiap PPD. Kedah dan Sabah kini menjadi perintis dalam penggunaan *dashboard* tersebut.

Dashboard PPD mendokumenkan beberapa penunjuk, termasuk pencapaian sekolah, ketidakhadiran pelajar dan pergerakan guru di sekolah untuk aktiviti-aktiviti bukan mengajar. Transformasi PPD telah dimulakan di Kedah dan Sabah pada tahun 2013 dan akan dilaksanakan di seluruh negara pada tahun 2014.

ALIRAN KERJA / Tawaran Baharu dan Piagam Pemimpin Sekolah

NKRA Pendidikan menyedari bahawa kaedah terbaik untuk menggalakkan peningkatan prestasi sekolah adalah dengan melantik mereka yang benar-benar berkebolehan untuk memegang tumpuk kepimpinan sekolah. Strategi dalam GTP 1.0 yang memberikan ganjaran kepada pengetua dan guru besar berdasarkan prestasi sekolah mereka dan akan diteruskan dalam GTP 2.0 dengan beberapa penambahbaikan. Penghargaan kepada pengetua dan guru besar yang dapat meningkatkan prestasi melalui Tawaran Baharu akan diberi penambahbaikan dalam GTP 2.0.

Satu perubahan penting dalam program Tawaran Baharu ialah penambahbaikan set kriteria untuk pengetua di

sekolah-sekolah yang mungkin menghadapi kekangan disebabkan oleh faktor luaran seperti demografi kelompok pelajar dan lokasi sekolah. *Subranking* baharu ini direka khas agar penganugerahan Tawaran Baharu adalah lebih saksama dan lebih mudah dicapai oleh pengetua di seluruh negara.

Pengenalan kepada Piagam Pemimpin Sekolah pada tahun 2013 adalah bagi memastikan semua sekolah dipimpin oleh pengetua dan guru besar yang berprestasi tinggi. Syarat baharu pemilihan Pengetua dan guru besar yang dilaksanakan pada tahun ini mementingkan merit daripada tempoh perkhidmatan.

Sistem baharu ini akan diterima guna untuk pelantikan kumpulan pengetua dan guru besar baharu mulai bulan Julai 2014.



* LNPT (Laporan Penilaian Prestasi Tahunan) akan digunakan sehingga tahun 2014 dan bakal digantikan dengan Instrumen Bersepadu menjelang tahun 2015.

** NPQEL - Kelayakan Profesional Kebangsaan bagi Kepimpinan Pendidikan.

NPQH - Kelayakan Profesional Kepengetauan Kebangsaan.


*** PPPLD - Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma.

Sistem baharu ini akan diterima guna untuk pelantikan kumpulan pengetua baharu mulai bulan Julai 2014.

ALIRAN KERJA / Piagam Baharu Guru



GTP 2.0 memberi penekanan kepada kualiti guru dengan pengenalan kepada aliran kerja Piagam Baharu Guru. Pakej Baharu Kerjaya guru memberi fokus kepada jadual kerjaya guru bermula dari penilaian prestasi yang berdasarkan kompetensi dan keberhasilan pelajar dan program pembangunan berterusan yang padu.



Sebagai langkah permulaan ke arah penilaian bersepadu berteraskan kompetensi dan keberhasilan, satu instrumen bersepadu (UI) telah dibangunkan oleh KPM dan telah ditanda aras di peringkat antarabangsa oleh pakar pendidikan Pearson.

Program rintis kepada UI sedang dijalankan sehingga awal tahun 2014. Hasil awal daripada 101,535 guru yang dinilai, hanya 3% dalam kalangan guru perlu disokong untuk meningkatkan prestasi.

Dalam membantu pembelajaran dan pengajaran dalam bilik darjah, perpustakaan video eGuru atas talian telah dibangunkan dan dilancarkan pada April 2013. Perpustakaan ini bertujuan membantu guru untuk mempelbagaikan teknik pengajaran

bagi memastikan keberhasilan murid yang berupaya menguasai kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).

Pada masa ini, Promosi Berprofil Tinggi baharu dijalankan bertujuan untuk menekankan kepada masyarakat tentang profesi keguruan. Sebuah kempen media menerusi beberapa siri di radio, video dan iklan telah bersedia untuk dilancarkan pada Disember 2013. Pada tahun lalu, sebanyak 70% calon-calon yang ditawarkan tempat di Institut Pendidikan Guru (IPG) adalah dalam kalangan 50% pelajar terbaik.

ALIRAN KERJA / Meningkatkan Penguasaan Bahasa Guru Bahasa Inggeris

Pentaksiran menggunakan *Cambridge Placement Test (CPT)* ke atas guru bahasa Inggeris pada tahun 2012, mendapat seramai 24,000 memerlukan kursus bagi meningkatkan profisiensi mereka pada tahap yang ditetapkan. Satu per lima daripada guru-guru tersebut telah mengikuti sebuah Program Pembangunan Profesional iaitu ProELT yang dibangunkan bersama oleh KPM dan British Council.

Setelah mengikuti latihan peningkatan kemahiran, guru akan diuji sekali lagi dengan menggunakan instrumen penilaian bahasa *Aptis British Council* untuk bahasa Inggeris. Matlamatnya adalah untuk meningkatkan tahap kemahiran guru sekurang-kurangnya satu band berdasarkan standard




Common European Framework of Reference for Languages (CEFR). Sebanyak 9,000 guru lagi akan mula mengikuti kursus tersebut pada tahun 2014.

Pada awal tahun 2013, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan telah mengumumkan bahawa Bahasa Inggeris dijadikan mata pelajaran wajib lulus dalam Sijil Pelajaran Malaysia mulai 2016. Sehubungan itu, satu sesi Makmal Bahasa Inggeris khas telah dijalankan pada bulan September 2013 untuk menentukan langkah-langkah selanjutnya yang perlu diambil. Penemuan makmal tersebut diperincikan dalam jadual di bawah:



Makmal Bahasa Inggeris 2013: Ke Arah Memastikan Guru yang Mahir & Meningkatkan Prestasi Pelajar dalam Bahasa Inggeris



* Institut Pengajian Guru Malaysia

** Institut Pengajian Tinggi Awam

ALIRAN KERJA / Memperkasakan Pendidikan Khas

Meskipun inisiatif ini pada asalnya bukan sebahagian daripada Pelan Hala Tuju GTP 2.0, sesi makmal khas yang diadakan untuk mengkaji keperluan pelajar pendidikan khas menunjukkan kurangnya usaha yang dilaksanakan untuk menyokong pembangunan pendidikan bagi golongan ini. Sebagai susulan makmal tersebut, NKRA Pendidikan melaksanakan beberapa program untuk merangkumkan Pendidikan Khas ke dalam teras pendidikannya.

Inisiatif yang dilaksanakan termasuk:

(i) Pendidikan Inklusif secara Holistik: Tujuan program ini untuk meningkatkan kesedaran serta membudayakan pendidikan inklusif untuk semua, tanpa mengira status murid keperluan khas. Dengan model holistik ini, hasrat adalah memastikan murid keperluan khas mendapat sokongan dan bantuan dari semua aspek termasuk infrastruktur mesra OKU.



Institusi-institusi tersebut dipilih berdasarkan kesesuaian kemudahan pembelajaran untuk pelajar Pendidikan Khas serta keupayaan institusi tersebut untuk menjamin penempatan dalam industri dan peluang pekerjaan kepada pelajar apabila tamat pengajian kelak.

(ii) Program Vokasional Pendidikan Khas: Program ini akan meningkatkan akses dan kualiti program vokasional dengan memperoleh tempat untuk pelajar Pendidikan Khas mengikuti pengajian di institusi vokasional yang sedia ada. Pada tahun 2013, sebanyak 36 tempat belajar berkaitan dengan bidang penyediaan makanan dan minuman (F&B) serta teknologi maklumat (IT) diperoleh. Pada bulan Julai, 16 pelajar telah mendaftar dalam kursus untuk mendapatkan sijil dalam bidang F&B di Berjaya University College of Hospitality, sementara 20 pelajar mengambil kursus IT di Sunway International Business and Management.

Selain itu, KPM juga telah memperoleh 220 tempat di lima negeri yang menawarkan pelbagai kursus vokasional seperti seni kulineri dan sistem komputer. Pengambilan pertama telah bermula pada November 2013 dan antara institusi pendidikan yang mengambil bahagian termasuklah Suria College of Hospitality di Johor dan Kolej Antarabangsa Yayasan Melaka. KPM akan meneruskan inisiatif untuk mendapatkan tempat belajar bagi pelajar Pendidikan Khas pada tahun 2014 dengan lebih banyak kursus-kursus ditawarkan di dalam dan di luar kawasan Lembah Klang.

Sebagai kesinambungan inisiatif untuk memperoleh tempat belajar di bawah usaha Perkongsian Awam-Swasta (PPP) pada tahun 2014, 71 tempat tambahan telah diperoleh daripada Berjaya University College of Hospitality bagi Diploma dalam bidang pembuatan pastri dan Sijil Penyediaan Makanan dan Minuman, di mana 53 tempat adalah di Lembah Klang dan 18 tempat di Pulau Pinang. Inisiatif ini juga telah diperluas ke Sabah dan Sarawak dimana sejumlah 42 pelajar Pendidikan Khas akan mendaftar untuk Sijil Pembuatan Pastri di ATI College Sabah.



“Apabila kita bercakap tentang 1Malaysia, kita perlu saksama dalam semua aspek seperti pendidikan, pengagihan kekayaan atau politik. Pada asasnya saya ialah seorang rakyat Malaysia dan itulah sebenarnya maksud 1Malaysia.”

SHAHRIZAT BADRUL, 31, pengarah akaun

(iv) Program Peralihan Pekerjaan: Program Peralihan ke Alam Pekerjaan membantu pelajar Pendidikan Khas dengan memberikan sokongan dan bimbingan agar mereka dapat menyesuaikan diri dengan dunia pekerjaan. Malaysian Care, sebuah NGO, bekerjasama dengan KPM untuk membantu pelajar daripada 11 sekolah perintis. Pelaksanaan program ini dimulakan sejak bulan Jun 2013.

(v) Portal iSayang: Perkhidmatan Portal iSayang merupakan pusat setempat yang menyediakan maklumat dan sarana pembelajaran kepada pelajar Pendidikan Khas dan ibu bapa mereka. Portal ini antara lainnya akan menangani isu kurangnya kesedaran orang ramai mengenai sumber yang ada selain mengumpulkan maklumat tentang perkhidmatan yang ada di negara ini, seperti majlis yang sesuai untuk OKU, pusat sumber untuk ibu bapa, perkhidmatan sokongan, alat mengajar untuk guru dan maklumat untuk majikan.

CABARAN UTAMA

Cabarhan utama NKRA Pendidikan pada tahun 2013 adalah untuk menyepadan aktiviti-aktiviti dengan program keseluruhan PPPM di bawah unit pelaksanaan, PADU. Sebagaimana dengan pengaturan kerja baru yang lain, perubahan ini juga akan melalui tempoh penyesuaian yang membolehkan pelaksana membiasakan diri dengan struktur organisasi dan hierarki pelaporan yang baharu. Walau bagaimanapun, halangan ini hanyalah sementara dan akan selesai dengan sendirinya apabila semua yang terlibat sudah biasa dan arif dengan struktur baharu itu.

Cabarhan utama dalam pelaksanaan program ProELT dan Pendidikan Inklusif secara holistik adalah proses perolehan yang mengambil masa yang panjang daripada tempoh masa yang ditetapkan menyebabkan pelaksanaan program tersasar daripada tarikh asal yang dirancang. Untuk mengatasi proses perolehan, tempoh perancangan dipanjangkan 6 bulan sebelum tarikh pelaksanaan.

Enrolmen prasekolah pada kadar 81% tidak berjaya mencapai sasaran 88% yang ditetapkan walaupun sudah



empat tahun data prasekolah dimasukkan dalam Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan (SMPK) dan usaha yang lebih agresif diambil untuk mengumpulkan data secara manual. Sebagai respons, NKRA Pendidikan akan mempertingkatkan usaha dalam pendaftaran prasekolah, dengan demikian memastikan ketepatan data yang dimasukkan dalam SMPK, dan menjalin hubungan yang lebih erat dengan organisasi yang menawarkan perkhidmatan prasekolah.

MELANGKAH KE HADAPAN



Melangkah ke hadapan, tumpuan akan diberikan kepada pelaksanaan keputusan Makmal Bahasa Inggeris pada September 2013. Inisiatif ini adalah bagi memastikan peningkatan bahasa Inggeris untuk murid sekolah menengah dengan memperkenalkan pembelajaran dan pengajaran yang dibezakan mengikut prestasi murid. Selain itu, aktiviti kokurikulum untuk melengkapkan penguasaan murid dalam bahasa Inggeris, khususnya yang terancang, dibangunkan di sekolah-sekolah “hotspot” yang telah dikenalpasti.

Penekanan yang khusus ditumpukan pada kedua-dua mata pelajaran tersebut memandangkan ujian TIMSS dan PISA akan diadakan masing-masing pada bulan Oktober 2014 dan Mac 2015. Penting untuk dinyatakan bahawa meskipun penekanan ini bukanlah bertujuan mencapai keputusan yang baik dalam ujian tersebut, namun kedua-dua ujian tersebut tetap menjadi penunjuk yang penting bagi menentu sahkan atau menidakkahkan keberhasilan inisiatif Kerajaan.

NKRA Pendidikan juga akan melancarkan dashboard PPD di semua pejabat daerah pada tahun 2014 selain terus menyediakan latihan pemuliharaan kepada baki 14,000 guru bahasa Inggeris bagi menyempurnakan inisiatif peningkatan bahasa Inggeris mengikut perancangan GTP 2.0.

Pendidikan kekal sebagai jaminan terbaik untuk kejayaan pelajar dan juga negara pada masa hadapan. Dengan cabaran yang lebih besar bakal ditempuh pada masa hadapan untuk meraih peluang, pelajar Malaysia perlu diperkasakan dengan asas pendidikan terbaik bagi mempersiapkan mereka untuk pembelajaran sepanjang hayat. Kerajaan percaya bahawa aktiviti NKRA Pendidikan bersama-sama dengan rancangan yang digariskan dalam PPPM akan meletakkan kembali sistem pendidikan Malaysia pada asas yang kukuh, setaraf dengan sistem terbaik di rantau ini.



Pandangan daripada DMO:

MENTRANSFORMASIKAN SISTEM PENDIDIKAN MALAYSIA

DR NOORLIZA ZAKUAN
Pengarah Eksekutif PADU
(Unit Pelaksanaan dan
Prestasi Pendidikan)

Selalu terlibat dalam NKRA Pendidikan sejak peringkat perancangan GTP 1.0, Dr Noorliza Zakuan, Pengarah Eksekutif PADU (Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan), gembira dengan kepesatan transformasi yang berlaku dalam sistem pendidikan Malaysia.

“Peringkat awal merupakan tempoh yang paling mencabar kerana kebanyakan orang berasa sangsi tentang transformasi, tetapi kini perjalannya lebih lancar dan saya berbangga dengan pencapaian setiap inisiatif di bawah NKRA Pendidikan setakat ini,” kata Dr Noorliza, merangkap ketua Pejabat Pengurusan Pelaksanaan(DMO) NKRA Pendidikan.

“Melalui pengalaman yang ditempuh sepanjang empat tahun lalu, kami mengkaji semula inisiatif dari semasa ke semasa, bukan sekadar untuk menyelesaikan isu-isu berbangkit, bahkan untuk memikirkan cara memperbaik program-program ini selanjutnya. Kaedah yang digunakan ini dapat dilihat dalam kebanyakan inisiatif GTP 2.0, dan contoh terbaik ialah Program Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS).

“Sepanjang GTP 1.0, pelbagai penambahbaikan telah dibuat pada proses saringan ini, seperti yang disarankan oleh juruaudit bebas, dan dalam GTP 2.0, kami meningkatkan program ini dengan mencakupi literasi bahasa Inggeris. Ini satu langkah yang besar memandangkan literasi bahasa Inggeris belum pernah dijadikan fokus dalam mana-mana program pemulihan di sekolah,” ujar beliau.

Permulaan GTP 2.0 pada tahun 2013 menyaksikan inisiatif yang ditambah baik seperti syarat baru pemilihan pengetua bagi memastikan pengetua yang terbaik dipilih untuk menerajui sekolah. Instrumen Bersepadu yang baharu untuk guru turut dibangunkan, bagi membolehkan penilaian guru dibuat berdasarkan kompetensi dan pencapaian pelajar. “Walaupun pencapaian ini mungkin kelihatan tidak penting pada masa ini, ia akan menyediakan asas bagi memastikan guru dan pengetua yang berkualiti pada masa akan datang,” kata Dr Noorliza, sambil menambah bahawa kumpulan pendidik ini seterusnya bakal menjadi pemangkin transformasi dalam sistem persekolahan negara.

Beliau menyatakan bahawa antara cabaran utama NKRA Pendidikan yang masih wujud sejak GTP mula dilaksanakan adalah mengekalkan kadar enrolmen prasekolah. Walau bagaimanapun, NKRA Pendidikan tetap komited dalam usaha menggalakkan pendaftaran prasekolah dengan meletakkan pegawai-pegawai di pusat prasekolah untuk mengumpul data serta menjalin hubungan dengan agensi-agensi lain dan Organisasi Bukan Kerajaan.


“Melangkah ke hadapan pada tahun 2014, sudah tiba masanya kita mula menguatuasakan undang-undang dan peraturan yang lebih ketat terhadap pusat prasekolah yang bermasalah,” kata beliau.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan NKRA Pendidikan setakat ini telah memberikan iktibar penting dalam melangkah ke hadapan, terutamanya dengan pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) pada bulan September 2013. Seperti yang dijelaskan oleh Dr Noorliza, lapan daripada 14 inisiatif utama PPPM juga merupakan inisiatif di bawah NKRA Pendidikan. “Inisiatif tersebut merupakan kemuncak transformasi pendidikan, justeru kejayaan pelaksanaannya amatlah penting. Sementara PPPM berperanan sebagai panduan dan membentuk matlamat sistem pendidikan untuk jangka panjang, projek-projek berimpak tinggi dalam jangka pendek di bawah NKRA Pendidikan pula akan menyediakan asas yang akan menjadi premis untuk membina pendidikan berkualiti di Malaysia.

“Peringkat permulaan mana-mana inisiatif sememangnya merupakan fasa pelaksanaan yang paling sukar. Oleh yang demikian, ia adalah penting untuk kita mempunyai proses yang penuh komitmen,” kata beliau.

“Justeru, dengan adanya NKRA Pendidikan untuk membantu pelaksanaan inisiatif yang sukar ini serta sokongan daripada Jawatankuasa Petugas Pelaksanaan NKRA dan PEMANDU, sasaran yang ditetapkan akan tercapai,” tambah beliau lagi.

Bagaimanapun, beliau menyatakan bahawa usaha yang lebih bersepadu diperlukan daripada seluruh Kementerian Pendidikan (KPM) dalam melaksanakan PPPM sejajar dengan inisiatif di bawah NKRA Pendidikan. “PPPM telah pun menyediakan landasan yang baik bagi memastikan kesinambungan inisiatif NKRA Pendidikan. Cabaran utama sekarang adalah untuk memastikan KPM, secara keseluruhan, mengekalkan usaha-usaha transformasi ini,” kata Dr Noorliza.





MENGURANGKAN JENAYAH



DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI
Menteri Dalam Negeri

“ Keselamatan dan ketenteraman awam kekal merupakan tanggungjawab kami yang paling penting. ”



Saya berbesar hati melaporkan bahawa kita memperoleh kejayaan besar dalam usaha membanteras jenayah pada tahun 2013. Sepanjang 12 bulan yang lalu, kita telah menyaksikan kejayaan dan cabaran dalam NKRA Mengurangkan Jenayah (NKRA CRI). Meskipun kita berpuas hati melihat kadar jenayah terus menurun secara beransur-ansur, pencapaian ini telah dibayangi oleh letusan insiden jenayah kekerasan menggunakan senjata api yang menyebabkan rasa takut orang ramai.

Kita berasib baik kerana insiden jenayah menggunakan senjata api merupakan kejadian yang jarang berlaku di negara kita berbanding dengan negara lain yang terpaksa berdepan kejadian jenayah bersenjata api setiap hari. Namun, kejadian jenayah berprofil tinggi menggunakan senjata api yang berlaku secara tiba-tiba dalam masyarakat kita merupakan ancaman terhadap usaha yang telah kita lakukan untuk meningkatkan keselamatan orang ramai.

Sebagai tindakan terhadap kejadian ini, kita telah membentuk inisiatif baharu di bawah NKRA Mengurangkan Jenayah untuk memerangi keganasan menggunakan senjata api yang sebahagiannya telah pun dilaksanakan pada tahun 2013. Apabila inisiatif baharu ini diperkenalkan pada tahun 2014, Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan diberikan lebih banyak sumber dan kuasa untuk mencegah kejadian ini daripada berlaku pada masa hadapan.

Contohnya, PDRM melancarkan Operasi Cantas Khas pada tahun 2013 untuk menangani isu jenayah kekerasan yang memfokuskan kumpulan penjenayah. Penyiasatan yang dijalankan oleh pihak polis mendapati bahawa jenayah menggunakan senjata api sering kali melibatkan kumpulan kongsi gelap, justeru sebagai penyelesaian jangka panjang, kita mesti melumpuhkan aktiviti berkaitan kumpulan kongsi gelap.

Kita turut memerkasakan anggota keselamatan kita dengan penyediaan sumber yang lebih baik sebagai sebahagian strategi jangka panjang bagi mewujudkan pasukan polis bertaraf dunia selain meminda undang-undang sedia ada agar mereka dapat menjalankan tugas dengan lebih berkesan. Sebagai contoh, Akta Pencegahan Jenayah 1959 telah dipinda untuk memperkuuh keupayaan PDRM untuk menyiasat.

Kita sedia maklum bahawa NKRA Mengurangkan Jenayah telah direka bentuk khusus sebagai NKRA yang reaktif, jadi inisiatif dan sasarnya akan berubah mengikut perubahan bentuk jenayah. GTP 1.0 memfokuskan usaha memerangi insiden jenayah indeks seperti jenayah ragut dan kecurian kendaraan, manakala GTP 2.0 menumpukan terhadap pecah rumah dan letusan keganasan bersenjata api.

Pada masa yang sama, NKRA Mengurangkan Jenayah terus melaksanakan inisiatif mencegah jenayah teras demi mewujudkan negara Malaysia yang lebih selamat. Inisiatif untuk mendapatkan lebih banyak sokongan daripada orang ramai diteruskan seiring dengan usaha kita untuk meningkatkan kehadiran pegawai polis di jalanan menerusi program *Omnipresence*.

Pencapaian NKRA Mengurangkan Jenayah pada tahun 2013 haruslah menjadi peringatan tentang komitmen Kerajaan terhadap usaha mengurangkan kejadian jenayah meskipun berdepan dengan pelbagai cabaran. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan rakyat Malaysia bahawa kita berasib baik kerana keganasan menggunakan senjata api bukanlah kejadian lazim yang sering berlaku, sebaliknya ia merupakan kejadian yang jarang berlaku di negara kita.

Saya mempelawa semua rakyat Malaysia agar bersama membanteras jenayah dan bekerjasama dengan PDRM untuk mengekalkan keamanan dan kemakmuran di tanah air kita yang indah ini.

TINJAUAN KESELURUHAN

NKRA Mengurangkan Jenayah telah diwujudkan sebagai respons untuk menangani kebimbangan rakyat berhubung dengan peningkatan kejadian jenayah. Susulan penubuhan NKRA Mengurangkan Jenayah ini, Kerajaan berupaya menambahbaik persepsi orang ramai mengenai keselamatan melalui inisiatif dan aliran kerja yang diperkenalkan dalam GTP. Sehubungan itu, Kerajaan memberikan komitmen untuk mengurangkan Jenayah Indeks¹ sebanyak 5% setiap tahun dengan mengambil kira kepentingan rakyat.

Sekjak pelancaran GTP 1.0, pelaksanaan inisiatif yang direka bentuk khusus untuk membendung serta-merta peningkatan aktiviti jenayah dengan segera telah menunjukkan hasil

yang memberangsangkan iaitu melebihi sasaran apabila Jenayah Indeks berkurang masing-masing sebanyak 15%, 11% dan 7.6% pada tahun 2010, 2011 dan 2012 (berbanding dengan penurunan 5% yang disasarkan).

Keberhasilan besar ini membuktikan bahawa masalah jenayah di Malaysia bukan sahaja boleh diselesaikan, malah menunjukkan bahawa strategi memfokuskan langkah pencegahan terhadap bidang tertentu seperti mana yang dilaksanakan oleh NKRA Mengurangkan Jenayah ini mampu meraih kejayaan. GTP 2.0 meneruskan kejayaan yang telah dicapai oleh GTP 1.0 dan mempertingkatkan platform NKRA Mengurangkan Jenayah secara keseluruhan.



Pasukan NKRA Mengurangkan Jenayah memulakan inisiatif GTP 2.0 pada tahun 2013 seiring dengan usaha memfokuskan keperluan negara menerusi langkah-langkah yang dilakukan untuk memerangi peningkatan mendadak dalam kejadian jenayah bersenjata api. Suku pertama tahun 2013 menyaksikan peningkatan bilangan kejadian jenayah kekerasan berkaitan dengan senjata api. Jenayah kekerasan telah meningkat daripada 14,811 kepada 15,098 kes dari Januari hingga Jun 2013 berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun sebelumnya.

Hasil penyiasatan awal yang telah dijalankan oleh PDRM menunjukkan bahawa anggota kumpulan penjenayah yang baru dibebaskan berikutnya pemansuhan Ordinan Darurat 1969 telah terlibat dalam kebanyakan jenayah ini. PDRM mengambil tindakan segera dengan melancarkan Operasi

Cantas Khas pada 17 Ogos 2013. Dalam tempoh singkat 52 hari, kes jenayah kekerasan berkurangan satu pertiga kepada 69 kes daripada 104 kes.

Pelaksanaan Operasi Cantas Khas merupakan salah satu daripada kejayaan NKRA Mengurangkan Jenayah. Kejayaan lain termasuklah usaha gigih Kerajaan berhubung dengan pindaan undang-undang yang membantu memperkasa PDRM agar dapat membendung jenayah kekerasan dengan memberikan lebih banyak kuasa kepada pihak polis untuk menyiasat dan menahan ahli kumpulan penjenayah dan kongsi gelap yang disyaki.

Akhir sekali, Kerajaan turut menubuhkan Jabatan Pencegahan dan Pembanterasan Jenayah (JPPJ) yang baharu di bawah kawal selia PDRM untuk memudahkan

¹Kadar Jenayah Indeks diperoleh daripada himpunan aktiviti jenayah yang berlaku dengan kekerapan dan keseriusan yang tinggi untuk diambil kira sebagai indeks keseluruhan situasi jenayah di Malaysia. Tiga belas kategori jenayah digunakan sebagai penanda Jenayah Indeks.

penyelarasan inisiatif pencegahan jenayah. Jabatan ini diberikan tanggungjawab untuk melaksanakan inisiatif NKRA dan Strategi Lautan Biru Kebangsaan. Kebanyakan inisiatif ini merupakan usaha sama rapat antara pihak polis, angkatan bersenjata, organisasi sukarela seperti Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang lain. Jabatan ini turut mengadakan sesi interaksi dengan sekolah, universiti, persatuan penduduk, premis perniagaan dan NGO lain termasuk persatuan wanita.

Penubuhan JPPJ ini sejajar dengan matlamat NKRA Mengurangkan Jenayah untuk menyediakan langkah pencegahan yang holistik bagi menangani isu jenayah, dan seterusnya dapat memanfaatkan kekuatan setiap agensi yang mengambil bahagian.

NKRA Mengurangkan Jenayah berpegang pada prinsip bahawa usaha memerangi jenayah memerlukan kerjasama seluruh rakyat Malaysia. Justeru, NKRA ini telah melaksanakan inisiatif yang direka bentuk khusus untuk mendapatkan kerjasama yang lebih erat daripada orang ramai. Kemuncak daripada usaha yang dijalankan ini, Kempen Bersama Membanteras Jenayah (*United Against Crime*, UAC) telah dilancarkan pada tahun 2013. Kempen ini menekankan pentingnya pendidikan dan kesedaran tentang jenayah, dan perlunya masyarakat memikul sebahagian tanggungjawab menangani masalah ini dalam komuniti mereka.



PENCAPAIAN

Membendung jenayah kekerasan

PDRM bertindak balas terhadap peningkatan jenayah kekerasan dengan melancarkan Ops Cantas Khas pada 17 Ogos 2013. Penyiasatan yang dijalankan oleh pihak polis mendapat bahawa peningkatan jenayah kekerasan berpunca sebahagiannya daripada pembebasan banduan yang ditahan di bawah Ordinan Darurat 1969 (*Emergency Ordinance, EO*).

Operasi yang dijalankan telah mencapai kejayaan berikut pengurangan bilangan kes jenayah kekerasan sebanyak 30% selepas 52 hari operasi ini dilancarkan. Operasi Cantas Khas turut mengetatkan kawalan terhadap pemilikan dan

perdagangan senjata api haram yang kian berleluasa di negara ini.

Di samping itu, Kerajaan telah mengukuhkan undang-undang keselamatan sedia ada dengan meminda Akta Pencegahan Jenayah 1959 (PoCA) dan menyemak semula Kanun Keseksaan dan Kanun Prosedur Jenayah, untuk menyokong usaha memerangi jenayah yang dijalankan oleh PDRM. Pindaan terhadap PoCA bertujuan untuk menangani beberapa isu termasuk tempoh tahanan dan kuasa pihak polis. Selain itu, ia turut menubuhkan Lembaga Pencegahan Jenayah.

Meningkatkan penyelarasan inisiatif pencegahan jenayah



Jabatan Pencegahan dan Pemberantasan Jenayah (JPPJ) ditubuhkan secara rasmi pada tahun 2013. Jabatan ini akan menerajui semua inisiatif pencegahan jenayah termasuk inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah dan Strategi Lautan Biru Kebangsaan.

Jabatan ini, yang ditempatkan di bawah kawal selia PDRM, akan memantau inisiatif yang melibatkan kerjasama pelbagai kementerian dan agensi termasuk pihak polis, angkatan tentera, RELA, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan yang lain. Ibu Pejabat JPPJ terletak di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman dan ditubuhkan khusus untuk menyelia dan memantau inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah daripada peringkat persekutuan sehingga peringkat daerah.

Menyokong pelancong dan komuniti ekspatriat

Komuniti ekspatriat dan para pelancong juga telah melahirkan rasa bimbang mengenai peningkatan masalah jenayah di Malaysia yang boleh memberikan kesan buruk terhadap keyakinan pelabur asing dan menjelaskan industri pelancongan. Laporan daripada Kajian Kepolisian Bertaraf Dunia yang dijalankan oleh NKRA ini menunjukkan bahawa kebimbangan ini, termasuk masalah komunikasi, tidak ditangani dengan secukupnya.

Sehubungan dengan itu, PDRM telah menubuhkan Unit Perhubungan Antarabangsa (*International Liaison Unit, ILU*) yang ditugaskan khusus untuk menangani kebimbangan ekspatriat, pelancong, kedutaan serta konsulat. Polis pelancong telah distrukturkan semula di bawah ILU. Selain itu, dialog berkala diadakan dengan persatuan beli-belah, *Tourism Malaysia* serta dewan perniagaan asing untuk memastikan wujud saluran komunikasi yang terbuka dan berterusan.



Mencegah kejadian pecah rumah

Kejadian pecah rumah merupakan salah satu unsur jenayah yang ketara dalam Jenayah Indeks, justeru GTP 2.0 menyasarkan secara khusus kategori jenayah ini. Pada tahun pertama GTP 2.0, Kerajaan telah melancarkan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) PDRM yang dilengkapi 1,800 motosikal berkuasa tinggi dan anggota polis yang

dilatih khusus. Di empat buah negeri, iaitu Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor dan Selangor, URB telah melaporkan 813 tangkapan pada tahun pertama (Jan-Nov 2013) pelaksanaannya, bersamaan dengan pengurangan 5.6% berbanding tahun 2012. Inisiatif ini kemudian diperluas ke negeri Kedah, Perak, Sabah dan Sarawak.

Bersama Membanteras Jenayah



Kempen Bersama Membanteras Jenayah (UAC) berusaha meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai usaha yang dijalankan oleh pihak PDRM untuk mengurangkan kejadian jenayah di negara ini. Kempen ini turut menyasarkan untuk memupuk kerjasama masyarakat Malaysia yang lebih luas, iaitu golongan rakyat dan entiti korporat, agar menyertai usaha membanteras jenayah. Kempen ini membawa pendekatan bahawa setiap orang mempunyai peranan masing-masing untuk memerangi jenayah.

Kempen ini bertujuan mendidik dan memberikan kesedaran mengenai usaha mencegah jenayah dan mendapatkan ikrar daripada rakyat Malaysia untuk mengutamakan keselamatan dalam aktiviti harian mereka. Sehingga hari ini, UAC telah menerima lebih sejahtera ikrar dan memperoleh 50 penaja korporat sejak program ini dilancarkan secara rasmi pada tahun 2013.

Sepanjang 12 bulan yang lalu, UAC telah melancarkan laman sesawang www.unitedagainstcrime.com.my yang mengandungi grafik maklumat keselamatan secara interaktif untuk orang ramai di samping program yang diadakan di seluruh negara untuk menggalakkan orang ramai bertemu dengan polis dan mengetahui dengan lebih lanjut mengenai usaha membanteras jenayah. Kira-kira 10,000 pelawat telah menghadiri pelancaran UAC.

JAN 2013

Kempen Bersama Membanteras Jenayah (UAC) 2013

Kempen Bersama Membanteras Jenayah (UAC) merupakan inisiatif melibatkan pelbagai agensi yang direka khusus untuk mempertingkatkan kesedaran awam terhadap pencegahan jenayah dan mendapatkan penyertaan yang lebih giat oleh rakyat untuk membantu dalam usaha memerangi jenayah. NKRA Mengurangkan Jenayah percaya bahawa rasa tanggungjawab orang ramai yang lebih tinggi terhadap masalah ini diperlukan untuk membantu pegawai penguatkuasaan mengurangkan kejadian jenayah, dan mewujudkan rasa lebih selamat di kalangan orang ramai.

Inisiatif di bawah kempen UAC ini kali pertama dijalankan pada tahun 2012 dan telah diteruskan sepanjang tahun 2013 dengan pelbagai penambahbaikan. Kempen tersebut disusun khas untuk memberikan maklumat dan mempertingkatkan hubungan antara agensi penguatkuasaan dengan orang ramai. Rajah berikut memperincikan senarai acara yang telah berlangsung.

19 JAN
○ Ampang,
Kuala Lumpur

Hari Kepolisian
Komuniti dilaksanakan
oleh Pengarah Jabatan
Siasatan Jenayah
bersama-sama
dengan penduduk
daerah Ampang.

30 MAC
○ Dewan Japerun Lendu,
Masjid Tanah, Melaka

Majlis Perasmian Kempen
“Bersama Membanteras
Jenayah” 1AMAN di Melaka

30 MAC
○ Stadium Mini, Subang
Jaya, Selangor

Program UAC menampilkan YAB
Perdana Menteri bersama-sama
dengan Unit Rondaan Bermotosikal
(URB)

24-26 MEI
○ Segmen G2Y,
Putrajaya

Pameran NKRA mengenai
pencegahan jenayah diadakan
di Festival Belia 2013

8 JUN
○ Taman KLCC,
Kuala Lumpur


Perasmian Kempen
Bersama Membanteras
Jenayah (UAC)

29-30 JUN
○ Dewan Kg Gita,
Sarawak

Pameran di Karnival Gita 2013

30 JUN
○ Kompleks UPP
Bukit Kayu Hitam,
Kedah

Hari Bertemu Pelanggan
Kementerian Dalam Negeri
diadakan bersempena
dengan Hari UPP Malaysia
ke-37



21 SEP
○ Kota Bharu,
Kelantan

Pameran NKRA
mengenai pencegahan
jenayah diadakan
semasa Forum Rakyat:
Jenayah, Anda dan
Integriti, tajaan
Institut Integriti
Malaysia (IIM)

2-4 OKT
○ Pusat Konvensyen
Putrajaya PICC

Pameran Kementerian Dalam
Negeri bersempena dengan
General Police Equipments
Exhibition and Convention
(GPEC)

11-12 OKT
○ RTC Kota Bharu,
Kelantan

Pameran NKRA mengenai
pencegahan jenayah diadakan
bersempena dengan Karnival
Kedaulatan, Keselamatan dan
Kesejahteraan Negara

28 SEP
○ Kompleks D,
Putrajaya

Ikrar UAC telah diadakan sempena
dengan Forum Pengurangan Jenayah
yang ditaja oleh Institut Keselamatan
Awam Malaysia (IPSON) dan
Kementerian Dalam Negeri

26 NOV
○ Dewan Besar,
Universiti Putra
Malaysia

Ikrar UAC bersempena
dengan Majlis Sambutan
Hari Inovasi KDN 2013

26-27 NOV
○ Pusat Konvensyen
Putrajaya PICC

Ikrar UAC bersempena dengan
Majlis Persidangan Institut
Latihan Kehakiman dan
Perundangan

2-7 DIS
○ Pusat Dagangan
Dunia Putra,
Kuala Lumpur

Ikrar UAC bersempena dengan
Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO 2013

30 NOV - 1 DIS
○ RTC Tunjong,
Kota Bharu,
Kelantan

Perasmian Karnival Bersama
Membanteras Jenayah

OGOS

DIS

PENCAPAIAN 2013

Bil.	Penunjuk Prestasi Utama (KPI)	Sasaran 2013	Pencapaian 2013	% Pencapaian
1	Pengurangan dalam keseluruhan Jenayah Indeks (Penurunan dari garis dasar 2012)	5%	4.3%	86%
2	Pengurangan dalam kes pecah rumah yang dilaporkan (Penurunan dari garis dasar 2012)	5%	6.5%	130%
3	Membentuk Indeks Persepsi Keselamatan yang baru	100%	Keberhasilan: 47%*	100%
4	Peningkatan bilangan kertas siasatan yang dibawa ke muka pengadilan	35%	38.2%**	109.14%
5	Kepuasan orang awam terhadap prestasi polis	70%	85.7%	122.43%
JUMLAH			110%	

Jadual KPI 2013 untuk NKRA Mengurangkan Jenayah

NKRA MENGURANGKAN JENAYAH – ALIRAN KERJA DAN BIDANG TUMPUAN

NKRA Mengurangkan Jenayah telah mengenal pasti lima KPI dalam lima Aliran Kerja bagi GTP 2.0. Setiap Aliran Kerja ini pula mengandungi beberapa inisiatif. Susunan inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah ini selaras dengan strategi PEMANDU secara keseluruhannya untuk memfokuskan tanggungjawab yang jelas, yang boleh dinyatakan kuantitinya dan bakal membawa perubahan menyeluruh dalam NKRA ini.

Sementara itu, fokus inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah GTP 2.0 telah diperluas untuk menangani isu jenayah pada semua peringkat. Meskipun inisiatif GTP 1.0 telah dibuktikan berkesan dalam meminimumkan peluang berlakunya jenayah, namun inisiatif dalam GTP 2.0 diatur untuk menyediakan sokongan kepada mangsa-mangsa jenayah.



Skop yang lebih meluas ini dicerminkan dalam perincian aliran kerja dan inisiatif di bawah.

Aliran Kerja	Bidang Fokus	Inisiatif
Mengurangkan Jenayah Indeks	<ul style="list-style-type: none"> Pencegahan kecurian kenderaan Pemulihan dan latihan kemahiran banduan Pemulihan pengguna dan penagih dadah 	<ul style="list-style-type: none"> Pencegahan kecurian kenderaan (kawasan sasaran) Penguatkuasaan bersama terhadap bengkel haram Mengukuhkan Kawalan Sempadan dan Semua Pintu Masuk (pengimbas kontena) Penjara Perindustrian Pembangunan program pra-bebas Penambahbaikan Program Pemulihan Penjara Pusat pemulihan dan rawatan dadah terbuka NGO dijadikan penyumberan luar untuk pusat pemulihan dadah Membuka peluang pekerjaan kepada penagih yang sedang memulihkan diri Mengembangkan Sistem Pengurusan Integrasi Kawalan Efektif Substen (<i>Integrated Substance Control Management System, SPIKES</i>)
Mencegah Kejadian Pecah Rumah	<ul style="list-style-type: none"> Mencegah Kejadian Pecah Rumah 	<ul style="list-style-type: none"> Rondaan kediaman (<i>Omnipresence</i>) Pasukan Kawalan Pecah Rumah yang khusus Menyelaraskan sukarelawan melalui kepolsian komuniti <i>Crime Prevention Through Environmental Design (CPTED)</i> untuk meningkatkan keselamatan kediaman
Meningkatkan Indeks Persepsi Keselamatan	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan kehadiran PDRM Mewujudkan komunikasi kerap bersama rakyat 	<ul style="list-style-type: none"> Program <i>Omnipresence</i> (Kepolisian Berprofil Tinggi, Henti dan Tegur, <i>Feet on Street</i>) Polis Simpanan Sukarela (PVR) Rakan Cop Inisiatif Pemutihan <i>Blackspot</i> Perkongsian pintar Unit komunikasi korporat PDRM Kempen kesedaran wanita Hari Kesedaran Jenayah Tinjauan Persepsi Keselamatan
Meningkatkan Kadar Pertuduhan Bagi Kertas Siasatan yang Dibuka	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan Kadar Pertuduhan Bagi Kertas Siasatan yang Dibuka 	<ul style="list-style-type: none"> Mengurangkan nisbah Pegawai Penyiasat kepada Kertas Siasatan kepada 1:5 setiap bulan Meningkatkan keberkesanan pegawai penyiasat (pelaburan dalam peralatan) Meningkatkan kerjasama antara PDRM, Pejabat Peguam Negara, dan jabatan berkaitan yang lain Memasang cermin gelap (<i>one way mirror</i>) di IPD (Ibu Pejabat Daerah)
Meningkatkan Kepuasan Orang Ramai Terhadap Perkhidmatan Polis	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan Kepuasan Orang Ramai Terhadap Perkhidmatan Polis 	<ul style="list-style-type: none"> Penambahan kaunseling triaj di balai polis Jadual Liga Balai untuk balai polis Sistem Semakan Online Menambahbaik masa respons kecemasan Tinjauan bebas kepuasan orang ramai

* Peratusan Indeks Persepsi Keselamatan (47%) akan bertindak sebagai garis dasar tahun 2013 bagi tahun 2014. Ini menunjukkan bahawa 47% daripada pelaporan orang ramai berasa selamat tinggal di Malaysia sehingga akhir tahun 2013.

** 351,913 kertas siasatan dibuka berbanding 134,282 kertas siasatan didakwa dari Januari hingga Disember 2013

ALIRAN KERJA / Mengurangkan Jenayah Indeks

Pengurangan dalam Jenayah Indeks merupakan keutamaan bagi NKRA Mengurangkan Jenayah sejak GTP dilancarkan. Indeks ini merangkumi 13 kategori jenayah berlainan dan merupakan penanda aras penting bagi tahap jenayah di negara ini sejajar dengan amalan antarabangsa.

NKRA Mengurangkan Jenayah telah melaporkan penurunan secara beransur-ansur dalam kadar Jenayah Indeks sejak pelancaran GTP, dan angka ini telah mengatasi kadar pengurangan tahunan yang disasarkan, iaitu 5% setiap tahun. Walau bagaimanapun, NKRA ini tidak berjaya mencapai penanda aras ini pada tahun 2013 disebabkan letusan jenayah kekerasan secara tiba-tiba.

PDRM bertindak pantas dengan melancarkan Ops Cantas Khas yang terbukti berkesan dalam mengurangkan bilangan kejadian jenayah kekerasan. Pihak polis akan menerima sokongan tambahan menerusi pindaan yang dilaksanakan terhadap undang-undang pencegahan jenayah yang seterusnya akan memperkasa mereka dengan sumber dan kuasa untuk menangani masalah jenayah terancang.

Penubuhan Jabatan Pencegahan dan Pembanterasan Jenayah (JPPJ) pada tahun lepas turut dijangka dapat mengurangkan kadar Jenayah Indeks pada masa akan datang melalui penglibatan komuniti dalam usaha pencegahan jenayah misalnya inisiatif *Go-to Safety Point* serta inisiatif *Blue and Green* di sekolah.

Sementara itu, pelancaran kempen Bersama Membanteras Jenayah (UAC) telah menyaksikan penyertaan yang memberangsangkan oleh orang ramai yang pastinya akan membantu mengurangkan bilangan kejadian jenayah. Matlamat UAC adalah untuk mendidik dan memberikan kesedaran mengenai langkah-langkah keselamatan kepada orang ramai di samping menganjurkan aktiviti kepolisan berdasarkan komuniti untuk membantu rakyat memikul tanggungjawab yang lebih besar dalam memastikan keselamatan komuniti mereka sendiri. NKRA Mengurangkan Jenayah berpegang pada prinsip bahawa jenayah bukanlah suatu isu yang boleh diselesaikan oleh pihak polis semata-mata, malah ia memerlukan kerjasama daripada seluruh rakyat untuk membantu memantau dan melaporkan jenayah di tempat kejadian.


GTP 2.0 direka bentuk khusus hasil susulan meneruskan kejayaan yang telah dicapai oleh GTP 1.0, justeru ia akan mengekalkan beberapa inisiatif yang ternyata berjaya dalam fasa pertama program transformasi ini. Inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah 2.0 akan menerima mekanisme sokongan tambahan bagi bekas penagih dadah dan individu yang baru dibebaskan dari penjara.



"Ramai tidak sedar bahawa kita sebenarnya bertuah tinggal di Malaysia. Saya berkhidmat sebagai tentera semasa muda dan mengembara ke banyak negara dunia ketiga serta menyaksikan penderitaan rakyat di sana. Pengalaman itu membuatkan saya berasa bertuah hidup sebagai rakyat Malaysia. Tetapi saya rasa banyak lagi usaha yang perlu dilakukan terhadap kadar jenayah dalam Negara."

S.NOEL, 45, pengurus keselamatan

Ops Cantas Khas sehingga 10 Disember 2013



PUSAT RAWATAN DAN PEMULIHAN DADAH TERBUKA

GTP 2.0 bakal menyaksikan NKRA Mengurangkan Jenayah melakukan usaha baharu dalam memerangi jenayah dengan menangani masalah ulang laku jenayah oleh bekas penagih dadah. Agensi Antidadah Kebangsaan atau AADK serta pasukan NKRA menyediakan sokongan kepada bekas penagih dadah yang sedang membuat peralihan untuk kembali ke pangkuhan masyarakat selepas mereka menamatkan program pemulihan.

Di bawah Pelan Hala Tuju GTP 2.0, dua Pusat Khidmat Pulih & Rawat (*Cure & Care Service Centre*, CCSC), dahulu dikenali sebagai Pusat Pemulihan Penagih Dadah akan dinaik taraf menjadi Klinik Pulih & Rawat Mini 1Malaysia (*Mini Cure & Care 1Malaysia Clinic*, Mini C&C) di kawasan *Blackspot*.

AADK dan NKRA Mengurangkan Jenayah telah turut bekerjasama untuk menyediakan latihan dan penempatan kerja kepada bekas penagih dadah untuk mengurangkan risiko ulang laku jenayah. Pelan ini memerlukan penubuhan Pusat Vokasional Pulih & Rawat (*Cure & Care Vocational Centre*, CCVC) dan penempatan kerja bagi bekas pesakit.

Dengan menawarkan kursus jangka panjang dan pendek, CCVC telah menerima kemasukan lebih 4,460 bekas penagih dadah antara Januari hingga Oktober 2013. Antara kursus yang ditawarkan termasuklah latihan pertanian, hospitaliti, pelancongan dan kemahiran kerja elektrik. Kejayaan pelan ini telah mendorong rancangan untuk menambahkan penawaran latihan vokasional melalui saluran lain seperti Pusat Pemulihan Pulih & Rawat (CCRD) dan Klinik C&C 1Malaysia.

Akhir sekali, pelan ini turut membantu bekas pesakit AADK mendapatkan pekerjaan melalui pameran kerja dan penempatan terus. Pameran kerja yang diadakan pada tahun 2013 menyaksikan penyertaan 164 majikan dan 1,941 klien AADK. Seramai 98 klien ini telah berjaya mendapat tawaran pekerjaan. Pada masa yang sama, inisiatif ini telah berjaya menempatkan 982 klien dalam kerja Baris V (*V-Line*) yang ditawarkan oleh 155 majikan.

NKRA Mengurangkan Jenayah percaya bahawa bekas penagih dadah akan kembali melakukan jenayah kecil dan jenayah harta benda disebabkan mereka tidak mempunyai alternatif sebaik sahaja mereka menamatkan program pemulihan masing-masing. Pasukan NKRA Mengurangkan Jenayah juga percaya bahawa dengan memberikan sokongan dan pekerjaan yang bermakna akan menghalang bekas penagih dadah ini daripada kembali melakukan jenayah atau meneruskan tabiat lama mereka, seterusnya mereka dapat kembali ke pangkuhan masyarakat sebagai anggota masyarakat yang berguna.

MEMBANTU PESALAH KEMBALI KE PANGKUAN MASYARAKAT

Banduan yang baru dibebaskan berisiko tinggi untuk mengulangi jenayah kerana mereka mungkin mengalami kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan disebabkan kekurangan kemahiran atau peluang. Justeru, sebagai sebahagian daripada perluasan inisiatif dalam GTP 2.0, NKRA Mengurangkan Jenayah telah memulakan program untuk membantu pesalah mengintegrasikan ke dalam masyarakat. Jabatan Penjara Malaysia ditugaskan untuk mempertingkatkan program pemulihan bagi bekas banduan menerusi GTP 1.0.

Di bawah GTP 2.0, tiga inisiatif ditumpukan terhadap pemulihan bekas banduan:

- (i) Program pembangunan pasca pembebasan
- (ii) Penambahbaikan program pemulihan dalaman di penjara
- (iii) Program penjara industri

(i) Program Pembangunan Pasca Pembebasan

Di bawah GTP 1.0, Jabatan Penjara mewujudkan 14 buah rumah perantaraan untuk bekas banduan yang hidup bergelandangan disebabkan mereka tidak mempunyai rumah atau kurang mendapat sokongan keluarga. Selama tiga tahun program ini beroperasi, sejumlah 840 orang bekas banduan telah ditempatkan di rumah perantaraan ini. Dengan latihan yang disediakan di sini, 90% bekas banduan berjaya memperoleh pekerjaan dan tidak seorang pun daripada 840 orang bekas banduan itu mengulangi perbuatan jenayah. Jabatan Penjara Malaysia akan membina lima buah rumah perantaraan baru dalam GTP 2.0 untuk memenuhi keperluan parol. Tiga buah rumah telah dibina pada 2013 dan pembinaan dua buah rumah lagi dirancang pada 2014.

Jabatan Penjara akan meneruskan operasi Pusat Kehadiran Wajib bagi memenuhi keperluan pesalah yang menjalani program khidmat masyarakat sebagai penggantian hukuman penjara. Pesalah dikehendaki melapor diri di pusat ini secara berkala selain melakukan khidmat masyarakat. Sejak 2010, sejumlah 1,373 orang pesalah di seluruh negara telah berdaftar dalam program ini. Sementara itu, penilaian program pasca pembebasan akan diteruskan oleh Jabatan Penjara untuk menjadikannya lebih sesuai dengan keperluan bekas banduan.

(ii) Penambahbaikan Program Pemulihan Dalaman di Penjara

Jabatan Penjara akan terus meningkatkan program pemulihan dalaman yang dilaksanakan bagi pesalah yang menjalani tempoh hukuman penjara. Untuk memastikan banduan menjalani program yang bersesuaian dan mengasingkan pesalah kali pertama daripada pesalah berulang, Jabatan Penjara memperkenalkan proses pengelasan banduan berdasarkan klasifikasi. Proses ini bertujuan memperkemas dan meningkatkan penyampaian program pemulihan dan pada masa yang sama memastikan pesalah kali pertama terpelihara daripada pengaruh negatif penjenayah tegar.

(iii) Program Penjara Industri

Program Penjara Industri ialah inisiatif baharu yang diperkenalkan dalam GTP 2.0. Matlamat program ini adalah untuk memberikan latihan vokasional dan menyediakan peluang pekerjaan kepada banduan sebaik sahaja mereka menamatkan hukuman penjara. Penjara Kajang telah dipilih untuk memulakan program rintis ini dengan pembukaan sebuah bakeri di dalam kawasan penjara. Bakeri tersebut dijangka membekalkan roti ke empat penjara lain di samping memenuhi keperluan Penjara Kajang sendiri di bawah Program Keupayaan Kendiri. Pengeluaran roti dijangka bermula pada 2014.

ALIRAN KERJA / Pencegahan Pecah Rumah

NKRA Mengurangkan Jenayah memberikan penekanan terhadap pencegahan pecah rumah disebabkan jumlah insiden yang besar, iaitu 28,020 kes pada tahun 2011, merangkumi 18% daripada jumlah jenayah terhadap harta benda. Bilangan kes yang besar dan kesannya yang ketara terhadap moral orang ramai menjadikan perkara ini tumpuan bagi NKRA Mengurangkan Jenayah, yang bertindak dengan merencanakan inisiatifnya agar dapat memperoleh impak yang paling besar.

Inisiatif seperti Program *Omnipresence* Kawasan Perumahan, Program Kepolisian Komuniti dan Program Bandar Selamat yang berdasarkan prinsip Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk (*Crime Prevention Through Environmental Design*, CPTED) telah menyumbang kepada pengurangan bilangan kejadian pecah rumah. Inisiatif baharu daripada Bidang Fokus lain seperti Unit Rondaan Bermotosikal PDRM, pendidikan di bawah UAC dan pengembangan Polis Simpanan Sukarela (*Police Volunteer*

Reserve, PVR) turut menyokong usaha polis dan orang ramai untuk melumpuhkan jenayah pecah rumah.

Melalui program-program ini, NKRA Mengurangkan Jenayah telah menyaksikan pembentukan unit rondaan kediaman, pasukan kawalan pecah rumah PDRM yang khusus dan peningkatan kesedaran mengenai keselamatan kediaman.



ALIRAN KERJA / Meningkatkan Indeks Persepsi Keselamatan

Keutamaan bagi NKRA Mengurangkan Jenayah ialah memastikan semua rakyat berasa selamat apabila berada di kediaman dan dalam komuniti mereka. Rasa takut terhadap jenayah melumpuhkan aktiviti kemasyarakatan, sekali gus memberikan kesan terhadap kualiti hidup. Berikutnya rasa takut akibat peningkatan kejadian jenayah, NKRA Mengurangkan Jenayah telah memfokuskan usaha memulihkan keyakinan rakyat terhadap tahap keselamatan negara.

Untuk mengukur persepsi keselamatan orang ramai dengan tepat, NKRA Mengurangkan Jenayah menggunakan beberapa tinjauan berlainan untuk memastikan ia dapat memperoleh gambaran yang terperinci, meluas dan berpas mengenai kebimbangan orang ramai berhubung dengan keselamatan. Tinjauan yang dijalankan untuk memperoleh indeks ini termasuklah:

- Tinjauan akademik yang memfokuskan negeri-negeri *hotspot*. Tinjauan ini bersifat menyeluruh dan memberikan gambaran keseluruhan berbentuk kualitatif mengenai sentimen orang ramai.

- Tinjauan yang dijalankan oleh kumpulan perunding Frost & Sullivan di seluruh negara yang berdasarkan taburan berhubung dengan data banci. Kumpulan ini menjalankan dua gelombang tinjauan setiap tahun, meliputi sekurang-kurangnya 4,000 responden dalam setiap gelombang (8,000 rakyat Malaysia setahun).

Untuk menangani rasa takut orang ramai terhadap jenayah, PDRM telah mempertingkatkan kehadirannya dalam komuniti melalui Program *Omnipresence*. PDRM telah meningkatkan kekerapan rondaan, bilangan pegawai polis yang meronda di jalanan dan menggalakkan pegawai untuk berinteraksi dengan orang ramai untuk memupuk hubungan komuniti yang lebih erat.

Pada masa yang sama, ia turut menambah bilangan PVR yang ditugaskan di kawasan *hotspot* jenayah untuk menyokong dan membantu dalam tugas-tugas polis yang biasa. Penglibatan orang ramai juga memberikan kesan ketara dengan menyerahkan sebahagian tanggungjawab membanteras jenayah kepada komuniti, sekali gus memperkuuh usaha mencegah jenayah secara keseluruhan.

GTP 2.0 akan turut menyaksikan peningkatan inisiatif *hotspot* yang diperkenalkan dalam GTP 1.0 yang memfokuskan aktiviti pencegahan jenayah di kawasan tertentu yang berdepan masalah jenayah yang besar. Inisiatif ini telah diperkuuh dengan Inisiatif Pemutihan *Blackspot* dalam GTP 2.0 berdasarkan teori “*Broken Windows*” dengan matlamat untuk bekerjasama dengan kumpulan komuniti dan daerah bagi mengenal pasti kawasan yang bermasalah dan memberikan penyelesaian yang sewajarnya.



PEMBERSIHAN BLACKSPOT: PEKAN SUBANG



Semasa Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) sedang mengenal pasti lokasi bagi pelaksanaan inisiatif *Blackspot* NKRA Mengurangkan Jenayah, respons daripada penduduk daerah Pekan Subang tidak begitu memberangsangkan. Menurut Puan Aniza Osman, pengarah Jabatan Perancangan MBSA, penduduk berasa khuatir mengenai program tersebut.

“Penduduk dan peniaga kecil bimbang Pekan Subang akan dikenali sebagai kawasan ‘*Blackspot*’ dan hal itu akan menakutkan orang ramai,” imbas Aniza. “Walaupun mereka mengaku bahawa terdapat kebimbangan mengenai keselamatan orang ramai di daerah ini, ramai yang masih enggan mengambil tindakan.”

Walau bagaimanapun, MBSA terus berusaha dan akhirnya berjaya meyakinkan mereka susulan beberapa sesi perbincangan dengan pelbagai pertubuhan di Pekan Subang. Sepanjang tahun 2013, MBSA menjalankan tugas dengan teliti untuk mentransformasikan daerah tersebut melalui penambahbaikan kecil seperti membersihkan longkang yang tersumbat, memperbaik lampu jalan serta memperkenalkan tempat letak motosikal yang selamat.

Ia juga melaksanakan tugas yang lebih rumit seperti memindahkan peniaga kecil, bekerjasama dengan pihak berkuasa yang berkenaan untuk menangkap pendatang asing tanpa izin dan meningkatkan kehadiran polis di kawasan tersebut.

“Tentulah mereka marah semasa kami mula-mula mengeluarkan arahan,” ujar Aniza. “Sesetengah peniaga telah membuat penyambungan bangunan selama bertahun-tahun dan ada dalam kalangan mereka yang telah menggunakan lokasi gerai haram tersebut bertahun lamanya. Namun kami terpaksa berteges kerana kami mahu menjadikan Pekan Subang sebuah kawasan yang aman untuk penduduknya dan mereka tidak perlu berasa takut akan keselamatan diri mereka.”

Inisiatif *Blackspot* NKRA Mengurangkan Jenayah yang diperkenalkan dalam GTP 2.0 dilakar berdasarkan teori “Jendela Retak” yang menyatakan bahawa bukti fizikal kemerosotan bandar dan vandalisme mempunyai kecenderungan untuk menjadi jenayah yang lebih serius. Oleh itu, untuk mengelakkan menjadi bertambah buruk, simbol jenayah fizikal yang sedia ada, misalnya “jendela retak” perlu diperbaik dan keamanan dipulihkan.

Strategi ini terbukti berjaya di Pekan Subang. Berikutnya pelaksanaan inisiatif *Blackspot*, penduduk dan peniaga Pekan Subang melaporkan bahawa mereka berasa lebih berpuas hati dan lebih selamat di kawasan itu. Meskipun tinjauan yang menyeluruh belum diperoleh lagi, penduduknya sudah tidak menganggap Pekan Subang “berbahaya”. Ini mungkin kejayaan terbesar buat Aniza kerana cabaran terbesar baginya ialah mengubah mentaliti penduduk.

ALIRAN KERJA / Meningkatkan Bilangan Kertas Siasatan Yang Dibawa ke Pengadilan

Untuk memulihkan keyakinan orang ramai terhadap pasukan polis dan sistem perundangan negara, NKRA Mengurangkan Jenayah telah melancarkan kempen kecekapan untuk meningkatkan bilangan kertas siasatan yang dibuka oleh PDRM ke muka pengadilan. Aliran kerja ini berdasarkan idea bahawa keadilan yang tertangguh ialah keadilan yang dinafikan. Oleh itu, penekanan di sini ialah memastikan penjenayah didakwa dengan secepat mungkin.

Inisiatif yang terangkum dalam aliran kerja ini termasuklah memperkuuh sumber polis demi memastikan penyiasatan

dijalankan dengan cekap. Ini bermakna menambah bilangan pegawai penyiasat serta pasukan forensik. PDRM akan merekrut 1,000 orang Inspektor dan 602 orang Sarjan di bawah inisiatif baru ini.

PDRM dan Jabatan Peguam Negara turut menyasarkan untuk memupuk hubungan kerja yang erat supaya mereka boleh mengenal pasti kes yang boleh didakwa dengan segera. Oleh itu, aliran kerja ini memerlukan pengurusan isu di tempat kejadian di samping isu pentadbiran untuk meningkatkan bilangan kes yang dibicarakan.



ALIRAN KERJA / Meningkatkan Kepuasan Orang Ramai Terhadap Perkhidmatan Polis

PDRM telah menerima kritikan daripada orang ramai yang tidak berpuas hati dengan perkhidmatan polis dari aspek khidmat pelanggan dan penyiasatan. Sehubungan itu, GTP komited untuk mewujudkan pasukan polis bertaraf dunia dan telah membangunkan budaya berdasarkan klien dalam seluruh pasukan polis.

GTP 2.0 akan meneruskan beberapa inisiatif yang telah diperkenalkan dalam GTP 1.0 seperti Jadual Liga Balai di samping melaksanakan inisiatif baru seperti khidmat kaunseling triaj di balai polis dan sistem semakan kes

online. Orang ramai kini boleh memberikan maklum balas menggunakan pelbagai cara termasuk melalui SMS dan mesin penilaian yang terdapat di balai polis.

Sementara itu, PDRM komited untuk memberikan perkhidmatan polis berkualiti tinggi termasuk menetapkan masa respons kecemasan kepada lapan minit menjelang 2015. Masa lapan minit merupakan penanda aras bertaraf dunia, bagi memastikan pegawai polis bertindak secepat mungkin.



CABARAN UTAMA

Keadaan luar jangka telah menyebabkan kelewatan dalam meluluskan beberapa perundangan penting, termasuk pindaan kepada Kod Keseksyen dan Kod Prosedur Jenayah. Walau bagaimanapun, NKRA Mengurangkan Jenayah berusaha mempercepat pelaksanaan rang undang-undang ini, dan yakin bahawa ia akan diluluskan sebelum hujung tahun. Sementara itu, pindaan kepada Akta Pencegahan Jenayah telah diluluskan baru-baru ini dan akan dikuatkuasakan setelah diwartakan.

Peristiwa yang berlaku pada tahun 2013 menunjukkan bahawa aktiviti jenayah di Malaysia boleh berubah sekelip mata dalam arah yang di luar jangka, kerana jenayah kekerasan menggunakan senjata api bukanlah masalah yang lazim di negara ini. Sementara itu, NKRA ini akan terus memperkemas inisiatifnya untuk menangani punca-punca utama yang mencetuskan jenayah bersenjata api.

Peningkatan jenayah kekerasan yang mendadak telah memaksa agensi pencegahan jenayah untuk memperuntukkan sumber-sumber, yang pada asalnya diperuntukkan untuk inisiatif NKRA lain, kepada pengurangan insiden jenayah bersenjata api. Oleh itu, sumber yang dapat digunakan oleh polis menjadi terhad sepanjang tahun 2013 disebabkan kemunculan ancaman baru jenayah bersenjata api.

Peningkatan kejadian jenayah kekerasan juga mencabar persepsi orang ramai terhadap keselamatan di negara ini,

sekali gus menjasaskan pencapaian yang telah diraih oleh NKRA ini pada tahun lalu. Walau bagaimanapun, ini telah diimbangi sebahagianya oleh kejayaan Operasi Cantas Khas yang telah berjaya melumpuhkan aktiviti jenayah terancang dan jenayah bersenjata api.

Pada mulanya, kedua-dua rintangan ini di luar kawalan NKRA Mengurangkan Jenayah, walau bagaimanapun NKRA ini sentiasa boleh disesuaikan untuk menangani perubahan dalam bentuk jenayah. NKRA ini masih komited kepada inisiatif dan aliran kerja yang diperincikan dalam Pelan Hala Tuju GTP 2.0 namun ia harus akur kepada keimbangan orang ramai pada bila-bila masa.



MELANGKAH KE HADAPAN

NKRA Mengurangkan Jenayah tetap komited kepada pencegahan semua bentuk jenayah dan ingin mengambil kesempatan ini untuk mengulang janjinya untuk mengambil tindakan tegas terhadap penjenayah. Kerajaan telah meningkatkan sumber kepolician pada tahun lalu berikutnya kenaikan kejadian jenayah kekerasan secara mendadak untuk menangkap penjenayah yang disyaki. Kerajaan berjanji akan mengambil tindakan serupa sekiranya bentuk jenayah berubah lagi pada tahun 2014.

Sehubungan itu, Kerajaan akan terus melengkapkan PDRM dengan latihan dan peralatan terbaik sebagai sebahagian usahanya untuk membangunkan pasukan polis yang moden. Melangkah ke hadapan, PDRM akan turut memperkuuh barisan pasukannya dan akan mewujudkan pasukan kepolician yang lebih cekap dan berkesan.

NKRA ini akan turut menyaksikan Unit Hubungan Antarabangsa yang sedia ada diperkemas agar dapat menjalin hubungan yang lebih erat antara ekspatriat antarabangsa di Malaysia dengan PDRM. Langkah ini akan membantu polis menangani isu yang berkaitan dengan komuniti ekspatriat menerusi pegawai polis yang telah diberi latihan sewajarnya serta memiliki kemahiran bahasa yang sesuai.

Tahun 2014 juga akan menyaksikan pelancaran Sistem Semakan *Online* yang membolehkan rakyat menyemak status laporan polis dan aduan yang telah dibuat oleh mereka. Antara lain, sistem ini bertujuan meningkatkan kepuasan orang ramai dengan perkhidmatan polis melalui penyediaan sistem pelaporan status yang cekap. NKRA ini akan melaksanakan fasa Sistem Pemantauan Bandar Selamat yang seterusnya pada tahun hadapan dengan memperkenalkan penambahbaikan dan peningkatan kepada model sedia ada.



**HAJI SAADON
HAJI OTHMAN**
Setiausaha Bahagian,
Unit Bidang Keberhasilan
Utama Negara (NKRA)
Mengurangkan Jenayah di
Kementerian Dalam Negeri



Pandangan daripada DMO: **MENERUSKAN PENDIRIAN YANG TEGAS TERHADAP JENAYAH**

Menurut Haji Saadon Haji Othman, Setiausaha Bahagian, Unit Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Mengurangkan Jenayah di Kementerian Dalam Negeri, aktiviti di bawah NKRA Mengurangkan Jenayah pada tahun 2013 tertumpu pada usaha mengurangkan jenayah indeks dan menangani persepsi orang ramai terhadap jenayah, selaras dengan inisiatif di bawah GTP 2.0 yang disasarkan ke arah mengurangkan jenayah pecah rumah dan jenayah kekerasan menggunakan senjata api.

Beliau berkata, "Dalam GTP 2.0, kita menyaksikan pengembangan Program *Omnipresence* dan Program Kepolisian Komuniti di bawah bidang kuasa Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Program Bandar Selamat di bawah bidang kuasa Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD). Dibawah program ini, pelbagai inisiatif dan kempen telah dilaksanakan. Antaranya termasuklah Unit Rondaan Bermotosikal (URB) dan kempen Bersama Membanteras Jenayah (UAC). Suatu indeks persepsi keselamatan yang baharu telah diperkenalkan dan indeks ini merangkumi satu siri tinjauan secara dasar yang memberikan maklum balas yang berterusan terhadap usaha mempertingkatkan penyampaian prestasi PDRM."

"Selain itu, usaha Jabatan Penjara dan Agensi Antidadah Kebangsaan juga tidak seharusnya dipandang ringan," kata Haji Saadon. Menerusi inisiatif penjara industri dan rumah perantaraan, banduan dibekalkan dengan

kemahiran teknikal yang diperlukan untuk meningkatkan peluang pekerjaan selepas dibebaskan. Pusat Rawatan dan Pemulihan Dadah (*Cure & Care Centre*) di seluruh negara juga memastikan bahawa kadar penagihan semula (*recidivism*) dan berbalik (*drug relapse*) mencatat pengurangan yang ketara.

NKRA Mengurangkan Jenayah juga memfokuskan usaha mempertingkatkan kesukarelaan orang ramai untuk mengurangkan jenayah, sekali gus membawa kepada pengembangan Polis Simpanan Sukarela dan galakan untuk membentuk Persatuan Penduduk tempatan dalam kalangan komuniti kediaman. Dalam menyokong matlamat NKRA dan membantu PDRM memiliki prospek yang lebih holistik dalam kalangan komuniti, Jabatan Pencegahan dan Pembanterasan Jenayah (JPPJ) telah ditubuhkan. PDRM sendiri juga sedang giat menjalankan usaha perekutan untuk mempertingkatkan sumber manusianya.

"Usaha dalam inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah pada tahun 2013 menyaksikan kejadian pecah rumah berkurang sebanyak 6.5%. Itu merupakan pengurangan sebanyak 1,622 kes. Di samping itu, kepuasan orang ramai terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh polis juga telah meningkat dengan ketara, dengan 85.7% kadar kepuasan dilaporkan berdasarkan tinjauan orang ramai," katanya.

Antara aktiviti NKRA Mengurangkan Jenayah pada tahun ini, jelas Haji Saadon, ialah Kempen Bersama Membanteras Jenayah (UAC) yang penting dalam membolehkan rakyat mengambil sebahagian tanggungjawab terhadap

keselamatan diri masing-masing selain bekerjasama dengan PDRM untuk mempertingkatkan kesedaran tentang langkah-langkah keselamatan peribadi untuk mengekalkan kesejahteraan kehidupan individu.

Kempen UAC juga merupakan sumber kebanggaan peribadi bagi Haji Saadon. Haji Saadon menyatakan bahawa kempen tersebut, yang melampaui batasan perkauman, jantina dan agama, telah menyepadukan rakyat dalam peperangan menentang jenayah. "Sejak pelancarannya, mesej UAC telah diterima dengan positif oleh syarikat, universiti, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan orang ramai secara amnya. Ini dapat dilihat daripada lebih 1,000,000 ikrar yang dikumpulkan dan beribu-ribu orang yang menghadiri acara dan aktiviti UAC," kata beliau.

Satu lagi aktiviti di bawah NKRA Mengurangkan Jenayah yang menerbitkan rasa bangga Haji Saadon ialah inisiatif URB. Inisiatif URB melibatkan anggota polis menaiki motosikal berkuasa tinggi untuk meronda kawasan kediaman dan perniagaan. Kepentingan inisiatif ini ialah pemupukan rasa selamat dan keyakinan di kalangan penduduk. Kejayaan inisiatif ini dapat dilihat dalam beberapa laporan tentang pasukan URB mencegah kejadian pecah masuk rumah, mencuri dan ragut.

Haji Saadon mengimbau kembali NKRA Mengurangkan Jenayah yang telah memasuki tahunnya yang keempat. Beliau berkata, "Meskipun inisiatif mengurangkan jenayah adalah nyata dan jelas, kita perlu menjadi lebih fleksibel untuk merangkumkan inisiatif baharu agar tidak ketinggalan dalam menghadapi trend jenayah yang semakin berubah-ubah."

Melangkah ke hadapan, Haji Saadon menekankan betapa pentingnya bagi mereka yang terlibat dalam pelaksanaan inisiatif ini untuk kekal teguh dan fokus terhadap matlamat NKRA Mengurangkan Jenayah. Penyertaan yang lebih giat oleh orang ramai merupakan suatu perkara yang sangat asas dan penting. "Komunikasi yang berterusan antara pelbagai pihak berkepentingan, termasuk orang ramai diperlukan untuk memastikan maklum balas, rasa simpati dan juga untuk menyelesaikan sebarang isu secara kolektif. Di samping itu, kita perlu terus memperkuuh pendekatan terkini kita berdasarkan khalayak sasaran, iaitu wanita, kanak-kanak dan ekspatriat, dengan menggunakan cara berinteraksi yang kreatif bagi memastikan keselamatan awam semua kumpulan ini," kata Haji Saadon.



DATUK PAUL LOW SENG KUAN
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

“ Rasuah sentiasa menjadi ancaman kepada nilai-nilai moral Negara. Kerajaan dan rakyat perlu berganding bahu bagi mencapai objektif nasional untuk membanteras gejala ini. ”



Pembanterasan rasuah dalam semua aspek operasi kerajaan terus kekal sebagai isu yang mendesak, malah isu inilah yang mungkin paling sukar dan mencabar antara semua Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dalam Program Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP 2.0) yang telah dilancarkan oleh Kerajaan Malaysia. Ini kerana, infrastruktur tadbir urus yang baik dan integriti yang mampan perlu diwujudkan terlebih dahulu untuk memastikan inisiatif pembanterasan rasuah dapat dilihat dengan lebih ketara.

Pendekatan yang sementara atau *ad hoc* tidak mungkin mencipta kejayaan. Sebaliknya, rangka kerja yang bersepada amatlah penting untuk memberikan sokongan yang kukuh terhadap perubahan hala tuju yang radikal. Dalam sesetengah perkara, elemen kreativiti perlu disuntik dalam usaha menghapuskan cara kerja lama yang telah berakar umbi.

Walaupun sesetengah pihak mungkin memilih penyelesaian segera yang boleh dicapai melalui perubahan kosmetik, risiko penyalahgunaan kuasa akan tetap wujud kerana rasuah berbentuk “*state capture*”, iaitu ‘kumpulan berkepentingan yang mampu memanipulasi dan mengeksplorasi kelemahan dalam proses pembuatan keputusan demi keuntungan peribadi’ selain kekurangan akauntabiliti yang tidak dapat dikawal. Penyelesaian yang mampan terhadap isu rasuah memerlukan penginstitusian sejumlah penambahbaikan yang progresif.

Sesungguhnya saya yakin bahawa Perdana Menteri, yang telah mempelawa saya untuk menyertai Jemaah Menteri terutamanya untuk membantu usaha transformasi dalam aspek tadbir urus dan integriti, amat komited untuk membanteras atau sekurang-kurangnya mengurangkan rasuah dalam tempoh empat tahun yang akan datang. Sudah dua kali Perdana Menteri menzhirikan secara terbuka azam politik beliau yang nekad dalam memerangi rasuah. Selain menjadikan rasuah isu masa silam negara, Perdana Menteri menegaskan bahawa amalan rasuah tidak mempunyai sebarang tempat dalam masa hadapan negara.

Meskipun sesetengah pihak terus mempolitikkan persetujuan saya untuk berkhidmat sebagai Menteri Persekutuan, saya ingin memberikan jaminan kepada orang ramai bahawa kehadiran saya di sini bukanlah untuk membuat ‘hiasan luaran’ yang mengelabui mata rakyat atau sekadar melaksanakan perubahan yang bersifat superfisial.

Di bawah fasa GTP 2.0 yang seterusnya, kami telah merancang langkah-langkah transformasi yang menyeluruh dalam bentuk pendekatan bersepada yang melibatkan semua pihak berkepentingan, termasuk pihak sektor awam dan swasta, bagi memastikan golongan yang berkuasa dalam membuat keputusan dan mempengaruhi perubahan akan memikul tanggungjawab terhadap inisiatif ini.

Tidak dinafikan bahawa penguatkuasaan yang sewajarnya dan pendakwaan kes rasuah juga merupakan komponen yang penting. Justeru, langkah-langkah telah diambil untuk memastikan fungsi ini dilaksanakan rapi dan dengan langkah-langkah yang tegas untuk membendung sebarang bentuk pengelakan hukuman. Usaha memerangi rasuah memerlukan langkah penguatkuasaan dan juga langkah pencegahan yang berkesan.

Rangka kerja bersepadu yang sedang kami lancarkan memerlukan pengukuhan yang selanjutnya terhadap agensi penguatkuasaan, dari segi keupayaan profesional agensi ini selain memperkenalkan jaminan tambahan terhadap kebebasan masing-masing, pindaan terhadap undang-undang sedia ada untuk menutup kelemahan, penambahbaikan terhadap sistem perolehan awam, langkah pembetulan yang lebih berkesan untuk menangani isu yang ditimbulkan oleh laporan Ketua Audit Negara, memberikan tanggungjawab kepada Pegawai Integriti untuk mengurus perubahan dalam setiap kementerian dan agensi, serta menggerakkan sektor swasta sebagai pihak berkepentingan yang mengambil bahagian secara aktif dalam usaha membasmi rasuah. Kesemua langkah yang dinyatakan ini hanyalah sebahagian daripada penambahbaikan penting yang bakal dilaksanakan pada masa hadapan.

Berikutnya impak meluas yang dibawa oleh wabak rasuah, kejayaan negara dalam pembangunan ekonomi dan sosial bergantung secara langsung pada kejayaan kita dalam usaha menghapuskan rasuah dan menyediakan pengawasan yang baik terhadap sumber negara. Kita mampu menjadikan Malaysia negara yang jauh lebih baik dengan taraf hidup yang lebih tinggi dan masyarakat yang hidup dengan aman dan harmoni. Marilah kita sama-sama mendoakan kejayaan buat negara kita yang tercinta ini.

TINJAUAN KESELURUHAN

Usaha membanteras rasuah sememangnya menjadi sebahagian daripada GTP sejak awal lagi memandangkan masalah ini semakin menular. Rasuah menjelaskan inovasi, perusahaan dan pelaburan yang merupakan unsur-unsur penting bagi negara yang maju dan berpendapatan tinggi. Tambahan lagi, masalah rasuah menjadi penghalang kepada budaya berlandaskan prestasi, yang memberikan layanan yang adil dan saksama kepada setiap individu dalam aspek pembahagian peluang dan ganjaran.

12 bulan yang lepas merupakan tahun pertama GTP 2.0, iaitu fasa kedua program pembangunan ini. Inisiatif yang telah disemai mula bercambah, dan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Membanteras Rasuah kini berganjak ke fasa yang lebih matang dalam usaha membanteras rasuah.

GTP 2.0 menyasarkan untuk melengkapkan kejayaan yang diraih oleh GTP 1.0, yang memfokuskan isu-isu asas seperti mendapatkan syarikat untuk menandatangani ikrar integriti, mewujudkan unit pematuhan dalam agensi penguatkuasaan dan membina pangkalan data 'Name and Shame'. GTP 2.0 juga direka khusus untuk mempertingkatkan kejayaan ini dengan menangani kelemahan organisasi dan perundangan.

Perubahan yang dilaksanakan dengan lebih halus akan mempertingkatkan dan mempercepat usaha membanteras rasuah dengan menyediakan mekanisme dan sumber yang lebih banyak kepada agensi dan pegawai penguatkuasa untuk mendakwa kes-kes rasuah. Dengan cara ini, masalah rasuah akan ditangani dari dua arah: dari bawah ke atas dan dari atas ke bawah.


Kerajaan menganggarkan pelaburan swasta bakal mencakupi 92% daripada keperluan pelaburan keseluruhan Malaysia menjelang tahun 2020, akan tetapi rasuah menjadi penghalang kepada sumbangan yang lebih banyak oleh sumber-sumber tempatan dan antarabangsa.



Bagi menambah baik pengukuran tahap rasuah dalam negara, NKRA Antirasuah akan memantau skor survei Antirasuah Indeks Persepsi Integriti Nasional (IPIN) mulai tahun 2013. Skor Antirasuah IPIN negara adalah 6.8 bagi tahun 2013. Skor Antirasuah IPIN dan CPI oleh Transparency International akan memberikan gambaran yang lebih holistik terhadap tahap rasuah di negara ini.

Barometer Rasuah Global (GCB) Transparency International juga merupakan satu lagi penunjuk yang digunakan untuk mengukur tahap rasuah dalam negara. Dalam kajian terkini, 39% daripada 1,000 rakyat Malaysia yang ditinjau mengatakan bahawa tahap rasuah semakin meningkat, 47% mengatakan tiada perubahan, manakala hanya 14% mengatakan bahawa tahap rasuah semakin bertambah baik. Hanya 31% mempercayai bahawa Kerajaan berkesan dalam usaha membanteras rasuah.

Skor Indeks Persepsi Rasuah (CPI) telah menunjukkan peningkatan yang baik sejak tahun 2011.



Meskipun inisiatif antirasuah di bawah GTP 1.0 telah menunjukkan hasil, namun Kerajaan mengakui bahawa amalan rasuah tetap menjadi isu yang memerlukan fokus berterusan. Pelantikan Datuk Paul Low, bekas Presiden Transparency International Malaysia, membuktikan komitmen Kerajaan terhadap usaha untuk membasmi gejala rasuah.

GTP 2.0 direka bentuk untuk terus memperdalam proses transformasi yang telah dimulakan melalui GTP 1.0, dan inisiatif-inisiatif GTP 2.0 ini telah pun mula dilaksanakan pada tahun 2013. Sebagai contoh, Kerajaan telah mengubah proses laporan Ketua Audit Negara dengan membentangkan laporan tersebut setiap kali Parlimen bersidang, dan bukannya setahun sekali. Kekerapan pelaporan yang lebih tinggi membolehkan penelitian rapi dilakukan terhadap penyelewengan dana dalam Kerajaan.

Program ini juga telah mula mengendalikan latihan antirasuah bagi semua Ahli Parlimen sebagai sebahagian daripada usaha pendidikan dan kesedaran baharu yang telah diperkenalkan dalam GTP 2.0.

PENCAPAIAN

Malaysia memperbaik skor Indeks Persepsi Rasuah pada tahun 2013



Peningkatan Malaysia yang konsisten sebagaimana yang ditunjukkan oleh keputusan terkini Indeks Persepsi Rasuah Transparency International yang menokok satu anak tanda kepada kedudukan ke-53 daripada kedudukan ke-54 pada tahun 2012, membuktikan bahawa usaha-usaha yang dijalankan untuk membanteras amalan rasuah membawa hasil. Peningkatan berterusan dari segi kedudukan dan penambahbaikan ini merupakan sokongan terhadap semua usaha yang dilaksanakan di bawah GTP 2.0, seperti transformasi proses laporan Ketua Audit Negara dan transformasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Paparan kontrak rundingan terus di portal MyProcurement

Kementerian Kewangan telah mula memaparkan kesemua kontrak rundingan terus di portal MyProcurement bermula pada Disember 2013. Portal MyProcurement telah diwujudkan untuk menjadi portal perolehan sehenti dalam talian, yang juga menyiaran semua tender Kerajaan dan bidaan yang berjaya untuk terus menggalakkan ketelusan dalam perbelanjaan Kerajaan. Setakat ini, 50 urus niaga Kerajaan yang dirunding secara terus telah disiarkan dalam talian, hasil daripada kerjasama berterusan Kementerian Kewangan.

Pengisytiharan aset oleh Pegawai Khas Menteri

Sejak awal tahun 2013, Pegawai Khas Menteri diwajibkan untuk mengisytiharkan aset masing-masing kepada Menteri yang berkenaan dan kepada Ketua Setiausaha Kerajaan. Dasar baru ini merupakan usaha untuk mewujudkan Kerajaan yang lebih telus dan bertanggungjawab, yang komited untuk membanteras rasuah pada setiap peringkat perkhidmatan awam.

Mempercepat dan memantau kes-kes yang dilaporkan dalam laporan Ketua Audit Negara

Transformasi Laporan Audit Prestasi Ketua Audit Negara merupakan inisiatif utama di bawah NKRA Antirasuah, yang menyasarkan untuk membaik pulih pengawasan dalam perbelanjaan Kerajaan. Transformasi proses laporan ini menyaksikan pelaksanaan tiga inisiatif yang berbeza:

- (1) Melaporkan Laporan Audit Prestasi Ketua Audit Negara dalam setiap sesi Parlimen:** Laporan Audit Prestasi dan Kewangan kini diasingkan dengan Laporan Audit Prestasi dibentangkan setiap kali Parlimen bersidang. Laporan ini dibentangkan dalam dua daripada tiga sesi Parlimen pada tahun 2013 kerana Jawatankuasa Tindakan Awam (Public Action Committee-PAC) belum diwujudkan sepenuhnya semasa sesi Parlimen yang pertama bersidang. Tujuan inisiatif ini adalah untuk


Kejayaan inisiatif ini sebahagian besarnya didorong oleh usaha Kementerian Kewangan yang telah mewujudkan asas yang membolehkan penyiaran kontrak selain mendapatkan kerjasama daripada Kementerian-Kementerian yang lain. Contoh yang ditunjukkan oleh Kementerian Kewangan membuktikan sokongan terhadap usaha dalaman Kerajaan untuk mempertingkatkan proses bagi mengurangkan peluang berlakunya rasuah.

Keputusan untuk melaksanakan dasar ini dibuat oleh Jawatankuasa Petugas Pelaksanaan (DTF) NKRA Antirasuah, yang menyarankan bahawa Pegawai Khas bertindak sebagai 'pengawal' kepada Menteri dan mempunyai keistimewaan kepada maklumat yang sangat sulit. Inisiatif ini dijangka memperbaik tahap tadbir urus pada peringkat Kementerian.

membolehkan pihak-pihak yang berkaitan dan orang ramai memperoleh penelitian yang lebih rapi terhadap perbelanjaan Kerajaan dan seterusnya memberikan respons yang segera terhadap isu-isu salah laku. Sebagai contoh, SPRM telah membuka 17 kertas penyiasatan berdasarkan laporan Ketua Audit Negara 2012, yang telah dibentangkan pada Oktober 2013.

- (2) Pelancaran papan pemuka Ketua Audit Negara secara dalam talian:** Papan pemuka secara dalam talian yang terdapat di laman sesawang rasmi Ketua Audit Negara (<https://arts.audit.gov.my>) ini memantau status kes yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara. Papan pemuka ini menyenaraikan kes-kes yang telah diselesaikan; kes yang dikenakan tindakan dan kes

yang masih belum menerima sebarang tindakan. Papan pemuka ini menjadikan proses laporan semakin telus dan meyakinkan orang ramai bahawa kes-kes yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara tidak diabaikan. Papan pemuka ini telah dilancarkan pada bulan Mei lepas dan sedia digunakan pada 1 Oktober.



- (3) Penubuhan Jawatankuasa Tindakan:** Jawatankuasa Tindakan yang dipengerusikan oleh Ketua Audit Negara dan dihadiri oleh SPRM dan agensi penguatkuasaan yang berkaitan juga telah ditubuhkan sebagai sebahagian daripada proses transformasi. Fungsi jawatankuasa ini adalah untuk meneliti dengan rapi isu-isu dan kes-kes tertentu bagi memudahkan siasatan seterusnya. Jawatankuasa ini akan mempercepat proses perkongsian maklumat supaya keputusan kes akan dicapai dengan lebih cepat dan muktamad.

Kejayaan inisiatif ini kebanyakannya disumbangkan oleh kerja keras dan kegigihan Pejabat Ketua Audit Negara dalam mempercepat usaha yang diperlukan untuk mentransformasikan proses laporan pada tahun 2013 ini. Usaha untuk memastikan semua laporan siap pada waktunya dan tersedia untuk penilaian Parlimen merupakan bukti yang kukuh terhadap hasrat Kerajaan untuk mempertingkatkan tadbir urus dan akauntabiliti.

Latihan integriti dan tadbir urus bagi Ahli Parlimen



Ahli Parlimen (MP) telah menghadiri sesi latihan integriti yang pertama pada November 2013. Latihan dianjurkan oleh kumpulan pemikir Malaysia, Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS). Latihan ini yang diwujudkan sebagai respons kepada persepsi orang ramai terhadap rasuah yang semakin menular dalam institusi politik Malaysia, akan meningkatkan kesedaran dan kefahaman Ahli Parlimen terhadap kesalahan berkaitan dengan rasuah, hukuman dan akibatnya. Tidak semua Ahli Parlimen menghadiri sesi latihan antirasuah yang pertama, justeru NKRA Antirasuah akan berusaha untuk meningkatkan kehadiran pada masa akan datang.

Pembentukan 27 Sekretariat Pencegahan Rasuah di Maktab Perguruan



Guru merupakan pendidik barisan hadapan dalam usaha NKRA ini untuk membentuk generasi pelajar sekolah yang peka terhadap masalah rasuah selain komited untuk bergiat secara aktif dalam usaha membantu negara menghapuskan masalah berkenaan. NKRA Antirasuah sedar bahawa kunci membanteras rasuah bermula sejak usia muda, justeru beberapa inisiatif yang direka untuk memupuk sikap yang betul dalam jiwa generasi pelajar ini akan dilaksanakan. Selain menyediakan guru dengan latihan yang secukupnya, sukanan pelajaran antirasuah juga akan diperkenalkan dalam buku teks sekolah.

PENCAPAIAN 2013

Bil.	Penunjuk Prestasi Utama (KPI)	Sasaran 2013	Pencapaian 2013	% Pencapaian
1	Skor Indeks Persepsi Integriti Nasional (IPIN - (Indeks Rasuah))	6.9	6.8	98.55%
2	Transparency International (TI) - Skor Barometer Rasuah Global (GCB)	60%	31%	51.67%
3	TI - Skor Indeks Persepsi Rasuah (CPI)	55	50	90.91%
4	Peningkatan kadar sabitan kes-kes rasuah	80%	84.1%	105.13%
5	Menyelesaikan pendakwaan terhadap kes-kes rasuah dalam masa 1 tahun	85%	81.8%	96.24%
6	Pindaan terhadap Akta Pertubuhan 1966 untuk dibentangkan di Parlimen dan Peraturan untuk diwartakan dan berkuatkuasa untuk mengawal selia pembiayaan politik	100%	0	0%
7	Membentangkan Laporan Audit Ketua Audit Negara pada setiap sesi Parlimen	100%	66.7%	66.7%
8	Untuk menerbitkan kontrak rundingan terus secara online: i. Teknikal ii. Kecemasan iii. Bumiputra	100%	100%	100%
	*Tidak termasuk Strategik dan Keselamatan			
9	Menubuhkan Sekretariat Pencegahan Rasuah di 27 buah Maktab Peguruan	27	27	100%
10	% Ahli Parlimen (MP) menghadiri Latihan Integriti	50%	73 daripada 111 MP menghadiri latihan	66%
Jumlah				78%

Jadual KPI 2013 untuk NKRA Membanteras Rasuah

NKRA MEMBANTERAS RASUAH - ALIRAN KERJA DAN BIDANG FOKUS

NKRA Antirasuah telah mengenal pasti tiga aspirasi GTP 2.0:



Membangunkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah yang berwibawa, berkesan dan bereputasi baik




Mewujudkan dan menguatkuasakan dasar tolak ansur sifar terhadap rasuah pada semua peringkat



Meningkatkan ketelusan dan menambah baik pengurusan dana awam

Empat aliran kerja untuk mencapai aspirasi tersebut telah dibentuk untuk menangani isu rasuah pada setiap tahap lapisan masyarakat Malaysia, daripada perkhidmatan awam kepada syarikat sektor swasta. Aliran kerja ini telah dikenal pasti menerusi keputusan tinjauan tahun 2012 yang dijalankan oleh audit luar, Frost & Sullivan yang membuat tinjauan terhadap rakyat tentang kebimbangan terbesar mereka mengenai rasuah. Keputusannya adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual yang berikut:



Sumber: Kajian Penilaian Kesan GTP di Malaysia, 2012, dijalankan oleh Frost and Sullivan

Berdasarkan aspirasi dan hasil daripada kajian yang dijalankan, NKRA Antirasuah telah mengenal pasti 10 KPI dalam 4 aliran kerja daripada Makmal GTP 2.0 yang telah diadakan pada tahun 2012. Setiap aliran kerja mengandungi beberapa inisiatif yang memfokuskan isu-isu khusus yang menjadi kebimbangan terbesar rakyat terhadap rasuah.

Aliran kerja dan inisiatif-inisiatif NKRA Antirasuah adalah seperti dalam jadual berikut:

Aliran Kerja	Inisiatif
Agensi Penguatkuasaan	<ul style="list-style-type: none"> Mewujudkan Jawatankuasa Penilaian Eksekutif di Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Mewujudkan Pejabat Pengurusan Projek mengenai Pencegahan di SPPM Memantau Unit Pematuhan agensi-agensi dan kementerian-kementerian Memantau senarai 'Name and Shame' Mengembangkan Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM)
Rasuah Besar	<ul style="list-style-type: none"> Menyelesaikan pendakwaan kes rasuah dalam tempoh setahun Menambah baik rangka kerja tadbir urus pembiayaan politik Memasukkan Peruntukan Liabiliti Korporat dalam Akta SPPM 2009
Perolehan Kerajaan	<ul style="list-style-type: none"> Mempercepat capaian kepada Laporan Audit Prestasi Ketua Audit Negara untuk tindakan segera Mewujudkan Jawatankuasa Tindakan mengenai Laporan Ketua Audit Negara Membina papan pemuka Ketua Audit Negara secara dalam talian bagi memantau status kes Melaksanakan Inkuisisi Putrajaya terhadap kes-kes tertunggak Menandatangi Pakatan Integriti yang lebih komprehensif bagi syarikat dan individu yang terlibat dengan projek PPP (Perkongsian Awam-Swasta) Menambah baik portal MyProcurement dan menyepadukannya dengan portal perolehan yang berkaitan Mewujudkan garis panduan untuk orang tengah/pelobi
Pendidikan dan Sokongan Orang Ramai	<ul style="list-style-type: none"> Membentuk Sekretariat Pencegahan Rasuah di Maktab Perguruan Latihan untuk Ahli Parlimen (MP) mengenai amalan-amalan antirasuah Memasukkan elemen pencegahan rasuah dalam buku teks sekolah rendah dan sekolah menengah

NKRA Antirasuah sedar bahawa perjalanan ke arah merealisasikan masyarakat yang adil dan saksama pasti mengambil masa, dan penekanan dalam GTP adalah untuk memastikan bahawa asas yang betul telah diletakkan bagi menangani punca masalah tersebut. Walaupun kesan yang dijana daripada kebanyakan inisiatif ini berlaku di belakang tabir, NKRA Antirasuah telah melaksanakan inisiatif yang dapat dilihat dengan ketara, seperti Papan Pemuka Ketua Audit Negara, untuk memberikan keyakinan kepada rakyat bahawa terdapat kemajuan yang dicapai dalam usaha menentang rasuah.

ALIRAN KERJA / Agensi Penguatkuasaan

Aliran kerja ini menyasarkan untuk membina dan memartabatkan Malaysia sebagai sebuah negara yang adil dan saksama untuk rakyat tinggal dan menjalankan aktiviti harian. Komponen yang penting untuk mencapai matlamat ini ialah memastikan SPPM menjadi institusi bertaraf dunia, yang diperkasaan dengan sumber-sumber yang diperlukannya untuk bergerak dengan bebas dan berkesan bagi menyiasat dan mengambil tindakan terhadap kes-kes rasuah.

Inisiatif

Mewujudkan Pejabat Pengurusan Projek mengenai Pencegahan di SPPM dan penambahbaikan lain

Sebagai sebahagian daripada transformasi SPPM sebagai pemerhati utama negara ini, Pejabat Pengurusan Projek mengenai Pencegahan ditubuhkan khas di bawah Jawatankuasa Transformasi Eksekutif untuk



ALIRAN KERJA / Rasuah Besar

Kajian menunjukkan bahawa Rasuah Besar, iaitu rasuah yang dilakukan oleh individu berpangkat tinggi dan berpengaruh yang mengganggu perjalanan penting negara, merupakan punca rasuah terbesar di negara ini. NKRA Antirasuah prihatin akan sentimen rakyat dan bersetuju bahawa lebih banyak usaha dapat dilakukan bagi memastikan keputusan-keputusan penting yang dibuat untuk negara bebas daripada pengaruh yang tidak sepatutnya.

Inisiatif

Menambah baik rangka kerja tadbir urus pembiayaan politik

Perubahan dalam perundangan kini menghalang orang tengah daripada menyalurkan dana yang diperuntukkan untuk parti-parti politik melalui langkah-langkah yang disebutkan di bawah ini:

1. Semua pembiayaan politik yang diperuntukkan untuk parti politik mestilah disimpan di dalam akaun parti dan bukannya akaun individu.
2. Resit wajib dikeluarkan serta-merta selepas menerima apa-apa sumbangan yang diberikan kepada parti politik.
3. Semua derma hendaklah direkodkan secara terperinci mengikut Standard Perakaunan yang Diterima Umum (*Generally Accepted Accounting Standards*). Akaun parti akan diaudit oleh pihak luar.
4. Apabila derma dikumpulkan atau disimpan oleh pihak

mempertingkatkan inisiatif pencegahan oleh pemerhati. Pejabat ini akan mengadakan pelbagai aktiviti termasuk program jangkauan komuniti, pemeriksaan organisasi, khidmat perundingan dan nasihat mengenai isu-isu selain membangunkan program pengurusan antirasuah.

Memantau unit pematuhan dalam agensi-agensi Kerajaan

Unit pematuhan antirasuah telah diwujudkan di lima agensi penguatkuasaan di bawah inisiatif NKRA Antirasuah GTP 1.0. Kerajaan kemudiannya mengumumkan bahawa unit pematuhan yang serupa telah diwujudkan di 17 Kementerian dan kini sedang berusaha untuk memastikan Kementerian yang lain menubuhkan Unit Integriti masing-masing. NKRA Antirasuah beriltizam untuk memantau aktiviti dan prestasi unit pematuhan ini dalam GTP 2.0 bagi memastikan sasaran yang telah ditetapkan oleh semua unit pematuhan ini tercapai.



Perubahan-perubahan ini akan mewujudkan satu sistem yang membolehkan penderma dan pegawai parti menjelajah aliran masuk dan keluar dana daripada organisasi mereka. Ini juga akan membolehkan pengawasan luar yang lebih tegas, terutamanya tindakan penguatkuasaan oleh SPRM dan agensi lain terhadap orang tengah yang mendakwa mereka mewakili parti tertentu.

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (*Registrar of Societies - RoS*) juga akan mengkaji kemungkinan untuk memperluas pindaan ini kepada semua pertubuhan dan bukan sahaja parti politik. RoS juga akan mempertimbangkan untuk memperkenalkan elemen penzahiran awam dalam perundangan pembiayaan politik sedia ada. RoS khususnya perlu mengkaji semula Seksyen 10(2) Akta Pertubuhan bagi menentukan sama ada akta tersebut menyokong keperluan penzahiran awam.

Kerajaan kini sedang mempertimbangkan kesan inisiatif ini dan akan terus menjalankan kajian kebolehlaksanaan

memperkenalkan inisiatif ini selain menutup segala kelemahan yang mungkin berlaku.

Pegawai-pegawai Khas Menteri dikehendaki untuk mengisyiharkan aset mereka kepada Ketua Setiausaha Negara

Mulai tahun 2013, Pegawai-pegawai Khas kepada Menteri dikehendaki untuk mengisyiharkan aset-aset mereka kepada Menteri berkenaan dan Ketua Setiausaha Negara Kerajaan Malaysia. Pegawai Khas sering dianggap sebagai orang penting atau ‘pengawal’ yang boleh memudahkan akses kepada Menteri-menteri, dan menjadi sasaran rasuah atau pelbagai bentuk dorongan oleh individu atau organisasi yang ingin mendapatkan masa perjumpaan dengan Menteri.

Tujuan perlunya pengisyiharan aset oleh Pegawai Khas ini adalah untuk tidak menggalakkan mereka daripada menerima sebarang bentuk rasuah yang mungkin perlu didedahkan suatu masa nanti. Inisiatif ini bermatlamat untuk memperkenalkan langkah terbaik bagi mengukur ketelusan, akauntabiliti dan integriti dalam kakitangan awam.

ALIRAN KERJA / Perolehan Kerajaan

Dengan wang berbilion-bilion ringgit dibelanjakan untuk projek-projek Kerajaan, proses perolehan sudah sememangnya menjadi lubuk rasuah. Ketirisan yang disebabkan oleh orang tengah, pembekal dan pegawai yang korup merupakan sebahagian daripada proses perolehan. Namun, apa juar ketirisan yang berlaku tetap perlu diatasi. NKRA Antirasuah telah mula melaksanakan usaha di bawah GTP 1.0 untuk menangani sebahagian daripada isu-isu ini dengan menjadikan proses perolehan lebih telus melalui pewujudan portal *online* MyProcurement. Walau bagaimanapun, GTP 2.0 merancang untuk terus mempertingkatkan penambahbaikan ini.

Inisiatif

Mentransformasikan pelaporan Laporan Audit Prestasi Ketua Audit Negara

- **Mempercepat capaian kepada Laporan Audit Prestasi Ketua Audit Negara untuk tindakan serta-merta**
- **Menubuhkan Jawatankuasa Tindakan bagi laporan Ketua Audit Negara**
- **Mewujudkan papan pemuka Ketua Audit Negara secara dalam talian untuk memantau status kes**
- **Mengendalikan Inkuisisi Putrajaya terhadap kes-kes tertangguh**

Elemen utama usaha GTP 2.0 dalam bidang ini ialah transformasi proses pelaporan Ketua Audit Negara. Laporan ini diakui sebagai audit perbelanjaan Kerajaan yang

menyeluruh, namun ia sentiasa mendapat kritikan kerana tidak dibentangkan tepat pada masanya.

Hal yang demikian menyebabkan siasatan terhadap tuduhan rasuah dan amalan tidak beretika tertangguh, dan ini bermakna orang yang disyaki kadang kala terlepas daripada hukuman. Usaha mempercepat capaian kepada Laporan Ketua Audit Negara, iaitu dengan membentangkan laporan tersebut setiap kali Parlimen bersidang dan bukannya setahun sekali, akan membolehkan tindakan diambil terhadap kes rasuah yang disyaki dengan lebih pantas.

Pada masa yang sama, Jawatankuasa Tindakan yang baru ditubuhkan akan memformalkan langkah yang akan diambil terhadap percanggahan yang dilaporkan oleh Pejabat Ketua Audit Negara. Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Pejabat Ketua Audit Negara akan memudahkan kerjasama dengan SPRM dan agensi penguatkuasaan yang berkaitan untuk membuat keputusan mengenai tindakan yang perlu diambil, sekiranya ada, terhadap kes rasuah tertentu.

Papan pemuka Ketua Audit Negara secara atas talian yang diperkenalkan baru-baru ini juga direka untuk menggalakkan ketelusan dan akauntabiliti yang lebih tinggi oleh Kerajaan. Papan pemuka tersebut merekodkan bilangan kes yang memerlukan tindakan seperti yang dilaporkan dalam laporan Ketua Audit Negara dan status masing-masing dilabel sebagai - selesai, dalam tindakan, atau tiada tindakan.



“Rasuah masih ketara di negara kita. Mengapa rasuah masih wujud? Sebagai rakyat Malaysia, kita mempunyai hak terhadap ketelusan dan kerajaan harus terus berusaha untuk memastikan perkara tersebut.”

HAMZAH ADLI, 67, pesara

Penerbitan kontrak rundingan terus secara online

Bermula Disember 2013, Kementerian Kewangan dikehendaki untuk menyiaraskan keputusan kontrak rundingan terus secara *online* dalam Portal MyProcurement. Objektifnya adalah untuk mempertingkatkan tahap ketelusan dan akauntabiliti dalam amalan perolehan Kerajaan. Kontrak-kontrak strategi dan keselamatan adalah dikecualikan daripada syarat ini.

Penerbitan kontrak rundingan terus ini akan membantu memastikan Kementerian melantik vendor dengan harga yang kompetitif berdasarkan merit dan keupayaan vendor tersebut. Ia juga akan menyumbang kredibiliti yang tinggi kepada perolehan Kerajaan sebagai proses yang terbuka dan telus.

MENGEMBALIKAN KEPERCAYAAN RAKYAT MELALUI PEMBANTERASAN RASUAH



WAN SAIFUL WAN JAN
Ketua Eksekutif Institut Perhubungan Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS)

Banyak yang dapat dicapai oleh Malaysia daripada usaha pembanterasan rasuah dalam negara: daripada peningkatan dalam produktiviti, peningkatan dalam reputasi antarabangsa dan pewujudan persekitaran perniagaan yang lebih kukuh. Tidak dapat dinafikan bahawa rasuah telah menyekat perkembangan Malaysia sepanjang beberapa dekad yang lalu.

Namun, mungkin pencapaian terbesar daripada usaha ini, menurut Wan Saiful daripada IDEAS, ialah keyakinan rakyat yang kembali pulih terhadap institusi negara.

“Untuk memastikan demokrasi liberal berjaya, perlu ada beberapa institusi yang boleh dipercayai,” kata ketua eksekutif kumpulan pemikir itu. “Agensi pendakwa, badan penyiasat dan Parlimen negara mesti mempunyai institusi yang boleh dipercayai oleh rakyat.

“Rasuah menghakis kepercayaan itu; ia mengurangkan kredibiliti institusi-institusi tersebut, seterusnya memberikan kesan negatif terhadap kesejahteraan negara secara keseluruhan. Pada pendapat saya, tahap keyakinan rakyat masih lagi rendah.”

Bagi Wan Saiful, inisiatif Kerajaan untuk memerangi rasuah dalam Program Transformasi Kerajaan (GTP) setakat ini telah membawa hasil yang berbeza-beza. Walaupun beliau akur bahawa inisiatif tersebut berkesan dalam meyakinkan sesetengah rakyat untuk menambah baik persepsi mereka mengenai tahap rasuah di Malaysia, beliau menambah bahawa “amat sukar” bagi beliau dan organisasi beliau untuk menentukan sama ada inisiatif tersebut menghasilkan perubahan yang sebenar.

Kekurangan data yang konkret, ditambah pula dengan parti pemerintah dan pembangkang yang kerap memainkan isu politik, telah mengaburkan lagi tahap sebenar rasuah di dalam negara meskipun GTP terus melaksanakan inisiatif antirasuahnya.

“Kita tinggal dalam persekitaran yang tahap rasuah adalah tinggi menurut persepsi rakyat, tetapi kita tidak begitu pasti sama ada institusi negara kita benar-benar korup seperti yang disangka,” kata Wan Saiful. “Tiada cara untuk mengukur tahap rasuah yang betul di Malaysia, jadi sukar untuk kita memastikan sejauh mana penglibatan kita dalam rasuah sebenarnya.

“Contohnya, jika kekerapan sebenar rasuah adalah rendah tetapi ahli politik tidak habis-habis bercakap tentang betapa teruknya rasuah di negara kita, maka wujudlah jurang antara tahap persepsi kita dengan tahap sebenar rasuah.”

Namun, Wan Saiful berkata, Malaysia harus berasa lega dengan kejayaan kecil yang dicapai secara berterusan: antara contohnya ialah penerbitan kontrak yang dirunding secara terus oleh Kementerian Kewangan, dan contoh lain pula ialah bengkel latihan integriti untuk Ahli Parlimen. Tambah beliau, usaha memerangi rasuah boleh dipercepat sekiranya penggubal undang-undang Malaysia “kurang berahsia”.

“Kita patut memberikan pujian kepada Kementerian Kewangan kerana menyiaraskan kontrak yang dirunding secara terus pada laman sesawang MyProcurement. Penerbitan senarai yang pendek ini merupakan langkah pertama yang bagus, dan kita hanya dapat berharap semua jabatan Kerajaan yang lain akan mencontohi langkah ini,” kata beliau. “Akan tetapi, sejurnurnya, tiga tahun yang pertama menyaksikan kita menuai hasil daripada usaha yang mudah. Apabila kita meneruskan perjalanan ini lebih jauh lagi, barulah masalah sebenar akan bermula. Saya berharap Kementerian Kewangan tidak akan berhenti setakat menyiaraskan kontrak pada masa ini. Mereka mesti mendedahkan lebih banyak perkara kerana jika tidak, orang ramai akan mengatakan langkah pertama itu sekadar hiasan luaran untuk mengaburi mata rakyat sahaja.”

Ketelusan yang lebih tinggi oleh pihak Kerajaan merupakan aspirasi yang diumumkan oleh NKRA Antirasuah, dan transformasi yang dilaksanakan bakal mewujudkan asas yang kukuh untuk mencapai aspirasi tersebut. Bagi Wan Saiful, beliau tetap yakin bahawa masih ada penyelesaian terhadap masalah rasuah di Malaysia, namun penyelesaian tersebut mestilah bermula dengan penyediaan data yang jelas dan objektif.

ALIRAN KERJA / Pendidikan dan Sokongan Orang Ramai

Seiring dengan inisiatif yang diperhebat untuk menghapuskan rasuah, NKRA Antirasuah juga akan melaksanakan inisiatif GTP 2.0 yang direka untuk meningkatkan kesedaran orang ramai dan menyokong usaha-usaha antirasuah. NKRA ini telah mewujudkan program latihan khas untuk Ahli Parlimen dan guru. Ahli Parlimen dan guru merupakan barisan hadapan negara dalam usaha membendung rasuah.



Inisiatif

Menubuhkan Sekretariat Pencegahan Rasuah di Maktab Perguruan

Kerajaan telah menubuhkan Sekretariat Pencegahan Rasuah di kesemua 27 Maktab Perguruan seluruh Malaysia bagi menyediakan guru-guru untuk mengendalikan pendidikan antirasuah kepada para pelajar. Keputusan untuk memfokuskan inisiatif pendidikan kepada pelajar sekolah bertitik tolak daripada keimbangan bahawa rasuah kini menjadi sebahagian daripada kehidupan sehari-hari pelajar. Projek perintis yang serupa melibatkan universiti awam menunjukkan bahawa kesedaran rasuah dapat dipertingkatkan dengan ketara melalui sekretariat sebegini.

Latihan untuk Ahli Parlimen dalam amalan antirasuah

Ahli Parlimen telah mengikuti bengkel latihan integriti yang julung-julung kali diadakan pada November 2013. Latihan ini diadakan bertujuan mendidik dan meningkatkan kesedaran terhadap rasuah dalam pelaksanaan tugas sebagai Ahli Parlimen. Sesi latihan ini telah dikendalikan oleh Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) dan menampilkan barisan penceramah yang terdiri daripada Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim, Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang dan Nizam Ali daripada Institut Integriti Malaysia.

CABARAN UTAMA



Meskipun terdapat kejayaan besar yang diraih dalam transformasi proses laporan Ketua Audit Negara dan pelaksanaan papan pemuka Ketua Audit Negara secara dalam talian, beberapa inisiatif yang telah dirangka untuk tahun 2013 gagal dilaksanakan dalam jangka masa yang ditetapkan. Memandangkan kebanyakan inisiatif dalam fasa pertama GTP 2.0 melibatkan usaha menggubal atau meminda perundangan, Parlimen yang ditangguhkan sebelum Pilihan Raya Umum ke-13 pada tahun lepas telah menundakan proses perundangan.

Penyusunan semula Kabinet dan pelantikan Menteri-Menteri baharu juga telah melengahkan pelaksanaan inisiatif memandangkan inisiatif NKRA Antirasuah tersebut dijalankan bersama-sama dengan Kementerian yang berkaitan. Oleh yang demikian, Menteri yang baharu memerlukan masa untuk mendalami cadangan-cadangan dalam NKRA Antirasuah, yang akan dipertimbangkan dalam usaha yang akan dilaksanakan pada masa hadapan.

Inisiatif-inisiatif lain seperti latihan integriti untuk Ahli Parlimen dan pembentangan laporan Ketua Audit Negara yang memerlukan kehadiran ahli bersidang, telah dilaksanakan lewat tahun lepas walaupun terdapat kekangan masa disebabkan jadual Parlimen yang padat.

Pada masa yang sama, rancangan untuk meminda rangka kerja pembiayaan politik masih diteruskan, dan memerlukan lebih banyak kajian yang mendalam memandangkan ini

merupakan bidang yang luas dan merangkumi pelbagai aspek. Oleh itu, jika rangka kerja baharu ini ingin mencapai matlamat dalam memastikan derma politik dilindungi daripada ketirisan dana, perlindungan yang melibatkan banyak pihak berkepentingan perlu diwujudkan. Oleh sebab itu ini amat kompleks, pasukan NKRA Antirasuah percaya bahawa pelaksanaan rangka kerja dengan betul adalah jauh lebih penting daripada melaksanakannya secara terburu-buru.

MELANGKAH KE HADAPAN

NKRA Antirasuah akan terus berusaha melaksanakan inisiatif yang disebutkan di atas, dengan fokus khusus terhadap perkara yang berikut bagi tahun 2014:

Menandatangani pakatan integriti yang komprehensif bagi syarikat dan individu yang terlibat dengan projek Perkongsian Awam-Swasta (PPP)

Sebahagian daripada usaha Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM) memerlukan semua syarikat dan individu yang terlibat dengan projek PPP menandatangani pakatan integriti komprehensif, yang memerlukan pembekal mempertingkatkan sistem pengawasan rasuah dalaman. Pakatan ini memastikan semua pembekal Kerajaan terikat dengan tingkah laku yang adil dan saksama. Tambahan lagi, sebuah jawatankuasa pengawasan yang terdiri daripada SPRM, Pejabat Ketua Audit Negara, Transparency International dan Institut Integriti Malaysia akan mengawas segala operasi ini.



Memasukkan elemen pencegahan rasuah dalam buku teks di sekolah rendah dan menengah

Sebagai salah satu usaha NKRA Antirasuah untuk menyemai nilai-nilai akhlak yang mulia dalam kalangan pelajar sekolah, Kementerian Pendidikan telah bersetuju untuk memasukkan pendidikan pencegahan rasuah ke dalam kurikulum sekolah rendah dan menengah. Buku teks untuk kursus ini sedang disediakan dan akan siap untuk sesi persekolahan tahun 2016.

Memasukkan Peruntukan Liabiliti Korporat dalam Akta SPRM 2009

Kemasukan peruntukan liabiliti korporat dalam Akta SPRM bertujuan menggalakkan syarikat agar menasihati pekerja mereka untuk tidak melakukan amalan rasuah secara langsung atau tidak langsung. Pada masa ini, Akta ini hanya memberikan kuasa kepada pegawai penguatkuasa untuk mendakwa individu yang terlibat dalam rasuah, manakala organisasi yang boleh memanfaatkan amalan rasuah ini kebal daripada tindakan undang-undang.

Pindaan undang-undang ini yang merupakan satu cadangan Konvensyen Menentang Rasuah Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Convention Against Corruption - UNCAC*) dan Organisasi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (*Organisation for Economic Cooperation and Development - OECD*), akan menjelaskan liabiliti syarikat

dan organisasi terhadap pekerja mereka dalam isu rasuah. Perubahan ini dijangka menggalakkan organisasi supaya mempertingkatkan kawalan dalaman masing-masing dan melaksanakan dasar yang lebih tegas terhadap perlakuan yang tidak beretika.

Mengemaskini portal MyProcurement untuk disepadukan dengan portal perolehan Kerajaan yang lain

Portal dalam talian MyProcurement yang dimulakan dalam GTP 1.0 dibina bertujuan menjadi laman pendaratan utama yang tunggal bagi semua perolehan Kerajaan, tetapi ini tidak dapat dicapai dengan adanya portal perolehan lain yang sedia ada seperti ePerolehan dan NeTI. Usaha sedang dilakukan untuk menyepadukan portal MyProcurement dengan portal perolehan Kerajaan sedia ada untuk menyelesaikan masalah ini.

Membentuk garis panduan bagi orang tengah dan pelobi

Kerajaan kini sedang menggubal garis panduan bagi orang tengah dan pelobi ketika mereka berurusan dengan Kerajaan. Garis panduan ini akan menyediakan nasihat praktikal seperti hadiah dan perlakuan yang boleh diterima, dan lain-lain. Garis panduan ini dijangka siap pada tahun 2014.

Membanteras rasuah dalam buku teks di sekolah rendah dan menengah

NKRA Antirasuah sedar bahawa usaha membanteras rasuah akan menjadi lebih sukar selepas GTP diperkenalkan beberapa tahun yang lalu memandangkan hasil daripada usaha yang mudah atau dengan kata-kata lain, "buah yang dipetik dari dahan yang rendah" telah pun dituai pada tahun-tahun terawal. Walau bagaimanapun, usaha membanteras rasuah hendaklah diteruskan supaya gejala ini dapat dibersihkan sepenuhnya secara sistematis daripada budaya dan institusi kita.

Kerajaan akan terus mempertingkatkan usaha sama dengan lebih banyak pihak berkepentingan untuk memperkuuh keupayaan institusi sektor awam dan swasta dalam mengawal gejala rasuah. Lebih penting lagi, merealisasikan agenda nasional ini bukan sahaja memerlukan sokongan yang padu daripada ahli politik, tanpa mengira sebarang perkaitan politik yang ada, malah juga oleh segenap lapisan masyarakat di negara.



Pandangan daripada DMO:

MEMBANTERAS RASUAH

**KHAIRUL NURRAHIM
ASHADI ABDULLAH**
Pemangku Penolong Pesuruhjaya,
Unit Strategik Modal Insan di
Suruhanjaya Pencegahan
Rasuh Malaysia (SPRM)

Apabila usaha membanteras rasuh dilaksanakan, undang-undang dan proses juga perlu dipelbagaikan. Ianya adalah satu keperluan dan merupakan asas untuk memerangi isu sistemik ini yang tersebar luas pada peringkat global. Sehingga tahun 2010, beberapa inisiatif seperti penubuhan Mahkamah Sesyen Khas Rasuh, Pangkalan Data Pesalah Rasuh dan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 telah diwujudkan untuk berdepan dengan cabaran ini. Dari tahun ke tahun, Bidang Keberhasilan Utama Negara Membanteras Rasuh (NKRA Antirasuh) meneruskan momentum dalam memerangi rasuh menerusi inisiatif baharu. Contohnya, kajian dan cadangan memasukkan Peruntukan Liabiliti Korporat dalam Akta SPRM sedia ada akan menjana kesedaran yang lebih tinggi terhadap tadbir urus korporat yang baik di Malaysia. Bagi memastikan Peruntukan Liabiliti Korporat yang berkesan, kerjasama dan komitmen penuh antara agensi berkaitan dengan pihak yang berkepentingan sangat diperlukan.

NKRA Antirasuh telah mendapat bahawa kerumitan dalam menyelaras proses pelaksanaan antara pelbagai agensi merupakan cabaran utama pada tahun 2013. "Usaha untuk mentransformasikan proses dan prosedur sedia ada adalah kompleks, tetapi tidak mustahil. Kita memerlukan semua agensi untuk bekerjasama secara rapat bagi melaksanakan inisiatif dan mencapai matlamat GTP," jelas Khairul Nurrahim Ashadi Abdullah, pemangku Penolong Pesuruhjaya, Unit Strategik Modal Insan di Suruhanjaya Pencegahan Rasuh Malaysia (SPRM),

yang juga merupakan mantan Penolong Ketua Sektor Penguatkuasaan dan Pengawalseliaan, NKRA Antirasuh (Pejabat Pengurusan Pelaksanaan, DMO).

Meskipun terpaksa menempuh pelbagai cabaran, terdapat perkembangan yang positif dalam NKRA Antirasuh bagi tahun 2013. Inisiatif NKRA telah membantu mempertingkatkan keberkesanan operasi kerajaan, seperti langkah untuk mempercepat akses orang ramai kepada Laporan Prestasi Ketua Audit Negara. Secara tidak langsung, inisiatif ini telah mempercepat peluang penyiasatan terhadap rasuh, salah laku dan penipuan. Ketelusan dalam perolehan Kerajaan juga telah meningkat dengan pemaparan kontrak rundingan terus di portal MyProcurement. "Pencapaian ini telah menceerminkan ketelusan yang lebih baik dalam tadbir urus yang diharapkan akan membina keyakinan orang ramai terhadap institusi kerajaan," kata Khairul.

Di samping itu, hasil Indeks Persepsi Rasuh (CPI) 2013 yang dikendalikan oleh Transparency International (TI) telah menempatkan Malaysia pada kedudukan yang ke-53 daripada 177 buah negara, bertambah baik satu anak tangga berbanding dengan tahun sebelumnya. Malaysia mencatat skor 50 mata pada skala 0 hingga 100, berbanding dengan skor 49 mata pada tahun 2012.

"Malaysia juga telah menerima pengiktirafan antarabangsa menerusi piagam Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu Menentang Rasuh (United Nations Convention Against Corruption, UNCAC) bagi inisiatif antirasuh," kata beliau. Pengiktirafan tersebut, bersama-sama dengan

peningkatan dalam CPI, merupakan petunjuk bahawa inisiatif kita berada pada landasan yang betul. Walau bagaimanapun, usaha yang lebih gigih perlu dilakukan bagi memastikan setiap orang bersatu dalam memerangi rasuh.

Khairul juga menekankan bahawa mempertingkatkan kesedaran orang ramai merupakan elemen yang penting kepada NKRA Antirasuh dan akan melengkapkan inisiatif tahap tinggi yang disasarkan kepada usaha membanteras rasuh. Program jangkauan komuniti, penyiasatan organisasi dan juga program pengurusan antirasuh pada peringkat akar umbi merupakan aktiviti yang akan mananam budaya yang sewajarnya dalam komuniti dan generasi muda untuk membanteras rasuh. Modul antirasuh akan dimasukkan dalam buku teks sekolah mulai tahun 2016, dengan harapan usaha ini akhirnya akan menyuntik nilai-nilai antirasuh dalam generasi kanak-kanak.

Meskipun sebelum ini inisiatif antirasuh telah pun wujud, namun pelaksanaan inisiatif tersebut tidak menyeluruh. Tahap pencapaian inisiatif juga bergantung pada individu

dalam sektor awam dan swasta. "Penting bagi agensi awam dan swasta untuk menetapkan rangka kerja tadbir urus yang baik dalam organisasi masing-masing, untuk mempertingkatkan usaha kolaboratif dalam perperangan membanteras rasuh," kata Khairul.

Rasuh bukan hanya suatu masalah kepada negara maju atau negara yang sedang pesat membangun. Ia merupakan cabaran kepada setiap seorang daripada kita sebagai individu. Kerjasama dan penyertaan yang menggalakkan dalam kalangan rakyat, sektor awam dan swasta, memberikan mesej bahawa integriti, akauntabiliti, tadbir urus dan ketelusan merupakan suatu keperluan yang wajib untuk membina negara yang bebas daripada rasuh.



Tinjauan Keseluruhan

Di bawah Program Transformasi Negara (NTP), Menteri Kabinet yang terlibat telah diberikan Penunjuk Prestasi Utama (KPIs) untuk memastikan matlamat GTP, ETP dan Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) dicapai. Semua Menteri Kabinet diberikan KPI Kementerian yang spesifik di bawah skop Kementerian masing-masing, yang merangkumi Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA). KPI Kementerian dibangunkan berdasarkan kepada visi dan misi Kementerian.

Semua KPI ini dimasukkan ke dalam Kad Skor Menteri. Pada akhir tahun 2013, GTP mempunyai tujuh (7) Menteri yang mengetuai dan empat (4) Menteri menyokong pelaksanaan program ini manakala terdapat 13 Menteri mengetuai dan lima (5) Menteri menyokong pelaksanaan ETP. Di samping itu, KPI SRI telah diberikan kepada 15 orang Menteri.

Kad Skor Menteri telah berubah dari tahun ke tahun

	NKRA	MKRA	NKEA	SRI
2009 & 2010	<ul style="list-style-type: none"> Bidang yang dikenalpasti sebagai keutamaan untuk negara – Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) <p>Diketuai oleh: 6 Menteri</p>	<ul style="list-style-type: none"> Bidang yang dikenalpasti sebagai tanggungjawab Kementerian – Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA) <p>23 Menteri</p>		
2011	<p>Diketuai oleh: 7 Menteri</p> <p>Disokong oleh: 3 Menteri</p>	<p>30 Menteri</p> <p>Semua Menteri mempunyai MKRA di samping mengetuai/menyokong NKRA atau NKEA</p> <p>Diketuai oleh: 13 Menteri</p> <p>Disokong oleh: 5 Menteri</p>		<ul style="list-style-type: none"> Bidang yang dikenalpasti sebagai keutamaan untuk ekonomi negara – Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (NKEA) <p>Dilaksanakan oleh 15 Menteri</p>
2012 & 2013	<p>Diketuai oleh: 7 Menteri</p> <p>Disokong oleh: 4 Menteri</p>	<p>30 Menteri</p> <p>Semua Menteri mempunyai MKRA di samping mengetuai/menyokong NKRA atau NKEA</p> <p>Diketuai oleh: 13 Menteri</p> <p>Disokong oleh: 5 Menteri</p>	<p>Dilaksanakan oleh 15 Menteri</p>	

Nota: KPI NKEA, NKRA & SRI yang tiada dalam Kad Skor Menteri akan dipantau oleh Jawatankuasa Pemandu



Rangka Kerja dan Proses Kerja Penetapan KPI

Pendekatan yang berstruktur telah digunakan untuk membangun dan menguruskan KPI Menteri



Rangka kerja yang digunakan untuk menetapkan dan menguruskan KPI untuk Kementerian terdiri daripada:


1. Menentukan KPI Menteri
2. Melaksanakan aktiviti mengikut pelan pelaksanaan
3. Pemantauan prestasi KPI
4. Penilaian prestasi PM-Menteri
5. Ganjaran, akibat dan tindakan

Dengan menggunakan rangka kerja ini, KPI ditetapkan mengikut Pelan Transformasi Negara (Pelan Hala Tuju ETP & GTP) dan juga visi serta misi Kementerian masing-masing dengan tujuan untuk mengukur hasil penyampaian untuk setiap inisiatif.


Menteri mengetuai proses untuk penetapan KPI bagi mengenal pasti dan melaksanakan Bidang Keberhasilan Utama (KRA) dan KPI, menetapkan sasaran garis masa dan trajektori serta menyediakan pelan pelaksanaan. KPI ini akan dibincang pada sesi "klinik" yang dikendalikan oleh PEMANDU. Seterusnya, KPI yang telah dipersejutui akan dimasukkan ke dalam Kad Skor Menteri yang akan dimuktamadkan dan diluluskan oleh Perdana Menteri. Proses kerja ini merangkumi langkah untuk memperinci perancangan, pelaksanaan dan penilaian yang mana apabila disatukan di bawah setiap Kementerian, akan menyumbang kepada proses transformasi negara.

Penetapan Kad Skor Menteri

Proses kerja bermula dengan komunikasi tiga (3) hala:



Garis masa pembangunan dan pengurusan KPI Menteri seperti di bawah:



Pencapaian prestasi semua KPI di bawah Kad Skor Menteri dilaporkan setiap bulan sebagai tambahan kepada laporan mingguan di bawah program NKRA dan NKEA, yang memastikan halangan boleh dikenalpasti dan diselesaikan pada kadar yang segera.


Perdana Menteri akan berjumpa dengan setiap Menteri sebanyak dua kali setahun iaitu semasa sesi penilaian pertengahan tahun dan sesi penilaian akhir tahun untuk

menilai prestasi Menteri. Sesi ini membolehkan Menteri membincang dan melaporkan isu dan halangan yang memerlukan perhatian dan tindakan Perdana Menteri. Di samping itu, Perdana Menteri boleh memberikan arahan tambahan kepada Menteri untuk mengambil tindakan lanjut. Selepas sesi penilaian akhir tahun, Perdana Menteri akan mengeluarkan penilaian dan maklum balas kepada setiap orang Menteri.

Pencapaian Keseluruhan Menteri

Dari tahun 2011 hingga 2013, terdapat peningkatan terhadap pencapaian keseluruhan Menteri. Pada tahun 2013, 87.4% daripada 606 KPI telah mencapai sasaran berbanding dengan tahun 2012 di mana 86.5% daripada 703 KPI dan 83.6% daripada 660 KPI pada tahun 2011.

Pencapaian Keseluruhan Menteri



Kejayaan



Menjadi destinasi pelancongan bertaraf dunia

Sektor pelancongan merupakan salah satu sektor ekonomi yang berkembang dengan pesat dan merupakan penyumbang kedua terbesar bagi pertukaran wang asing kepada ekonomi Malaysia. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MOTAC) merupakan peneraju kepada transformasi industri ini, selaras dengan perkembangan industri perkhidmatan. Penggabungan sektor pelancongan dan kebudayaan dalam satu Kementerian ini sememangnya tepat dalam usaha untuk menjadikan Malaysia lebih masyhur di mata dunia.


Kementerian telah melaksanakan tiga inisiatif pada tahun 2013 sebagai sebahagian daripada sasaran di bawah Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA) iaitu:

- Peningkatan bilangan pelancong ke Malaysia dan perbelanjaan wang dalam negeri melalui pertukaran mata wang asing;
- Peningkatan pendapatan pengusaha program homestay; dan
- Peningkatan hasil daripada penjualan barang kraftangan.

Peningkatan bilangan pelancong ke Malaysia dan perbelanjaan wang dalam negeri melalui pertukaran mata wang asing

MKPI	Sasaran 2013	Pencapaian 2013	Sasaran 2014
Ketibaan Pelancong (juta)	26.8	25.7	28
Nilai pendapatan pertukaran mata wang asing (RM juta)	65	65.4	76

Ketibaan Pelancong



Pelancongan telah dipilih sebagai salah satu sektor di bawah Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (NKEA), Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan menyasarkan untuk menarik 36 juta pelancong yang menjana sebanyak RM168 bilion menjelang tahun 2020.

Industri pelancongan Malaysia merupakan industri penyumbang ke-enam terbesar kepada ekonomi negara bergerak satu mata ke atas berbanding pada tahun 2012. Pada tahun 2013, industri ini menyumbang RM51.5 bilion kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK). Ini merupakan hasil pencapaian cemerlang yang melebihi jangkaan bagi tahun 2013, dengan jumlah pendapatan pelancongan sebanyak RM65.44 bilion, melebihi sasaran awal RM65 bilion. Pertumbuhan 8.1% daripada RM60.56 bilion pada 2012 merupakan peningkatan nilai pendapatan pertukaran mata wang asing sebanyak RM4.89 bilion. Walaupun menghadapi tahun yang mencabar, ketibaan pelancong turut meningkat sebanyak 2.7% kepada 25.7 juta (25,715,460) ketibaan berbanding dengan 25.0 juta (25,032,708) ketibaan pada tahun 2012.

Slogan *Malaysia Truly Asia* telah berjaya menempah nama dan membantu Malaysia mencapai kedudukan strategik di Asia sebagai sebuah negara unik dengan kepelbagaiannya budaya dan etnik. Inisiatif yang berada di bawah ETP ini dijangka memperkuatkkan tarikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan di rantau Asia khususnya dan dunia amnya.

Akreditasi Antarabangsa

- Laporan Pertubuhan Pelancongan Dunia Pertubuhan Bangsa Bersatu (UNWTO) meletakkan Malaysia di kedudukan negara yang kesepuluh antara negara yang paling banyak dilawati di dunia pada 2012 dan di tangga kedua selepas China di peringkat rantau Asia.
- Malaysia juga berada di tangga ketiga belas (13) tertinggi dalam pendapatan pelancongan pada tahun 2012.
- Lonely Planet telah memilih Malaysia sebagai salah satu daripada 10 destinasi utama yang perlu dilawati dalam tahun 2014.

Peningkatan pendapatan pengusaha program homestay

MKPI	Sasaran 2013	Pencapaian 2013	Sasaran 2014
Peningkatan pendapatan bagi pengusaha program homestay (RM juta)	17.3	21.5	19



Malaysia merupakan perintis dalam pembangunan Program *Homestay* yang memberi peluang unik kepada pelancong untuk merasai gaya hidup dan pengalaman, termasuk budaya serta kegiatan ekonomi kawasan luar bandar. Populariti program ini telah meletakkan kedudukan negara di peta dunia sebagai peneraju pasaran program *homestay*.

Sebagai pengiktirafan kepada sumbangan cemerlang dan pencapaian di dalam sektor pelancongan, Program Pengalaman Inap Desa Malaysia telah memenangi Hadiah Pertama Anugerah Ulysses bagi Inovasi dalam Dasar dan Tadbir Urus Awam (UNTWO) pada tahun 2012.

Sehingga kini, terdapat 166 buah *homestay* yang didaftarkan di bawah MOTAC. Program ini telah menjana pendapatan pelancongan sekitar RM21.5 juta bagi ekonomi luar bandar Malaysia pada tahun 2013 dengan penyertaan 350,954 orang pelancong berbanding dengan 325,258 pelancong pada tahun 2012.

Kejayaan Malaysia dalam program ini telah membolehkan Malaysia dilantik sebagai peneraju utama dalam pembangunan standard bagi ASEAN *Homestay*. Standard ini antara lain akan menggariskan kriteria untuk pembangunan semua program *homestay* di rantau ASEAN. Ianya telah disahkan oleh Jawatankuasa Kerja Pelancongan Berkualiti ASEAN pada Januari 2011 di Manado, Indonesia. Dalam pada itu, Laporan Audit dan Badan Pensijilan ASEAN *Homestay* juga telah disahkan dalam mesyuarat ke 39 ASEAN NTOs pada Januari 2014. Dokumen ini menasarkan untuk menghasilkan proses dan garis panduan bagi pengauditan dan penilaian *homestay* untuk tujuan pensijilan.

Peningkatan hasil daripada penjualan barang kraftangan

MKPI	Sasaran 2013	Pencapaian 2013	Sasaran 2014
Jualan kraftangan	RM350 juta	RM409 juta	RM430 juta

Tradisi dan budaya tempatan merupakan antara daya tarikan utama bagi destinasi pelancongan. Dalam hal ini, Malaysia yang kaya dengan kepelbagaiannya budaya menggunakan keunikan ini untuk mempromosikan kraftangan tempatan kepada pelancong.

Setakat ini, sumbangan penjualan kraftangan untuk tahun 2013 telah pun mencapai RM409 juta berbanding RM341.9 juta pada tahun sebelumnya. Di samping itu, inisiatif ini telah mewujudkan peluang pekerjaan dan pembangunan kemahiran selain menyumbang kepada pembangunan sosial terutamanya di kawasan luar bandar.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah melancarkan Kempen "One Tourist, One Souvenir, One Craft" sebagai salah satu usaha untuk mengintegrasikan dan mengoptimalkan penggunaan sumber budaya yang ada untuk menjana pendapatan. Kraftangan Malaysia juga telah mengambil langkah positif untuk membangunkan produk yang inovatif berdasarkan kepada permintaan pasaran untuk meningkatkan aktiviti pemasaran dan promosi kraftangan.

Hala Tuju Tahun 2014

Tahun Melawat Malaysia 2014 (TMM 2014) dengan tema "Celebrating 1Malaysia Truly Asia" telah dilancarkan oleh kerajaan untuk menarik 28 juta pelancong asing dan menjana pendapatan pelancongan sebanyak RM76 bilion pada tahun 2014.

Sejak dengan TMM 2014, Kementerian telah mempertingkatkan usaha promosi segmen pelancongan berimpak tinggi seperti eko-pelancongan, pelancongan perniagaan, acara utama, dan pelancongan budaya dan warisan untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi yang menarik. Malaysia juga dipromosikan sebagai sebuah destinasi pelancongan yang berorientasikan keluarga dan mesra pelancong.

Kerajaan yakin bahawa TMM 2014 akan mencapai kejayaan yang cemerlang berteraskan dasar yang komprehensif serta usahasama sektor awam dan swasta di samping sokongan kuat daripada rakyat Malaysia.



Meningkatkan tahap kecekapan proses percukaian, perolehan dan belanjawan

Pada 2013, Kementerian Kewangan telah melaksanakan empat inisiatif untuk meningkatkan tahap kecekapan proses percukaian, perolehan dan belanjawan iaitu:

- Meningkatkan jumlah hasil cukai
- Pelaksanaan perakaunan akruan bagi mencapai tujuan konsolidasi akaun Kerajaan
- Membangunkan Pusat Transformasi Bandar di pelbagai negeri
- Melaksanakan transformasi Sistem Pengurusan Belanjawan Negara kepada Belanjawan Berasaskan Hasil

Meningkatkan jumlah hasil cukai

Hasil cukai ialah penyumbang utama kepada hasil Kerajaan Persekutuan Malaysia. Hasil cukai terdiri daripada hasil cukai langsung yang dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan hasil cukai tidak langsung oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDRM). Jumlah hasil yang dikutip pada tahun 2013 ialah sebanyak RM155.9 bilion (73% daripada jumlah hasil Kerajaan Persekutuan). Ia terdiri daripada cukai langsung sebanyak RM120.5 bilion dan RM35.4 bilion hasil cukai tidak langsung. Kutipan hasil cukai pada tahun 2013 adalah RM4.3 bilion lebih berbanding hasil kutipan sebanyak RM151.6 bilion pada tahun 2012.

Ekonomi Malaysia telah mencapai pertumbuhan pada kadar 4.7% berbanding unjuran peningkatan antara 4.5% dan 5.0%. Peratusan hasil cukai kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah sebanyak 15.8% pada tahun 2013. Antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan hasil cukai termasuk:

- Pertumbuhan KDNK pada 4.7%.
- Harga minyak mentah pada AS\$115.00 setiap tong.
- Pelaksanaan inisiatif cukai di bawah SRI Pembaharuan Kewangan Awam
- Siasatan yang lebih kerap dan ketat oleh agensi percukaian
- Kadar pematuhan yang lebih tinggi daripada pembayar cukai



Pelaksanaan perakaunan akruan bagi mencapai tujuan penggabungan akaun Kerajaan

Kerajaan menggunakan Perakaunan Tunai Ubahsuai pada masa ini yang mana tunai yang dibelanja atau diterima dalam jangka masa yang ditentukan sebagai tahun perakaunan akan direkod untuk penyediaan laporan tanpa memasukkan rekod perakaunan aset modal dan liabiliti. Selaras dengan matlamat Model Baru Ekonomi dan GTP, Kerajaan akan melaksanakan Perakaunan Akruan bagi menunjukkan kedudukan kewangan Kerajaan yang lebih menyeluruh, mengukuhkan pengurusan fiskal dan menambahbaik kecekapan pengurusan kewangan dan perakaunan.

Peralihan daripada Perakaunan Tunai Ubahsuai kepada Perakaunan Akruan dijangka akan diselesaikan pada tahun 2015. Beberapa inisiatif yang berbeza sedang dilaksanakan bagi tujuan peralihan sistem ini. Pada tahun 2013, Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS) telah ditubuhkan di beberapa Kementerian untuk memastikan peralihan yang sempurna dalam menggunakan kaedah perakaunan akruan. JMS akan beroperasi sebagai pejabat perakaunan yang akan melaksanakan fungsi perakaunan akruan yang merangkumi pengurusan perakaunan, konsultansi, perakaunan kewangan, pemantauan, pentadbiran dan kewangan.

Pada masa kini, terdapat sembilan JMS yang sedang beroperasi iaitu — Pejabat Perdana Menteri, Kementerian Pertahanan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Pembangunan 15 JMS di Kementerian/Agensi lain telah diluluskan pelaksanaannya pada September 2013.

JMS telah ditugaskan untuk menjalankan aktiviti pra-pelaksanaan seperti kutipan maklumat mengenai baki awal aset dan liabiliti serta melaksanakan program pergurusan perubahan termasuk latihan perakaunan akruan. Kaedah perakaunan akruan akan digunakan untuk memproses semua pembayaran dan penerimaan Kementerian termasuk perakaunan perbelanjaan, hasil, aset, liabiliti dan penyediaan laporan kewangan Kementerian.

Pelaksanaan perakaunan akruan dijangka akan mewujudkan regim pengurusan fiskal yang lebih cepat dalam konteks akauntabiliti, kemampunan, langkah fiskal yang lebih berkesan, kecekapan dan keberkesanan organisasi, peningkatan ketelusan dan proses pembuatan keputusan yang lebih baik.

Membangunkan Pusat Transformasi Bandar di pelbagai negeri


Pusat Transformasi Bandar (UTC) telah dilancarkan pada 2012 sebagai salah satu inisiatif di bawah Strategi Laut Biru Nasional keenam (NBOS 6) dengan tujuan untuk mewujudkan pusat perkhidmatan setempat bagi rakyat.



Kerjasama strategik antara kerajaan, syarikat swasta dan pertubuhan bukan kerajaan telah dibentuk untuk memastikan rakyat dapat melakukan transaksi dengan kerajaan dan sektor swasta di satu lokasi sahaja.

Sehingga kini, sebanyak enam (6) UTC telah beroperasi. UTC yang pertama telah dilancarkan di Melaka pada bulan Jun 2012 dan diikuti dengan UTC di Kuala Lumpur, Perak, Pahang, Kedah dan Sabah pada tahun 2013. Lebih banyak UTC akan dilancarkan pada 2014 iaitu di Sarawak, Johor, Terengganu dan Perlis. Kerajaan juga telah membangunkan UTC Mini di Sentul, Kuala Lumpur untuk memberikan akses perkhidmatan yang lebih kepada rakyat.

Jumlah Pengunjung UTC Pada 2013



UTC beroperasi tujuh hari seminggu kecuali pada cuti am iaitu dari jam 8.30 pagi hingga 10.00 malam. Sebanyak 6.45 juta pengunjung telah menggunakan perkhidmatan UTC pada tahun 2013.



Pertukaran Sistem Pengurusan Belanjawan Negara kepada Belanjawan Berasaskan Hasil

MOF telah mula melaksanakan inisiatif untuk meningkatkan prestasi sektor awam dengan menggantikan Sistem Belanjawan Diubahsuai (MBS) kepada sistem Belanjawan Berasaskan Hasil (OBB) pada 2016. OBB akan mengambil pendekatan bersepada kepada Pengurusan Berasaskan Hasil yang menyokong pendekatan kerajaan secara menyeluruh bagi melaraskan perancangan nasional dengan program pelaksanaan di peringkat agensi.

Pendekatan ini menggunakan rangka kerja hasil tunggal untuk perancangan, belanjawan, pemantauan, penilaian dan laporan prestasi. Sebagai salah satu pelengkap inisiatif pembaharuan strategik nasional, OBB adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk merasionalisasi inisiatif dasar fiskal melalui pengurusan perbelanjaan yang lebih baik dengan berfokuskan kepada hasil dan nilai.

Satu sistem atas talian yang komprehensif, iaitu MyResults yang berkebolehan melaksanakan perancangan prestasi, penyerahan dan ulasan belanjawan, serta pemantauan dan laporan prestasi telah dibangunkan bagi memastikan perancangan dan laporan maklumat yang lebih tepat mengikut masa yang ditentukan. Dengan pelaksanaan OBB, Kementerian dan agensi persekutuan telah membangunkan satu set hasil yang komprehensif untuk menunjukkan hubungan dan kesan pelaksanaan dasar dan operasi Kementerian dan agensi terhadap keutamaan nasional.

Untuk meningkatkan lagi kualiti maklumat, tiga buah Kementerian iaitu Kementerian Kewangan, Kementerian Kesihatan serta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah dipilih untuk menjalani proses pemantauan prestasi dan laporan pada tahun 2014.

Kejayaan pelaksanaan OBB bergantung kepada beberapa faktor termasuk tindakan proaktif pihak berkepentingan untuk memacu permintaan ke atas maklumat prestasi, pemerkaasan kuasa kepada pegawai untuk melaksanakan

strategi, kemampuan pembangunan kapasiti OBB, pengulasan belanjawan untuk memfokuskan kepada program prestasi dan akauntabiliti serta pemantauan dan penilaian terhadap keberkesanannya.

Bagi membolehkan pelaksanaan OBB terus maju, cabaran pelaksanaan OBB perlu diatasi. Antaranya adalah pemahaman mengenai konsep, peranan pihak pengurusan dalam pelaksanaan strategi, kualiti maklumat dan pembangunan kapasiti.

Hala Tuju Tahun 2014

Selaras dengan matlamat umum program transformasi, Kerajaan menyasarkan untuk memperkuatkannya posisi kewangan untuk mencapai belanjawan seimbang pada 2020 dengan memperhalusi regim percukaianya. Antara inisiatif yang akan diperkenalkan adalah penggantian cukai jualan dan cukai perkhidmatan dengan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dan pengenalan sistem uCustoms pada 2015. uCustoms adalah sistem jendela tunggal yang direka untuk mengawal selia perdagangan dalam dan luar negeri.

Pemilikkan sumber kewangan yang kukuh adalah kunci utama untuk Kerajaan meneruskan agenda pembangunan nasional yang merangkumi peruntukan fasiliti infrastruktur bagi sosial, kesihatan dan pendidikan bagi memastikan kebajikan rakyat. Sehubungan itu, dasar percukaian yang berkesan, telus dan adil perlu diperkenalkan untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan dan berkembang di antara 5.0% hingga 5.5% pada tahun 2014. MOF akan memberi fokus kepada aktiviti GST dan uCustoms yang telah dirancang untuk tahun 2014 bagi memastikan pelaksanaannya pada tahun 2015.

Kerajaan juga akan memberi tumpuan dalam penambahbaikan sistem belanjawan untuk memacu prestasi strategik oleh entiti kerajaan dengan memperkenalkan sistem OBB. OBB sebagai mekanisme berstruktur yang menghubungkan serta menyelaras Bidang Keberhasilan Utama Negara oleh Unit Perancang Ekonomi kepada program dan aktiviti di peringkat Kementerian. Apabila dilaksanakan sepenuhnya, ia akan merasionalisasikan peruntukan dan penggunaan dana awam dengan lebih cekap dan berkesan melalui penyampaian perkhidmatan yang lebih baik.





Memastikan kepentingan Malaysia dilindungi dan dipertahankan di peringkat antarabangsa

Peranan utama Kementerian Luar Negeri (KLN) adalah untuk memastikan kepentingan Malaysia dilindungi dan dipertahankan di peringkat antarabangsa. Ini dilakukan melalui mesyuarat, dialog dan perbincangan dengan negara-negara lain serta melalui kepimpinan cemerlang yang ditunjukkan oleh Malaysia dalam pelbagai pertubuhan antarabangsa.

Pada tahun 2013, KLN telah melaksanakan dua (2) inisiatif untuk menyokong kepimpinan Malaysia dalam forum serantau dan antarabangsa iaitu:

- (i) Menggalakkan Gerakan Kesederhanaan Global "Global Movement of Moderates" (GMM);
- (ii) Melobi pencalonan Malaysia dalam pertubuhan serantau dan antarabangsa.

Menggalakkan Gerakan Kesederhanaan Global "Global Movement of Moderates" (GMM)

Sewaktu berucap di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Sesi ke-65 di New York pada 27 September 2010, Perdana Menteri Malaysia menyuruh negara anggota dan pemimpin agama utama dunia supaya mengacam dan menolak pelampau di negara masing-masing dan bersama-sama menyokong 'Gerakan Kesederhanaan Global' (GMM).

Kepelbagaiannya budaya di Malaysia dan usaha Kerajaan dalam memastikan keseimbangan antara agama dan kaum memberikan kelebihan yang unik serta kredibiliti dalam memperjuangkan kesederhanaan dan keamanan global. Kesederhanaan boleh dijadikan sebagai pendekatan yang praktikal serta pelan tindakan yang boleh digunakan dalam pelbagai situasi yang berbeza.

KLN telah pun memperjuangkan inisiatif untuk menggalakkan GMM dan kesederhanaan di peringkat antarabangsa. Melalui usaha Kementerian, prinsip dan pendekatan kesederhanaan kini telah menerima sokongan yang meluas dari negara-negara lain termasuk Amerika Syarikat, United Kingdom, Perancis, Indonesia, Filipina, China, Korea Selatan, Rusia dan Arab Saudi. Inisiatif ini turut dialu-alukan oleh institusi-institusi akademik dan organisasi-organisasi bukan kerajaan di luar negara.

Bukti jelas terhadap kejayaan Malaysia dalam usaha menggalakkan GMM di peringkat antarabangsa adalah

penerimaan konsep ini oleh ASEAN, NAM, CHOGM, ASEM, D8 dan OIC. Konsep ini juga mendapat sokongan oleh beberapa pemimpin terkemuka termasuk Hillary Clinton, bekas Setiausaha Negara Amerika Syarikat; David Cameron, Perdana Menteri United Kingdom; serta Ban Ki-moon, Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Melalui penggalakkan GMM juga, Malaysia kini semakin dikenali di arena antarabangsa sebagai sebuah negara sederhana yang stabil, selamat dan aman. Ianya telah menyumbang kepada peningkatan industri pelancongan dan pelaburan langsung asing (FDI) yang akhirnya dapat memperkuuhkan ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat.

Melobi pencalonan Malaysia dalam pertubuhan serantau dan antarabangsa

Kejayaan Malaysia dilantik dalam pelbagai pertubuhan serantau dan antarabangsa membolehkan kepentingan, idea, hak dan dasar-dasar negara mengenai isu-isu global dapat diketengahkan dan diambil kira di peringkat antarabangsa.

KLN berperanan dalam membantu dan menyelaraskan pencalonan Malaysia dan usaha-usaha melobi untuk jawatan dan keahlian dalam pertubuhan antarabangsa. Ini termasuk program-program yang dilaksanakan oleh KLN di luar negara untuk mempromosi sumbangan-sumbangan besar Malaysia dalam pelbagai bidang dan isu antarabangsa.

Pada tahun 2013, Malaysia telah berjaya dilantik untuk jawatan dan keahlian di pelbagai pertubuhan antarabangsa seperti berikut:

- Pengurus Platform Dasar Sains Antara Kerajaan untuk Biodiversiti dan Perkhidmatan Ekosistem (IPBES) untuk tempoh 2013 – 2015;
- Ahli Majlis Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) untuk tempoh 2014 – 2017;
- Ahli Majlis Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) - Kategori III untuk tempoh 2013 – 2016;
- Ahli Majlis Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO) - Kategori C untuk tempoh 2014 – 2015

Sumbangan dan peranan aktif Malaysia dalam pelbagai isu dan bidang antarabangsa telah membantu kejayaan Malaysia dilantik ke dalam pertubuhan-pertubuhan antarabangsa ini. Kejayaan ini juga merupakan bukti jelas pengiktirafan komuniti antarabangsa ke atas keberkesanannya dasar dalam dan luar negara serta tadbir urus negara yang baik.

Melangkah ke Hadapan

KLN akan terus memainkan peranan yang penting di luar negara untuk mempromosikan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) ke arah mencapai Wawasan 2020. GMM akan terus diperjuangkan dalam usaha menyokong keselamatan, kestabilan dan keamanan antarabangsa, termasuk dalam usaha Malaysia melobi sebagai ahli tidak tetap Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC) untuk tempoh 2015–2016.

Selain terus memainkan peranan penting dalam menyumbang ke arah penyelesaian konflik-konflik antarabangsa dan isu-isu pembangunan global beberapa inisiatif di bawah GMM akan diterapkan ke dalam usaha-usaha memperluaskan kerjasama Malaysia dengan negara-negara lain.

KLN akan terus mempergiatkan usaha serantau untuk melaksanakan saki-baki inisiatif di bawah Rangka Tindakan Politik dan Keselamatan ASEAN (APSC) (2009–2015) dalam merealisasikan Komuniti ASEAN pada tahun 2015. Diplomasi awam dan program serantau yang mencerminkan Malaysia sebagai sebuah negara yang sederhana, progresif serta aktif di dalam komuniti antarabangsa akan terus dipergiatkan.



TATACARA YANG DIPERSETUJUI OLEH PRICEWATERHOUSE COOPERS (PWC)

Program Transformasi Kerajaan (GTP) dikumpulkan dan diukur berdasarkan penunjuk prestasi utama (KPI) yang ditetapkan pada setiap awal tahun. Pencapaiannya disahkan oleh PricewaterhouseCoopers (PwC) Malaysia, iaitu sebuah firma perkhidmatan profesional bebas, menerusi Tatacara yang Dipersetujui (*Agreed Upon Procedures, AUP*) yang merupakan satu set ujian dan tatacara khusus untuk menilai pencapaian setiap NKRA yang dilaporkan berdasarkan NKPI masing-masing.

AUP diterapkan pada sampel yang diambil daripada setiap KPI dan disemak dengan garis panduan dan formula yang dibangunkan dalam sesi awal makmal PEMANDU. Sepanjang beberapa tahun yang lepas dan sekali lagi pada tahun ini, PwC menekankan beberapa pengecualian terhadap sampel yang dipilih, yang kemudiannya diketengahkan dan dibentangkan dalam Laporan Tahunan ini.

PwC turut mengesahkan bahawa keputusan yang dilaporkan telah ditentusahkan menurut AUP. Firma perkhidmatan profesional itu turut memberikan nasihat dan mengenal pasti cara untuk terus menambah baik proses pelaporan bagi memastikan laporan tersebut mencerminkan standard yang paling tinggi.

Kehadiran AUP dalam pengumpulan data merupakan bukti komitmen Kerajaan terhadap standard ketelusan dan akauntabiliti yang paling tinggi dalam penyampaian program di bawah GTP. Jumlah maklumat yang paling banyak terkumpul melalui proses ini kemudiannya disusun dan diedarkan kepada orang ramai serta pihak penilai melalui pelbagai saluran termasuk Laporan Tahunan ini, Sesi Hari Terbuka secara berkala, media tradisional dan saluran digital.

Pelan keseluruhan pelaksanaan GTP digariskan dengan terperinci dalam Pelan Hala Tuju bagi fasa pembangunan yang pertama dan kedua, yang dikenali sebagai Pelan Hala

Tuju GTP 1.0 dan GTP 2.0, serta boleh dimuat turun oleh orang ramai menerusi laman sesawang PEMANDU. Pelan Hala Tuju ini turut menyediakan matlamat yang khusus dan terperinci untuk setiap NKRA, sekali gus mewujudkan rangka kerja penandaaran keseluruhan bagi program ini.

Pemeriksaan yang amat teliti telah dibuat untuk memastikan keputusan yang diterbitkan dalam laporan tahunan ini adalah tepat dan telus. Melalui kerjasama dengan Kementerian yang berkaitan dan pihak berkepentingan sektor swasta, PEMANDU akan mengambil tindakan preskriptif untuk mempertingkatkan proses pelaporan sepanjang 12 bulan yang akan datang.



PRESTASI DAN BAJET PERBELANJAAN NKRA 2013

Prestasi dan bajet perbelanjaan GTP dibentangkan di sini demi mendukung ketelusan dan akauntabiliti. Program ini yang mempunyai keunikannya tersendiri dalam memberikan penekanan terhadap keberkesanan kos yang dapat dilaksanakan menjadikannya berbeza daripada projek yang lain dan sekali gus membolehkan penjimatan bajet dalam bidang tertentu selagi ia tidak menghalang pencapaian NKPI yang disasarkan.

Mengukur Pencapaian GTP

Kejayaan NKPI dan NKRA diukur menggunakan tiga kaedah pemarkahan yang berlainan. Setiap satu kaedah mempunyai tahap keketatan yang berbeza (peraturan tambahan) yang menghasilkan tiga penanda aras pengujian yang berlainan. Kaedah ini memastikan keputusan yang dicapai benar-benar mantap dan menyeluruh. Tiga kaedah pemarkahan tersebut dijelaskan seperti yang berikut:

Kaedah Pemarkahan	Huraian
Kaedah 1	Pemarkahan ditentukan dengan perbandingan yang mudah berbanding dengan sasaran tahun 2013 yang telah ditetapkan. Pemarkahan komposit NKRA keseluruhan ialah purata bagi semua markah.
Kaedah 2	Pemarkahan dikira dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran 2013 yang telah ditetapkan dengan peraturan tambahan: <ul style="list-style-type: none"> Jika pemarkahan kurang daripada 100%, skor #2 akan diambil sebagai peratusan sebenar Jika pemarkahan sama atau melebihi 100%, skor #2 akan diambil sebagai 100% Pemarkahan komposit NKRA keseluruhan ialah purata semua markah
Kaedah 3	Pemarkahan dikira dengan membahagikan hasil sebenar berbanding dengan sasaran tahun 2013 yang telah ditetapkan dengan peraturan tambahan: <ul style="list-style-type: none"> Jika pemarkahan adalah sama atau kurang daripada 50%, skor #3 akan ditunjukkan sebagai 0 Jika pemarkahan melebihi 50% dan kurang daripada 100%, skor #3 akan ditunjukkan sebagai 0.5 Jika pemarkahan sama atau melebihi 100%, skor #3 akan ditunjukkan sebagai 1

Prestasi Keseluruhan NKRA 2013

NKRA	Sasaran (FY)	Kaedah 1	Kaedah 2	Kaedah 3	Bajet yang Diluluskan (RM)	Bajet Dibelanjakan (RM)	% Dibelanjakan
* Bajet bagi COL adalah mengikut program yang dijalankan berdasarkan Kementerian masing-masing							
COL	100%	94%	92%	86%			
RD	100%	120%	98%	94%	3,202,871,614	2,510,524,827	78%
UPT	100%	116%	98%	88%	436,991,353	356,066,003*	81%
LIH	100%	111%	100%	100%	345,101,000	341,798,025	99%
EDU	100%	99%	89%	65%	617,690,800	540,236,114	87%
CRI	100%	110%	97%	90%	447,657,100	441,540,157	99%
COR	100%	78%	77%	60%	9,533,000	8,528,461	89%
Skor Keseluruhan		104%	93%	83%	5,059,844,867	4,198,693,587	83%

Untuk kemudahan pembaca, sistem kod warna digunakan untuk menunjukkan kadar kejayaan NKPI

● 90% dan ke atas ● 51% hingga 89% ● 50% ke bawah

* UPT: Baki daripada Bajet (OE) 2013 akan digunakan pada 2014 untuk pelaksanaan inisiatif NKRA UPT oleh SPAD.



MENANGANI KOS SARA HIDUP RAKYAT

No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar	Kaedah 1	Kaedah 2	Kaedah 3
1	Bantuan terus kepada rakyat (BR1M)					
	i. RM500 untuk penerima isi rumah yang layak dengan jumlah pendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan	100%	100%	100%	100%	1.0
	ii. RM250 untuk penerima individu bujang yang layak berumur di bawah 21 tahun dengan pendapatan kurang daripada RM2,000 sebulan	100%	100%	100%	100%	1.0
2	Insentif Kembali ke Sekolah - Pemberian bantuan wang tunai RM100 kepada pelajar Tahun 1 hingga Tingkatan 5	100%	100%	100%	100%	1.0
3	Pemberian baucar buku bernilai RM250 kepada pelajar IPTA & IPTS	100%	100%	100%	100%	1.0
4	Pembukaan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M)	40	40	100%	100%	1.0
5	Bilangan kedai baharu yang menyertai program Menu Rakyat 1Malaysia (MR1M)	1,000	1,110	111%	100%	1.0
6	Bilangan Klinik 1Malaysia yang beroperasi	70	70	100%	100%	1.0
7	Kedai Kain 1Malaysia (KK1M) baharu	26	12	46%	46%	0.0
JUMLAH				94%	92%	86%



MEMPERTINGKATKAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar	Kaedah 1	Kaedah 2	Kaedah 3
1	Pembinaan jalan raya (km)					
	Semenanjung Malaysia	213	325.9	153%	100%	1.0
	Sabah	105	203.9	194%	100%	1.0
	Sarawak	123	189	154%	100%	1.0
2	Penyampaian bekalan air (isi rumah)					
	Semenanjung Malaysia	9,200	9,281	101%	100%	1.0
	Sabah	8,000	12,799	160%	100%	1.0
	Sarawak	8,900	8,924	100%	100%	1.0
3	Penyampaian bekalan elektrik (isi rumah)					
	Semenanjung Malaysia	1,336	1,516	113%	100%	1.0
	Sabah	7,735	7,740	100%	100%	1.0
	Sarawak	10,740	10,740	100%	100%	1.0
4	Penyenggaraan jalan (km)					
	Semenanjung Malaysia	410	759	185%	100%	1.0
	Sabah	160	238	149%	100%	1.0
	Sarawak	160	244	153%	100%	1.0

No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar	Kaedah 1	Kaedah 2	Kaedah 3
5	Kampung Abad ke-21					
	Lokasi Desa Lestari:					
	(i) Bilangan kampung yang sedia untuk menjalankan perniagaan	10	10	100%	100%	1.0
	(ii) Menyiapkan reka bentuk dan perolehan (kampung)	19	15	79%	79%	0.5
	Ladang buah-buahan berskala besar					
	Menandatangi perjanjian antara sektor swasta dan Kementerian untuk 2 lokasi	2	2	100%	100%	1.0
	Pertandingan Perniagaan Luar Bandar yang dipacu oleh KKLW/UniKL untuk usahawan belia					
	Menandatangi perjanjian antara pemenang dan Kementerian untuk 11 lokasi	11	11	100%	100%	1.0
6	Program Bantuan Rumah (PBR)					
	Semenanjung Malaysia	2,793	4,860	174%	100%	1.0
	Sabah	1,718	2,489	145%	100%	1.0
	Sarawak	2,701	3,672	136%	100%	1.0

JUMLAH **120%** **98%** **94%**



MEMPERTINGKATKAN PENGANGKUTAN AWAM BANDAR

No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar	Kaedah 1	Kaedah 2	Kaedah 3
1	Bilangan penumpang pengangkutan awam pada waktu puncak pagi	400,000	437,525	109%	100%	1.0
2	Peratusan penduduk dalam lingkungan 400 meter dari laluan pengangkutan awam	75%	71%	95%	95%	0.5
3	Tinjauan kepuasan pelanggan	70%	71%	101%	100%	1.0
4	Faktor muatan KTM Komuter	70% - 80%	72%	100%	100%	1.0
5	Ketepatan masa KTM Komuter pada waktu puncak pagi	85%	94.59%	111%	100%	1.0
6	Faktor muatan bas henti-henti pada waktu puncak pagi	80% - 90%	73%	91%	91%	0.5
7	Penambahan bilangan tempat letak kereta di Rangkaian Rel di Lembah Klang	1,200	2,602	217%	100%	1.0
8	Bilangan Teksi Bajet KL -setanding dengan standard ASEAN	3,000	3,172	106%	100%	1.0

JUMLAH**116% 98% 88%**

MEMPERTINGKATKAN TARAF KEHIDUPAN ISI RUMAH BERPENDAPATAN RENDAH

No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar	Kaedah 1	Kaedah 2	Kaedah 3
1	Bilangan penyertaan peserta baharu dalam program 1AZAM	35,100	38,663	110%	100%	1.0
2	Bilangan peserta 1AZAM baharu yang sedia ada, berjaya meningkatkan pendapatan sebanyak RM300 bagi mana-mana 3 bulan	17,060	18,249	107%	100%	1.0
3	Bilangan peserta 1AZAM dalam Program Celik Kewangan	35,100	39,282	112%	100%	1.0
4	Bilangan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) / Sektor Korporat yang bekerjasama dalam program 1AZAM	25	34	136%	100%	1.0
5	Bilangan Komuniti 1AZAM / Program Berasaskan Kumpulan	40	46	115%	100%	1.0
6	Memastikan semua peserta 1AZAM dikemas kini di dalam sistem eKasih	100%	100%	100%	100%	1.0
7	Bilangan usahawan wanita baharu yang dibangunkan (pendapatan melebihi RM3,500 sebulan untuk 3 bulan berturut-turut)	1,000	1,000	100%	100%	1.0

JUMLAH**111% 100% 100%**



MEMASTIKAN PENDIDIKAN BERKUALITI

No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar	Kaedah 1	Kaedah 2	Kaedah 3
1	Enrolmen prasekolah	88%	81.71%	93%	93%	0.5
2	Peratusan prasekolah awam yang melengkapkan penilaian kendiri Standard Kualiti Prasekolah	100%	99.17%	99%	99%	0.5
3	Peratusan prasekolah awam yang memenuhi Standard Prasekolah Malaysia minimum berdasarkan Penilaian Standard Kualiti Prasekolah	100%	N/A	N/A	N/A	N/A
4	Mengekalkan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) yang sedia ada	91	91	100%	100%	1.0
5	SBT baharu	19	24	126%	100%	1.0
6	Peratusan sekolah Band 6 & 7 daripada jumlah sekolah	2%	1.7%	118%	100%	1.0
7	Peratusan sekolah Band 1 & 2 daripada jumlah sekolah	35%	29.0%	83%	83%	0.5
8	LINUS (Kohort 2)					
	Kadar Numerasi	100%	99.3%	99%	99%	0.5
	Kadar Literasi (BM)	100%	99.1%	99%	99%	0.5

No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar	Kaedah 1	Kaedah 2	Kaedah 3
9	LINUS (Kohort 3)					
	Kadar Numerasi	95%	94.5%	99%	99%	0.5
	Kadar Literasi (BM)	95%	93.2%	98%	98%	0.5
10	LINUS (Kohort 4)					
	Kadar Numerasi	90%	90.1%	100%	100%	1.0
	Kadar Literasi (BM)	90%	81.3%	90%	90%	0.5
	Kadar Literasi (Bahasa Inggeris)	100%	63%	63%	63%	0.5
11	Peratusan guru yang menjalani latihan kemahiran bahasa Inggeris telah meningkat sekurang-kurangnya satu band (<i>Cambridge Placement Test</i> atau yang setara dengannya)	100%	73.3%*	73%	73%	0.5
12	Guru besar/ pengetua yang melepas sasaran					
	Sekolah rendah	4%	5.98%	150%	100%	1.0
	Sekolah menengah	4%	6.64%	166%	100%	1.0
13	Peratusan guru yang dinilai menggunakan instrumen bersepada	100%	24.2%	24%	24%	0.0
	JUMLAH			99%	89%	65%

* Keputusan tersebut adalah berdasarkan 4,177 guru-guru yang telah menduduki ujian pra- dan pasca Aptis. Sejumlah 4,626 guru telah mengikuti kursus peningkatan profisiensi.



MENGURANGKAN JENAYAH

No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar	Kaedah 1	Kaedah 2	Kaedah 3
1	Mengurangkan Jenayah Indeks yang dilaporkan secara keseluruhan (Pengurangan daripada garis asas tahun 2012)	5%	4.3%	86%	86%	0.5
2	Mengurangkan Kejadian Pecah Rumah yang dilaporkan (Pengurangan daripada garis asas tahun 2012)	5%	6.5%	130%	100%	1.0
3	Membangunkan Indeks Persepsi Keselamatan yang baharu	100%	Keberhasilan: 47%*	100%	100%	1.0
4	Meningkatkan bilangan kertas siasatan yang dibawa ke muka pengadilan	35%	38.2%	109%	100%	1.0
5	Kepuasan orang ramai terhadap prestasi barisan hadapan polis	70%	85.7%	122%	100%	1.0
JUMLAH				110%	97%	90%

* Peratusan Indeks Persepsi Keselamatan (47%) akan bertindak sebagai garis dasar tahun 2013 bagi tahun 2014. Ini menunjukkan bahawa 47% daripada pelaporan orang ramai berasa selamat tinggal di Malaysia sehingga akhir tahun 2013.



MEMBANTERAS RASUAH

No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar	Kaedah 1	Kaedah 2	Kaedah 3
1	Skor Indeks Persepsi Integriti Nasional (IPIN - (Indeks Rasuah))	6.9	6.8	99%	99%	0.5
2	Transparency International (TI) - Skor Barometer Rasuah Global (GCB)	60%	31%	52%	52%	0.5
3	TI - Skor Indeks Persepsi Rasuah (CPI)	55	50	91%	91%	0.5
4	Meningkatkan kadar sabitan kes rasuah	80%	84.1%	105%	100%	1.0
5	Menyelesaikan pendakwaan kes rasuah dalam tempoh 1 tahun	85%	81.8%	96%	96%	0.5
6	Pindaan Akta Pertubuhan 1966 untuk dibentangkan di Parlimen & Peraturan bagi diwartakan dan dikuatkuasakan untuk terus mengawal selia pembiayaan politik	100%	0	0%	0%	0.0
7	Membentangkan Laporan Ketua Audit Negara dalam setiap Sidang Parlimen	100%	66.7%	67%	67%	0.5
8	Untuk menyiaran kontrak rundingan terus secara online:	100%	100%	100%	100%	1.0
	i. Teknikal ii. Kecemasan iii. Bumiputra					

*Tidak termasuk Strategi dan Keselamatan

GLOSARI

No.	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar	Kaedah 1	Kaedah 2	Kaedah 3
9	Menubuhkan Sekretariat Pencegahan Rasuah di 27 Institut Pendidikan Guru	27	27	<div style="width: 100%;">100%</div>	<div style="width: 100%;">100%</div>	<div style="width: 1.0%;">1.0</div>
10	% Ahli Parlimen yang menghadiri Latihan Integriti untuk Ahli Parlimen	50%	33%	<div style="width: 66%;">66%</div>	<div style="width: 66%;">66%</div>	<div style="width: 0.5%;">0.5</div>
JUMLAH				78%	77%	60%

#

10MP Rancangan Malaysia ke-10
1AZAM Akhiri Zaman Miskin

A

AADK Agensi Anti-Dadah Kebangsaan
ADB Bank Pembangunan Asia
AES Sistem Penguatakuasaan Automatik
AFC Kutipan Tambang Automatik
AGC Jabatan Peguam Negara
AIM Amanah Ikhtiar Malaysia
AKPK Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit
ASEAN Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara
ATP Perlindungan Tren Automatik
AUP Tatacara yang Dipersetujui

B

BB1M Baucar Buku 1Malaysia
BET Bus Expressway Transit
BFR Keberhasilan Besar yang Pantas (Big Fast Results)
BHEUU Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang
BLT Jadual Liga Balai
BPH Bahagian Pengurusan Hartanah
BPI Indeks Pembayar Rasuah
BR1M Bantuan Rakyat 1Malaysia
BRT Bas Aliran Deras

C

CBD Pusat Bandar
CCI Kandungan Komunikasi dan Infrastruktur
CCSC Pusat Perkhidmatan Pulih dan Rawat
CCTV Kamera Litar Tertutup
CEFR Common European Framework of Reference for Languages
CF Sijil Layak Menduduki
CIDB Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
CIP Ikrar Integriti Korporat
CISM Sistem Integriti Korporat Malaysia
COMBI Komunikasi untuk Perubahan Tingkah Laku
CPC Sijil Perakuan Siap Kerja
CPI Indeks Persepsi Rasuah
CPO Ketua Polis Negeri
CPTED Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekutaran
CSI Pelaburan Sosial Korporat
CSO Pertubuhan Perkhidmatan Komuniti
CSR Tanggungjawab Sosial Korporat
CSRM Mesin Sistem Tinjauan Kepuasan Pelanggan
CTSS Sistem Perkhidmatan Teksi Berpusat

D

DBKL Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
DIG Timbalan Ketua Polis Negara
DMO Pejabat Pengurusan Pelaksanaan
DoS Jabatan Statistik
DTF Jawatankuasa Petugas Pelaksanaan

E

ECCE	Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak
EIU	Economist Intelligence Unit
EO	Ordinan Darurat
EPP	Projek Permulaan
EPU	Unit Perancang Ekonomi
ERL	Express Rail Link
ETP	Program Transformasi Ekonomi

F

FDI	Pelaburan Langsung Asing
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
FLET	Latihan Pendidikan Celik Kewangan
FMCG	Barangan Pengguna Laris

G

GCB	Barometer Rasuah Global
GCR	Laporan Daya Saing Global
GDP	Keluaran Dalam Negara Kasar
GIS	Sistem Maklumat Geografi
GMM	Gerakan Kesederhanaan Global
GINI	Pendapatan Negara Kasar
GPI	Indeks Keamanan Global
GPS	Sistem Kedudukan Global
GTP	Program Transformasi Kerajaan

H

HAB	Hentian Akhir Bandar
HDPE	Polietilena Berkertumputan Tinggi
HDR 2011	Laporan Pembangunan Manusia 2011

I

ICT	Teknologi Komunikasi Maklumat
ICPS	Sistem Pembayaran Tanpa Wang Tunai Bersepadu
ICU	Unit Penyelarasan Pelaksanaan
IDEAS	Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi
IGP	Ketua Polis Negara
IIM	Institut Integriti Malaysia
ILU	Unit Perhubungan Antarabangsa
IO	Pegawai Penyiasat
IPIN	Indeks Persepsi Integriti Nasional
IPG	Institut Pendidikan Guru
IPR	Jawatankuasa Penilaian Prestasi Antarabangsa
IRB	Lembaga Hasil Dalam Negeri
ITT	Terminal Transit Bersepadu

J

JAIS	Jabatan Agama Islam Selangor
JAKOA	Jabatan Kebajikan Orang Asli
JHEV	Jabatan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera Malaysia
JKJR	Jabatan Keselamatan Jalan Raya
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JKR	Jabatan Kerja Raya
JNJK	Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (School Inspectorate of Malaysia)
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
JPAM	Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (Malaysian Civil Defence Department)
JPBD	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
JPJ	Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia
JPNIN	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
JPPJ	Jabatan Pencegahan dan Pembanterasan Jenayah
JPM	Jabatan Penjara Malaysia
JPW	Jabatan Pembangunan Wanita
JTK	Jabatan Tenaga Kerja

K

K1M	Klinik 1Malaysia
KAR1SMA	Program Kebajikan Rakyat 1Malaysia
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBS	Kementerian Belia dan Sukan Malaysia
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KEDA	Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah
KEDAP	Kelas Dewasa Untuk Orang Asli dan Penan
KEJORA	Lembaga Kemajuan Johor Tenggara
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KETENGAH	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah
KeTTHA	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Malaysia
KK1M	Kedai Kain Rakyat 1Malaysia
KKLW	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
KPDNKK	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan
KPI	Penunjuk Prestasi Utama
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

L

LIH	Isi Rumah Berpendapatan Rendah
LINUS	Saringan Literasi dan Numerasi
LPG	Gas Petroleum Cecair
LPPKN	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
LRT	Transit Aliran Ringan (LRT)

M

MACA	Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia
MAMPU	Unit Pemodenan Pentadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
MARDI	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian
MARRIS	Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia
MCAD	Peranti Akses Berkomputer Mudah Alih
MCDF	Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia
MBPJ	Majlis Bandaraya Petaling Jaya
MBSA	Majlis Bandaraya Shah Alam
MDHS	Majlis Daerah Hulu Selangor
MDKL	Majlis Daerah Kuala Langat
MDKS	Majlis Daerah Kuala Selangor
MEB	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
MITI	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

MKPI	Penunjuk Prestasi Utama Kementerian
MKRA	Bidang Keberhasilan Utama Kementerian
MoA	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
MoE	Kementerian Pendidikan
MoF	Kementerian Kewangan
MoH	Kementerian Kesihatan
MOHA	Kementerian Dalam Negeri
MOSTI	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
MOT	Kementerian Pengangkutan
MP	Ahli Parlimen
MPIC	Kementerian Perusahaan Perlادangan dan Komoditi
MRCB	Malaysian Resources Corporation Berhad
MRR2	Lebuh Raya Lingkaran Tengah 2
MRT	Transit Aliran Massa

N

NBOS	Strategi Lautan Biru Kebangsaan
NBTS	Sistem Tiket Bas Baharu
NEM	Model Ekonomi Baru
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan

NKEA	Bidang Ekonomi Utama Negara
NKPI	Penunjuk Prestasi Utama Negara (National Key Performance Indicator)
NKRA	Bidang Keberhasilan Utama Negara
NKRA Anti-COR	NKRA Membanteras Rasuah
NKRA COL	NKRA Menangani Kos Sara Hidup
NKRA CRI	NKRA Mengurangkan Jenayah
NKRA EDU	NKRA Memastikan Pendidikan Berkualiti
NKRA LIH	NKRA Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah
NKRA RD	NKRA Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar
NKRA UPT	NKRA Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar
NPCS	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (National Pre-school Curriculum Standard)
NPE	New Pantai Expressway
NUTP	Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan

O

OBB	Belanjawan Berasaskan Hasil
OCPDs	Ketua Polis Daerah (Officer-in-Charge of Police District)

P

PAC	Jawatankuasa Tindakan Awam
PACOS	Pertubuhan Rakan Komuniti Sabah
PADU	Unit Prestasi dan Penyampaian Pendidikan
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PoCA	Akta Pencegahan Jenayah 1959
PDRM	Polis Diraja Malaysia (Royal Malaysian Police Force)
PEMANDU	Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Performance Management and Delivery Unit)
PERHEBAT	Perbadanan Hal Ehwal Angkatan Tentera
PGA	Pasukan Gerak Am
PIAM	Persatuan Insurans Am Malaysia (General Insurance Association of Malaysia)

PIS	Sistem Maklumat Penumpang
PISA	Program Penilaian Pelajar Antarabangsa (Programme for International Student Assessment)
PMhS	Sistem Hab Pemantauan Prestasi
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPP	Unit Kerjasama Awam Swasta
PR1MA	Projek Rumah 1Malaysia
PUSPEN	Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik
PVR	Polis Simpanan Sukarelawan
PwC	PricewaterhouseCoopers Malaysia

R

RBB	Belanjawan Berdasarkan Keputusan
RBI	Infrastruktur Asas Luar Bandar
RBM	Pengurusan Berdasarkan Keputusan
RELA	Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (People's Volunteer Corps)
RISDA	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah
RoS	Pendaftar Pertubuhan Malaysia
RTC	Pusat Transformasi Luar Bandar (Rural Transformation Centre)
RTD	Jabatan Pengangkutan Jalan
RTM	Radio Televisyen Malaysia
RUTF	Makanan Terapeutik Sedia Digunakan

S

SAIDI	Indeks Tempoh Gangguan Purata Sistem (System Average Interruption Duration Index)
SAPS	Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah
SBT	Sekolah Berprestasi Tinggi
SCMS	Sistem Pemantauan Bandar Selamat (Safe City Monitoring System)
SCP	Program Bandar Selamat (Safe City Programme)
SEB	Lembaga Elektrik Sabah
SEN	Keperluan Pendidikan Khas
SESCO	Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak
SIP	Program Pembangunan Prestasi Sekolah (School Improvement Programme)
SIT	Alat Penambahbaikan Sekolah (School Improvement Toolkit)

SKPK	Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan
SME	Perusahaan Kecil dan Sederhana
SMPK	Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan
SPAD	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (Land Public Transport Commission)
SPIKES	Sistem Pengurusan Integrasi Kawalan Efektif Substen
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPNB	Syarikat Perumahan Negara Berhad
SPRINT	Sistem Penyuraian Trafik KL Barat Sdn Bhd
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
SPU	Jabatan Perancang Negeri Sarawak (Sarawak State Planning Unit)
SRS	Skim Rondaan Sukarela

T

TI	Transparency International
TI-M	Transparency International Malaysia
TIMSS	Trends in International Mathematics and Science Study
TLDM	Tentera Laut DiRaja Malaysia
TNB	Tenaga Nasional Berhad
TUKAR	Transformasi Untuk Kedai Runcit

U

UAC	Kempen Bersama Membanteras Jenayah
UI	Instrumen Bersepadu
UKAS	Unit Kerjasama Awam-Swasta
UNDP	Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
UNWTO	Pertubuhan Pelancongan Dunia
UPEN	Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah
UPT	Pengangkutan Awam Bandar
URB	Unit Rondaan Bermotosikal
UTC	Pusat Transformasi Bandar

V

VTREC	Majlis Pengurangan Pencurian Kenderaan Malaysia (Vehicle Theft Reduction Council of Malaysia)
--------------	---

W

WCP	Kepolisian Bertaraf Dunia
WEF	Forum Ekonomi Dunia
WJP	Projek Keadilan Dunia (World Justice Project)

PENGHARGAAN

Program Transformasi Kerajaan (GTP) merupakan sebuah pelan perubahan menyeluruh yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan yang terdiri daripada sektor awam dan swasta. Kerajaan Malaysia berbesar hati merakamkan terima kasih dan penghargaan yang setulusnya kepada kakitangan kerajaan, syarikat dan organisasi bukan kerajaan yang mengambil

bahagian dan menyumbangkan masa, tenaga dan nasihat kepada pelan dan pelaksanaan GTP. Meskipun secara realistiknya mustahil bagi Kerajaan untuk menyebut satu persatu agensi dan individu yang telah memberikan sumbangan yang bermakna kepada pelaksanaan GTP, Kerajaan berhasrat untuk menzahirkan penghargaan secara khusus kepada organisasi yang berikut:



MENANGANI KOS SARA HIDUP RAKYAT

Kementerian Perdagangan dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)
Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
Kementerian Kewangan (MoF)

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
Jabatan Pengajian Tinggi
Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) Berhad



MEMPERTINGKATKAN PENGANGKUTAN AWAM BANDAR

Majlis Pebandaran Ampang Jaya
Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri
Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri
Express Rail Link Sdn Bhd
Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ)
Majlis Perbandaran Klang (MPK)
Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)
Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT)
Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB)
Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp)
Kementerian Kewangan (MoF)

Kementerian Pengangkutan (MoT)
Kementerian Kerja Raya (KKR)
Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)
Perbadanan Aset Keretapi (RAC)
Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ)
Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR)
Majlis Perbandaran Shah Alam (MBSA)
Majlis Perbandaran Selayang (MPS)
Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang)
Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)
Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor
Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB)
Touch 'n Go Sdn Bhd (TNGSB)
Urusbudi TRANSPLAN Sdn Bhd



MEMPERTINGKATKAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Jabatan Pertanian (DoA)
Jabatan Perangkaan (DoS)
Unit Perancang Ekonomi, Sabah
Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA)
Unit Pelaksanaan dan Penyelarasian (ICU)
Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)
Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)
Kerajaan Negeri Melaka
Kementerian Kewangan
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW)
Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Sabah
Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Sarawak
Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MOTAC)
Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak
Kerajaan Negeri Perak
Perbadanan Labuan
Jabatan Kerja Raya (JKR), Malaysia
Jabatan Kerja Raya (JKR), Sabah
Jabatan Kerja Raya (JKR), Sarawak
Pihak Berkuaasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDA)
Sabah Electricity Sdn. Bhd.
Kerajaan Negeri Sabah
Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE)
Sarawak Energy Berhad
Kerajaan Negeri Sarawak
Sibu Water Board
Jabatan Air Negeri Sabah
Tenaga Nasional Berhad (TNB)



MEMPERTINGKATKAN TARAF KEHIDUPAN ISI RUMAH BERPENDAPATAN RENDAH

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)
Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri
Kementerian Kesihatan
Kementerian Sumber Manusia
EPIC Homes
Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW)
Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani
Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB)
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW)
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)

Pejabat Pembangunan Negeri Sabah
Pejabat Pembangunan Negeri Sarawak
Unit Perancang Negeri Sarawak
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak
Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Sabah
Kementerian Pertanian & Industri Makanan, Sabah
Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)
Kerajaan Negeri Sarawak
Kerajaan Negeri Sabah
Unit Penyelarasian Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri



MEMASTIKAN PENDIDIKAN BERKUALITI

Cambridge ESOL, University of Cambridge, UK
 Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
 Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional (JPNIN)
 Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM)
 Pejabat Pendidikan Daerah
 Majlis Penjagaan & Pendidikan Awal Kanak-Kanak (ECCE)
 Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU),
 Jabatan Perdana Menteri
 Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Kementerian Pendidikan
 Kementerian Kesihatan
 Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA)
 Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI)
 SeDidik Sdn. Bhd., subsidiari Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC)
 Sekolah Menengah Seri Kembangan
 Jabatan Pendidikan Negeri
 Yayasan Sabah



MEMBANTERAS RASUAH

Dewan Perniagaan Amerika-Malaysia (AMCHAM)
 Jabatan Peguam Negara Malaysia
 Jabatan Audit Negara
 Bursa Malaysia Berhad
 Bank Negara Malaysia (BNM)
 Pejabat Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan Malaysia
 Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
 Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri
 Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)
 Kedutaan Amerika Syarikat
 Pesuruhjaya Tinggi India
 Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS)
 Jabatan Imigresen Malaysia
 Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU),
 Jabatan Perdana Menteri
 Institut Integriti Malaysia (IIM)
 Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU)
 Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
 Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
 Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)
 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
 Majlis Peguam Malaysia
 Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)
 Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia
 Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)
 Media Prima
 Kementerian Kewangan
 Kementerian Luar Negeri (KLN)
 Kementerian Dalam Negeri (KDN)
 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
 Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM)
 Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)
 Kementerian Kerja Raya
 Jabatan Audit Negara
 Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
 Majlis Keselamatan Negara (MKN)
 Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)
 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA)
 Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA)
 Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)
 Radio Televisyen Malaysia (RTM)
 Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS)
 Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
 Jabatan Kastam Diraja Malaysia
 Polis Diraja Malaysia (PDRM)
 Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SSM)
 Pusat Penyelidikan Sosio-Ekonomi (SERC)
 Transparency International, Malaysia (TI-M)
 Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP)
 Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia-Jerman (MGCC)



MENGURANGKAN JENAYAH

Jabatan Peguam Negara Malaysia
 Pejabat Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan Malaysia
 Jabatan Penerangan Malaysia
 Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
 Jabatan Imigresen Malaysia
 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)
 Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU)
 Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM)
 Kementerian Kewangan
 Kementerian Kesihatan

Kementerian Dalam Negeri (KDN)
 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
 Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM)
 Kementerian Belia dan Sukan (KBS)
 Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)
 Pasukan Sukarelawan Malaysia (RELA)
 Jabatan Penjara Malaysia
 Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA)
 Jabatan Kastam Diraja Malaysia
 Polis Diraja Malaysia (PDRM)
 Kerajaan Negeri Sarawak

HAK CIPTA © UNIT PENGURUSAN PRESTASI DAN PELAKSANAAN (PEMANDU), JABATAN PERDANA MENTERI

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar ke sebarang bentuk atau alat sekalipun, sama ada secara elektronik, gambar serta rakaman, salinan foto atau sebagainya, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu pemilik hak cipta.

PENAFIAN Setiap langkah yang perlu telah diambil semasa penyediaan dokumen ini. Namun, PEMANDU tidak boleh dipertanggungjawabkan atas sebarang kesilapan. Semua maklumat dan spesifikasi bersifat semasa ketika penyediaan dan tertakluk kepada perubahan bila mana perlu.

UNIT PENGURUSAN PRESTASI DAN PELAKSANAAN (PEMANDU)

Jabatan Perdana Menteri, Aras 3, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya, Malaysia. Tel : +603 8872 7240 Fax : +603 8889 4428

www.pemandu.gov.my

